



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2012	
<u>Jawatankuasa-</u>	
<u>Jadual-</u>	
Maksud B.1 - B.9, dan B.40	(Halaman 19)
Maksud B.10, B.11 dan B.12	(Halaman 107)
USUL-USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2012	
<u>Jawatankuasa-</u>	
Maksud P.6 dan P.7	(Halaman 19)
Maksud P.10 dan P.70	(Halaman 107)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)
Meminda Jadual Di Bawah P.M. 66(9) - Memotong Satu Bulan Gaji Perdana Menteri	(Halaman 19)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johny Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ G. Palanivel – *Senator*
20. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
21. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
27. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
28. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato’ Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tengah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D’Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO

22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

55. Yang Berhormat Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)

9. Yang Berhormat Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)

24. Yang Berhormat Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)

6. Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. Tiada (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 2 November 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan mekanisme baru bagi menyokong atau menggantikan Ops Sikap yang dilihat gagal membendung peningkatan jumlah kematian akibat kemalangan terutamanya pada musim perayaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Silam yang telah mengemukakan pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan dua lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Pendang pada hari ini dan juga Yang Berhormat Pasir Puteh pada 14 November 2011 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Ops Sikap Ke-24 telah dilaksanakan oleh PDRM pada 23 Ogos sehingga 6 September 2011 sempena cuti perayaan Aidilfitri yang lalu. Matlamat utama Ops Sikap ini adalah bagi memastikan terutamanya kelancaran aliran trafik dan keduanya mengurangkan kadar kemalangan maut pada tahap yang minimum pada musim perayaan dan ketika penguatkuasaan undang-undang jalan raya secara terancang. Daripada segi objektif pelaksanaan Ops Sikap ini ia tidak boleh dinafikan matlamat untuk memastikan kelancaran aliran trafik dan penguatkuasaan undang-undang di jalan raya secara terancang telah berjaya dilaksanakan dengan lancar.

Sehubungan dengan mengurangkan kadar kemalangan maut pula, statistik Ops Sikap ke-24 menunjukkan peningkatan sebanyak 16.5 peratus iaitu 289 kematian berbanding 248 kematian semasa Ops Sikap pada Aidilfitri 2010 yang lalu. Berdasarkan kepada statistik ini 60 peratus daripada kemalangan maut yang berlaku adalah terjadi di luar kawasan pengawasan Ops Sikap Ke-24.

Selain itu mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh Unit Penyelidik Cawangan Trafik Bukit Aman ke atas penggunaan jalan raya semasa pelancaran Ops Sikap Ke-22 terdapat 90 peratus pengguna jalan raya bersetuju mereka lebih peka kepada pemanduan disebabkan oleh penguatkuasaan Ops Sikap. Oleh yang demikian Ops Sikap Ke-24 ini masih dilihat berjaya membendung kadar kemalangan dan kematian di jalan raya dan juga ia masih relevan. Justeru itu buat masa kini kementerian tidak bercadang untuk memperkenalkan mekanisme baru bagi menggantikan Ops Sikap yang telah dilaksanakan sepanjang musim perayaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berkaitan dengan peningkatan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya tersebut, kajian yang dijalankan oleh *Accident and Safety Research Group*, Universiti Kebangsaan Malaysia secara umumnya fakta utama berlakunya kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada kecuaiannya pemandu itu sendiri iaitu memandu dalam keadaan tidak cukup rehat atau tidur yang menyebabkan badan menjadi lesu dan letih serta mengantuk, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, memandu lebih had laju dan sikap tidak berhemah pemandu di jalan raya dan ini menyebabkan kecuaiannya berlaku. Daripada kajian PDRM pula semasa Ops Sikap Ke-24 tersebut menunjukkan punca kemalangan dan kematian di jalan raya ini juga adalah turut disebabkan faktor-faktor seperti yang telah saya nyatakan.

Rentetan daripada ini pelbagai usaha seperti kempen dan penguatkuasaan telah dijalankan oleh PDRM, di samping semasa Ops Sikap tindakan berikut dilaksanakan iaitu:

- (i) *advocacy* kepada masyarakat;
- (ii) nasihat waktu perjalanan pergi dan pulang dari destinasi;
- (iii) *omnipresent* atau penugasan anggota trafik secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan kerap berlaku kemalangan dan kesesakan;
- (iv) kawalan lalu lintas semasa kesesakan;
- (v) menanamkan kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan keselamatan jalan raya melalui iklan-iklan di media massa; dan
- (vi) mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan pelanggaran undang-undang lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kos bagi melaksanakan setiap kali Ops Sikap diadakan, sebahagian besar kos tersebut adalah ditaja dan hasil sumbangan pihak swasta seperti syarikat PLUS Berhad, TM Berhad dan lain-lain lagi. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan dan tahniah juga di atas inisiatif yang dibuat oleh pihak kementerian terutamanya PDRM untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya di negara kita. Kalau menurut kajian daripada WHO tahun 2009 didapati bahawa Malaysia mencatatkan jumlah kematian tertinggi sekali terutamanya di negara ASEAN.

■ 1010

Pada masa yang sama kita maklum bahawa kenderaan juga berdaftar di negara ini satu pendaftaran yang sangat tinggi dan kalau kita lihat persekitaran dan jalan raya di negara kita walaupun dari segi kemudahan dan perkembangannya telah bertambah baik. Akan tetapi masih lagi kita dapati keadaan berlakunya kemalangan ini masih meningkat dari tahun ke tahun. Melihat kepada perkembangan yang lain Tuan Yang di-Pertua kalau di beberapa buah negara maju mungkin dari segi *enforcement*nya dapat diperkenalkan dan diikuti oleh semua pemandu dan pengguna jalan raya.

Soalan tambahan saya, selain daripada tindakan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam jawapan soalan saya pada hari ini, apakah inisiatif seterusnya Kementerian Dalam Negeri dan PDRM untuk menangani ataupun memberi pendidikan kepada pemandu-pemandu yang mempunyai sikap yang negatif yang tidak bertanggungjawab.

Sebagai contohnya adakah kementerian di masa akan datang akan memperkenalkan suatu kurikulum yang akan diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah supaya kita dapat membantu *civil society*, dengan izin, yang memahami peraturan dan ada nilai-nilai kesedaran diri tentang tanggungjawab bersama untuk kita menjaga dan mengurangkan kadar kemalangan juga menjaga lalu lintas serta adakah nanti kerjasama dibuat dengan kementerian-kementerian yang lain yang kita fikirkan pendekatan *blue ocean strategy* yang boleh difikirkan untuk baik bagi mengekang berlakunya kemalangan jalan raya? Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya telah nyatakan tadi sehubungan dengan berlakunya kemalangan-kemalangan yang kita lihat semasa perayaan terutamanya yang baru-baru ini. Kita lihat bahawa dalam kita memperkenalkan Ops Sikap ini, kita iaitu kementerian telah banyak melaksanakan tindakan-tindakan untuk memastikan supaya peningkatan dalam kemalangan dan juga kemalangan maut dapat dikurangkan. Lantaran daripada itu, beberapa tindakan seperti mana yang telah saya nyatakan dalam ucapan awal tadi bahawa tindakan-tindakan itu telah diambil dan bagaimanapun terdapat segelintir daripada pemandu-pemandu jalan raya yang masih lagi melihat dan mengambil usaha ini sebagai satu perkara yang mudah dan masih lagi melakukan kecuaiannya yang membawa kepada kemalangan jalan raya dan juga kemalangan maut.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan supaya pemandu-pemandu ini dapat menjalankan atau memandu dengan cara berhemah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dan kemalangan maut, maka Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM telah mengambil beberapa langkah di mana di antaranya dari aspek pendidikan. Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi memperkenalkan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di sekolah menengah mulai tahun hadapan sebagai susulan kepada kokurikulum yang diperkenalkan di sekolah rendah sebelum ini.

Selain daripada itu, tindakan pihak PDRM juga agar mempertingkatkan lagi kesedaran kepada masyarakat terutamanya pengguna jalan raya supaya memandu secara lebih berhemah dan sentiasa mematuhi undang-undang lalu lintas melalui iklan-iklan di media massa. Berkaitan dengan penguatkuasaan pula PDRM akan melaksanakan secara berterusan dengan mengeluarkan saman kepada pesalah-pesalah trafik.

Selain daripada itu, pihak berkuasa PDRM mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* iaitu lokasi-lokasi laluan yang kerap berlaku kemalangan termasuk lebuhraya, jalan persekutuan dan jalan negeri di mana menarik perhatian pengguna jalan raya bahawa kawasan berkaitan adalah kawasan kerap berlaku kemalangan. Inilah tindakan-tindakan lanjutan yang diambil oleh pihak berkuasa melalui PDRM.

2. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah kos dan kesan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia akibat penggunaan syarikat media asing bagi menonjolkan imej Malaysia yang lunak di peringkat antarabangsa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Yang Berhormat Perdana Menteri pergi Mekah. *Wa'alaiakumsalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mendapat khidmat juru perunding FBC Media United Kingdom bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro19.6 juta. Pihak FBC Media telah mengambil pendekatan kepelbagaian dalam melaksanakan perancangan komunikasinya. Antaranya membantu dalam pembabitian Malaysia di forum antarabangsa yang penting, membantu menjalin hubungan dengan pihak 'lembaran' yang berpengaruh serta menyediakan liputan yang meluas mengenai kepentingan Malaysia di media antarabangsa.

Perancangan komunikasi FBC Media ini mendukung usaha yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan, kementerian, agensi, lawatan, dan misi luar negara mereka. Sebagaimana yang kita sedia maklum, selain dasar dan program yang sesuai, strategi komunikasi juga merupakan satu elemen yang penting dalam usaha kita terus meningkatkan profil negara seperti destinasi, pelaburan dan pelancongan yang menarik.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang ringkas tetapi menyeluruh mengenai usaha yang dibuat oleh kerajaan sejak tahun 2007 untuk memperbaiki imej negara dan juga membantu dalam usaha-usaha meningkatkan pelaburan. Perkara ini telah kita bahaskan dalam beberapa siri perbahasan peruntukan tambahan. Ia tidak terhenti di situ kerana usaha-usaha ini menimbulkan kesan yang negatif pada pandangan saya apabila usaha yang dibuat oleh FBC Media itu dilihat sebagai sesuatu yang bertentangan dengan etika kewartawanan dan juga penyiaran dan telah menyebabkan salah satunya BBC di UK mengambil tindakan terhadap FBC Media ini.

Terbaru kita dengar FBC Media ini pun hampir hendak mufliis, kemungkinan kerana kita menarik balik *sponsorship* itu atau pun kerana pihak yang lain-lain tidak berminat lagi untuk mengambil FBC Media sebagai konsultan mereka. Kita pun tidak pasti. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, bukankah kita mempunyai satu *network* kementerian luar ataupun kedutaan-kedutaan kita di negara-negara asing. Kita juga mempunyai *network* pejabat-pejabat seperti MATRADE di luar negara yang memang tanggungjawab mereka mempromosi negara dan menarik pelabur-pelabur asing.

Jadi apakah yang kekurangan kepada mereka sehingga kita terpaksa mengambil agensi-agensi ini untuk membantu. Akhirnya bukannya meningkatkan imej. Pada pandangan kami ia menurunkan dan merosakkan imej negara kita.

Jadi apakah sebenarnya peranan agensi kita yang sepatutnya melakukan kerja-kerja menaikkan imej negara ini? Terima kasih.

■ 1020

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, sudah tentu kalau Yang Berhormat tahu iaitu kita punya badan-badan seperti MATRADE dan juga kedutaan kita di luar negara, ia lebih menjaga kepentingan kita dalam bidang yang tertentu apabila ada hubungan di antara kita dengan negara itu.

Yang Berhormat pun tahu bahawa daripada segi kita punya peraturan iaitu kita menghantar staf kita di sana dan ditukar pada setiap tiga tahun atau empat tahun. Ini tidak boleh dielakkan kerana tidak mungkin kita boleh meletakkan seseorang itu duduk sampai sepuluh tahun di sana. Oleh sebab itu, segala apa juga *networking* yang ada yang dilakukan, ia lebih merupakan *networking* secara individu atau peribadi mereka yang mewakili kita di sana. Kemudian apabila dia pulang dan dihantar ke negara lain pula, maka datanglah orang baru pula dan terpaksa mengadakan semula *networking* itu. Itu pertama.

Keduanya Yang Berhormat, kalau kita memerlukan menaikkan imej kita dan membantu kita di negara luar, tidak mungkin iaitu orang yang kita hantar daripada sini ataupun agensi-agensi negara kita boleh melakukan ataupun membuka pasaran di sana, melainkan kalau agensi itu bertempat di negara di mana yang kita mahu memperkembangkan imej kita ataupun perniagaan kita dan pasaran yang kita mahu terokai. Oleh sebab itu kalau kita hendak pergi ke UK, sudah tentu kita perlu ambil salah seorang yang lebih mengenali UK daripada kita untuk membuka pintu untuk kita menerokai pasaran. Jadi oleh sebab itu kita menggunakan agensi ataupun FBC ini bagi membantu untuk membuka pasaran bagi kita terokai di sana yang sudah tentu ia lebih berkesan daripada pertamanya agensi yang diwujudkan di Malaysia yang mungkin tiada *networking* di negara UK dan Europe. Begitu juga saya percaya kalau orang hendak membuka pasaran di Malaysia, sudah tentu mereka akan mencari syarikat-syarikat Malaysia untuk membantu mereka. Ini kerana kalau syarikat daripada mana negara mereka datang, mereka tiada *networking* dan tiada kenalan yang meluas di Malaysia. Itu yang pertamalah.

Keduanya Yang Berhormat sebut berkenaan dengan FBC ini, ia mempunyai masalah melanggar peraturan di negaranya. Saya difahamkan ia lebih merupai *conflict of interest*. Ada perkara-perkara yang sepatutnya diisytiharkan, tetapi syarikat itu telah gagal mengisytiharkan perkara-perkara yang dituntut untuk diisytiharkan. Jadi ini lebih merupakan perkara melanggar peraturan United Kingdom. Ia tidak ada kena-mengena dengan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai jenayah yang boleh menjejaskan penggunaan kita terhadap FBC ini sebagai agensi untuk membantu kita. Akan tetapi kalau Yang Berhormat pergi ke sana tidak tabur fitnah, saya ingat tidak perlulah kita belanja 19 juta Euro untuk mengatasi masalah imej kita di sana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi. Saya pelik pembangkang inilah. Pelik. Kos menggunakan media asing untuk membetulkan imej negara dipersoalkan. Apa yang patut dipersoalkan pengkhianatan, sabotaj yang dilakukan oleh pembangkang yang sentiasa memburuk-burukkan negara, memburuk-burukkan kepimpinan negara yang kalau dibiarkan, kerugian kepada rakyat dan negara... [*Tepuk*] Tujuan mereka supaya pelabur tidak datang ke negara kita. Itu tujuan mereka. Hari-hari berceramah memburukkan kita di media antarabangsa, maka itu sebabnya FBC digunakan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Sri Gading...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Western Australia Post* itu kerja pembangkang atau...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Untuk menjernihkan, hendak membaiki, hendak menentukan negara pulih balik di mata antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, peruntukan kewangan yang digunakan kepada FBC ini terlalu kecil kalau kita hendak bandingkan dengan keuntungan yang akan diperoleh oleh negara.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu *Western Australia Post* itu kerja pembangkang. Contoh itu kerja pembangkang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pengkhianat-pengkhianat seperti inilah yang sepatutnya...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *shopping* di... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu!... [Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menjadi petualang kepada negara dan kepimpinan negara kita.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Batu duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini satu pengkhianatan besar yang melanggar hukum hakam negara ini termasuk- negara kita... [Dewan riuh]

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Batu gigit telinga orang... [Dewan riuh]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Laporan-laporan dalam CHOGM pun kerja pembangkang? Yang Berhormat Sri Gading *fair*lah sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sokong sangat Yang Berhormat Menteri. Sepatutnya perbelanjaan lebih besar lagi hendak membetulkan imej negara yang dirosakkan oleh petualang-petualang seperti ini.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Beliau jawab soalan siapa itu Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Beliau jawab soalan siapa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *out of order* Yang Berhormat. Di luar peraturan mesyuarat. Jangan buat begini. Yang Berhormat Batu duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana keadaan imej kita sekarang di kaca mata dunia? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Ya. Yang Berhormat Sri Gading jawab soalan siapa Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Duduklah Yang Berhormat Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bolehlah begini Yang Berhormat. Beliau sedang dalam soalan, menyoal.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai pun berjela-jela soalan, sama. *So, let it be*, jangan ditegur. Biarkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada soalan. Saya tanya bagaimana imej negara kita selepas kita gunakan FBC ini untuk menjernihkan imej negara kita yang benar di kaca mata dunia setelah dirosakkan oleh pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *It is not for* Yang Berhormat Batu untuk menyatakan soalan itu bukan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini yang saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Boleh Yang Berhormat Menteri perelaskan bagaimana imej negara kita pada hari ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang betul. Semenjak kita menggunakan FBC ini untuk meningkatkan imej kerajaan kita, kita telah nampak peningkatannya daripada segi penerimaan pemimpin-pemimpin negara Barat terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi sememangnya layanan yang kita nampak adalah jauh lebih baik jika dibandingkan daripada masa-masa yang lepas. Cuma kita dukacita sedikitlah apabila imej naik sedikit, ada pula Yang Berhormat Bagan pula kata negeri Johor tidak berapa bagus. Ini masalah kita. Kita meningkatkan sedikit kita punya imej, ada yang diusahakan untuk menjatuhkan. Akan tetapi, saya percaya kalau Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang semua memikirkan kita sebagai rakyat Malaysia, Ahli Parlimen Malaysia, sama-sama membantu kerajaan untuk menaikkan imej kita, saya percaya kita tidak perlu membelanjakan wang sebanyak seperti 19 juta Euro untuk menaikkan imej kita.

[Soalan No. 3 – YB. Datuk Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

4. Tuan John Fernandez [Seremban] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berkenaan dengan lawatan dua (2) hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Turkmenistan dari 11 Julai 2011 hingga 12 Julai 2011. Berapakah kos yang ditanggung kerajaan bagi membiayai lawatan tersebut; dan
- (b) apakah yang menjadi objektif lawatan tersebut dan adakah objektif tersebut tercapai.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Turkmenistan adalah di atas jemputan Presiden Turkmenistan. Lawatan tersebut antara lainnya adalah bertujuan untuk mengukuhkan komitmen Malaysia dan Turkmenistan dalam meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang. Amat jelas bahawa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Turkmenistan telah mencapai objektifnya apabila lima dokumen persefahaman kerjasama telah ditandatangani semasa lawatan tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah merasmikan terminal gas pertama Petronas di Kiyaly Turkmenbasy pada 12 Julai 2011 di samping turut mengumumkan pembukaan Kedutaan Besar Malaysia di Ashgabat Turkmenistan. Perbelanjaan yang digunakan bagi lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Turkmenistan dari 11 hingga 12 Julai 2011 pula berjumlah RM323,268.19 sen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya ada soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya sudah panggil Yang Berhormat Arau dahulu Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat sebab lambat bangun.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat soalan ini okeylah untuk kita mendapatkan penjelasan, tetapi dalam perniagaan mana yang tidak keluar modal. Itu satu.

Kedua, bekas-bekas Kesatuan Soviet ini dilihat sebagai di antara negara-negara yang sebenarnya mendatangkan keuntungan kepada negara kita terutamanya kalau saya lihat baru-baru ini, ada di antara republik Islam di dalam *Federation of Russia* itu sendiri yang meminta produk *Islamic Banking* kita dengan keyakinan mereka mengatakan bahawa minta Bank Negara membuat pelaburan dan masuk ke negara mereka.

■ 1030

Ini di antara hasil lawatan yang dilihat hubungan dua hala ini sebenarnya walaupun jumlah peruntukan itu kita lihat kadang-kadang agak besar kerana setiap lawatan adalah diiringi oleh Menteri-menteri yang terlibat. Kalau negara Islam, ia akan ditambah lagi Menteri yang berkaitan dengan Islam dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah lawatan rasmi bagi menjalinkan *bilateral trade, bilateral relationship*, dengan izin, yang dibuat selama ini. Ini sebenarnya mendatangkan kesan yang amat positif kepada negara kita Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya memanglah ya, kerana kalau kita lihat iaitu dalam lawatan tersebut ada lima dokumen yang telah ditandatangani di antara Malaysia dan Turkmenistan. Pertama ialah kenyataan bersama Turkmenistan-Malaysia sempena lawatan rasmi ke Turkmenistan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Kenyataan bersama ini menyatakan visi dan dimensi dua hala serantau dan global serta meningkatkan hubungan yang sedia ada. Kita kena berbaik dengan mereka sebab mereka banyak mengeluarkan minyak. Kedua, kita ada memorandum persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Turkmenistan mengenai kerjasama dalam isu-isu luar negeri. Dokumen ini ditandatangani bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat di antara kedua-dua negara dalam isu-isu kerjasama dua hala dan antarabangsa.

Kemudian yang ini saya sebut gas tadi, memorandum antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Turkmenistan mengenai kerjasama dalam bidang minyak dan gas dan dokumen ini ditandatangani adalah untuk memajukan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang minyak dan gas dan bidang kerjasama yang ditekankan dalam dokumen tersebut adalah peningkatan dalam bidang penerokaan minyak dan gas.

Keempat, memorandum kerjasama antara Dewan Perniagaan dan Industri Turkmenistan dengan Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia, ini berniaga, ditandatangani adalah untuk menggalakkan lagi hubungan antara ahli perniagaan kedua-dua negara untuk tujuan pengembangan dan pengukuhan ekonomi dan perdagangan.

Terakhir sekali, perjanjian penjualan gas antara Petronas, Carigali Turkmenistan dengan *State Agency For Management and Use of Hydrocarbon Resources under The President of Turkmenistan dan Turkmen Gas*, dengan izin. Ini akan memudahkan pengkomersialan gas dari terminal gas Petronas. Jadi, kalau Yang Berhormat tengok ini semua mendatangkan keuntungan bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga negara Turkmenistan.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya mendapat tahu seperti yang dikatakan oleh menteri, lima MoU ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan daripada lima MoU, satu MoU ialah satu *gas sales agreement*. Soalan tambahan saya, kenapa kita menjual gas kepada syarikat bernama Turkmen Gas oleh Petronas. Apabila saya dapat tahu dalam negara kita, TNB sendiri tidak cukup gas. Kita mesti jual gas kepada syarikat dalam negara kita sebab saya dapat tahu TNB tidak cukup gas. Oleh sebab itu, jikalau faktor yang saya katakan adalah betul, *why are we selling gas to Turkmen Gas*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada dakwaan Yang Berhormat betul atau tidak. Yang Berhormat sendiri pun tidak tahu betul atau tidak. Jadi, kalau saya jawab, saya juga jawab benda yang tidak betul.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya dapat daripada *search*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, beri peluang kepada saya untuk saya balik dan tanya kepada Petronas mengapa dan apakah sebab kita menjual gas kepada Turkmen Gas. Kalau tidak, kita semua bercakap tentang perkara yang kita sendiri tidak tahu. Terima kasih.

5. **Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah kerajaan berhasrat untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam sebagai subjek wajib lulus UPSR untuk muris-murid beragama Islam.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak menetapkan mata pelajaran wajib lulus bagi semua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR kerana peperiksaan ini hanyalah untuk menilai dan mengukur tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira melalui mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah dan UPSR tidak menjadi syarat kelayakan untuk murid meneruskan pengajian di peringkat sekolah menengah.

Namun demikian, mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid-murid beragama Islam di samping menjalani aktiviti kerohanian sebagai kokurikulum seperti Kem Bestari Solat, j-QAF dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mohon kementerian nyatakan bilangan kelas aliran Sains yang ditawarkan di sekolah menengah agama kerana hampir keseluruhan pelajaran lepasan PMR di sekolah tersebut layak memasuki kelas aliran Sains. Adakah kementerian bercadang untuk menambah bilangan kelas sains di sekolah menengah kebangsaan agama untuk menampung keperluan pelajar-pelajar tersebut.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Satu dasar yang telah diguna pakai oleh kementerian sejak beberapa tahun lalu iaitu kita menetapkan satu sasaran 60 peratus adalah cenderung ataupun mengikuti kursus dalam aliran Sains. Ini memandangkan di peringkat universiti juga banyak kursus yang lebih cenderung kepada aliran Sains.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat, sebenarnya kita melihat keperluan dan juga kita mengakui bahawa sekolah menengah kebangsaan agama ini ramai yang dapat keputusan yang baik dan cemerlang. Ada yang mendapat peratusan 100 peratus lulus. Jadi, sebab itulah kita melihat sekurang-kurangnya 60 peratus akan diperuntukkan untuk pelajar-pelajar ini dan mungkin ada sebahagian kecil yang masih lagi berkehendakkan supaya mereka mengikuti aliran sains. Kita akan memberi pertimbangan daripada semasa ke semasa mengikut keperluan. Memanglah ada sekolah yang melebihi 60 peratus dan kita juga tidak boleh terus mansuhkan kelas aliran lain seperti aliran sastera dan sebagainya kerana ada pelajar yang lebih cenderung kepada itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagus juga soalan berkenaan dengan agama Islam tetapi dijawab oleh Timbalan Menteri yang bukan beragama Islam, jadi tahniah. Saya hendak tanya Yang Berhormat, walaupun mata pelajaran Agama Islam ini bukan mata pelajaran wajib kerana semua mata pelajaran dalam UPSR adalah untuk penilaian tetapi apakah Yang Berhormat sedar bagi kepentingan pelajar-pelajar Islam, masa yang diadakan sekarang ini untuk pendidikan Islam tidak mencukupi kerana mendidik pelajar-pelajar ini dalam bidang keilmuan Islam ini luas. Bukan setakat soal-soal ilmu sejarah dan sebagainya tetapi yang penting amalannya, mendidik supaya solat, memahami dan boleh membaca al-Quran, hadis dan seumpamanya.

Jadi, apakah Kementerian Pelajaran bercadang supaya program kokurikulum diambil masa, ditambah untuk membanyakkan lagi pelajaran dalam bidang agama Islam untuk pelajar-pelajar Islam di semua sekolah di peringkat UPSR. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sepanjang pengetahuan saya, apa yang saya sempat berbincang dengan pegawai-pegawai bahagian Pendidikan Islam, memang menjadi hasrat kementerian selain daripada kita jadikan kokurikulum Pendidikan Islam itu mata pelajaran wajib, pada waktu yang sama, kita sedar bahawa ada amalan-amalan tertentu yang perlu kita lakukan melalui aktiviti kokurikulum. Sebab itulah kita wujudkan Kem Bestari Solat dan sebagainya dan ini adalah bertujuan untuk melengkapkan mata pelajaran yang diajar pada waktu-waktu yang telah diperuntukkan.

Jadi, saya menerima baik cadangan Yang Berhormat. Oleh kerana saya bukan orang yang arif dalam soal ini, saya akan bawa kepada Bahagian Pendidikan Islam untuk melihat kesesuaiannya. Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No. 6 – YB. Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai) tidak hadir]

[Soalan No. 7 – YB. Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) tidak hadir]

■ 1040

8. **Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, langkah-langkah kerajaan membanteras gejala penipuan *Short Messaging Service* (SMS) oleh syarikat-syarikat telekomunikasi khidmat ini yang menghantar SMS dan mengenakan bayaran tanpa keizinan pengguna.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pertanyaan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah ini boleh mengelirukan. Dimaklumkan bahawa perkhidmatan kandungan SMS ini adalah perkhidmatan oleh pemberi perkhidmatan kandungan atau *content provider* (CP) dan bukannya syarikat telekomunikasi.

Merujuk kepada peraturan sedia ada tanpa melalui proses pengesahan atau pendaftaran langganan, perkhidmatan kandungan ini tidak akan berlaku. Berdasarkan pemantauan dan analisis terhadap corak dan perlakuan CP dan pengguna, pelanggan perkhidmatan kandungan mudah alih ini didapati:

- (i) pengguna secara tidak sedar telah melanggan perkhidmatan ini kerana iklan-iklan yang mengelirukan dan tidak jelas;
- (ii) pengguna tidak memahami prinsip langganan dalam perkhidmatan kandungan mudah alih dan juga kata kekunci yang digunakan dalam langganan perkhidmatan kandungan mudah alih;
- (iii) pengguna tidak memahami terma dan syarat langganan perkhidmatan kandungan mudah alih; dan
- (iv) penggunaan telefon oleh pihak ketiga seperti anak-anak dan ahli keluarga lain menyebabkan pengguna tidak sedar tentang langganan tersebut dan hanya menyedari caj tersebut setelah diterima.

Sesungguhnya, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mengetahui secara menyeluruh dan terperinci terma-terma perkhidmatan langganan kandungan mudah alih serta memahami terma dan syarat secara terperinci sebelum membeli atau melanggannya. Masyarakat diminta supaya tidak mudah terpedaya dengan SMS tawaran percuma kandungan kerana lazimnya pengguna akan dical untuk kandungan yang akan dihantar seterusnya. Terima kasih.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa saya mengelirukan Dewan, saya pun rasa sedih juga sebab saya rasa soalan saya ini bernilai RM120. Saya terpaksa beli *hand phone* baru dan saya terpaksa beli *top up*.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya baru terima mesej daripada Celcom. "*Anda suka berbual? Jadi sertailah Talk-A-Thon untuk menang bawcar beli-belah bernilai RM5,000 percuma hanya dengan buat tambahan tiga panggilan dalam satu hari. Untuk info, dail *118#...*" dan sebagainya. SMS ini dihantar kepada saya semalam pukul 03:06:16 a.m. Itu satu perkara.

Saya tidak menafikan soal peranan *telco* yang memberikan khidmat yang baik. Digunakan oleh pihak bank, digunakan oleh pihak syarikat-syarikat yang tertentu. Itu saya tidak nafikan. Digunakan oleh institusi-institusi swasta dan juga pihak kerajaan. Akan tetapi, tidak dinafikan soal penggunaan oleh syarikat-syarikat yang menawarkan produk-produk yang menggunakan perkhidmatan lima digit ini yang berleluasa yang memberikan kesan kepada masyarakat yang menceroob data peribadi. Data peribadi pengguna telah digunakan sewenang-wenangnya oleh pihak..., saya tidak mengatakan pihak *telco* tetapi ada satu *company* yang disebut *gateway* yang menggunakan khidmat lima angka ini.

Jadi inilah di antara perkara yang membimbangkan kerana mereka ini menelan duit pengguna dengan sewenang-wenangnya dan saya tidak menafikan soal jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, pendidikan kepada pengguna ini tidak sampai.

Orang yang *educated*, yang berpelajaran, mungkin mengetahui tentang bagaimana hendak menggunakan tetapi orang-orang kampung kita yang masuk RM10 tinggal RM2, masuk RM20 tinggal RM1 dan sebagainya, ini yang berlaku. Dan ini berlaku juga kepada saya semalam.

Jadi saya rasa sejauh mana pihak SKMM yang diberi tanggungjawab untuk mengawal dan memastikan soal pelanggan ini dijaga mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat ini dan apakah bentuk hukuman yang telah dikenakan kepada syarikat-syarikat yang menyalahgunakan dan yang menekan duit pengguna? Bolehkah kita tahu berapa jumlah keuntungan yang dimiliki oleh syarikat ini? Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kedah sebenarnya menyuarakan dua pertanyaan. Satu, kegelisahan beliau berkenaan dengan apa yang saya katakan pertanyaan beliau boleh mengelirukan dan bukan Yang Berhormat yang mengelirukan. Akan tetapi kalau dilihat secara mendalam, pertanyaan itu adalah menunjukkan bahawa pemberi perkhidmatan iaitu telco yang menyalahgunakan perkhidmatan tersebut tetapi yang diterangkan oleh saya iaitu sebenarnya ini adalah berlaku kerana pemberi perkhidmatan kandungan ataupun *content providers* (CP) menggunakan perkhidmatan syarikat telekomunikasi untuk menghantar mesej-mesej seperti yang diterima oleh Yang Berhormat.

Sebenarnya Yang Berhormat, SKMM telah banyak menerima aduan. Pada penggal pertama tahun ini sahaja, SKMM telah menerima 217 aduan berkenaan dengan SMS ini. Daripada siasatan awal, didapati semua transaksi adalah tulen iaitu melibatkan pengguna yang sanggup menerima. Namun demikian Yang Berhormat, SKMM memandang serius sikap segelintir CP, bukan pemberi perkhidmatan, telekomunikasi mudah alih, bukan syarikat telekomunikasi yang cuba untuk menipu pengguna dengan menggunakan aktiviti pemasaran yang mengelirukan yang menyebabkan ramai pengguna melanggan perkhidmatan mereka secara tidak sedar. Tindakan tegas akan diambil bagi kesalahan seperti ini iaitu dengan:

- (i) menggantung kata kunci dan kod ringkas yang terlibat, di mana sepanjang tempoh penggunaan ini, CP berkenaan tidak dapat menjalankan perniagaan seperti biasa;...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Berapa lama, berapa lama digantung?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ini mengikut apa yang terdapat oleh SKMM. Adakah ini perbuatan yang sengaja dibuat ataupun tidak sengaja dibuat tetapi ada sedikit unsur-unsur penyalahgunaan. Macam di mahkamah pun, tidak semestinya penggantungan ini berterusan tetapi diberi tempoh. Dalam tempoh yang berkenaan, mereka tidak boleh menggunakan perkhidmatan tersebut.

Saya sambung...

- (ii) mengarahkan CP supaya memulangkan semula wang yang telah dikenakan kepada pengguna atau dengan izin, *refund* kepada pengguna telefon yang salah caj itu;
- (iii) mengambil tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu boleh mendenda syarikat tersebut.

Sekian, terima kasih.

■ 1050

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, peniaga tidak kira apa perniagaan dia mesti hendak untung. Dia akan cari jalan untuk mendapatkan keuntungan termasuk syarikat telekomunikasi. Akan tetapi dalam masa yang sama pengguna mesti sedar. Saya hendak minta kepada Yang Berhormat Menteri, tidak memadai untuk dalam Dewan ini ataupun secara ringkas memberikan kesedaran mohon kepada pengguna untuk sedar. Akan tetapi apakah langkah yang betul-betul serius oleh kementerian dalam memberikan kesedaran berjimat ini kerana kadang-kadang pengguna kita sendiri pun bila sampai sahaja SMS, kita mudah sahaja menjawab. Kadangkala tidak perlu pun kita jawab. Akan tetapi bila sampai hujung bulan hendak bayar bil kita menyalahkan syarikat telekomunikasi.

Jadi apakah langkah yang dibuat oleh kementerian dalam menyedarkan orang ramai ini supaya kita perlu berjimat. Apa *road show* yang dibuat dengan izin? Apakah langkah-langkah yang betul-betul berkesan? Pergi ke kampung, ke desa dan sebagainya berikan kesedaran kepada pengguna supaya... Ini perkara-perkara yang perlu diambil perhatian. Terima kasih banyak.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Tuan Yang di-Pertua, kementerian kami melalui SKMM sentiasa memperingatkan pengguna lebih-lebih lagi bila mereka mendaftar sebagai pengguna sesebuah syarikat telekomunikasi dan untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat yang mereka tandatangani, itu yang pertama. Kedua, ada satu forum iaitu forum pengguna ditubuhkan di bawah SKMM supaya mencari jalan bagaimana kita boleh menyampaikan pesanan ini kepada pengguna supaya pengguna sentiasa bersedia mengetahui apakah akibatnya sekiranya sesuatu berlaku kepada telefon yang mereka pakai. Melalui forum pengguna ini banyak yang telah dibincangkan dan disampaikan kepada semua pengguna melalui pesanan ringkas, melalui *public service announcement*, di radio dan televisyen dan usaha ini adalah berterusan. Sekian, terima kasih.

9. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Menteri Pelajaran menyatakan, langkah-langkah untuk meringankan beban guru di sekolah rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang terlalu dibebankan dengan kerja pentadbiran di samping tugas hakiki sebagai pengajar.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sedar dan prihatin dengan tugas serta tanggungjawab guru yang semakin mencabar untuk mendidik anak bangsa di sekolah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan penambahbaikan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dengan memberi fokus kepada kemahiran menaakul atau *reasoning* di samping membaca, menulis dan mengira. KSSR turut memasukkan elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi secara *explicit* supaya pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronokkan dan bermakna.

Sehubungan dengan itu, bagi meringankan beban tugas guru di sekolah, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan beberapa perakuan iaitu 28 perakuan seperti mana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG). Di antaranya ialah menempatkan dua orang Pembantu Tadbir (PT) Perkeranian dan Operasi Gred N17 di sekolah menengah Gred 'A' yang mempunyai enrolmen melebihi 1,500 orang murid. Sebagai menyokong usaha berkenaan, Kementerian Pelajaran mengeluarkan arahan penempatan PT berserta skop, fungsi dan bidang tugas perkeranian yang dilaksanakan oleh guru berkenaan. Buat masa ini kementerian membuat penempatan dua orang PT Gred N17 tersebut secara rentet di 50 buah sekolah terpilih untuk tempoh setahun dan kajian eksperimental akan dijalankan sebaik sahaja tamat tempoh setahun untuk melihat keberkesanan pelaksanaan ini. Terima kasih.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk Dewan yang mulia ini, menurut Laporan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru 2010, guru-guru pada hari ini secara umumnya banyak terlibat dengan program-program di luar sekolah. Di antaranya termasuklah terlalu banyak penyertaan dalam kokurikulum dan sukan sehingga menjejaskan prestasi pengajaran murid serta amalan profesional perguruan. Jadi, bukan sekadar aktiviti kokurikulum dan sukan, guru-guru juga terlibat dalam menguruskan hal-hal berkaitan murid seperti pengurusan bantuan persekolahan, pengurusan data maklumat murid dan pentadbiran sekolah.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan guru pembantu di semua sekolah sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah di negara ini untuk membantu guru melaksanakan tugas-tugas perkeranian di dalam kelas. Termasuk pengurusan program teknologi maklumat dan komunikasi serta menguruskan perkara-perkara yang melibatkan pelajar. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang beban guru memang benar.

Satu jawatankuasa telah dibentuk di peringkat kementerian di mana kita telah mengenal pasti 14 isu yang menyumbang kepada isu beban guru, beban tugas guru yang amat berat. Dari situlah wujudnya 28 syor ataupun perakuan yang dihantar kepada Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan di situlah setiap satu kita membuat perincian bagaimana kita dapat menambah baik sistem yang ada pada kita. Apa Yang Berhormat katakan tadi tugas-tugas perkeranian seperti mengisi rekod-rekod, sistem maklumat murid dan juga rancangan makanan tambahan, program susu sekolah, kesemua ini apabila kita melantik PT N17 tugas ini akan diambil alih oleh mereka dan kita mahu guru kita menumpu pada kerja-kerja P&P sahaja ya. Itu yang pertama.

Kedua, apa Yang Berhormat bangkitkan ialah tentang bagaimana apabila guru itu dihantar untuk menyertai program kokurikulum, dalam syor kita sebenarnya untuk program kokurikulum kita telah menghadkan pihak sekolah dan JPM tidak boleh memberi arahan sewenang-wenangnya. Kita ada had, kalau dahulunya setiap Sabtu mungkin guru kena balik ke sekolah, sekarang semua dihadkan untuk dua kali dalam sebulan. Pada waktu yang sama ada beberapa perakuan juga kerana satu laporan ini agak tebal, di dalamnya termasuklah kalau aktiviti kokurikulum misalnya sukan kita akan melibatkan jurulatih luar untuk masuk, untuk mengurangkan beban guru.

Pada waktu yang sama Yang Berhormat bangkitkan tentang guru pembantu. Sebenarnya kita memang ada rancangan ya, kalau kita hendak mengurangkan kita melihat hakikatnya ialah satu kelas yang sangat besar, mungkin 50 orang pelajar. Adalah wajar kalau kita mendapat guru pembantu. Dalam konteks ini, sebenarnya kementerian kalau kita lihat dalam dasar MBMMBI, dalam bahasa Inggeris kita ada satu cadangan untuk melaksanakan guru pembantu ini. Ini adalah antara syor yang ada dan juga kita bertujuan untuk mengurangkan beban tugas yang ada pada guru tersebut.

Secara keseluruhannya, adakah semua akan diperluaskan kepada semua sekolah? Ini bergantung pada peruntukan yang ada pada kementerian. Saya rasa ini tertakluk kepada agensi pusat, Jabatan Perkhidmatan Awam kerana kalau setiap kelas melibatkan guru pembantu, mungkin satu bebanan yang sangat besar. Akan tetapi kita akan melihat dari segi praktikalnya untuk kelas-kelas yang besar yang boleh kita gunakan kepakaran guru pembantu ini, kita akan bantu. Saya bagi satu contoh pendidikan khas. Itu kita memang perlu gunakan guru pembantu.

■ 1100

Untuk kelas yang besar, ya. Ini kerana kalau secara idealnya, kita hendak satu kelas itu tidaklah lebih daripada 35 orang tetapi pada hakikatnya, kebanyakan sekolah di dalam bandar, ia telah melebihi dan itulah yang sedang diambil tindakan oleh kementerian untuk mengurangkan beban kerja guru ini. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa guru-guru yang dibebankan dengan tugas-tugas perkeranian itu akan ada pembantu untuk mengurangkan beban mereka. Saya buat sedikit pembacaan di negara-negara *Scandinavia* sebagai contoh, pengasingan tugas ini jelas iaitu guru hanya menumpukan sepenuh masa dalam bidang pendidikan. Akan tetapi di luar-luar bandar, masih terdapat guru-guru besar khususnya di sekolah rendah, yang masih lagi terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian ini.

Jadi adakah kementerian Yang Berhormat melihat perkara ini untuk memberikan elaun tambahan kepada mereka? Kami dalam buku jingga kami bagi RM500 kalau kita sampai ke Putrajaya. Memang guru ini mendapat tekanan kerja, bekerja lebih masa, tidak dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran tetapi terpaksa untuk mereka membuat kerja-kerja perkeranian. Jadi adakah elaun tambahan itu difikirkan dengan serius oleh kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, kalau kita melihat data-data 10,000 buah sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia ini, kita dapati ada sebahagian, beribu-ribu, yang dikatakan sekolah kurang murid. Ada yang mungkin 10 orang, 20 orang. Jadi adalah tidak wajar kalau ada seorang guru besar, tiga orang GPK. Itu memang satu pembaziran dari segi guna tenaga. Sebab itulah guru besar dalam keadaan ini terpaksa dibebankan dengan kerja-kerja lain. Kita sedang memikirkan kerja-kerja perkeranian itu kita boleh serahkan kepada kerani apabila dilantik masuk untuk membantu. Sekarang ini saya angakui bahawa oleh kerana kita terpaksa menempatkan kerani di sekolah-sekolah yang besar, dan itu adalah antara perkara yang perlu dipantau oleh guru besar sendiri.

Kita memang mengakui dan kita sentiasa membincangkan perkara ini dengan agensi pusat supaya kita dapat mencari seorang kerani untuk membantu.

Berbalik pada soalan Yang Berhormat kata buku jingga menjanjikan RM500, mungkin Yang Berhormat tidak insaf bahawa apa yang dilakukan oleh kementerian di bawah konsep *Bai'ah* ini atau tawaran baru ini yang kita bagi iaitu kalau sekolah kurang murid dapat mengekalkan prestasi yang baik secara tiga tahun berturut, apa yang mereka dapat bukan sekadar RM500. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, yang dapat itu adalah kalau guru besar atau pengetua, RM7,500 dan 5 peratus daripada guru yang ada dalam sekolah itu akan mendapat RM1,800, manakala 95 peratus itu akan mendapat RM900 dan bukan sekadar itu Yang Berhormat. Kalaulah pembantu makmal dan kerani pun dapat RM500, saya rasa ini membuktikan apa yang kita lakukan lebih baik daripada buku jingga. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Guru besar sahaja, guru besar sahajalah!

[Soalan No. 10 – YB. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) tidak hadir]

11. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah mekanisme yang diambil kira Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) bagi melaksanakan Program Keusahawanan Bumiputera yang diumumkan pada 21 Julai lalu bagi mengelak tanggapan wujudnya monopoli dan tidak telus.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat rakan saya dari Tenom. Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) telah dilancarkan pada 20 Julai 2011 bertujuan untuk membangun generasi usahawan bumiputera bertaraf dunia dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan beberapa sektor bukan NKEA yang penting. TERAS memainkan peranan utama dalam agenda pembangunan bumiputera untuk membangunkan syarikat bumiputera yang boleh berkembang dan berdaya saing.

Sebanyak 1,100 syarikat bumiputera akan dikenal pasti berdasarkan kriteria yang jelas dan proses pemilihan yang terbuka. Sementara itu, sebelum pemilihan akhir, penilaian dibuat terhadap syarikat-syarikat yang memohon mengikut kriteria yang ditetapkan dan seterusnya pemilihan diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan TERAS yang turut dianggotai oleh wakil-wakil dari agensi-agensi, kerajaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan bukan kerajaan (NGO). Syarikat-syarikat yang terpilih mengikut program TERAS akan diumumkan kepada awam. Ini adalah merupakan langkah untuk menentukan pemilihan syarikat itu dibuat secara terbuka dan telus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Berkenaan dengan pengumuman yang telah dilakukan yang mana di bawah TERAS, satu dana sebanyak RM2 bilion telah diumumkan. Kita melihat bahawa objektif TERAS hari ini ditubuhkan adalah untuk menjadi suatu badan transformasi terutama kepada golongan bumiputera, untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kaum-kaum yang lain. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana menubuhkan unit yang baru ini iaitu Unit Peneraju Agenda Bumiputera yang dikenali sebagai TERAJU ini.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peranan TERAJU ini. Di negara kita, kita mempunyai pelbagai badan yang berkaitan dengan ekonomi seperti kalau di sini dipanggil MAPEN dan juga GABEM. Kalau di negeri Sabah, PERDASAMA. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat manakah pencapaian yang telah dilakukan oleh pihak Teraju kepada persatuan seperti PERDASAMA, MAPEN, GABEM ke arah untuk bersama-sama dalam merealisasikan agenda Teraju yang saya lihat begitu baik sekali inspirasi, inisiatif dan juga transformasinya?

Selain daripada 1,100 yang telah dikenal pasti, apakah gabungan ini akan mendapat satu tindakan di mana pemilihan *company* yang telah dikenal pasti tadi dapat membantu pula kepada usahawan-usahawan kecil yang berada di luar bandar atau bandar? Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Pertama, saya mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat. Pertama, 1,100 syarikat telah diadakan sasaran. Daripada sana, setakat ini 300 telah memohon untuk melibatkan diri dalam Program TERAS iaitu *High Performing Bumiputera SMEs*, dengan izin. Maka, ada banyak ruang lagi. Ada hampir 700 lagi yang ada untuk dipohon. So, saya mohon supaya gabungan itu menjemput, kalau hendak, saya boleh mengaturkan supaya ada rundingan bersama untuk melihat dan mengenal pasti syarikat-syarikat yang ada keupayaan untuk menceburkan diri dalam program TERAS. Itu menjadi cabaran kita.

Ada lagi 100 Tuan Yang di-Pertua, itu adalah untuk syarikat SME kecil kepada yang lebih besar. Maka, ada dua program. So, saya mohon kepada Yang Berhormat supaya hubungi kita dan kita lihat. Akan tetapi ada satu syarat iaitu SME Corp mesti membuat tiga *star rating*, bintang tiga rating sebelum mereka boleh memasuki program ini. So, saya minta supaya kita bekerjasama dalam hal ini. Saya *available* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga memahami dan mengikuti bahawa penubuhan TERAJU ini adalah sebagai langkah yang dibawa untuk melihat semula atau menyusun semula antara kegagalan yang telah berlaku selama 21 tahun selepas Dasar Ekonomi Baru telah habis tempoh dan tidak terlaksana atau tidak tercapai, secara buruk rekodnya. Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencuba untuk memulihkan imej ini, menjenamakan semula di bawah *affirmative action* ini dengan menubuhkan Teraju seperti disebut menguruskan dana sebanyak RM2 bilion di bawah TERAS. Kita tidak nafikan perkara ini.

■ 1110

Persoalannya, apakah pengajaran kegagalan selama 21 tahun ini memberi satu hikmah baru? Saya tidak dengar satu langkah yang betul-betul khusus, konkrit. TERAJU ini pun berselindung. Tidak diletakkan perkataan penumpuan kepada mencapai semula *target* atau matlamat dalam rangkaian ekuiti bumiputera itu. Langsung tidak disebut dengan jelas. Masih lagi berselindung, secara berselindung.

Sebenarnya matlamatnya ialah itu kerana kegagalan 21 tahun. Saya hendak dengar, bagaimanakah langkah selain daripada kata hendak mengelakkan kaedah dikatakan sebagai tidak telus dan sebagainya. Mesti ada satu formula yang agak jelas dan boleh difahami dengan terang adakah kita hendak bawakan semula pencapaian yang gagal itu hendak bawa dalam persembahan baru sekarang. Saya hendak dengar, jaminan penguatkuasaan dan juga tidak mengulangi masalah-masalah dulu yang kita benarkan berlaku 21 tahun. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Pertama, agenda teras ini begitu khusus sekali untuk melibatkan usahawan bumiputera dalam ETP. Ada dua belas sektor yang menjadi fokus dan mahukan usaha dibuat untuk memastikan bahawa agenda bumiputera dalam ETP tidak ketinggalan. Maka ini adalah satu usaha khusus. Maka membawa perkara mengenai 21 tahun itu adalah satu yang tidak begitu betul Yang Berhormat. Jangan menguar-uarkan dan politikkan keadaan ini. Usaha itu ikhlas.

Kedua ini... *[Disampuk]* Sabar, kawan saya *tie* sama... *[Ketawa]* Sama. Maka Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan bahawa usaha ini murni baru bermula di peringkat bayi. Saya minta supaya untuk memastikan bahawa penglibatan bumiputera itu berjaya, dengan izin, *criteria transparency, merit, market friendly pro growth sustainable competitiveness* dan *financial stability* merupakan induk kepada memilih syarikat-syarikat ini. Maka, sama-sama dalam agenda ini. Kenapa lain? Kalau pagar makan padi tidak apa, jangan pagar racun padi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

12. Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok] minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah Bank Negara mengawal syarat-syarat yang dikenakan oleh bank komersial di dalam melantik panel-panel peguam bagi menguruskan dokumentasi pinjaman mereka.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia tidak menetapkan syarat-syarat berhubung dengan pelantikan panel peguam oleh institusi perbankan bagi menguruskan dokumentasi pinjaman masing-masing. Pelantikan panel peguam adalah tertakluk kepada polisi dalaman institusi perbankan berkenaan.

Kebiasaannya pelantikan tersebut adalah berdasarkan skop dan kualiti perkhidmatan serta reputasi firma guaman berkenaan. Institusi perbankan kebiasaannya menandatangani perjanjian terhadap perkhidmatan, *service level agreement*, dengan izin, dengan panel peguam masing-masing. Antara lain, perjanjian tahap perkhidmatan menggariskan beberapa perkara mengenai penyediaan perkhidmatan secara profesional dan bermutu serta penilaian prestasi perkhidmatan panel peguam secara berkala.

Walaupun mempunyai panel peguam masing-masing, institusi perbankan dikehendaki memberi pilihan kepada pelanggan dalam memilih peguam dari kalangan panel peguam institusi perbankan ataupun mana-mana peguam bukan panel bagi mewakili pihak pelanggan dalam menguruskan dokumentasi pinjaman. Sekiranya peguam panel dipilih, aduan berkaitan amalan dan perkhidmatan yang disediakan oleh peguam panel boleh diajukan kepada institusi perbankan terbabit untuk diteliti. Sekiranya aduan berkenaan adalah sah dan berasas, institusi perbankan boleh mengambil tindakan mengeluarkan peguam terbabit daripada panelnya. Terima kasih.

Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh beberapa bank komersial dalam hal yang berkaitan dengan pendokumentasian pinjaman. Contohnya, saya sebut nama bank di sini, RHB bank mengenakan syarat simpanan tetap RM200,000 kepada syarikat peguam, Bank Muamalat RM20,000, Bank Simpanan Nasional RM20,000 untuk membolehkan mereka mendapat ataupun menjadi panel di dalam pendokumentasian pinjaman-pinjaman yang bakal dibuat. Syarat ini bagi saya adalah satu syarat yang menekan syarikat-syarikat peguam, khasnya yang baru ataupun secara spesifiknya lagi syarikat-syarikat peguam bumiputera yang hendak berkembang.

Soalan tambahan saya juga satu lagi adalah berkenaan adakah syarat ataupun cadangan dikemukakan oleh Bank Negara kepada bank-bank komersial ini bagi meletakkan syarat syarikat peguam Muslim untuk menguruskan dokumentasi pinjaman ataupun kewangan yang berkaitan dengan pinjaman Islam dan kewangan Islam. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai syarat-syarat seperti mana yang saya sebutkan tadi adalah amalan dalaman bank masing-masing. Biasanya amalan pada satu bank adalah berbeza dengan amalan yang dibuat oleh bank-bank lain. Akan tetapi syarat-syarat yang dikenakan ini juga mestilah munasabah. Kalau Yang Berhormat katakan tadi bahawa terdapat keperluan untuk meletakkan deposit, saya kira sekiranya jumlahnya tidak lah besar seperti mana yang disebut RM20,000, RM50,000, barangkali ini juga satu perkara yang tidak luar biasa asalkan jumlahnya tidak terlalu besar. Untuk memastikan ada kesungguhan supaya kebajikan pelanggan ini dapat dijaga dengan baik dan ini boleh dikaji dari semasa ke semasa seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Tentang soalan yang kedua, saya kira tentang peguam Muslim untuk mengendalikan urusan yang bersabit dengan kewangan Islam saya kira ini sudah pun dijadikan satu amalan kerana kebanyakan syarikat guaman mempunyai peguam-peguam Muslim untuk melaksanakan kerja-kerja kewangan Islam ini. Saya rasa tidak ada satu syarikat yang tidak mempunyai peguam Muslim tetapi mengendalikan urusan kewangan Islam. Saya rasa ini tidak ada walaupun tidak diperlukan satu garis panduan tetapi sebagai amalannya dilihat ini tidak merupakan satu masalah. Sekiranya terdapat masalah sedemikian, maka aduan boleh dibuat kepada Bank Negara dan saya yakin Bank Negara akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu perkara ialah kalau kita melihat banyak aduan daripada peguam-peguam muda di seluruh negara yang mengatakan mereka tidak mempunyai peluang untuk menjadi peguam panel di bank-bank terkemuka khususnya di negara kita.

Lanjutan daripada soalan tadi, saya hendak bertanya adakah Bank Negara atau pihak kerajaan akan menganjurkan satu sistem vendor di kalangan bank-bank supaya bank-bank boleh menjadi vendor kepada peguam-peguam baru ini untuk tempoh-tempoh tertentu supaya akhirnya mereka boleh menjadi peguam panel kepada bank-bank dan mereka tidak perlu bersaing secara teruk, kritikal dengan peguam-peguam panel yang sudah lama berurusan dengan bank-bank tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Pemilihan panel ini sebenarnya berperingkat-peringkat. Di peringkat ibu pejabat umpamanya maka panel-panel yang dipilih adalah merupakan syarikat-syarikat guaman yang berada di Kuala Lumpur yang mana sudah semestinya merupakan syarikat-syarikat yang besar dan terkenal.

■ 1120

Pada masa yang sama cawangan-cawangan di peringkat negeri juga mempunyai panel masing-masing. Jadi di sana syarikat-syarikat guaman yang terdapat di negeri-negeri juga telah dipilih dan ini sudah tentu membuka ruang tidak semestinya syarikat-syarikat guaman yang besar-besar yang berada di Kuala Lumpur sahaja yang dipilih, yang ada di negeri-negeri pun boleh dan telah pun dipilih dan dikenakan syarat bahawa syarikat guaman ini sekurang-kurangnya tiga panel dikenakan, lebih boleh tetapi paling minimumnya ialah tiga syarikat yang dipilih untuk membolehkan pelanggan memilih panel yang sesuai dengan pelanggan selain daripada mereka yang bukan panel sekiranya pelanggan masih juga ingin memilih mereka.

Bagi syarikat-syarikat guaman yang baru ditubuhkan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya rasa ini adalah perkara biasa. Kalau baru maka mereka perlu mengumpul pengalaman terlebih dahulu. Apabila pengalaman sudah diperolehi, kebiasaan sudah pun terbukti, saya rasa barulah mereka boleh memohon untuk menjadi panel di peringkat negeri, cawangan kerana itu lebih mudah kerana syarikat-syarikat guaman di peringkat negeri ini pun barangkali tidaklah terlalu banyak. Akan tetapi tentang vendor ini, kita tidak ada lagilah dan mungkin tidak ada pelan untuk dilakukan sedemikian buat masa ini. Terima kasih.

13. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah subsidi yang ditanggung oleh kementerian dalam memberi rawatan serta ubat secara percuma kepada rakyat bagi tahun 2010 dan anggaran tahun 2011.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2010, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM14.76 bilion kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan untuk semua penduduk di negara ini. Manakala hasil keseluruhan yang dapat dikutip oleh KKM bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM311.22 juta sahaja. Ini bermakna secara umumnya kerajaan telah menanggung dan mensubsidikan kemudahan perubatan sebanyak RM14.45 bilion ataupun 98 peratus daripada peruntukan yang disediakan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan kepada rakyat pada tahun 2010.

Seterusnya Kementerian Kesihatan juga unjurkan tiada pengurangan subsidi kerajaan pada tahun 2011 tahun ini. Ini adalah kerana sehingga September 2011, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM12.44 bilion berbanding dengan kutipan keseluruhan hasil KKM dalam tempoh tersebut iaitu sebanyak RM238.5 juta sahaja. Ini bermakna kerajaan telah menanggung dan mensubsidikan sebanyak RM12.2 bilion atau pada kadar 98 peratus juga daripada keseluruhan perbelanjaan Kementerian Kesihatan untuk memberikan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan kepada penduduk-penduduk di negara ini.

Selain daripada subsidi rawatan dan ubat kepada pesakit yang dirawat di hospital kerajaan, IJN dan Pusat Hemodialisis NGO, bantuan kewangan juga diberikan kepada pesakit yang kurang mampu di bawah Tabung Bantuan Perubatan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mula melaksanakan *itemize bill*, dengan izin, mulai Jun 2011 di sembilan buah hospital dan akan memperluaskannya ke semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang lain pada tahun hadapan.

Bil-bil yang dikeluarkan di bawah sistem ini akan menunjukkan kos sebenar sesuatu perkhidmatan dan rawatan yang telah diterima oleh seseorang pesakit di hospital kerajaan berbanding dengan harga yang dibayar oleh pesakit tersebut. Melalui bil ini, pesakit akan lebih memahami jumlah subsidi yang telah ditanggung oleh kerajaan dalam setiap rawatan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terhormat pagi ini kerana Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dua kali dapat soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dan dua kali dapat soalan, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Beruntung sangatlah rakyat negara ini di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Saya ulang sekali lagi, beruntung sangat dan berterima kasihlah rakyat Malaysia kepada Kerajaan Barisan Nasional. Maka itu saya rasa Putrajaya akan terus menjadi hak milik Barisan Nasional... [Tepuk]

Ketua Pembangkang kena dengar ayat ini, ayat ini dia kena dengar, maknanya Barisan Nasional akan kekallah di Putrajaya, *insya-Allah...* [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2010/2011 hampir RM30 bilion subsidi ubat dan rawatan. Dulu Yang Berhormat Menteri, sebelum merdeka saya difahamkan kalau ada sepuluh wanita ibu yang melahirkan anak, sepuluh mati, dulu sebelum merdeka. Sama ada ibu meninggal atau anak kerana kekurangan zat, ubat yang tidak cukup, vitamin yang tidak ada. Akan tetapi hari ini *alhamdulillah*, bukan sahaja isteri pertama dapat rawatan, isteri kedua pun dapat rawatan. Jadi, cuma satu tabung bantuan perubatan ini bolehkah dipermudahkan terutama yang terlibat dengan IJN untuk dapat bantuan segera kerana kosnya begitu mahal. Kalau boleh dipermudahkan, kalau bolehlah. Kemudian mesin rawatan buah pinggang ini diperbanyakkan di hospital-hospital kerana kadang kala dia menunggu giliran itu pun menjadi sakit Tuan Yang di-Pertua kerana kekurangan. Kalau boleh itu diberikan tumpuan.

Kepada Kementerian Kesihatan, saya berterima kasih, doktornya, segala-galanya, kakitangan perkhidmatan cukup baik, termasuk Menteri cukup baik, Timbalan Menteri semua baik. Jadi kalau ada tambahan-tambahan penambahbaikan itu, ini sudah baik cuma rakyat akan kekalkan di Putrajaya, itu memang sudah tentulah tetapi kalau tambah baik lagi, lagi baik untuk Barisan Nasional. Kalau ada sedikit pendapat Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Sri Gading yang menyatakan perkembangan kesihatan memang pesat membangun dalam negara, kita berbanding dengan masa merdeka.

Statistik yang diberi itu tidak betul, semasa merdeka kadar kematian ibu adalah lebih kurang 350 daripada 100,000 kelahiran. Sekarang kita dapat turunkan kepada lebih kurang 27 kematian daripada 100,000 kelahiran dan kita akan terus turunkan lagi kadar kelahiran ibu mengandung yang meninggal. Kita yakin kita dapat turunkan. Kadar kematian bayi yang meninggal, kita sudah turunkan kepada enam kematian daripada 1,000 kelahiran. Itu menunjukkan bahawa dari segi perkembangan perubatan telah pun banyak membantu untuk memberi tahap kesihatan yang tinggi dalam negara kita.

Berhubung dengan bantuan di IJN Tuan Yang di-Pertua, memang kita memberi banyak bantuan. Pesakit-pesakit yang tidak mampu masuk ke IJN, mereka boleh memohon daripada Tabung Bantuan Perubatan kita. Pada tahun lalu sahaja kita telah pun memberi bantuan kepada yang tidak mampu lebih kurang RM57 juta tahun lalu, tahun ini September sahaja kita sudah beri RM58 juta bagi pada IJN, yang masuk IJN yang tidak mampu, kita tolong. Berhubung dengan hemodialisis Tuan Yang di-Pertua, memang pusat hemodialisis kita ucap banyak terima kasih kerana banyak pihak swasta, NGO banyak membantu kita kerana dari segi pusatnya bilangannya memang satu per tigalah, kerajaan satu per tiga, NGO satu per tiga dan juga swasta satu per tiga yang dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan beban dari segi pusat hemodialisis ini.

■ 1130

Kita juga memberi bantuan kepada pesakit-pesakit yang tidak mampu. Setiap seorang tambahan RM50 dan juga tambah lagi *erythropoietin*. Sepanjang tempoh lima tahun dari tahun 2006 sehingga tahun 2010, Kementerian Kesihatan telah memberi bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* berjumlah RM104.1 juta kepada 14,265 orang. Bagi tahun 2010 sahaja sebanyak RM24.15 juta telah diberikan kepada 3,346 orang pesakit. Manakala pada tahun 2011 dianggarkan RM33 juta bantuan subsidi dapat diberikan kepada 3,500 orang pesakit. Ini menunjukkan bahawa kita akan terus memberi perhatian, seruan Yang Berhormat tadi untuk kita tambahkan bilangan pusat hemodialisis dalam kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itulah soalan-soalan bagi Jawapan Lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 3 November 2011.”

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2012

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dan Anggaran Pembangunan 2012 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Pertama]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

11.33 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM146,295,113,800 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2012 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1 hingga B.13, B.20 hingga B.25, B.27 hingga B.32, B.40 hingga B.43, B.45 hingga B.49, B.60 dan B.62 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM51,248,900,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2012 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20 hingga P.25, P.27 hingga P.32, P.41 hingga P.43, P.45 hingga P.49, P.60, P.62 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran 'A' dan Lampiran 'B', Kertas Perintah 8 Tahun 2011 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2012 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2012 telah pun dibentangkan. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 8 Tahun 2011 dan buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2011. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] -
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2012] -**

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Jabatan Perdana Menteri - Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**USUL MEMINDA JADUAL DI BAWAH P.M. 66(9) -
MEMOTONG SATU BULAN GAJI PERDANA MENTERI**

11.35 pg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, pada pagi ini tanggal 2 November, 2011 saya kemukakan usul di mana..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tahun lalu saya ingat bahawa usul dibuat seperti begini kita hadkan masa. Jadi saya beri Yang Berhormat sepuluh minit, selepas itu seorang penyokong sepuluh minit dan kalau tidak ada daripada *backbencher* seorang sepuluh minit, saya jemput Menteri untuk terus menjawab. Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, boleh saya mula? Saya kemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) untuk satu pindaan pada pemotongan gaji bahawa bekalan ini diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM22,826.65 sen daripada perkara Maksud Bekalan... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat ganggu masa akan dibazir.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Pembangunan Jabatan Perdana Menteri kod 1000 emolumen, iaitu memotong gaji satu bulan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pekan telah mengambil alih jawatan menggantikan Yang Berhormat Kepala Batas pada 3 April 2009 ketika negara menghadapi krisis serius dari segi ekonomi dan politik. Setelah memegang kuasa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancar pelbagai kempen bersifat *public relation* yang menjanjikan transformasi pentadbiran dan sistem ekonomi yang dijangka memajukan kesejahteraan rakyat. Dua tahun setengah kemudian sempena perbincangan perbelanjaan negara 2012 tepat waktunya untuk menyemak semula realiti sebenar.

Tuan Pengerusi, adalah tanggungjawab kami sebagai wakil rakyat untuk menyuarakan perkara-perkara kepentingan awam. Dalam sistem demokrasi berparlimen peranan anggota Parlimen berbeza di antara parti pemerintah yang disebut *back bencher* dan pihak pembangkang. Tugas kami pembangkang diamanahkan oleh para pengundi dan pembayar cukai untuk menjadi pemantau dan pengkritik. Namun tindakan kita tidak harus ditafsir sebagai dengki atau bersikap dendam. Teguran kritikal dari pihak kami bertujuan untuk memperbaiki pengurusan dan urus tadbir negara dan pada umumnya membantu mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan pemerintah.

Usul ini tidak bertujuan memalukan atau menimbulkan kesulitan kepada mana-mana pihak... [*Dewan riuh*] Namun pemotongan gaji sebulan ini cuma simbolik untuk memperingatkan pemegang jawatan tinggi supaya menjalankan tugas dengan amanah dan telus. Peringatan ini bukan dituju kepada peribadi Ahli Parlimen Pekan, tetapi ia disasar kepada pemegang jawatan Ketua Eksekutif tertinggi negara kita bahawa tingkah laku jawatan ini sentiasa dipantau, diteliti agar tugasnya harus dijalankan dengan berhemah dan berkesan.

Tuan Pengerusi yang mulia, saya sebenarnya terpenggil meluahkan naluri hati rakyat marhaen yang di bawah sentiasa menggunakan ekspresi *frust* semasa berdepan dengan tekanan hidup harian.

■ 1140

Banyak *point* yang ingin saya kemukakan tetapi saya ingin tumpukan kepada tiga aspek pokok. Satu ialah ekonomi dan kegagalan dalam urus tadbir, kedua adalah kejatuhan imej negara dan ketiga ialah budaya fitnah yang berleluasa. Tuan Pengerusi, saya syokkan bahawa hujah saya bebas daripada retorik politik dan *political point story*... [*Dewan riuh*]

Mari kita ketepikan bahasa emosi dan persaingan kepandaian. Kita rujuk kepada indeks dan indikator yang diperolehi oleh hasil kajian pihak neutral dan siasatan badan-badan kepakaran ekonomi. Data-data ini yang boleh membantu kita memberi gambaran keseluruhan secara lebih objektif.

Tuan Pengerusi, tidak boleh kita nafikan ekonomi menjadi ukuran prestasi pengurusan dan keupayaan sebuah negara zaman moden ini. Pada masa satu ketika mungkin piramid telah menjadi ukuran tetapi hari ini yang harus kita jadi ukuran ialah ekonomi. Apa yang nyata penurunan prestasi pelbagai indikator sosioekonomi mutakhir ini menunjukkan kelembapan pentadbiran Pejabat Perdana Menteri menangani isu-isu negara.

Beberapa tahun kebelakangan ini rakyat hidup dalam suasana politik yang cukup mendesak dan inflasi melampau tinggi tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap tidak peka dan membenarkan ketirisan dan keborosan pengurusan.

Hutang negara menurut laporan Ketua Audit Negara yang di edar pada Oktober 2011, hutang awam telah mencatat kadar kenaikan 12.3 peratus iaitu kenaikan sebanyak RM44.72 bilion. Justeru menjadi hutang berjumlah RM407.11 bilion tahun lalu. Ini menunjukkan satu lonjakan besar jika dibandingkan dengan jumlah hutang sebanyak RM362.39 bilion pada tahun 2009. Ketua Audit Negara telah dedahkan bahawa hutang negara mencatat 53.1 peratus daripada pertumbuhan GDP atau KDNK. Kadar hutang kerajaan adalah 53.3 peratus tahun lalu. Angka ini sungguh membimbangkan kerana ia menunjukkan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Pekan telah meletakkan ekonomi negara kita berada di dalam keadaan risiko tinggi. Sudah berturut-turut dua tahun kadar hutang negara melebihi separuh daripada pertumbuhan KDNK. Kerajaan langsung tidak peduli kesan-kesan negatif akibat daripada jumlah hutang yang besar ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga memegang jawatan Menteri Kewangan gagal meneliti nisbah hutang kerajaan sebenarnya dibatasi oleh undang-undang. Ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini telah pernah meluluskan dua akta yang bertujuan menegaskan disiplin fiskal dalam mengehadkan jumlah hutang kerajaan iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983.

Tuan Pengerusi yang saya hormati, berdasarkan kedua-dua akta ini jumlah terkumpul hutang kerajaan tidak boleh melebihi 55 peratus daripada keluaran dalam negara kasar bagi tujuan pembangunan. Berdasarkan kepada laporan Bank Negara angka hutang negara kita setakat suku kedua tahun ini setakat Jun yang lalu sudah melebihi 53 peratus daripada KDNK. Tuan Pengerusi, ini juga bermaksud kita 2 peratus di belakang daripada perbelanjaan kita dan kita dengan angka-angka yang diperolehi nampaknya kerajaan telah mencatat satu kadar yang telah melebihi daripada had ini.

Perkara ini serius bukan sahaja kurangnya disiplin fiskal tetapi ini juga menunjukkan kerajaan tidak mematuhi undang-undang dan ini memberi satu kesan yang negatif merosot keyakinan awam terhadap sebuah kerajaan. Sudah tentu perkara ini tidak boleh dilepaskan begitu sahaja. Maka perkara ini bukan sahaja menunjukkan kelemahan pentadbiran negara dalam menguruskan fiskal disiplin lebih serius lagi kerajaan telah melanggar undang-undang. Maka perkara ini kita tidak boleh mengambil ringan dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan untuk melepaskan jawatan Menteri Kewangan kerana kecuaiannya untuk meneliti perkara yang begitu serius ini... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi, selain daripada perkara ini isu pemborosan dan *over spending* makin menjadi serius. Setiap tahun kita meluluskan satu belanjawan yang dikatakan mengikut sesuatu proses. Namun akhirnya bajet tambahan yang bertambah-tambah, berbilion-bilion menunjukkan kerajaan tidak mempunyai *budgetary discipline* dan kerajaan dengan izin, *the government is at the liberty of overspending*. Perkara ini kalau kita tidak hentikan akhirnya yang akan jadi masalah adalah masa depan dan kesihatan ekonomi negara kita.

Saya juga ingin membawa perhatian bahawa sungguhpun kerajaan telah menggunakan pelbagai perunding dari negara-negara asing tetapi nampaknya perunding-perunding ini tidak menterjemahkan perkhidmatan mereka kepada satu-satu pentadbiran yang kompeten dan kualiti kepimpinan yang diberkati. Oleh itu, saya juga mempersoalkan kebijaksanaan Pejabat Perdana Menteri untuk terus menggunakan perunding-perunding asing.

Kualiti kepimpinan diuji bukan sahaja dari segi angka-angka tetapi juga melalui keberanian melakukan sesuatu bukan sahaja secara popular tetapi mempunyai keinginan politik (*political will*) untuk melakukan sesuatu yang betul. Dalam aspek ini saya nampak Pejabat Perdana Menteri telah gagal menghapuskan rasuah dengan tidak mewujudkan agensi yang berwibawa. Dua kes yang kita telah nampak jelas di kalangan mata rakyat ialah kes Teoh Beng Hock dan kes Ahmad Sarbani. Sehingga hari ini agensi yang sepatutnya diamanahkan untuk menguruskan isu korupsi tidak memberi satu kewibawaan di mata orang awam.

Kedua menghapuskan pemborosan khususnya di dalam pelbagai lawatan ke luar negeri. Pelbagai perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isterinya makin meningkat. Contoh dengan lawatan ke Kazakhstan telah membelanjakan RM1 juta dengan tujuan dan hasil yang belum kita dapat kenal pasti... [*Tepuk*] Kita juga dapati pada 31 Ogos yang lalu sehingga 3 September Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan satu lawatan peribadi, disifatkan peribadi tetapi telah menggunakan pesawat *Airbus A319* yang dimiliki oleh kerajaan atau GLC. Kita ingin tahu adakah ini satu tindakan yang mencerminkan kewibawaan dan ketelusan. Meningkatkan ketelusan sehingga hari ini isu pengeluar tenaga bebas tidak selesai sehingga TNB terpaksa mengalami kerugian besar sebanyak RM453 juta. Kontrak-kontrak yang didesak oleh rakyat, kontrak TNB dengan IPP, kontrak IWK, kontrak tol. Sehingga hari ini sungguhpun berkali-kali dijanjikan akan dikemukakan secara telus, sehingga hari ini kita tidak jumpa bayang pun.

■ 1150

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menganugerahkan beberapa projek strategik seperti MRT, *double track railway*, Lapangan Terbang Sungai Besi dan pelbagai tanpa tender terbuka dan tidak memilih kontraktor mengikut prinsip yang ditetapkan dalam ETP atau GTP. Ini semuanya merupakan indikator-indikator yang menunjukkan pentadbiran ekonomi kita tidak memuaskan.

Perkara kedua ialah imej antarabangsa. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isterinya kerap berkunjung ke negara-negara asing tetapi imej Malaysia di mata dunia tetap menjunam rendah... [Tepuk] Sekali lagi ini bukan berpunca daripada kurang usaha, kurang kecekapan oleh pegawai diplomat profesional. Bukan tanggungjawab mereka, bukan kesalahan mereka. Sebaliknya kegiatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjejaskan usaha mempertingkatkan prestasi negara kita di pentas antarabangsa. Skandal FBC media yang terbongkar telah melibatkan aktiviti tidak *ethical*, tidak mematuhi sikap profesional di media antarabangsa terpaksa dihentikan semua program oleh CNNBC dan BBC.

Imej negara kita jelas tercemar sebab FBC diupah oleh Kerajaan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga gagal menangani isu-isu perkauman dan agama dengan membiarkan kumpulan-kumpulan pelampau menyerang dan mengancam keharmonian masyarakat. Parti pemerintah ditafsirkan menyokong secara sunyi dan mewujudkan kekhawatiran masyarakat antarabangsa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak secara tegas menangani punca masalah ini dengan memisahkan pendirian beliau daripada kumpulan-kumpulan pelampau ini.

Perhimpunan aman BERSIH, pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan Malaysia jauh ketinggalan sebagai standard sebuah negara yang demokratik dengan cara menutup bandar raya, bertindak ganas oleh pihak berkuasa terhadap perarakan *demonstrate* yang aman. Tindakan sedemikian memburukkan imej negara kita sungguhpun berkali-kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan Malaysia *will be the most best democracy in the world*, dengan izin. Akan tetapi secara ironis, tindakan yang ditunjukkan dalam kaca televisyen sebaliknya membayangkan perkara yang sebaliknya.

Tuan Pengerusi yang saya hormati sekalian. Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan dalam perkara usul ini ialah penyebaran politik fitnah, budaya politik fitnah yang berleluasa... [Dewan riuh] Tiga kes secara spesifik yang saya ingin kemukakan. Sebenarnya banyak lagi tetapi saya hanya ingin tumpukan kepada tiga kes.

Pertama, pelancaran konspirasi menahan seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat dan lima orang aktivis parti sosialis Malaysia... [Tepuk] Dakwaan yang tidak berasas menyatakan mereka cuba menghidupkan fahaman komunis. Sungguhpun keenam-enam aktivis ini telah dibebaskan tanpa satu ayat pun untuk menyatakan kesal atau menarik balik tuduhan liar yang tidak berasas ini. Ini memberikan gambaran yang sangat melucukan kepada orang ramai dan juga masyarakat antarabangsa. So, di mana lagi di bumi ini masih ada elemen yang cuba menghidupkan fahaman komunis selain daripada di dalam dunia khayalan dalam UMNO.

Politik kotor terhadap Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh yang melibatkan kumpulan yang menggelar diri sebagai 'Datuk T', salah seorang daripada mereka iaitu Tan Sri Rahim Tamby Chik merupakan Pengerusi RISDA yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jawatannya masih dikekalkan sampai hari ini walaupun selepas Tan Sri Rahim dihukum bersalah dalam melakukan pengedaran video lucah dan ini telah dihukum dalam mahkamah tetapi tanpa tindakan dari pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ketiga ialah cerita rekaan terhadap anak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng... [Dewan Riuh] Yang Amat Berhormat 'Bagan'..., maaf, telah disebar oleh anggota-anggota yang berkait dengan parti-parti pemerintah sendiri dan termasuk juga pemimpin-pemimpin kanan parti pemerintah. Akan tetapi tanpa tindakan tegas, tanpa permintaan maaf, sungguhpun perkara ini telah terbukti sebagai fitnah dan tidak betul.

Perkara-perkara ini adalah perkara yang serius. Saya sekali lagi ingin tegaskan tidak ada niat untuk mencemar secara peribadi terhadap Yang Amat Berhormat Pekan tetapi sebagai pemegang jawatan tertinggi, kapten negara kita, institusi Perdana Menteri ini harus ditegur... [Tepuk] Dan diberi peringatan bahawa ini adalah amanah rakyat dan harus menjalankan tugas secara baik, berhemah dan telus. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Sebelum Yang Berhormat Jelutong saya panggil, sila duduk dahulu Yang Berhormat. Saya ada satu perkara yang ingin saya mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat. Saya mempunyai satu dilema yang amat besar. Dilema ini adalah seperti berikut, pada mulanya saya memikirkan bahawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(6) yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Batu ini saya tolak atas sebab bahawa bagi pendapat saya, setelah mengkaji peraturan mesyuarat ia satu perkara yang *abusing standing order*. Ini kerana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu itu telah disampaikan kepada saya apabila saya menulis surat kepada beliau meminta apa sebab-sebab seperti sebab-sebab yang diminta di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), sebab-sebab apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat.

Bagi saya, alasan-alasan itu adalah alasan-alasan yang boleh dibangkitkan pada peringkat dasar sedangkan ini adalah peringkat jawatankuasa. Jadi apabila ia nanti di bahas, maka perbahasan itu sudah tentu akan berkisar dalam ruang lingkup dasar, bukan lagi Jawatankuasa. Itulah sebab kenapa saya kata, Peraturan Mesyuarat 66(6) ini adalah satu peraturan mesyuarat yang boleh disalahgunakan. Walau bagaimanapun, apabila saya menimbangkan balik, kalau saya tolak sewenang-wenangnya mengikut peraturan mesyuarat yang ada seperti kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 100, saya akan dituduh bahawa saya bersubhat dengan kerajaan.

Saya menekankan sedemikianya. Akan tetapi satu persoalan yang timbul, yang belum lagi berlaku dan mungkin akan berlaku. Seandainya seorang Ahli Yang Berhormat daripada *backbencher* membuat usul yang sama di bawah Peraturan Mesyuarat 66, mengurangkan pula bajet itu daripada elaun Ketua Pembangkang, apakah saya benarkan? Ini kerana...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, nanti dahulu Yang Berhormat. Nanti dahulu. Apabila saya tolak itu, bermakna saya *applied double standard*. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya belum habis untuk bercakap! Apa yang saya terangkan ini adalah juga perkara yang mustahak, bukan main-main. Apabila seorang Ahli Yang Berhormat daripada *backbencher* mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(6) seperti juga apa yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu, mengurangkan elaun Ketua Pembangkang umpamanya atas sebab-sebab politik juga yang akan di hujah daripada *backbencher*, adakah saya boleh menolak ataupun tidak?

Jadi atas sebab itu, oleh sebab *precedent* telah dibuat oleh Speaker yang terdahulu, maka saya benarkan apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Batu. Itulah sebabnya kenapa saya hadkan masa. Ini kerana soal ini adalah soal yang boleh dibincangkan pada peringkat dasar. Akan tetapi, saya telah memikirkan bahawa Peraturan Mesyuarat 66(6) telah pun saya bermesyuarat beberapa kali, perlu diubah oleh Dewan ini. Sekarang Yang Berhormat Jelutong sila 10 minit. Selepas itu dua daripada *backbenchers* 10 minit, 10 minit dan lepas itu saya jemput Menteri untuk menjawab. Jangan sama sekali bertengkar dengan soal-soal ini. Berbahas dengan baik. Sila Yang Berhormat Jelutong.

■ 1200

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, saya minta kalau boleh wakil BEBAS seorang. Tuan Pengerusi.

12.01 tgh.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap sebagai penyokong kepada usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2012 bagi Jabatan Perdana Menteri yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu.

Mencadangkan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM22,826.65 daripada perkara Maksud B.6 P.6, Jabatan Perdana Menteri kod 10,000 emolumen iaitu dengan memotong gaji satu bulan Perdana Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM22,826.65.

Tuan Pengerusi, ucapan saya akan berkisar tentang tajuk bagaimana Perdana Menteri telah gagal melaksanakan satu tindakan yang boleh dikatakan sebagai *market friendly affirmative action*. Sudah maklum bahawa Yang Berhormat Pekan telah memegang peranan sebagai Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri sejak tahun 2009. Sejak tiga tahun yang kebelakangan ini kita pun sudah nampak hala tuju negara kita, bagaimana ia diterajui sebagai nakhoda negara Malaysia. Untuk menghadapi sebarang cabaran yang semakin menyempitkan memandangkan kekusaran ekonomi di *Europe* dan juga di seluruh Amerika. Dalam tiga tahun yang lepas terdapat banyak peristiwa *flip-flops* yang dalam dari segi pelancaran dasar. Terutama sekali apabila Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat dari Pekan memegang peranan Perdana Menteri.

Beliau telah melafazkan janjinya supaya negara kita akan menuju kepada satu suasana *market environment* yang lebih *liberalize*. Di mana terdapat sektor-sektor tertentu yang akan dilonggarkan, diliberalisasikan. Malah itu pun telah disebut-sebut dalam media masa seluruh dunia akan tetapi kita dapat banyak *flip-flops* dari segi pelaksanaan dasar. Sehingga janji dan jaminan kita terhadap hala tuju liberalisasi diberhentikan setelah ianya dikutuk dan juga dicaci oleh pihak-pihak tertentu yang terutama sekali dari PERKASA dan sebagainya.

Kedua, kita juga lihat dari segi pelancaran *Economic Transformation Programme* (ETP), di mana dikatakan pemacu bagi program-program ETP itu akan di kendali dan juga dinakhodai oleh pihak swasta. Akan tetapi apa yang kita lihat ialah satu *flip-flops* yang agak genting kerana terdapat syarikat-syarikat GLC yang juga berlumba-lumba bertanding, bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Sehingga wujudnya *the crowding out effect* terhadap yang telah melambatkan penglibatan pihak swasta dalam ETP ini. Walaupun dikatakan terdapat RM10 bilion telah dijanakan dalam satu tahun jagung yang lepas dan semalam kita telah menyaksikan ulang tahun pertama setelah ETP itu lancarkan. Akan tetapi kita harus ambil maklum bahawa kita masih memegang kepada dasar ekonomi yang lama. Walaupun apa yang tersurat ialah pemacuan oleh pihak swasta tetapi apa yang dijalankan secara realiti ialah satu *crowding out* terhadap pihak swasta. Saya mintalah supaya Perdana Menteri dapat masukkan gear yang lain supaya dasar-dasar asasi dalam ETP itu dapat dikembalikan.

Ketiga, yang saya kawatir ialah bagaimana kita mewarisi *human power* dan juga *human resources* yang kita ada. Saya amat sedih melihatkan Tan Sri Hassan Marican telah dilucutkan ataupun dipaksakan secara paksa rela untuk melepaskan jawatannya sebagai Ketua Eksekutif Petronas... [*Dewan riuh*] Ini kerana suasana dan juga persekitaran yang telah diselubungi mengenai pelantikan salah seorang ahli lembaga yang baru yang bernama Omar Mustapha. Jadi, saya rasa apa yang kita campak telah pun dipetik oleh orang. Sekarang ini saya juga bersyukurlah bakat-bakat kita seperti Tan Sri Hassan Marican kini telah dilantik sebagai salah seorang ahli lembaga di syarikat petroleum yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Pengerusi mengenai topik saya *market friendly affirmative action*. Saya ingin juga memetik terbitan rasmi daripada Kerajaan Pusat mengenai belanjawan tahun ini. Saya lihat beberapa kritikal *point* yang akan memacu kita kepada sesuatu yang mungkin akan membahayakan ekonomi kita. Pertama ialah tentang peruntukan bagi perbelanjaan mengurus. Setahu kita pada Belanjawan 2012, apa yang saya dapat petik ialah jumlah hutang akan menjadi sebanyak RM20.5 bilion iaitu ia merupakan 11 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Mengikut kebiasaan dan juga *benchmark* yang diletakkan oleh ahli-ahli ekonomi sedunia, kalaulah jumlah hutang kita mencecah, mendekati 15 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus itu ialah satu tanda genting yang akan menjatuhkan keutuhan ekonomi kita.

Jadi, kita pada tahun hadapan telah mencecah 11 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Itu ialah satu *significant point* yang harus kita ambil maklum. Saya juga dapat petikan daripada terbitan-terbitan rasmi bahawa himpunan dan timbunan hutang telah meningkat dalam masa tiga tahun Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan.

Oleh kerana himpunan dan juga timbunan hutang pada tahun 2009 hanya setakat RM363 bilion malah pada tahun 2011 himpunan dan timbunan hutang kita telah meningkat kepada RM456 bilion. Ini bermaksud dalam masa singkat, tiga tahun sahaja himpunan dan timbunan hutang kita telah meningkat sebanyak 25.6 peratus. Sedangkan pertumbuhan KDNK kita GDP kita hanya di paras kurang daripada 10 peratus...

Tuan Pengerusi: Dua minit lagi Yang Berhormat, dua minit lagi.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih. Satu lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang citra dan juga imejan negara kita. Saya rasa agak aneh kenapa semasa sebelum belanjawan tahun ini dilancarkan kita menatap kaca TV dan kita lihat *the First Lady* itu bersama-sama menurut Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kita pada *final briefing* sebelum bajet itu diumumkan. Kalaulah itu *final briefing*, saya rasa kita masih dalam tempoh embargo dan saya tahu setahu saya dari hakikat dan hakiki Rosmah Mansor tidaklah merupakan seorang anggota Kabinet ataupun ahli daripada kerajaan... [Tepuk] Sama ada beliau..., kerana kehadirannya dalam *final briefing* untuk bajet itu telah mencecah ataupun menjahanamkan OSA kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi sepatutnya di Parlimen ini jangan gunakan nama. Lebih-lebih lagi orang yang ada berkaitan dan dihormati, Tuan Pengerusi. Ini mencemarkan...

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kedua, yang aneh itu saya rasa ialah kita telah terpesong daripada konvensi. Konvensi kita ialah apabila parti kita tidak sampai pada hari-hari kebesaran, biasanya Perdana Menteri akan membuat perutusan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta peraturan kita di Parlimen Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Jelutong ini, dia tidak faham.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Perutusan rasmi menerusi kaca TV RTM1 dan RTM2 dan juga *roadcast* menerusi rangkaian TV yang lain. Apa yang kita lihat pada tahun ini yang ganjil ialah seseorang yang bukan ahli Kabinet, seseorang yang bukan ahli dalam Parlimen yang dilantik menerusi sistem *Parliamentary Democracy* telah diberikan peluang berkali-kali sampai mual kita menatap wajahnya sebagai seorang yang menyampaikan perutusan hari raya.

■ 1210

Kita lihat semasa zaman Toh Puan Raha, zaman Tun Dr. Hasmah, tidak ada perkara yang begitu. Kenapa kita dahulukan *the First Lady* dan kita telah memesong daripada konvensi. Saya rasa itu ialah satu perbuatan yang telah mencaci imejan dan citra nama negara Malaysia.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Jadi saya harap ambil maklum. Ada banyak lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: ...Ada Yang Berhormat. Sila gulung, gulung Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okey, saya gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa gulung lagi? Sudah habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Gulung sendirilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa gulung-gulung? Duduklah. Apa gulung lagi dah habis masa.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Okeylah, yalah. Yang terakhir sekali ialah daripada segi ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak fahamkah berapa kali? Bodohkah?

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...*Market friendly affirmative action*. Saya minta kita menyokong usul ini kerana Perdana Menteri setakat ini telah gagal untuk melaksanakan sebarang tindakan yang...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tan Sri, berulang kali perkataan *unparliamentarily* dikeluarkan. Saya mohon Tan Sri memberikan satu reaksi yang lebih munasabah... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat Machang minta saya supaya memberi reaksi kepada perkataan "bodoh". Sebelum ini, perkataan-perkataan ini biasa didengar, caci mencaci. Yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong tadi itu menyebut nama seorang yang tidak kena mengena dengan Peraturan Mesyuarat 66(6), saya *tolerate*. Jadi jangan ajar saya untuk buat tugas saya. Masing-masing Yang Berhormat ajar diri masing-masing.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Adakah ini bermakna sekarang bebas, *free for all*?... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Machang, duduk. Yang Berhormat Machang, duduk.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Apakah sekarang ia terbuka? *Free for all*?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Machang, duduk. Sekarang saya bercakap.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Baik.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Nak tunjuk pandailah Yang Berhormat Machang.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Machang tanya saya adakah ini *free for all*? Sekarang ini saya buat *ruling* dan setelah saya buat *ruling*, awas. Siapa yang cakap "bodoh" tadi, tolong tarik. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain diam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tarik Tan Sri tetapi kepada yang bodoh, dia bodohlah, tetapi saya tarik.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kalau tarik bermakna tiada alasan lain. Tolong bantu saya, tarik perkataan "bodoh", kerana *unparliamentarily*.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat jangan ajar saya tarik kerana itu *unparliamentarily*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tapi minta Yang Berhormat Jelutong itu tarik juga.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat tarik dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah tarik tapi...

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih. Ada lagi yang cakap "bodoh" tadi secara *gentlemen* saya mahu tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tarik lepas itu keluar balik itu Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap, tolong senyap! Ahli-ahli Yang Berhormat mahu patuh kepada peraturan mesyuarat, saya jalankan peraturan mesyuarat. Siapa tadi yang cakap bodoh lagi tolong tarik kerana *unparliamentarily*. Mulai daripada saat ini, kita mula main peraturan mesyuarat...

Beberapa Ahli: Setuju.

Tuan Pengerusi: Ada lagi?

Beberapa Ahli: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Sudah tarik? Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Tangga Batu sepuluh minit jangan hujah perkara-perkara politik dan jangan *react*. Yang Berhormat Jelutong, masa sudah sepuluh minit saya bagi, lebih daripada 10 minit lagi. Oleh kerana saya terlampau *tolerant*, sekarang Yang Berhormat Tangga Batu sepuluh minit.

12.14 tgh.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk berbahas di dalam usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Yang kredibilitinya pun boleh kita pertikaikan apabila didapati bersalah gigit telinga polis... [*Dewan riuh*] Orang yang didapati bersalah kerana berlawanan dengan penguat kuasa negara kita pun kita benarkan bawa usul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nanti sekejap Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan dulu, saya faham sudah. Minta penjelasan sikit.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dah faham? Wah, cukup hebat dia.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Tangga Batu, apabila Ahli Yang Berhormat benarkan ada pencelahan sebegini, saya ambil kira dalam sepuluh minit Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Masa saya, masa saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, ya. Saya bercakap tidak sampai satu minit

Tuan Pengerusi: Kerana sekarang ini kita main peraturan mesyuarat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tan Sri, terima kasih Yang Berhormat. Saya pun hairanlah. Memang betul yang orang tak ada adat, tak ada adab, tak ada peraturan bicara soal undang-undang, gigit polis kerana kalah di mahkamah. Nasib kerajaan kita ini baik, kita tak nak dia pilihan raya kecil, hendak terima usul macam ini. Kalau sayalah Yang Berhormat Tangga Batu, saya nak usulkan dia masuk penjara lagilah. Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Tangga Batu, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tangga Batu, tidak perlu *react* kepada apa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan kerana ianya tidak kena mengena dengan usul 66(6). Sila... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat lain tolong senyap. Minta ikut peraturan mesyuarat yang sebenar-benar. Terima kasih Yang Berhormat Machang.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, saya nak ingatkan Yang Berhormat Kinabatangan. Dia pun telah didapati bersalah di mahkamah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, kalau Yang Berhormat Shah Alam berdiri lagi tanpa kebenaran saya, yakinlah Yang Berhormat Shah Alam saya akan rehatkan Yang Berhormat di luar.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Out to go. Send him out, send him out.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jempol, duduk Yang Berhormat Jempol. Yang Berhormat Jempol duduk kerana belum lagi saya benarkan untuk bercakap.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Tangga Batu bagi Tuan Pengerusi.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Peraturan mesyuarat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kerana belum saya benarkan lagi, Tuan Pengerusi.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini Yang Berhormat Gopeng pula berdiri. Bila saya nak bercakap dia tak beri.

Tuan Pengerusi: Sudah. Yang Berhormat Tangga Batu duduk dulu. Ada peraturan mesyuarat daripada Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Peraturan Mesyuarat 36(6). Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli yang lain... [*Dewan riu*] Dan kenyataan Yang Berhormat Tangga Batu berkenaan dengan Batu itu adalah sangkaan jahat dan tidak seharusnya diterima dalam Dewan yang mulia ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Saya tidak nampak ada pelanggaran peraturan mesyuarat 36(6)... [*Dewan riu*] Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Pengerusi, sebab dia menyoal kredibiliti seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat Malaysia. Itu saya rasa melanggar Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang penting adalah apa yang saya rasa dan apa tafsiran saya sewaktu mesyuarat. Itu Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham. Jadi saya sudah buat petua bahawa tidak ada pelanggaran Peraturan Mesyuarat 36(6). Sila Yang Berhormat Tangga Batu teruskan, masa sudah berjalan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jangan ganggu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya nasihatkan Yang Berhormat Gopeng balik baca balik *point of order* dekat rumah baru datang bercakap di sini.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Gopeng, tolong duduk Ahli Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Saya rasa tak munasabahlah sebab ini mencabar kredibiliti seorang Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi: Sudah saya buat petua Ahli Yang Berhormat, tidak ada pelanggaran mesyuarat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau susah sangat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Gopeng pergi belajar dengan Yang Berhormat Permatang Pauh tentang *point of order*.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, saya melihat usul ini dibawa tidak lain dan tidak bukan kerana pihak pembangkang telah mengenal pasti dan telah mengukur kejayaan perancangan-perancangan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri kita. Tuan Pengerusi, seorang yang berpengalaman, yang mula dipilih sebagai Ahli Parlimen semenjak tahun 1976 yang pernah menjadi ketua pentadbir kepada salah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung ini, yang kredibilitinya telah terbukti, pencapaiannya telah terbukti sebagai seorang pemimpin yang cekap, sebagai seorang pemimpin yang berkesan yang mengetahui apa yang beliau lakukan.

Hari ini usul ini dibawa tidak lain dan tidak bukan kerana mereka khuatir populariti Perdana Menteri telah mengatasi segala apa yang dilakukan oleh pembangkang... [*Tepuk*]

Itu sebab mereka membawa usul ini, membawa usul ini dengan tujuan mengalih perhatian rakyat yang saya pasti pada hari ini kalau dilihat siapa yang membawa usul, kalau dilihat siapa yang menyokong usul dan hari ini kita pasti kumpulan kaum ini yang terdiri sebagai salah satu daripada kumpulan terbesar negara kita telah memberikan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Maka mereka bawa usul ini kononnya kredibiliti Perdana Menteri kita boleh dipertikaikan.

Tuan Pengerusi, saya yakin percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri faham ini tidak lain dan tidak bukan mempunyai sentimen politik dan niat yang amat buruk bukan sahaja untuk menjejaskan imej pemimpin kita bahkan pada masa yang sama untuk menjatuhkan imej negara. Silakan Yang Berhormat Sri Gading.

■ 1220

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya lama dalam Dewan ini Tuan Pengerusi tetapi tidak pernah jumpa satu usul yang paling jahat dalam sejarah Parlimen ini... [*Tepuk*]

Usul yang sengaja dibawa oleh orang yang tidak pernah tahu berterima kasih. Usul yang sengaja dibawa menggunakan kekebalan Parlimen untuk melemparkan segala pembohongan. Hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Batu kalau hendak kita bahaskan satu persatu boleh kita jelaskan.

Usul yang dilemparkan menggunakan kekebalan fitnah, pembohongan, fitnah yang sengaja hendak mencemarkan nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang Perdana Menteri yang berjasa, yang telah membawa negara ini dalam keadaan seperti ini, yang dicemburui oleh negara-negara di seluruh dunia. Ini Perdana Menteri kita yang ada pada hari ini tetapi Yang Berhormat Batu tahu bahawa pilihan raya yang akan datang dengan bajet yang kita bentangkan telah mengatasi apa yang telah dilakukan oleh pembangkang, inilah sebagai senjata yang sebenarnya saya rasa senjata makan tuan kepada pembangkang.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. *Floor* Yang Berhormat Tangga Batu. Sila Yang Berhormat Tangga Batu. Ada beberapa minit lagi Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya dapat lihat secara rapat apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah di samping sebagai Perdana Menteri memahami konsep *leadership setting the drive*. Seorang Perdana Menteri sebagai pemimpin utama membawa satu pemacuan terhadap sistem negara yang pada hari ini yang faham akan matlamat negara yang pertama ialah bagaimana untuk memuaskan, menepati kehendak dan keperluan rakyat.

Kedua, mengekalkan negara berada di tahap yang paling kompetitif dan yang ketiga mengekalkan sistem itu supaya sentiasa bekerja dan mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang cukup tinggi kualitinya. Ini cukup jelas kita lihat Tuan Pengerusi apabila sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil *office* sebagai seorang Perdana Menteri, perkara yang pertama dibawa ialah untuk melihat kaedah mencari persamaan hidup di dalam kepelbagaian. *Unity in diversity*. Mencari bagaimanakah rakyat di negara ini Melayu, Cina, India, Murut, Kadazan boleh hidup mencari satu persamaan dan kita jelas persamaannya adalah untuk kita semua hidup di dalam keadaan selamat, aman dan makmur dengan slogan 1Malaysia, "Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan". Slogan ini sahaja sudah cukup untuk membawa imej Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin yang harus kita berikan kepercayaan untuk mentadbir dan memimpin negara kita.

Tuan Pengerusi, ini sebenarnya telah menggugat pihak pembangkang. Mereka ada pemimpin, cakap tidak serupa bikin. Kita tahu hari ini mereka cuba membawa usul untuk menggugat kredibiliti Perdana Menteri kita. Kita tahu di dalam mereka ada juga pemimpin negeri yang 40 wakil rakyat PKR hantar memo untuk letak jawatan tetapi tetap juga gagal... [*Tepuk*] [*Dewan riu*] Di mana integriti mereka, di mana kewibawaan mereka. Kita tidak pernah membesar-besarkan perkara ini kerana kita tahu apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri adalah untuk melihat masa hadapan negara kita berada lebih baik daripada berbanding daripada masa-masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya dengan fakta-fakta yang ada, yang dibawa yang dipalsukan, yang dipesongkan tidak akan berupaya untuk menyeleweng pemikiran rakyat negara yang telah tetap dan padu untuk memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya akan datang... [Dewan riu] Silakan Yang Berhormat Silam, Jempol. Yang Berhormat Jempol dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang mana satu Yang Berhormat, yang mana satu. Yang Berhormat Jempol kah Pasir Salak.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jempol. Selepas Yang Berhormat Jempol, *respond* Yang Berhormat, selepas itu gulung.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Alamak hai.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kepercayaan kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja lahir daripada rakyat Malaysia tetapi dunia juga yakin kepada kepimpinan. Transformasi yang dibawa oleh Perdana Menteri telah pun menarik begitu banyak pelabur asing melabur modal dalam negara kita... [Dewan riu] FDI kita meningkat dan syarikat swasta yang ada dalam negara kita sekarang melabur modal sehingga RM52 bilion Malaysia yang menyebabkan fitnah bukan sahaja menjejaskan pelabur luar negara tetapi daripada pembangkang menggunakan duit rakyat Pulau Pinang, pergi ke luar negara, memburukkan negara kita, menabur fitnah, kononnya Johor tidak selamat, Malaysia tidak selamat. Ini yang menjadi pengkhianat kepada negara kita... [Tepuk] Bukan soal kepimpinan Perdana Menteri.

Wanita utama Malaysia, kalau keluar televisyen semua syarikat yang menyumbang. Iklan mereka dikeluarkan. Kalau isteri Yang Berhormat keluar televisyen, siapa hendak menyumbang? Tidak ada siapa... [Dewan riu] Isteri Perdana Menteri keluar atas masalah-masalah sumbangan kepada rakyat, kebajikan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sila *respons* Yang Berhormat Tangga Batu.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Akan tetapi isteri Yang Berhormat kalau keluar, siapa hendak *cover*? Tiada nilai komersialnya. Perdana Menteri Malaysia bawa isteri salah, bawa keluarga salah. Mereka lebih suka melihat seorang pemimpin yang tidur dengan pelacur, tidur dengan perempuan... [Dewan riu]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jempol, sudah Yang Berhormat Jempol.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Akan tetapi kalau Perdana Menteri Malaysia bawa Datin, bawa isteri ke luar negara, imej negara kita dapat meyakinkan seluruh dunia bahawa kepimpinan kita boleh menjadi contoh dan teladan.

Seorang Ahli: Ada videokah?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Tangga Batu, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu *respons* kepada yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, apa yang dinyatakan...

Tuan Pengerusi: Selepas itu gulung Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jempol sudah terang lagi bersuluh. Jadi, tidak perlu saya ulas dengan lebih lanjut dan saya percaya rakan saya dari Pasir Salak pun ada perkara yang hendak diterangkan. Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tangga Batu, selepas Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak jangan panjang oleh kerana masa sudah habis. Selepas itu, *respons* Yang Berhormat dan gulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Gulung.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya yakin Yang Berhormat Pasir Salak akan mematuhi peraturan Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya baca alasan-alasan yang dikemukakan untuk membawa usul ini. Alasan nombor satu berhubung dengan kononnya hutang Kerajaan Persekutuan 51 peratus daripada nisbah hutang tempatan. Apa yang menjadi masalah ini?... [*Dewan riuh*] Dengarlah dahulu, awak tidak belajar. Dengar dahulu orang bercakap.

Saya boleh tunjuk seorang-seorang. Ini *chemical engineering*, ini pegawai kerajaan, ini *public studies*, *Islamic studies*. Dengarlah orang yang tahu sedikit bercakap. Betul tidak? Ekonomi kita tidak terjejas dengan perkara ini berbanding dengan negara-negara maju pada hari ini Amerika, Europe dan semua lebih maju daripada Malaysia, keadaan ekonomi mereka lebih teruk daripada Malaysia. *So, what is the problem* dengan izin. Itu satu. Apa yang penting ialah ekonomi negara, kesejahteraan rakyat, kesejahteraan rakyat! Hutang yang ada adalah untuk pembangunan ekonomi. Bukan untuk belanja, pergi joli sana, joli sini.

Kedua, ini soal inflasi 3.4 peratus. Jumlah 3.4 peratus tidak tinggi yang tinggi di Amerika sekarang berapa dia punya inflasi. Di *Europe* berapa inflasinya? *Unemployment* berapa? Belajar. Telinga itu bertutup sebab itu tidak dengar cakap orang. Buka itu yang dekat telinga itu. Tutup-tutup 24 jam.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Tangga Batu respons, selepas itu Yang Berhormat gulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ekonomi, dari segi ekonomi 3.4 peratus tidak tinggi. Ini rendah, yang tinggi 6 peratus, 10 peratus, 11 peratus. *If you study economy, you understand economic* dengan izin.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Tangga Batu, sila respons. Yang Berhormat Pasir Salak, sudah lah Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Tangga Batu respons.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sedikit sahaja lagi Yang Berhormat, sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Why are you so scared?*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak, duduk dahulu Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya kalau hendak teruskan, okey Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, kalau pihak pembangkang hendak bawa usul tidak percaya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu Yang Berhormat Pasir Salak.

■ 1230

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekejaplah!... [*Dewan riuh*] Tidak boleh bercakap apa guna?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Pasir Salak duduk.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita hendak bercakap tidak boleh. Apa guna duduk dalam Dewan kalau tidak boleh bercakap?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Pasir Salak duduk. Jikalau Yang Berhormat Pasir Salak tidak duduk saya akan arahkan Yang Berhormat Pasir Salak untuk keluar. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain senyap. Ahli-ahli Yang Berhormat mahu saya jalankan peraturan mesyuarat?

Seorang Ahli: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Maka semua patuh dengan peraturan mesyuarat, saya tidak kira siapa termasuk yang bercakap. 'Ya' 'Ya'. Siapa? Jangan Ahli-ahli Yang Berhormat main dengan saya. Kamu pergi main dengan diri sendiri. Jangan saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading jangan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Jikalau saya kata masa habis, habis. Jikalau saya kata Peraturan Mesyuarat ini, ini. Saya tidak kira siapa. Yang Berhormat Tangga Batu gulung, selepas itu Yang Berhormat Jasin berdiri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita sedang cakap mereka kacau Tuan Pengerusi, macam mana hendak cakap?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat saya tidak panggil Yang Berhormat berdiri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana kita hendak bercakap, Yang Berhormat Shah Alam membebel.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk. Sudahlah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sepatutnya berdisiplinlah Yang Berhormat Shah Alam ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana kita hendak bercakap.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, kalau hendak berhujah saya boleh bagi hujah saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudahlah.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini kita hendak bercakap dia kacau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa ini?... *[Dewan riuh]*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan campur Yang Berhormat. Jangan campur Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Bukan campur, saya minta pandangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak jemput Yang Berhormat berdiri.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya minta pandangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya tanya. Saya minta diambil tindakan.

Tuan Pengerusi: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Okey, saya hendak minta panduan daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat. Saya tidak ada panduan lain cuma saya mengatakan bahawa ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ha, ikut peraturan.

Tuan Pengerusi: Apabila saya bercakap jangan Yang Berhormat berdiri.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jangan marah-marah. Sabarlah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya tidak panggil Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat saya marah oleh kerana Yang Berhormat sendiri yang menimbulkan. Yang Berhormat sudahlah.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya tanya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudah.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jikalau Dewan tidak boleh tanya hendak tanya di mana?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat yang lain sudah. Yang Berhormat sudah. Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Jadi kita minta Yang Berhormat Gombak belajar peraturan. Saya dengan ini Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya dengan ini Tuan Pengerusi! Saya dengan ini menolak sekeras-kerasnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Tangga Batu tolak Yang Berhormat Batu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Jasin sepuluh minit selepas itu saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Yang Berhormat Jasin?

12.33 tgh.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baru kita hendak bercakap mereka kacau macam mana. Selepas itu tidak bagi peluang bercakap. Jikalau begitu jangan bertanding pilihan rayalah.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi saya peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan. Isu ataupun usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Batu tadi bagi saya Tuan Pengerusi, saya akan ringkaskan sahaja bagi menghormati masa. Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Batu tadi adalah cukup mengelirukan dengan satu niat seolah-olah kita memberi satu gambaran yang cukup negatif kepada kepimpinan negara kita.

Apa yang disebut tadi sebenarnya saya rasa Yang Berhormat Batu patut menyemak buku yang telah dibekalkan kepada kita supaya kita dapat memahami. Jangan sewenang-wenangnya kita membuat dakwaan bahawa seolah-olah negara telah berhutang dengan begitu banyak sekali.

Saya hendak sebut di sini apakah sebenarnya pecahan hutang Persekutuan yang berjumlah sebanyak RM407 bilion pada tahun 2010 dan juga RM455 bilion pada tahun 2011. Pecahan dia pertamanya, hutang dalam negeri pada tahun 2010 - RM390 bilion, 2011 - RM438 bilion. Daripada tersebut adalah meliputi bil perbendaharaan terbitan pelaburan-pelaburan. Pelaburan ini termasuk bon simpanan. Selepas itu dia kata ada Sekuriti Kerajaan dan terakhirnya Tabung Pinjaman Perumahan. Di bawah itu pula dia kata hutang luar negara yang kerajaan pinjam daripada luar negara sebanyak RM16.7 bilion pada tahun 2010 dan RM17.2 bilion pada tahun 2011.

Tuan Pengerusi hutang ini adalah sangat wajar dan cukup sihat kerana dengan satu tujuan dari segi ekonomi kerana ia untuk tujuan memajukan negara dan membangunkan dengan satu matlamat untuk menjana pendapatan bukan untuk tujuan *consumption*. Jadi kita jangan tersilap.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Selepas itu ada satu lagi hutang negara, itu lain. Akan tetapi yang disebut di sini seolah-olah kita bagi satu gambaran yang cukup negatif bahkan kita seharusnya memberikan satu kepujian kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuktikan beliau telah berjaya dalam mengurus ekonomi negara. Keduanya daripada angka yang disebut tadi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Kota Belud sedikit mengenai hutang negara.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Sila, sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, terima kasih. Tuan Pengerusi terima kasih. Saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Jasin tentang isu hutang yang sering kali dibawa oleh pihak pembangkang.

Sebenarnya hutang ini untuk makluman Yang Berhormat semasa tahun awal 1980'an di mana waktu itu *the rising star of UMNO* ini Yang Berhormat Permatang Pauh waktu itu dia masuk dalam Kabinet. Pada waktu itu untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, hutang negara kita jauh lebih besar dari *percentage* daripada apa yang ada sekarang ini. Sekarang kita di 51 peratus... [Dewan riuh]

Pada tahun – baca buku itu sebabnya Yang Berhormat Jasin kata tadi baca buku. Ini semua kita diberi. Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, pada tahun 1982-1984 hutang negara kita berdasarkan *percentage* GDP melebihi 100 peratus, *hundred percent* pada waktu itu. Akan tetapi kita buat kerana pada waktu itu ada kemelesetan ekonomi. Pada waktu itu Yang Berhormat Permatang Pauh ada di dalam Kabinet. Tidak bising pun dan pada waktu itu *consisted percentage* hutang kita kepada GDP jauh lebih tinggi, sekarang ini 51 peratus tetapi telah dijelaskan beberapa kali.

Saya jangkakan Tuan Pengerusi kalau tidak mahu berbelanja dia mahu ikut apa Yang Berhormat Permatang Pauh buat pada 1997. Pada waktu itu kita tidak berbelanja dan kita akan mendapat kemelesetan ekonomi dan ini yang berlaku di Eropah. Ini dasar utama pembangkang yang perlu ditolak oleh rakyat.

Kedua Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit sahaja. Saya terbaca tadi Yang Berhormat Batu mengatakan: "Oh, kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbelanja banyak wang rakyat untuk penerbangan ke sana ke mari". Saya hendak tanyalah waktu Yang Berhormat Permatang Pauh, Timbalan Perdana Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat dia datang ke Kota Kinabalu, politik hendak jadi Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO dia pakai apa ya?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia naik kuda, dia naik kuda.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia pakai apa waktu itu? Saya hendak tanya Yang Berhormat Batu, dia pakai apa? Jet. Naik jet Tuan Pengerusi. Selepas itu dalam jet itu kita tahu apa yang ada dalam jet itu. Jumpa Ketua Bahagian kita tahu. Saya hendak tanya Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya. Saya hendak ambil sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Kota Belud tadi dimasukkan dalam jawapan sayalah tetapi saya hendak terangkan sedikit. Saya belum habis tentang hujah hutang yang disebut oleh Yang Berhormat Batu tadi. Saya berharap apa Yang Berhormat Batu membuat penyelidikan supaya kita dapat benar-benar faham. Saya pun faham apa sebab dibuat perkara usul ini. Ini kerana pada ketika ini nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup harum di seluruh dunia... [Tepuk] Dia telah membuktikan satu kepimpinan yang boleh kita banggakan.

Keduanya saya hendak terangkan di sini Yang Berhormat Batu ada sebut tadi hutang k'ita sebanyak RM437.2 bilion. Ini sebenarnya hanya 3.7 peratus adalah hutang luar negara. Maka wang yang mengalir keluar adalah amat kecil misalnya *external debt services ratio* kita, dengan izin, hanyalah cuma 0.9 peratus sahaja. Kita kena faham kalau kita baca buku ini saya rasa Yang Berhormat Batu tidak akan membawa usul ini. Pada saya usul ini cukup remeh sekali.

Ketiganya pinjaman ini sebenarnya boleh memberikan pulangan yang cukup lumayan kepada *bon holders* dan juga kepada semua kita punya pencarum-pencarum KWSP. Ini sebab kita ambil daripada KWSP duit ini. Jadi pencarum-pencarum akan mendapat pulangan. Keempatnya kerajaan kita yang mempunyai rizab yang cukup besar mampu untuk membayar. Rizab kita pada ketika ini adalah melebihi RM400 bilion.

■ 1240

Kelimanya, tahap hutang kita. Kalau kita ikut daripada *percentage* KDNK masih rendah lagi. Kita bandingkan dengan negara-negara lain. Saya hendak tunjukkan di sini supaya Yang Berhormat dapat memahami, dapat satu gambaran bahawa negara kita berada pada tahap yang cukup meyakinkan sekali. Kita lihat berapa Amerika Syarikat sekarang. Kita baru 51 peratus Yang Berhormat sebutkan. Amerika Syarikat 90 peratus. Satu lagi cuba lihat Singapura. Singapura ada 100 peratus. Jangan lupa negara yang suatu ketika kita agung-agungkan iaitu Jepun, sekarang 200 peratus. *What is 200 percent compared to 51 peratus sahaja?*

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya cukup berpegang teguh dengan kata-kata hikmat, dikata, "*Do not say a little in many words but a great deal in a few.*" Jadi, saya hendak ringkaskan sahaja. Kita ambil fakta. Jangan kita meleret-leret. Kita lihat pada kadar inflasi pula. Kadar inflasi kita pada bulan September adalah sebanyak 3.4 peratus. Kita telah dapat menjinakkan kerana pada bulan enam yang lalu, kadar inflasi kita sebanyak 3.5 peratus. Pada ketika ini, *global trend*, dengan izin adalah menaik. Memang angka inflasi kita menaik kerana kekurangan dan ketidaktentuan bekalan dan juga tekanan permintaan.

Seperti yang kita maklum pada ketika ini, jumlah penduduk dunia telah pun mencecah sebanyak tujuh bilion orang. Akan tetapi, pengeluaran makanan kita semakin berkurangan. Orang yang hendak mengerjakan sawah sudah tua. Orang muda tidak hendak bekerja lagi. Jadi, bekalan makanan semakin kurang. Harga semakin naik. Akan tetapi kita bersyukur inflasi di negara kita telah dapat dikawal kerana dasar kerajaan pada ketika itu bukan sahaja kita dapat mengawal harga barang-barang perlu, bahkan kerajaan memberikan subsidi.

Seterusnya, tahap ini kalau hendak mengetahui angka inflasi ini satu ketika dahulu Tuan Pengerusi, pada bulan lapan tahun 2008, angka inflasi kita pernah mencecah sebanyak 8.5 peratus. Jadi, pada ketika ini, 3.4 peratus adalah satu angka yang cukup terbaik sekali. Ini maknanya kerajaan kita... [*Menoleh kepada Yang Berhormat Bera*] Lihat! Menteri pun mengangguk, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Tuan Pengerusi, tahap kita ini memang jauh lebih rendah kalau kita bandingkan dengan banyak negara lain.

Saya hendak berikan perbandingannya. Pertama, di India. India ini walaupun *emerging economies*, negara yang terkuat sekarang; India dan China. India sekarang angka inflasinya sebanyak 10.1 peratus. China pula angka inflasinya ialah sebanyak 6.1 peratus. Sementara Singapura, 5.5 peratus dan UK sebanyak 5.2 peratus. Jadi, janganlah kita besarkan sangat bahkan kita mesti bersyukur. Janganlah hendaknya ucapan Yang Berhormat Batu tadi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang memberikan gambaran yang cukup negatif. Boleh mengelirukan rakyat. Kita mahu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah sedikit lagi?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Silakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ada 15 saat sahaja. Saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat. Pertama sekali, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita hanya membelanjakan tidak lebih daripada 10 peratus untuk perbelanjaan membayar hutang *interest*. Maknanya walaupun hutang kita besar tetapi ekonomi kita besar. Ekonomi kita besar. Ini yang mereka tidak faham. *Of course*. Maknanya kalau ada hutang itu besar, tidak semestinya kita lihat jumlah hutang sahaja. Kita perlu melihat berdasarkan ekonomi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita hanya membayar 10 peratus daripada pendapatan kita untuk hutang. Itu tidak ada masalah.

Keduanya Yang Berhormat, daripada segala hutang kita ini, 98 peratus adalah *domestic debt, domestic fund*. Kita tidak ada mempunyai *sovereignty problem*. Kiralah. Hanya 2 peratus sahaja dari luar negara. Tidak ada satu kerajaan ini akan jatuh sebegitu, tetapi yang lebih penting daripada itu Yang Berhormat, sedikit sahaja ini, yang lebih penting daripada itu ialah perbelanjaan hutang kita bukan untuk membayar gaji. Kita gunakan hutang ini, kita pinjam dan sebagainya ini untuk pembangunan negara kita yang akan membawa pulangan selepas ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jasin, tiba masa untuk menyimpul.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh bertanya sedikit?

Tuan Pengerusi: Respons dahulu pada itu. Selepas itu, menggulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan inflasi ini 3.4 peratus, dengan izin, adakah ini dianggap sebagai satu tahap yang mana ia luar biasa apa yang disebutkan dalam istilah *runaway inflation*. *Is this within the category of runaway inflation* yang suatu kadar menggugat keadaan ekonomi negara? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Ini orang ekonomi yang saya cukup hormati kerana sebenarnya saya sudah menyebut tadi. Saya kata inflasi pada ketika ini berdasarkan pada *global trend*. Masalah global pada ketika ini yang alam naik, kerana seperti yang saya sebutkan tadi, kita kekurangan makanan. Masalah yang tidak ketentuan dan yang terakhirnya kerana bekalan dan juga tekanan permintaan. Itu sebab inflasi kita naik. Akan tetapi saya sudah berikan tadi perbandingan di antara inflasi di Malaysia dan inflasi negara-negara lain, tetapi kita telah dapat mengawal kerana dasar kerajaan yang cukup jelas.

Seterusnya, daripada sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud tadi yang disebutkan, ini satu perkataan yang cukup baik. Saya hendak ambil supaya dijadikan ucapan saya. Memang cukup tepat tentang angka yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi. Sebenarnya dengan izin, *debt service ratio* kita ataupun *interest* daripada hutang kita adalah sebanyak 0.2 peratus sahaja.

Seterusnya, saya hendak pergi kepada..., ada disebutkan tadi. Ada sebut dalam perkara tentang TNB; mengatakan TNB telah rugi. Ini tidak betul. Janganlah kita menyebut sebegitu. Ini perkara yang tidak betul. Perkara satu, ucapan yang benar-benar tidak tepat. Bahkan baru-baru ini TNB telah mengumumkan mendapat keuntungan sebanyak RM499 juta. Mana ada rugi. Kita cakap IPP, ini hal lain. Akan tetapi TNB telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM499 juta.

Selepas itu ada sebut tentang tahap keamanan negara.... [*Dewan riuh*] Saya selalu sebut perkara ini. Saya hendak menyebutnya sekali lagi. Tuan Pengerusi, kalau angka saya silap, betulkan tetapi baru-baru ini, saya fikir dalam satu minggu yang lepas, keluar dalam surat khabar, RM499 juta walaupun satu keuntungan yang bagus tetapi ia kurang daripada tahun lepas. Itu betul. Akan tetapi akaunnya berakhir September 2010 sehingga Ogos 2011.

Tentang keselamatan. Saya hendak menyebut di sini. Kalau kita kata tentang rating kita di luar negara, rating kita sekarang yang dikeluarkan oleh *Global Peace Index*. Izinkan saya baca sedikit Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Seminit Yang Berhormat. Seminit.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Satu minit, ya. Diumumkan pada bulan Mei yang lalu, meletakkan Malaysia berada di kedudukan negara yang paling selamat di Asia Tenggara... [*Tepuk*] Dan keempat yang paling selamat di Asia-Pasifik seperti New Zealand, Jepun dan juga Australia. Selepas itu ia kata, selain itu, Malaysia juga diisytiharkan sebagai negara yang ke-19 paling selamat dan aman daripada 153 buah negara di dunia... [*Tepuk*] Jadi, kita tidak memerlukan BERSIH. Negara kita sudah bersih dah. BERSIH itu kita buang.

Satu lagi, ini rating kita perlu baca. Ini mustahak supaya seluruh rakyat Malaysia faham dan berbangga dengan pencapaian kepimpinan negara kita. Ia kata di sini, "*World justice project rule of law*."

Indeks 2011 meletakkan Malaysia di kedudukan nombor satu dalam kalangan 19 buah negara berpendapatan tinggi pertengahan daripada segi keselamatan... Belum habis lagi. Daripada segi keselamatan dan menjadikan negara ini setaraf dengan Perancis dan juga Belgium... [Tepuk] Tidak hebatkah itu? Jadi, secara keseluruhannya, Malaysia berada di kedudukan tangga ke-12. Satu tangga di atas Amerika Syarikat yang berada di tangga ke-13 dan Britain di tangga ke-14.

Tuan Pengerusi, saya menghormati masa kerana saya sudah sebut tadi, *do not say a little in many words*. Jadi, saya hormat dan saya dengan ini mewakili seluruh kawankawan daripada *backbenchers*, menolak usul ini sekeras-kerasnya. [Dewan riuh] [Tepuk]

■ 1250

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Menteri, duduk dulu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Perkara 22(1). Ingin membuat pertanyaan pada Tuan Pengerusi, bolehkah dipertimbangkan seorang wakil bebas untuk membahaskan usul ini, kerana ianya penting.

Beberapa Ahli: Boleh, bolehlah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bolehlah.

Tuan Pengerusi: Saya bagi Yang Berhormat lima minit. Tidak lebih daripada itu Yang Berhormat.

12.51 tgh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Walaupun pada awalnya saya tidak berhajat tetapi saya gagal sebagai seorang wakil rakyat kalau saya tidak bangun untuk membahaskan usul ini. Kata pembawa usul, Yang Berhormat yang membawa usul ini mengatakan dia tidak ada niat peribadi, tidak ada niat jahat. Akan tetapi jelas usul ini memang betul-betul jahat... [Tepuk]

Oleh kerana masa tidak mengizinkan Tuan Pengerusi, saya hendak baca satu perenggan keenam. "*Kegagalan mendakwa tiga pegawai SPRM yang bertanggungjawab dalam kes kematian Teoh Beng Hock bagi menegakkan keadilan mendiang Teoh ini termasuk pihak yang gagal bertanggungjawab kes Ahmad Sarbani*".

Tuan Pengerusi, ini yang saya katakan jahat ini. Kes Teoh Beng Hock telah pun dibawa sebagai kes di bawah inkues. Kemudian Suruhanjaya Diraja sudah pun selesai. Ini dipolitikkan lagi. Kemudian dikait pula dengan Ahmad Sarbani, berlingung di sebalik kes Ahmad Sarbani. Ini jahat betul. Betul, betul jahat. Kemudian, ini saya hendak sambung ini. Politik kotor Ketua Pembangkang. Ini kenapa Tan Sri Rahim yang dikatakan bersalah pengedar video lucah tidak diambil tindakan. Saya hendak tanya, bagaimana pelakon dalam video lucah ini? Kenapa tidak desak diambil tindakan.

Beberapa Ahli: Ha!

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kenapa? Sekurang-kurangnya dimasukkan dalam usul ini kalau ikhlas. Kalau tidak jahat, maka dengan ini saya juga mencadangkan kononnya, pihak Yang Berhormat Batu mencadangkan mendesak kerajaan menyiasat segera siapakah pelakon dalam video yang didakwa mirip dengan Ketua Pembangkang... [Tepuk]

Boleh jawab satu persatu. Termasuklah Yang Berhormat Batu sendiri. Apa yang disebut tadi, gigit telinga. Saya dulu bawa dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, dia kena hukum, didenda RM2,000.

Akan tetapi atas ihsan, saya percaya atas ihsan Dewan yang mulia ini, atas ihsan Barisan Nasional, dia kekal kerana salah RM2,007 dulu tu. Sepatutnya, kalau ditakrif RM2,000 itu dia patut sudah lucut sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia mana sedar diri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Oleh kerana orang-orang macam ini tidak layak menjadi Ahli Dewan Rakyat... [*Dewan riuh*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduklah, duduklah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi...

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, saya tidak bagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Speaker...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya ada lima minit ini. Hendak habis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak gulung.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Batu duduklah. Orang sabar dengar *you* punya usul.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak gulung.

Tuan Pengerusi: Sila gulung, sila gulung.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Nampaknya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* punya sudah bohong orang...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak gulung.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hanya satu perkara sahaja. Saya ingin membawa...

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Secara rekod, tidak ada isu gigit telinga. So, itu harus dibetulkan dalam rekod.

Tuan Pengerusi: Duduk Yang Berhormat Batu... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Pasir Mas, sila gulung Yang Berhormat Pasir Mas. Sila gulung. Sila gulung.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, makan cili dia rasa pedas. Dia rasa bersalah... [*Dewan riuh*] Dia rasa bersalah dengan membawa usul ini. Sebenarnya, ini adalah usul untuk tujuan menghadapi PRU ke-13... [*Dewan riuh*] Dia hendak politik, dia hendak *spin* sebab apa? Sebab Bajet 2012 sudah *short down* apa ini?

Beberapa Ahli: Buku jingga, buku jingga.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jingga, buku jingga. Ini kerana Bajet 2012 sudah *shot down* Buku Jingga, inilah keluar usul ini. Jadi, eloklah pihak BN bawa usul potong gaji Ketua Pembangkang RM10... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Elok. Elok. Jadi, akhir sekali Tuan Pengerusi. Saya tidak ambil masa panjang.

Sebentar tadi waktu membahas, wakil ini daripada Jelutong ada menyebut perkataan PERKASA. Apa kena mengena dengan PERKASA ini?.. [Ketawa] Yang Berhormat Jelutong marah sebab kita bongkar cerita perjumpaan paderi Kristian... [Dewan riuh] [Tepuk] Oleh kerana yang hadir ialah ahli DAP...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi, boleh saya jawab Tuan Pengerusi?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Kerana ahli DAP.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Boleh saya jawab?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Duduklah! Saya tidak bagi jalan, duduk!

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tengok orang tidak baca *Hansard*!

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hei! Cet!

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Duduk!

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *Hansard* ada tulis, *no further action*.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Duduk! Komunis duduk!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salaklah pula.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *No further action!*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pasir Mas. Sudah Yang Berhormat Jelutong, sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Menyampuk]

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Inilah kualiti.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah. Sudah Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kalau *Hansard* kita tidak...

Tuan Pengerusi: Sudah Yang Berhormat. Duduk dua-dua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...Kita hendak hormati apa lagi.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tidak payah dok jadi MP bertahun-tahun kalau tidak pakai, buat apa!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas duduk. Yang Berhormat Jelutong duduk! Dua-dua Yang Berhormat duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat nanti kalau ada video klip, pinjam dari Parlimen, tengok gelagat Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Mas terima kasih. Gulung, selepas itu supaya saya jemput Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya bila dia sebut Perkasa, saya tidak bangun pun kacau. Saya *gentleman*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul!

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini melenting tidak fasal-fasal... [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, terima kasih. Yang Berhormat Pasir Mas, gulung Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Dia ingat saya takut. Ini Pasir Mas tidak pernah takut pada sesiapa sudah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Mas, terima kasih. Sila, sila Yang Berhormat Menteri. Duduk, duduk.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Anywhere, any place.* Terima kasih, saya sokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sudah, sudah, sudah, sudah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Anytime, anytime.* Ini dia ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat!... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong. Sudah, sudah, sudah, sudah. Sudah! Ahli-ahli Yang Berhormat sudah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Jelutong, jangan jual murah, orang beli borong sama *you*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Sri Gading. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenang. Itu sebabnya kadang-kadang kalau ada isu yang menimbulkan kekecohan begini, saya boleh agak. Itu sebabnya saya menolak kadang-kadang usul, kadang-kadang saya menerima. Akan tetapi sepanjang masa saya diajar menjalankan tugas. Kalaulah saya boleh jadi sakti, saya panggil Ahli-ahli Yang Berhormat ganti-ganti duduk di sini. Cuba macam mana tengok. Sila Yang Berhormat Menteri jawab, sila.

12.57 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Pertamanya, saya hendak sampaikan salam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau tidak ada di sini kerana berada di Tanah Suci Mekah untuk menjalankan ibadah Haji ya. Kalau tidak sudah tentu dia bersama untuk mendengar usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu ini.

Saya hendak ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya daripada BNBBC juga termasuk Yang Berhormat Pasir Mas. Sebenarnya, dalam hujah-hujah mereka itu banyak juga Perkara 15 ini telah pun dijawab, termasuk inflasi dan juga hutang luar negara. Kemudian juga saya mendapat jawapan di sini, di atas 15 perkara yang dibangkit, banyak daripada perkara-perkara itu telah pun dijawab secara sama ada lisan atau bertulis daripada soalan-soalan yang dihantar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dijawab. Paling terakhir sekali pagi tadi, saya menjawab Yang Berhormat Kuala Krai berkenaan dengan FBC dan juga lawatan ke Kazakhstan oleh Ahli Parlimen Seremban.

Jadi, yang lain itu saya tengok ada perkara yang hanya merupakan lontaran fitnah sahaja dan tidak perlu dijawab. Jadi, saya tidak berhajat untuk menjawab cara panjang. Semua itu telah dijawab. Maka, untuk mengatakan itu bahawa saya berdiri bagi pihak kerajaan untuk menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu, terima kasih... [*Tepuk*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Buat malulah Yang Berhormat Batu.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) bagi maksud Bekalan 6, Jabatan Perdana Menteri oleh Yang Berhormat Batu.

"Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM22,826.65 sen daripada perkara maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri, Kod 10000, Emolumen iaitu dengan memotong gaji satu bulan Perdana Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM22,826.65 hendaklah disetujui".

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Membazir masa Dewan, membazir masa rakyat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) lagi oleh Yang Berhormat Sungai Siput tidak dapat saya benarkan untuk dikemukakan oleh kerana saya difahamkan Yang Berhormat Sungai Siput mempunyai tempoh sehingga 4 November 2011, Jumaat untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan berkaitan dengan kes Mahkamah Rayuan, nombor rujukan W01-215-2011, Dr. M. Jeyakumar Devaraj lawan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri *and others*.

Sehubungan dengan itu, sehingga tempoh tersebut, perkara ini tidak boleh dikemukakan untuk dibincangkan di Dewan ini kerana ianya merupakan *sub judice*.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Pengerusi. Pada masa ini...
[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Dengarlah dulu!

Tuan Pengerusi: Sila, sila, sila Yang Berhormat Sungai Siput. Sila.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Pengerusi, kes saya telah dibuang di peringkat *Appeal Court*. Sekarang tidak ada. *Technically* tidak ada dekat *court*. Saya belum lagi failkan. Jika saya failkan pun saya kena dapatkan *leave* dulu. Pada masa ini, tidak ada kes di mahkamah, telah dibuang. *I* dapat *leave* di peringkat Mahkamah Tinggi Jalan Duta, akan tetapi di peringkat ini telah di *appeal*, dirayu oleh pihak kerajaan dan di peringkat *Appeal Court* telah dibuang. *So*, saya tidak ada lagi *court case*. Sekarang saya kena failkan *leave* di *Federal Court*. Jika dapat *leave*, baru saya dapat. *So*, pada masa ini tidak ada kes.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah pendapat Yang Berhormat. Akan tetapi bagi pendapat saya, ianya *sub judice* dan dalam hal Dewan Rakyat, tafsiran saya Yang Berhormat, adalah tafsiran muktamad.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[*Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat*]

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat untuk membahas maksud ini, diperingatkan juga bahawa tadi Yang di-Pertua sudah beritahu bahawa ucapan seorang adalah 10 minit dan saya juga ingin memperingatkan bahawa ini peringkat Jawatankuasa, corak perbincangan khusus kepada tajuk-tajuk yang dibincangkan, bukan bagai yang dibuat semasa perbincangan peringkat dasar. Jadi harap kita bersama-sama boleh melihat bagaimana aplikasi peraturan boleh dilaksanakan dalam Dewan. Terima kasih.

Kepala B.1 hingga B.9 dan B.40, Kepala P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tawau.

2.34 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.3, Jabatan Audit Negara, Butiran 020400 - Pengauditan Akaun Kerajaan Negeri. Walaupun Sabah telah berjaya membelanjakan 94.4 peratus iaitu RM6.02 bilion daripada jumlah bajetnya di bawah RMKe-9 untuk 34,485 projek, tetapi kebanyakan projek menginfrastruktur telah disiapkan dengan kurang sempurna iaitu tidak mengikut spesifikasinya seperti pintu, paip, sistem pengairan yang pecah sebelum mereka boleh digunakan. Antara kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

- (i) RM83,839 traktor pertanian untuk Majlis Daerah Lahad Datu langsung tidak pernah digunakan sejak tahun 2009;
- (ii) tandas awam di Taman Aman Tiga, Lahad Datu dibina pada Ogos 2009 dengan peruntukan sebanyak RM196,900 didapati pintu-pintu pecah dan bilik-bilik air tiada kepala paip dan tingkap-tingkap pecah;
- (iii) banyak lagi jambatan kayu telah diperbaiki tidak mengikut spesifikasi di Semporna;
- (iv) penyelenggaraan yang kurang memuaskan dan loji-loji kumbahan yang terbengkalai di Kota Kinabalu dilaporkan dalam 55 audit dan 28 telah didapati tidak beroperasi dan 27 tidak berfungsi sama sekali;
- (v) banyak projek di bawah Jabatan Pelajaran berkaitan pembinaan perumahan guru-guru, pembinaan atau perbaiki bilik-bilik kelas adalah substandard seperti kipas tidak berfungsi dan sebagainya, tidak beri spesifikasi lokasi dan bilangan;
- (vi) banyak majlis tempatan belum mengemukakan akaun mereka untuk diaudit;
- (vii) kapal Jemalin M.28, kapal pemaliman di Sandakan sejak tahun 2008 dan Kapal Tarik M.47 di Kota Kinabalu sejak tahun 2009 di bawah Jabatan Pelabuhan dan Dermaga masih belum digunakan;
- (viii) pembekalan pakaian seragam sekolah, kasut, bahan-bahan tulis, susu belum dihantar kepada murid-murid sekolah yang memerlukan iaitu berlaku di Kota Kinabalu, Putatan, Beaufort, Ranau dan sebagainya; dan
- (ix) banyak perpustakaan negeri belum menerima buku-buku, bas-bas perpustakaan bergerak tidak berfungsi dan banyak buku belum dikategorikan, rak untuk buku tidak mencukupi, dan kemudahan-kemudahan ICT tidak dilaksanakan walaupun belanja wang itu sudah dikeluarkan.

Laporan audit di Tawau meliputi majlis perbandaran yang gagal membina tapak letak kereta yang mencukupi di Tawau dengan 58 peratus responden sangat marah dengan isu itu. Fasa kedua loji rawatan kumbahan dan stesen pam Tawau yang siap sedia dibina pada 10 Ogos 2008 masih tidak berfungsi lagi kerana Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) belum membekalkan kuasa elektrik kepadanya. Kesemua akaun itu yang diaudit di Sabah mengesahkan bahawa unsur-unsur rasuah, penyalahgunaan wang awam, pembaziran wang pembayar cukai dan penyalahgunaan kuasa adalah semakin teruk di jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di Sabah. Apakah tujuan mencapai NKRA di atas kertas sahaja manakala begitu banyak rasuah dan penyalahgunaan berlaku sebenarnya.

Saya mendesak Perdana Menteri menjelaskan kepada rakyat Sabah apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam prestasi yang begitu berat sebelah itu. Apakah tindakan akan diambil untuk memantau, mengawal dan mengaudit dari semasa ke semasa sebelum audit tahun dilakukan?

Kita tahu rakyat di Sabah masih menderita dengan keperluan mereka yang belum dipenuhi. Di sini saya ingin memuji dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Audit Negara yang begitu komited dengan tindakan melaporkan apa yang diadakan di sini *without fear and favor*.

■ 1440

Saya merujuk kepada Maksud B.6, Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi. Saya minta penjelasan dari kementerian, mengapa 60 peratus tanah FELDA di semenanjung Malaysia adalah untuk peneroka sedangkan di Sabah hanya 8 peratus iaitu 9,668.68 hektar daripada jumlah 119,765 hektar sahaja dikhususkan untuk peneroka di Sabah. Jika benar misi FELDA untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga peneroka yang sejumlah 100,000 orang di semenanjung mengapa daya usaha yang sama tidak dilihat di Sabah iaitu negeri yang paling miskin di Malaysia. Tidakkah itu satu bentuk *double standard* dan pemikiran yang ketara terhadap keperluan rakyat Sabah.

Adakah FELDA juga bercadang meningkatkan tahap penyertaan peneroka di kedua-dua lokasi iaitu Sahabat dan Umas-Umas kerana tanah di Sabah diberikan kepada FELDA untuk membantu orang-orang miskin di kawasan desa. Jika ya, berapa jumlah yang disasarkan sekiranya tidak, mengapa? Di Kalabakan pula apakah perkembangan terkini skim FELDA? Berapa hektar tanah telah diberi oleh kerajaan negeri dan berapa lama tempoh pemakaian pajakannya dan adakah ianya juga di bawah FELDA Global Venture?

Saya juga merujuk kepada Maksud B.6, Butiran 270000 – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Jawapan dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa dari kalangan 824 kes pertikaian tanah *Native Customary Right* (NCR) yang dikemukakan kepada SUHAKAM di Sabah hanya beberapa sahaja yang dapat diselesaikan. Sebenarnya banyak kes itu adalah benar dan sahih tetapi malangnya kanun Tanah Negeri telah gagal memberikan pemilik-pemilik tanah NCR itu perlindungan yang dijanjikan bila tanah itu dipindah hak milik kepada syarikat-syarikat besar.

Memandangkan bahawa kuasa eksekutif SUHAKAM yang sedia ada agak terhad sehingga gagal dalam menjalankan fungsinya demi melindungi hak tanah rakyat *native* Sabah maka saya mencadangkan agar kuasa eksekutif yang lebih besar dapat diberikan kepada Suhakam supaya ianya lebih bertaring untuk menegak keadilan demi kepentingan rakyat. Buat masa ini pihak berkuasa tidak mampu memberikan mereka perlindungan yang sewajarnya. Rumah mereka sering kedengaran dibakar bila enggan diusir oleh pemilik baru tanah, buah kelapa sawit mereka turut dibolot oleh pemilik baru. Malahan kubur nenek moyang mereka pun dibinasakan juga. Begitulah pilunya situasi mereka.

Oleh yang demikian, saya mohon keprihatinan dan tindakan segera kerajaan agar hak tanah NCR yang sememangnya dimiliki oleh orang-orang kampung *native* Sabah itu dapat dipelihara secara berkesan dan bermakna. Jangan mengelirukan rakyat Sabah. Tanah NCR dan tanah komunal ini tidak sama kerana *native* Sabah adalah hak NCR di bawah Ordinan Tanah Sabah.

Saya juga merujuk kepada Butiran 030900 – Pencen dan Pencen Terbitan Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen. Di sini saya mencadangkan agar pencen untuk Ahli Parlimen dinaikkan dari 50 peratus kepada 60 peratus gaji pokok sama seperti penjawat awam iaitu pengarah atau pegawai kanan dan dengan itu sekian, dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Permatang Pauh.

2.45 ptg.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.3, Jabatan Audit Negara Butiran 010000 – Pengurusan Korporat. Ini isu kelewatan Laporan ketua Audit Negara yang telah ulang kali dibangkitkan di Dewan Rakyat ini dan pengedarannya pada 24 Oktober sebenarnya lewat 17 hari dari tarikh pembentangan belanjawan. Kalau kita teliti Laporan Ketua Audit Negara Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang pada 8 Julai menandatangani laporan tersebut dan laporan tersebut serta pengurusan syarikat subsidiari badan berkanun persekutuan ditandatangani pada 16 Jun 2011.

Saya ucap tahniah kepada Ketua Audit Negara sepertimana yang disebut tadi kerana keupayaan menyediakan mengikut jangka waktu yang ditetapkan dan keduanya masih pertahankan kewibawaan jabatan dalam menyempurnakan tanggungjawab yang sungguh sukar dan berat terutama bila menyentuh peranan kementerian dan kedudukan tokoh-tokoh besar dalam negara. Saya tahu ini tidak mudah tetapi kita harus juga tahu bahawa objektif Jabatan Audit Negara kalau lihat muka surat 55; "*Memastikan laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa disediakan untuk dikemukakan kepada Parlimen atau Dewan Undangan Negeri...*"

Dalam hal ini pastinya pihak kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan saya mohon supaya pihak Tuan Pengerusi dan Parlimen lebih proaktif untuk memastikan bahawa tujuan yang disebut dalam objektif jabatan itu tidak menjadi sukar kerana saya tidak dapat melihat apa alasan melengahkan pembentangan ini. Alasan yang diberi pun hambar belaka dan ini adalah julung kali tanggungjawab ini diabaikan dan peranan Parlimen mahu dipinggirkan kerana sepanjang perbahasan ucapan dasar kita tidak punyai rujukan Laporan Ketua Audit Negara. Bila terbongkar kita dapat mengerti mengapa hal ini mahu di selindung oleh pihak-pihak tertentu supaya hal ini tidak dibahaskan kerana apa yang didedahkan oleh Jabatan Audit Negara bercanggah dengan jaminan yang dibuat berulang kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang ketelusan mengelakkan rasuah dan ketirisan.

Saya ingin menyentuh B.4, SPR Butiran 010000, muka surat 67. Pertama, pengabaian ulang kajian bahagian-bahagian pilihan raya yang tidak disentuh dan kita mahu penjelasan apakah ini mahu diteruskan kerana tidak dinyatakan dalam maksud bekalan bagi SPR mengikut kehendak perkara 113(2) Perlembagaan Persekutuan.

Keduanya, SPR harus dipertanggungjawabkan dan kita telah ulang bahawa pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bukanlah alasan atau dalih untuk mengelak SPR dari menjalankan tanggungjawab dan amanahnya. Tidak ada halangan untuk membersihkan senarai nama pengundi, pendaftaran yang lebih telus. Ada hal-hal yang harus kita kaji dan teliti, tanggungjawab mendaftar ini bukan tanggungjawab parti politik dan masyarakat tetapi tanggungjawab yang diberi amanah kepada SPR dan memastikan warganegara yang layak mendaftar.

■ 1450

Akan tetapi kalau kita lihat umpamanya daftar pemilih induk, bilangan pemilih seluruh negara diunjurkan meningkat 10.9 juta pada 2010, 11.8 juta pada 2011 dan 12.6 juta pada 2012. Maknanya unjuran peningkatan 7.75 peratus dan menyusut tetapi unjuran ini menyusut pada 6.75 peratus pada 2012. Jadi trend ini bagi kita membimbangkan kerana kita tidak mahu melihat jadi berulangnya tragedi seperti pilihan raya 1999 di mana SPR menafikan seramai 680,000 rakyat yang mendaftar sebagai pemilih baru. Ini kebanyakan di kalangan pengundi-pengundi muda. Jadi ada suatu seolah-olah kebimbangan trend pengundi muda maka hak pengundi muda mahu dinafikan. Kita sudah banyak bangkitkan perkara ini menjadi bukan sahaja perhatian dalam negara tetapi juga internasional melalui perhimpunan Bersih tetapi sehingga sekarang selain daripada pembentukan jawatankuasa, SPR masih dengan nada yang lama tidak menunjukkan sikap dan keupayaan untuk membersihkan dan menjadi satu badan yang ada integriti yang bebas.

Maksud B.6 Butiran 010300 tentang Lembaga Penasihat ISA. Pertamanya kedudukan Lembaga Penasihat dengan peruntukan undang-undang yang kita sedia maklum. Kemudian Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang Memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Buang Negeri dan mereka dibebaskan. Akan tetapi kita masih menunggu rang undang-undang yang bakal dibentangkan supaya rakyat boleh diyakinkan pertama, soal *writ habeas corpus*. Keduanya tidak ada penyalahgunaan kuasa yang berlaku berlarutan yang melibatkan terlalu ramai rakyat dalam negara ini.

Kalau kita lihat prestasi aktiviti Lembaga Penasihat, kita curiga sama ada komitmen memansuhkan ISA dengan segera akan dilaksanakan kerana kalau kita lihat laporan Akta Lembaga Penasihat, bilangan kes Akta Keselamatan Dalam Negeri berjumlah 82 pada tahun 2010, di unjur meningkat pada 500 kes untuk 2012. Ini bagi kami membingungkan kerana ia sama ada jabatan ini dan lembaga penasihat tidak ikuti pengumuman Perdana Menteri ataupun Perdana Menteri mengumumkan tanpa memberikan arahan yang jelas kepada jabatan yang berkenaan.

B.3 - 00100 di bawah Penyelarasan Projek Khas Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU). Mengikuti pengalaman saya, ICU ini satu badan penting yang membantu mempercepat pelaksanaan projek-projek kerajaan dan peruntukan RM691.52 juta pada 2010 malangnya mencatat kegagalan 54.4 peratus. Menurut laporan Ketua Audit Negara, unit ini Agensi Penyelaras Program Pembasmian Kemiskinan di bawah RMKe-9 tetapi pada 2010, RM691.52 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) atau Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri bertanggungjawab menyelaraskan. Hingga September hingga Disember 2010 masih terdapat 2,472 orang miskin tegar. Pelaksanaan projek peningkatan ekonomi kurang memuaskan kerana 3754.4 peratus daripada 68 projek yang dilewati gagal mencapai objektifnya. Saya ingin merayu bukan sahaja kepada kepimpinan politik juga pegawai-pegawai yang melaksanakan, isu kemiskinan tegar ini isu sengsara dan derita rakyat. Jadi kalau ini tidak dapat kita laksanakan, ia akan terus membebankan dan menyebabkan mereka masih di tahap yang cukup menyeksakan.

Jadi harap pastikan tidak ada pembekal yang mencari keuntungan daripada peserta, mentor tidak memainkan peranannya, perjanjian *project champion* tidak lengkap, komitmen peserta rendah dan kelemahan pemantauan. Ini pemerhatian, pemantauan Ketua Audit Negara. Yang Berhormat Pasir Salak, bukan kenyataan saya, saya hanya membaca laporan. Kalau sampai kepada kemiskinan tegar pun begitu, masih ada orang yang hendak songlap wang, ini saya tidak tahulah apa akan jadi, apakah kita boleh izinkan perkara ini berlaku.

Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) – 250000. Tuan Yang di-Pertua, ini agak penting sebab pertamanya projek penswastaan tanpa tender ini menyebabkan kos meningkat tanpa kawalan. Untuk tidak nanti dianggap sebagai kurang telus atau bertanggungjawab, saya ingin beri satu contoh tentang Unit Kerjasama Awam Swasta dan juga termasuk di bawah kedua-duanya di bawah JPM yang kita bicarakan sekarang dan juga relevan dengan B.27 – Kementerian Kerja Raya yang mungkin disentuh kemudian iaitu penyelewengan dalam pembinaan projek Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT2) dari Jabor ke Kuala Terengganu. Dia janji menjelang pilihan raya 2004, dibina 2007, dijangka siap 2010, harga asal RM3 bilion, sekarang RM5 bilion. Pengalaman saya dalam Kementerian Kewangan, *valuation* peningkatan 5 peratus hingga 7 peratus itu dianggap kadang-kadang berlaku kerana kos meningkat tetapi kalau begini, ini hampir-hampir sama dengan rompak.

Projek ini dibiayai melalui dana khas wang royalti dari RM3 bilion cecah RM5 bilion. Maknanya ada kelemahan JKR atau Kementerian Kewangan, bagaimana kita membuat unjuran begitu rupa. Siapa yang bertanggungjawab, siapa yang mengatakan RM3 bilion, apa alasannya RM3 bilion, mengapa boleh naik menjadi RM5 bilion dalam masa yang singkat. Kemudian kalau siap diserahkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia, tidak kepada Kerajaan Negeri Terengganu walaupun wang royalti. Siapa yang kendalikan kutipan tol, belum tahu. Pembinaan itu dibahagi kepada 16 pakej, empat hampir siap dan 12 lagi belum siap...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sikit lagi Tuan Pengerusi. Ini yang agak spesifik, saya hendak buktikan bagaimana dalam beberapa projek menjadi peningkatan begitu. Ada satu yang saya bawa gambar di mana jambatan dibina di atas daratan. Ini memang yang unik di Malaysia, hanya boleh berlaku di bawah kelolaan UMNO Barisan Nasional. Harga asal kontrak RM174 juta, dari Jambatan Sungai Bagus ke Bandar Baru Kerteh daerah Kemaman, harga semasa RM210 juta, harga tambahan, tambah lagi RM70 juta. Jadi sampai ada masalah termasuk kontraktor bermasalah dan pakej 5A jalan yang dianggap bahaya kerana terbengkalai akibat ditinggalkan oleh kontraktor. Oleh Kerana ditegur Tuan Pengerusi, saya akan percepatkan.

Bahagian akhir yang saya hendak sentuh ialah hal yang agak kurang popular di Parlimen ini iaitu isu NKEA dulu kerana bila saya bantangan dulu, saya katakan RM5 bilion harga projek. Ini Butiran 094000, NKEA muka surat 123 JPM. Ia cuba dipertikaikan. Akan tetapi kalau kita lihat angka ini saya ambil dari Anggaran Perbelanjaan Persekutuan halaman 1, 2 dan 3 iaitu RM4.929 bilion. Bukan angka yang saya reka yang dipertikai oleh Yang Berhormat Rembau.

■ 1500

Dia tidak baca lengkap. Jadi JPM itu ialah *custodian of the NKEA development fund*. Cuma lepas itu, selepas kita bentangkan belanjawan Pakatan Rakyat maka dalam bajet cepat-cepat dipindahkan kepada NKEA UPE, JPM kepada beberapa jabatan lain. Itu sebabnya dalam laporan terakhir RM5 bilion itu nampak seperti RM5 juta sahaja tetapi peruntukan yang asal, Perbelanjaan Persekutuan 2012 halaman 1, 2 dan 3 jumlah RM4.929 bilion itu tepat. Yang Berhormat Pasir Salak, jadi saya tidak reka jumlah ini.

Jadi yang *detailnya* kita boleh sebut kemudian cuma akhir sedikit Tuan Pengerusi, ini soal kenaikan elaun Ahli Parlimen. Saya berterima kasih kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu bermurah hati dan bukan setakat itu, sebut pula kita akan putus secara konsensus. Tidak pernah saya dengar hendak bela nasib rakyat miskin, hendak kerjasama 1Malaysia, tidak ada hendak konsensus dengan Pakatan Rakyat, hanya soal hendak naik elaun baru hendak cari konsensus. Adalah permulaan yang baik, rupanya boleh konsensus ini. Sungguh-sungguh dan perbincangan bukan main seolah-olah satu – ini kalau ikut *Parkinson's Law* Yang Berhormat Gua Musang lebih arif.

Parkinson's Law ini maknanya perkara penting dasar itu bincang ada had sepuluh minit. Soal elaun. Elaun minum, makan, bagaimana kerja, yang ini boleh belanja, boleh ambil masa dua hari, *Parkinson's Law*. Jadi saya hendak sebut di sini ada rasionalnya tetapi kita semua bahaskan di sini tentang masalah kemelesetan ekonomi, derita rakyat, susah. Oleh sebab itu bagi pendapat saya susah kita hendak dukung atau sokong usul yang ada sekarang kerana yang diperlukan. Kalau betul hendak cari konsensus, projek-projek RM1 juta agihkan kepada semua Ahli Parlimen. Kita semua dapat konsensus... [*Tepuk*] Ini tidak ada! Konsensus hanya hendak naik elaun. Peribadi ini susah sedikit untuk saya timbangkan terutama dalam keadaan rakyat dalam keadaan susah. Hendak naik gaji minimum pun tidak setuju. Gaji minimum pun tidak setuju...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat. Tidak payahlah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, betul.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kesianlah kawan-kawan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya, saya simpati.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah. Saya sudah beritahu dengan Ketua Pembangkang tadi. Ini pun kita sudah lebih. Saya bagi Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, memang betul. Saya simpati. Memang saya tidak katakan Ahli-ahli Parlimen ini hidup dengan lumayan. Tanggungjawabnya besar tetapi saya minta supaya pimpinan kerajaan bina konsensus, ringankan beban semua wakil rakyat, pastikan semua projek di kawasan itu diagih dengan adil melalui kelulusan Ahli-ahli Parlimen yang sedia ada tanpa mengira parti.

Kalau ini berlaku seperti mana yang kita cuba lakukan di negeri-negeri Pakatan Rakyat, maka isu ini boleh kita cari konsensus. Akan tetapi pada peringkat sekarang saya fikir eloklah kita tumpu Parlimen ini gunakan dalam keadaan kritis ekonomi ini tumpukan kedudukan dan nasib rakyat berpendapatan rendah dan jangan hanya fokus tentang elaun kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi beri elaun kepada Ketua Pembangkang sebagai Ketua Pembangkang, pegawai dalam Dewan ya. Jadi yang lain itu ahli biasa macam saya jugalah kurang lebih. Jadi Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas.

3.04 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.1 Parlimen Pengurusan Dewan. Ini 010200 bersabit dengan elaun Ahli Parlimen.

Saya dengar pandangan daripada Ketua Pembangkang tadi mengenai dengan konsensus yang diperlukan dalam apa jua keputusan. Alangkah baiknya di waktu Yang Berhormat menjadi Timbalan Perdana Menteri, waktu itu kalau semua konsensus dibuat dengan pihak pembangkang, lagi cantik. Jadi sekarang baru timbul hendak konsensus. Itu semua jawapan politik.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk kepada B.3 – Jabatan Audit Negara. Ini 020000, 020100, 020200, 020300, 020400 sekali guslah. Saya hanya ada sedikit sahaja mengenai dengan Jabatan Audit Negara. Laporan Jabatan Audit Negara ini timbul kontroversi. Macam-macam ulasan dibuat, macam-macam persepsi dan bagi orang yang tidak tahu hal-hal yang mengenai dengan audit terutamanya orang-orang kampung, bila perkara ini dibawa ke kampung-kampung lagi keliru. Jadi saya hendak meminta supaya Jabatan Audit Negara dalam membuat audit supaya lain kali lebih terperinci agar tidak menimbulkan kekeliruan orang ramai. Ini penting. Saya menyatakan sedemikian sebab isu ini sudah pun dipolitikkan.

Perkara yang kedua, bila timbul macam-macam teguran SPRM pun sudah buka fail. Tahun lepas pun sama juga – buka fail. Pihak kerajaan pun telah membuat kenyataan, KSN akan diberi perhatian, akan diambil tindakan dan pandangannya untuk memperbaiki sistem pengurusan. Macam-macam. Cuma pada saya bila ada kes-kes yang teruk, yang *glaring* patutnya diambil tindakan segera. Ketua jabatan atau sesiapa sahaja yang terlibat patutnya digantung kerja. Baru ada kesan dari segi hendak menentukan kerajaan itu telus sepertimana yang diharapkan.

Tuan Pengerusi, B.4 – Suruhanjaya Pilihan Raya. 010200 - Operasi. Ini sedikit sahaja mengenai dengan pendaftaran pengundi-pengundi baru yang saya dapati ramai Tuan Pengerusi ialah pelajar-pelajar universiti. Ramai yang tidak mendaftar sebagai pengundi sesudah umur cukup 21 tahun. Saya hendak cadangkan kepada SPR supaya membuka kaunter di setiap universiti supaya pelajar-pelajar yang cukup umur boleh mendaftar sebagai pengundi. Malah di universiti pun ada pejabat pos dan mendaftar pengundi melalui pejabat pos boleh dilakukan tetapi mungkin dari kempen kesedaran tidak mencukupi. Sepatutnya SPR mendapat kerjasama daripada *vice-chancellor* ataupun timbalan *vice-chancellor* hal ehwal pelajar menentukan tidak ada satu pun pelajar di IPTA khususnya yang cukup umur tidak mendaftar sebagai pengundi.

Tuan Pengerusi, seterusnya B.5 – SPA 010200. Ini bahagian urus setia perkhidmatan SPA. Saya hendak bertanya satu sahaja. Apakah benar saya dengar dakwaan SPA ini juga termasuk dalam bidang hendak ditransformasikan atas cadangan Pemandu. Saya rasa tidak perlu. SPA berjalan dengan baik dan pelantikannya dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di kalangan kakitangan kerajaan yang berjawatan tinggi sesudah pencen. Katanya transformasi ini akan dilakukan dengan membawa masuk golongan profesional dan orang-orang tertentu. Saya rasa ini tidak perlu. Saya hendak tanya pihak kerajaan apakah ini benar?

B.6 - 050000 – JAKIM, 050400 – Darul Quran, 050500 – Jabatan Agama Islam (JAWI). Ini sekali gus dengan Majlis Agama Islam 360000. Pertamanya saya hendak bertanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga JAKIM. Dalam jawapan kepada Ahli Parlimen Bakri disebut ada 863 kes permohonan untuk menukar status agama Islam ataupun murtad daripada tahun 2000 hingga ke tahun 2010. Saya hendak minta daripada 863 ini berapakah jumlah saudara-saudara baru dan berapakah jumlah yang tidak saudara baru. Ini serius sebab kita tahu dari segi murtad dihalang oleh Perlembagaan dan dari segi agama pun perkara ini perkara serius. Jadi jumlah ini saya rasa menakutkan dan saya hendak tanya usaha JAKIM dalam soal menjalankan aktiviti kepada saudara-saudara baru. Setakat ini mungkin tidak mencukupi tetapi kenapa ini boleh berlaku di mana kita dapati 863 orang yang memohon untuk murtad dan diluluskan seramai 135 orang.

Kenapa dilulus, atas sebab apa dilulus? Apakah asalnya saudara baru atau bagaimana? Perlu diberi penjelasan.

■ 1510

Mengenai dengan Darul Quran, saya hendak mencadangkan Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan menubuh Universiti Darul Quran. Kita tengok sekarang ini IPTA, IPTS macam-macam nama universiti tetapi satu lagi yang belum dilaksanakan ialah penubuhan Universiti Darul Quran. Sesuai dengan negara kita, Islam agama rasmi persekutuan. Sesuai dengan kedudukan Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara dan juga kita tahu dalam Rukun Negara pun prinsip Ketuhanan itu amat jelas di mana di negara kita ini penting dari segi penghayatan pada agama terutama bagi orang-orang Islam.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua di bawah butiran yang sama tetapi saya hendak kaitkan sekali dengan 270000 - SUHAKAM. Ini ada kena mengena dengan agama Islam, ada kena mengena dengan mempromosi dan memperkasakan hak asasi manusia. Memang kita tidak nafikan kita juga menghormati hak asasi manusia tetapi hak asasi manusia ini mesti berlandaskan kepada prinsip-prinsip pertama dari segi agama, kedua dari segi undang-undang negara. Bukanlah hak asasi membuta tuli, saya hendak merujuk kepada program yang sedang berlaku sekarang ini yang dipromosi.

Ada berlaku di Kuala Lumpur sekarang ini satu program yang dinamakan Seksualiti Merdeka. Ini kononnya hendak membela, hendak mempromosi nombor satu apa yang dikatakan lesbian, gay, biseksual dan yang keempat *trust gender*. Ini semuanya bertentangan dengan Islam. Jadi hak asasi betul hak asasi tetapi dia harus berpandukan kepada prinsip-prinsip agama yang ada dalam Rukun Negara yang saya sebutkan tadi.

Kedua dari segi agama. Malaysia ini adalah negara Islam dari segi agama Persekutuan. Ketua negaranya ialah Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya dapati Tuan Pengerusi, pihak Suhakam kadang-kadang tergelincir, betul. Tergelincir dengan melayani tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah bertentangan dengan prinsip agama. Ini kerana bagi kita orang Islam melaksanakan hukum Allah adalah hak asasi orang Islam.

Menuntut apa yang ada dalam perlembagaan adalah hak asasi rakyat Malaysia. Siapa sahaja yang mengganggu-gugat pelaksanaan agama dan perlembagaan adalah pencemar hak asasi yang wajib kita perangi. Jelas melanggar perlembagaan yang menepati Islam agama negara, jelas melaksanakan agenda. Saya tengok *sexuality* merdeka ini melaksanakan agenda asing atas nama hak asasi dan demokrasi. Ini Tuan Pengerusi kebebasan agama tetapi membawa masuk budaya luar untuk meruntuh terutama mungkin hendak mempengaruhi akhlak di kalangan anak muda Melayu dan juga rakyat Malaysia.

Budaya ini pada saya, ada setengah mengatakan ini Mufti Perak ada menyebutkan ini budaya ini budaya bertentangan dengan budaya timur. Orang Islam tidak boleh pergi. Ini meliputi semua kaum. Ianya boleh meruntuhkan akhlak, rakyat kita golongan muda-mudi. Pada saya ini budaya binatang. Oleh sebab itu ianya dari segi Islam adalah haram dan salah dari segi undang-undang negara. Pertama, penganjur-penganjur ini sangat menghina Islam. Tidak hormati Islam sebagai agama persekutuan. Tidak hormati Raja-Raja Melayu.

Dari segi Rukun Negara, kepercayaan kepada Tuhan bermakna semua rakyat Malaysia mesti beragama dan semua agama melarang seks sejenis ini tetapi mereka membuat promosi ini. Jadi pihak SUHAKAM mesti ditegur. Kerajaan mesti beri garis panduan dan juga pihak JAKIM dan majlis agama tiap-tiap negeri mesti main peranan untuk menangani masalah isu ini.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas ada satu minit sahaja lagi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Allah! Banyak lagi ini, banyak lagi ini. Tuan Pengerusi 391900 - Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Ini peruntukan RM17 juta. PEMANDU diberi RM7 juta lebih. Hendak mempromosikan 1,100 syarikat dengan RM17 juta. Saya sudah cadang sudah dalam perbahasan RM500 juta tetapi tidak dijawab dan juga saya hendak rujuk kepada Unit Perancang Ekonomi - 020000 bersabit dengan masalah peranan pemandu.

Peranan pemandu dalam memperjuangkan nasib ekonomi kaum bumiputera. Dalam perbahasan dasar saya sudah sebut tetapi tidak dijawab, langsung tidak dijawab. Saya bawa kenyataan yang dibawa oleh Dewan Perniagaan Melayu saya hendak baca panjang tidak ada masa sudah. Jelas saya hendak baca dengan izin Tuan Pengerusi kes bagaimana kedudukan Pemandu yang *side track* kepentingan bumiputera.

Dari segi ETP projek yang telah diumumkan setakat ini berapa peratus untuk bumiputera sebenarnya? Projek ini dikenal pasti diberi kepada pihak-pihak tertentu melalui perbincangan di dalam makmal. Yang saya hendak tahu berapa kakitangan pemandu? Berapa jumlah kakitangan bumiputera dalam PEMANDU? Betulkah tidak saya dengan kakitangan PEMANDU diberi tiga bulan bonus tahun lepas. Berbeza dengan kakitangan kerajaan yang lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Mereka ini dilantik secara kontrak. Sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja lagi, minta, minta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Selepas itu saya hendak merujuk kepada B.030500 di bawah JPA Modal Insan mengenai dengan biasiswa. Saya cadangkan saya sudah membaca kenyataan apakah yang akan menjadi kenyataan supaya biasiswa yang RM1.4 bilion ini, setiap tahun diguna untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negara. Saya cadangkan supaya biasiswa ke luar negara dihapuskan. Semua peruntukan RM1.4 bilion ini digunakan untuk menaja pelajar biasiswa dalam negeri sebab 060100 - Penajaan Biasiswa Dalam Negara di dalam negara hanya RM44 juta sahaja manakala kalau kita guna duit ini untuk menaja beri biasiswa dalam negara kita lebih ramai lagi dapat faedah. IPTA pun sudah tumbuh macam cendawan. IPTS pun begitu banyak. Semua kursus ada dalam negara kita. Kenapa kita hendak hantar lagi pelajar-pelajar ke luar negara? Hendak pergi belajar ke luar negara boleh wujudkan dana pinjaman. Mereka kena pinjam, balik mereka kena bayar. Biasiswa dalam negara kita sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Last*, sekali, Tuan Pengerusi *last* sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini tiga kali *last* sudah Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Serious ini, mengenai 070000 - Pendakwaan Jabatan Peguam Negara. Ini banyak sangat sudah laporan-laporan yang dibuat mengenai dengan kes-kes yang dibuat oleh rakyat. Beribu-ribu laporan tetapi satu, dua sahaja tindakan diambil. Saya hendak tanya sepatutnya mana-mana laporan yang dibuat bila selesai siasatan dimaklumkan kepada orang yang buat laporan, ada kes atau tidak ada keskah? Ini diam. Samalah juga dengan SPRM. Bila ada orang lapor mengenai dengan rasuah, tetapi diam.

Sepatutnya SPRM sudah siasat beri jawapan kepada orang yang buat laporan ini, hendak tahu kedudukan itu sampai sekarang tidak ada. Jadi *last*nya saya hendak cadangkan juga SPRM patutnya diberi juga kuasa menyiasat pada semua perkara melibatkan semua jabatan termasuk Suruhanjaya Sekuriti kerana Suruhanjaya Sekuriti ada contohnya. Baru-baru ini ada timbul isu Sime Darby beli E&O dan di mana kita dapati Pengerusi E&O adalah suami kepada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti. Jadi mustahil pengerusi ini akan menyiasat suaminya. Jadi patutnya SPRM yang diberi kuasa. Jadi oleh sebab ada pertindihan ini saya cadangkan SPRM diluaskan skop peranannya supaya boleh menyiasat semua agensi tanpa dijempot masuk jika berlaku unsur-unsur ada dakwaan rasuah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ribuan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.3, Butiran 020000 - Pengauditan.

Tuan pengerusi, Laporan Audit melibatkan audit ke atas 51 aktiviti atau projek di bawah 32 kementerian, tujuh syarikat kerajaan dan 23 aktiviti badan-badan persekutuan. Penemuan audit ini ada yang boleh dikatakan mengejutkan, ada yang telah nampaknya berulang-ulang kali berlaku. Auditan yang dijalankan oleh Ketua Audit ini akan meliputi semua aktiviti. Penemuan ini adalah dengan izin, *tip of the iceberg*.

Tuan pengerusi, persoalannya kini adalah orang ramai telah bertanya mengapa timbul boleh berulang-ulang kali penyalahgunaan kuasa, perolehan yang tidak mengikut peraturan boleh berlaku. Pembelian-pembelian dan perbelanjaan yang di luar jangkaan yang terlampau, Tuan Pengerusi. Saya bagi contoh ya, saya percaya ramai di kalangan kita juga telah mengetahui penemuan audit ini.

■ 1520

Tuan Pengerusi, saya turun padang. Saya tanya mereka di kedai kopi apa pandangan berkenaan bajet untuk tahun 2012. Mereka jawab Tuan Pengerusi, mereka kata, "*Saya lebih pentingkan kepada penemuan laporan dalam Laporan Ketua Audit ini*". Saya rasa tidak ada kerja lagi baik dari menjadi pembekal bagi *binocular* dengan izin yang dibeli oleh Jabatan Taman Laut Malaysia dan amat mengejutkan Tuan Pengerusi, *marine binoculars* yang harga kontrak diberi ialah RM56,350 dan harga pasaran yang diambil oleh Ketua Audit adalah yang tertinggi iaitu RM1,940. Di mana perbezaan harga yang diberi adalah lebih 2,800 peratus lebih tinggi dari harga pasaran.

Tuan Pengerusi, yang ditanya oleh orang ramai iaitu apakah tindakan akan diambil? Setiap kali, setiap tahun ada perolehan sedemikian Tuan Pengerusi yang peraturan sedia ada oleh Kementerian Kewangan tetapi masih dilanggari, masih tidak dipatuhi. Walaupun MACC ada membuat kenyataan bahawa 36 kertas siasatan akan dibuka. Akan tetapi orang ramai hendak lihat siapakah yang akan bertanggungjawab ke atas pelanggaran peraturan ini? Penyalahgunaan kuasa ini, elemen rasuah yang timbul dalam perolehan ini Tuan Pengerusi. Bagaimanakah boleh pembelian perolehan atau item-item boleh tiada dinyatakan spesifikasinya. Contohnya tadi saya beri contoh adalah *marine binoculars*.

Dalam kontrak tiada spesifikasi, apakah model yang kena dibeli? Tuan Pengerusi, kalau kita gunakan wang sendiri untuk membeli barang, kita juga buat bandingan harga pasaran. Akan tetapi dalam kes ini, saya bagi contoh kes ini sahaja tiada bandingan harga. Hanya melalui seorang pegawai yang tidak ada kepakaran dalam pemberian item ini. Cuma tanya kepada Jabatan Perikanan secara lisan apakah harga pasaran, itu sahaja. Ini penemuan audit. Kalau kita beli barangan sendiri, kita pun akan membuat perbandingan harga. Akan tetapi dalam kes ini, ini adalah wang rakyat Tuan Pengerusi. Wang rakyat yang dipegang amanah oleh kakitangan kerajaan, pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan kerajaan dan oleh menteri-menteri. Rasa saya yang patut bertanggungjawab adalah menteri. Ini semua pembelian peruntukan yang diberi ada kepada kementerian. Akan tetapi kita tidak nampak tindakan diambil. Malah ada Yang Berhormat Menteri Pertanian menafikan kata tidak ada salah gunaan kuasa, menafikan penemuan audit itu. Tuan Pengerusi, sudah sampailah masa perlu ada tindakan tegas yang diambil. Tidak boleh diulang-ulang. Kalau...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ahli Yang Berhormat Batu Gajah, sedikit penjelasan. Mendengar perbahasan Ahli Yang Berhormat Batu Gajah, Ahli Yang Berhormat Batu Gajah mengatakan bahawa kementerian atau menteri-menteri ialah Menteri UMNO Barisan Nasional diamanahkan. Itu perkataan yang saya rasa tidak ada sesiapa dapat nafikan. Harta itu bukan harta kita. Ahli Yang Berhormat Kota Belud pun bersetuju saya rasa. Harta kita hanyalah mengurus bagi pihak rakyat dan diamanahkan. Setujukah dengan saya bahawa secara politiknya dan mungkin secara jenayahnya kalau ada bukti. Akan tetapi secara politiknya, boleh dikatakan Kerajaan UMNO Barisan Nasional telah pecah amanah kepada amanah yang telah ditetapkan oleh kerajaan sekiranya tindakan tidak diambil, kerana ini bukan Laporan Audit yang baru. Laporan yang dahulu sebelum ini pun tidak diambil tindakan. Mohon penjelasan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Memang benar apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Balik Pulau. Ada peraturan yang sengaja dilanggar. Perundangan terus perlulah mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan. Akan tetapi ini juga tidak dipatuhi. Tuan Pengerusi, ini penggunaan kewangan rakyat ini seperti saya nyatakan tadi adalah terlampau dan tidak masuk akal langsung.

Saya ulangi, gunakan wang sendiri untuk beli barangan pun kita tidak sedemikian. Kalau kita tidak takut kepada MACC, sekurang-kurangnya Tuan Pengerusi takut kepada tuhan. Takut kepada tuhan kalau mereka mempunyai kepercayaan agama. Akan tetapi nampaknya tidak ada cara lainlah kecuali kita ubah kerajaan dalam aspek ini. Kalau saya ingin...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya Ahli Yang Berhormat Kota Belud..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tidak bagi laluan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rujuk kepada, cepat sahaja peruntukan bagi kawasan di bawah projek-projek khas, penyelarasan projek khas 030100. Ini di mana saya sebelum ini ada buat satu pertanyaan berkenaan peruntukan untuk kawasan Parlimen dan Ahli Parlimen Barisan Nasional di bawah peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun 2008 dan tahun 2011.

Saya dimaklumkan tahun 2008, RM1.5 juta dan tahun 2009 ialah RM1.2 juta, tahun 2010 ialah RM1.5 juta dan tahun 2011 juga RM1.5 juta. Saya minta maklumat butiran perbelanjaan untuk kawasan Parlimen Batu Gajah. Tuan Pengerusi, saya terkejut. Saya diberitahu jumlah yang telah dibelanjakan bagi empat tahun ini hanya RM2.4 juta sahaja. Di mana yang telah diperuntukkan adalah RM5.7 juta. Di mana pergi baki RM3.22 juta ini?

Saya minta ke mana pergi program-program itu, projek-projek maklumat terperinci. Saya tidak diberi maklumat itu. Di manakah peruntukan yang bakinya sebanyak 56.4 peratus itu, ke manakah pergi peruntukan ini? Ketua Audit mesti pergi siasat. Peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, bagaimana ia telah digunakan. Diskriminasi terhadap pengundi kawasan pembangkang harus dihentikan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi.

Yang Amat Berhormat kata dasar sekarang pergi kepada program transformasi politik. 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.' Kalau masih mengamalkan diskriminasi ini, akhirnya siapa yang rugi? Rakyat yang rugi. Mereka lagi berterusan menyokong pembangkang apabila lebih banyak tindasan diperlakukan terhadap wakil rakyat pembangkang. Itu kenyataannya Tuan Pengerusi. Jadi saya pohon biar kerajaan kita bagi *best democracy in the world*, patut hapuskan diskriminasi sedemikian. Saya mahu maklumat terperinci ke mana pergi wang rakyat ini untuk peruntukan kawasan Parlimen Batu Gajah ini.

Akhirnya berkenaan SPR. *Malaysian overseas right to votes*, di mana dalam butiran SPR ini, 010000, saya rasa saya telah bangkitkan banyak kali dalam Dewan yang mulia ini berkenaan hak mengundi kepada warga negara Malaysia di luar negara yang tidak di bawah kategori sedia ada dalam peraturan pendaftaran pemilih iaitu kakitangan kerajaan, anggota tentera, pelajar sepenuh masa. Di bawah tajaan kerajaan ini harus diperluaskan, harus dipinda dan tindakan mahkamah telah dibawa oleh enam orang warga negara Malaysia di luar negara untuk diberi hak mengundi. Pengerusi SPR pada bulan Ogos telah menyatakan akan meminda peraturan tersebut. Saya rasa sudah sampai masanya perkara ini boleh dilakukan serta-merta.

Jangan minta rujuk kepada *select committee* mengkaji semula sistem pilihan raya ini. Perkara ini boleh dilakukan pada hal Pengerusi SPR telah menyatakan membenarkan akan meminda undang-undang membenarkan mereka hak mengundi. Ini adalah satu perkara dan juga sebelum ini telah kita baca dan dimaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu juta warganegara Malaysia di luar negara. Kita telah adakan Talent Corp diperuntukkan RM30 juta geran pelancaran. Bajet ini diperuntukkan RM20 juta dan yang paling asas hak mengundi tidak diberikan kepada mereka. Talent Corp pergi ke semua tempat buat *networking*, cari mereka untuk adakan dan bagi mereka insentif. Akan tetapi hak mengundi yang paling asas dinafikan kepada mereka.

Jadi saya pohon peraturan pilihan raya pendaftaran pemilih dipinda, memperuntukkan mereka hak mengundi sebagai pengundi tidak hadir...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik terima kasih. Ahli Yang Berhormat Tenom.

3.30 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut berbahas dalam peringkat Jawatankuasa, Butiran 38800 berkenaan dengan SEDIA, 391900 - ulang balik fasal TERAJU, dan juga 010200 - Pengurusan Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya mewakili sebagai salah seorang daripada wakil rakyat daripada Sabah amat mengalu-alukan dan mengharap satu perubahan yang besar di negeri Sabah. Pembangunan semula masyarakat juga dapat mengimbang semua pembangunan setempat dan juga wilayah. Umpamanya Tuan Pengerusi, Pembangunan Ekonomi Wilayah yang mana diharapkan dan dapat dipercepatkan kepada setiap bajet di bawah RMKe-10 dengan tumpuan kepada pembangunan *cluster* yang berkepadatan tinggi di koridor yang mempunyai kelebihan dari segi sektor dan juga geografi.

Tuan Pengerusi, saya melihat peng*clusteran* membolehkan syarikat mendapat faedah daripada sumber sama, memudahkan pepadanan pasaran buruh dan menyumbang perkongsian pengetahuan. Jadi, di bawah RMKe-10 saya mahu tumpuan diberi kepada setiap pembangunan koridor seperti di negeri Sabah. Pelaburan ke negeri ini perlu komited dalam bidang pembuatan, harta tanah, utiliti, pelancongan dan juga logistik. Saya pasti negeri Sabah akan terus menarik pelaburan terhadap lima pertumbuhan yang dikenal pasti untuk membangunkan kluster ekonomi dalam pendidikan, penjagaan kesihatan, kewangan, industri kreatif, logistik dan juga pelancongan.

Kalau kita lihat Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) memberi tumpuan dalam menggalakkan sektor pertanian, pembuatan dan juga perkhidmatan yang terdiri daripada dua komponen iaitu pelancongan dan juga logistik. Jadi, saya amat berharap Koridor Pembangunan Sabah (SDC) akan menumpukan kawasan pembangunan strategik yang dikenal pasti bagi menjana peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Juga saya dimaklumkan adanya delegasi daripada SEDIA yang pergi bersama MITI ke misi dagangan ke Itali, Sweden dan juga Norway baru-baru ini. Bagi menarik pelabur asing daripada pelbagai sektor khususnya industri berteknologi tinggi dan berinisiatif pengetahuan termasuklah ICT, tenaga boleh diperbaharui, teknologi industri, minyak dan gas, pemprosesan makanan, penjagaan kesihatan, industri kimia, telekomunikasi serta jentera dan juga kelengkapan. Saya amat berharap ianya dapat direalisasikan untuk pembangunan negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, pagi tadi saya menyentuh juga soal TERAJU. Jadi, dalam perbahasan ini pun saya ingin mengembangkan sedikit iaitu untuk membantu bumiputera. Soalnya sekarang Tuan Pengerusi, di mana ada dakwaan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksana (PEMANDU) mengetepikan usahawan bumiputera dalam menggubal Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) berdasarkan Model Baru Ekonomi (MBE) yang dilaksanakan menerusi 12 makmal Program Transformasi Ekonomi (ETP) baru-baru ini. Jadi, saya mohon penjelasan Tuan Pengerusi.

Saya juga mendapat makluman, sebanyak 500 pihak berkepentingan yang telah dijemput untuk memberikan cadangan dalam makmal berkenaan. Ini yang mana telah membabitkan lebih kurang 11 makmal berkaitan ekonomi dan juga satu makmal berhubung projek *Greater Kuala Lumpur* (GKL) dan tidak sampai 20 peratus adalah mereka di kalangan usahawan bumiputera yang dijemput memberi input dalam makmal yang diadakan pada bulan Jun.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, di bawah butiran mana itu? Rujuk kepada butiran Yang Berhormat, supaya saya pun boleh lihat Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Butiran 39900 – TERAJU.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Malah Tuan Pengerusi, saya mendapati TERAJU banyak bertindih peranannya seperti mana pada pagi tadi juga saya telah bertanya kepada ramai pihak yang mendakwa mereka juga membawa agenda bumiputera yang lain. Di mana pagi tadi saya menyebut Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM), Persatuan Perdagangan dan Perusahaan Melayu Malaysia, (PERDASAMA), Pribumi Perkasa Negara (Perkasa), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) serta Majlis Perundingan Ekonomi Melayu (MAPEN). Jadi, apakah mereka ini ada di selaraskan bersama-sama dengan TERAJU? Apakah peranan TERAJU yang dilihat lesu dan juga kemungkinan gagal dapat memainkan peranan setakat ini walaupun ada usaha-usaha untuk mengenal pasti lebih kurang seperti mana yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri pada pagi tadi iaitu 1,100 syarikat bumiputera yang bersaing di peringkat tertinggi dan juga global. Jadi, saya mohon penjelasan.

Saya mengharap menerusi 37 SRI diperincikan menerusi enam makmal dan dua daripadanya adalah khusus berkaitan mencipta peluang perniagaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengharapkan hasil daripada makmal berkaitan dengan bumiputera itu ialah dapat digilap dan dapat dimajukan. Ini kerana PKS terbabit berpeluang mendapat sokongan kerajaan dalam kontrak kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), modal insan ataupun pembiayaan. Jadi, di sini saya harap TERAJU dapat memainkan peranan yang baik sebagai pelaksana SRI yang berkaitan dengan pemajuan usahawan bumiputera termasuklah modal insan dan juga pendidikan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh fasal Pengurusan Dewan - Butiran 10200 yang mana menyentuh di Dewan Rakyat. Ini yang mana membolehkan Ahli-Ahli Parlimen terus berasa selesa dan juga kondusif. Saya percaya penambahbaikan dan juga menaik taraf kemudahan fizikal Parlimen Malaysia amat dialu-alukan bagi membolehkan Ahli-Ahli Parlimen menjalankan tugas dengan lebih baik dan juga lancar. Cuma saya ingin menyentuh sedikit Tuan Pengerusi, iaitu berkenaan dengan soal kebajikan Ahli-ahli Parlimen. Ini yang mana saya difahamkan bahawa pencen seseorang Ahli Parlimen terpaksa menunggu sehingga 50 tahun ataupun 55 tahun. Bagi Ahli-Ahli Parlimen yang berusia muda ini terpaksalah tunggu lama kalau tidak ada rezeki.

Jadi Tuan Pengerusi, saya juga ingin cadangkan daripada pihak pengurusan Malaysia supaya melihat balik kedudukan gred dan juga elaun Ahli-Ahli Parlimen yang dikatakan setaraf dengan Gred 54, pegawai kerajaan. Saya percaya kerajaan perlu memahami kedudukan Ahli-Ahli Parlimen yang agak berlainan dengan kedudukan pegawai kerajaan. Kami adalah anggota legislatif yang mempunyai tanggungjawab yang luas dan berat sebagai jambatan antara kerajaan dan juga rakyat. Oleh kerana itu saya menekankan supaya standard Ahli-Ahli Parlimen perlu mempunyai keistimewaan dari segi kedudukan dan juga elaun supaya kami boleh menjalankan tugas dengan lebih baik dan lancar. Jadi, saya pohon kerajaan mengambil kira dalam hal ini supaya pada masa akan datang penghormatan kepada Ahli-Ahli Parlimen terus terpelihara dan dipandang tinggi atas tugas yang murni ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena, saya cakap sedikit ya, sedikit sahaja. Apa yang elok sekali Yang Berhormat, kita *refer* kepada teks supaya kita bersama. Saya pun boleh lihat teks di mana satu butiran itu disebut dan butiran itu dirujuk dan persoalan berbangkit di bawah butiran tersebut. Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran mahasiswa daripada Persatuan Mahasiswa Kelantan, Universiti Malaya dan juga murid-murid daripada sekolah menengah yang hadir pada hari ini... [Tepuk] Selamat datang.

Saya ingin turut menyentuh B.7 iaitu 010100 – Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, berapakah jumlah pegawai-pegawai tadbir yang saya difahamkan, diistilahkan sebagai macam dibekukan perkhidmatan mereka. Dengan tidak diberikan tugas-tugas yang sepatutnya berasaskan kepada kedudukan jawatan mereka dan juga kebolehan dan juga kepakaran yang ada kepada mereka. Saya ingin mendapat penjelasan ini, berapa jumlah pegawai tersebut dan di mana mereka ini telah pun diletakkan, apakah gred mereka? JUSAKah, apa pangkat mereka? Berapakah sebenarnya gaji yang telah mereka terima selama ini?

Sebab saya ingin memberikan satu hujah bahawa adalah suatu yang tidak wajar untuk kita bekukan perkhidmatan mereka ini, kita peti sejujukan perkhidmatan mereka ini. Sedangkan mereka mempunyai gaji yang sangat tinggi, kalau mereka itu sudah sampai kepada peringkat JUSA sudah tentu mereka mempunyai gaji bulanan yang sangat tinggi. Sudah tentu bahawa negara kerugian kerana tidak dapat mendapat perkhidmatan mereka. Jadi, sebab itu kerajaan harus memberikan penjelasan berapa jumlah mereka? Sebenarnya, apa punca dan apa kesalahan mereka? Apakah tidak ada ruang tindakan mengikut proses tatatertib yang boleh diambil kepada mereka? Ini yang akhirnya, kepakaran yang ada kepada mereka itu boleh diguna pakai untuk kepentingan negara. Tidak diletakkan di satu sudut, dibekukan perkhidmatan mereka yang akhirnya menimbulkan kerugian kepada negara kita.

■ 1540

Kemudian, saya ingin menyentuh B.8 iaitu Jabatan Peguam Negara, Butiran 010000. Pertama, saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan satu keputusan kes mahkamah baru-baru ini yang diputuskan bahawa ada empat orang mahasiswa universiti dan diperjelaskan oleh mahkamah bahawa klausa AUKU tersebut adalah bertentangan dengan prinsip perlembagaan dalam negara kita. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah Jabatan Peguam Negara selama ini tak pernah semak mana undang-undang yang sangat bertentangan dengan Perlembagaan Negara kita? Itu satu.

Keduanya, saya nak mintalah kepada pihak kerajaan khususnya kepada Peguam Negara, tak payah merayulah. Walaupun ada satu *stage* lagi untuk mereka boleh merayu kepada pihak Mahkamah Persekutuan, tetapi saya katakan bahawa perkembangan dunia pada hari ini, masyarakat khususnya generasi muda ini inginkan satu kebebasan yang wajar diberikan. Bukan mereka nak menyertai parti politik seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang yang merupakan Menteri Pengajian Tinggi kerana ada alasan kononnya akta itu untuk menyekat pelajar-pelajar mahasiswa ini menyertai parti politik, tetapi kita berikan ruang kepada mereka, kebebasan mereka untuk memberikan pendapat dan pandangan yang berkaitan dengan persoalan-persoalan semasa.

Kalaulah mahasiswa dan ahli akademik disekat untuk memberikan pendapat dan pandangan mereka terhadap masa depan negara kita berkaitan dengan soal politik, mungkin yang dilihat pandangan itu agak bertentangan dengan pendapat dan pandangan kerajaan, maka bagi saya bahawa ini satu benda yang sangat baik untuk masa depan negara kita.

Perkara kedua yang berkaitan dengan Jabatan Peguam Negara ini, saya lihat bahawa apakah langkah yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara untuk membersihkan imej Jabatan Peguam Negara apabila ada beberapa kenyataan-kenyataan dan *report* yang telah pun dibuat oleh banyak pihak termasuk bekas Ketua CID Kuala Lumpur iaitu Dato' Mat Zain Ibrahim terhadap Peguam Negara sendiri dan juga bekas salah seorang daripada panel penasihat dalam SPRM dan juga beberapa yang lain yang membuat kenyataan-kenyataan secara terbuka yang menunjukkan bahawa ada perlakuan salah laku yang dilakukan oleh Peguam Negara?

Saya menganggap bahawa pendedahan-pendedahan itu telah memberikan satu imej yang tidak baik yang sepatutnya Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara harus mengambil tindakan untuk membersihkan diri mereka. Kalau pendedahan yang dibuat oleh mereka itu tak betul, saya fikir bahawa Jabatan Peguam Negara dan Peguam Negara ada ruang untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan, apakah pihak kerajaan tidak melihat ini sebagai satu benda yang sangat serius?

Bagi saya, sewajarnya kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya diraja untuk menyiasat kes ini, ataupun Peguam Negara sendiri harus membersihkan diri dia melalui tindakan undang-undang yang boleh diambil oleh beliau terhadap mereka-mereka yang membuat pelbagai dakwaan terhadap beliau.

Kemudian saya ingin menyentuh perkara berkaitan dengan B.6, Jabatan Perdana Menteri khususnya yang membabitkan Butiran 050000 iaitu JAKIM. Saya lihat bahawa JAKIM sejak akhir-akhir ini mengadakan beberapa siri kursus ataupun taklimat, saya pun tak dapat nak spesifik tentang nama kursus tersebut, tetapi ia membabitkan pegawai-pegawai masjid di seluruh negara kita, imam dan bilal. Baru-baru ini sudah tiga siri untuk program bagi pegawai-pegawai masjid seluruh negeri Kedah dipanggil, dibuat di satu institut di Bangi iaitu Institut INFRA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi program itu adalah di bawah anjuran JAKIM.

Saya telah dimaklumkan oleh mereka yang hadir, tok imam dan tok bilal di kawasan saya, dia kata ini program politik nak basuh otak tok imam sahaja, nak cuci otak tok imam supaya sokong UMNO. Panggillah Tun Mahathir yang sepatut dah pencen pun *mai* bagi kenyataan. Dan yang malangnya bagi saya Yang Berhormat Kota Belud, apa kena mengena pergi panggil Ketua Polis Negara, Pengarah Jenayah Bukit Aman untuk beri taklimat kepada tok-tok imam ini? Seolah-olah nak memberikan satu gambaran bahawa masalah negara kita ini berada dalam keadaan yang cukup cemas. Saya anggap bahawa ini suatu benda yang tak wajarlah untuk mereka nak hasut kepada imam-imam dan juga bilal. Akan tetapi *alhamdulillah*, saya tanya tok imam di kawasan saya, berubah kah? Tak berubah dia kata. Hang rendam kot mana pun tak apa, dok PAS situ dia kata. Jadi, rugilah duit. Rugi, belanja kepada perkara-perkara yang tak boleh memberikan apa-apa matlamat.

Akan tetapi yang saya nak bangkit di sini Tuan Pengerusi ialah, di tangan saya ini ada satu dokumen daripada Pejabat Menteri Jabatan Perdana Menteri, pejabat Datuk Menteri Senator Mejar kita yang sekarang ini berada di tanah suci. Saya doakan moga dia mendapat haji yang mabrur. Akan tetapi saya bukan nak menyentuh soal dia duduk di Mekah sana saya tak boleh nak sentuh, tapi ini isu. Berkaitan dengan program yang saya sebut, satu surat yang ditandatangani oleh Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Leftenan Kolonel Abdul Jabbar bin Muhammad Aris.

Surat ini dihantar kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Ahmad Ayub bin Ibrahim, Pengurus Besar Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad. *"Permohonan pembiayaan buku. Sukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Mejar Jeneral Datuk Jamil Khir, Menteri Jabatan Perdana Menteri telah bersetuju untuk membeli buku sebanyak 250 unit."* Nanti saya sebut buku tersebut. *"Mohon kerjasama daripada pihak tuan untuk membuat pembayaran kepada syarikat tersebut. Untuk berurusan, sila hubungi Encik Ramesh Rao, Pengurus Besar RR Media di talian sekian, sekian nombor. Bersama ini disertakan sebut harga buku bagi buku berkenaan. Sekian, terima kasih."*

Buku ini nak diberikan kepada pegawai masjid ini. Buku itu bertajuk, *'Bukti PAS Bukan Parti Islam'*. Yayasan Taqwa ini sumber pendapatan dia 100 peratus ialah wang zakat. Buku ini nak diberikan kepada tok-tok imam ini, nak suruh tok imam tengok kata PAS ini bukan parti Islam. Saya tak kisah dia nak beli buku itu nak bagi kepada tok imam, tak apalah, tetapi isunya ialah kenapa guna wang daripada sumber zakat untuk kepentingan politik? Ini ada invoice daripada Ramesh Krishnan daripada RR Media ini. Buku itu 250 unit, satu unit RM19.90, harga keseluruhan RM4,975. Walaupun kecil, tak sampai RM5,000, tapi bagi saya isunya ialah kenapa menggunakan daripada sumber wang zakat? Tak ada kah duit UMNO ini, UMNO teruk kah ini? Tak ada duit sudah UMNO nak lawan PAS ini. Sengkek!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dah 10 minit masa baru nak *start*. Alu-alu depa pun lama juga sat tadi. Sengkek sangat kah UMNO ini sampai nak ambil wang zakat nak lawan PAS ini? Teruklah. Jadi saya minta pihak kerajaan perlu melihat secara serius. Di tangan saya ini ada dokumen berkaitan dengan invoice, *delivery order* dan juga *quotation* yang dibuat oleh pihak syarikat RR Media ini untuk membekalkan buku tersebut. Saya menganggap bahawa ini merupakan suatu yang sangat memalukan kita dan memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan penyalahgunaan wang ini tidak sewajarnya berlaku.

Saya fikir bahawa wang zakat itu sepatutnya gunalah untuk bantu orang susah, orang miskin dan anak yatim dan sebagainya, daripada digunakan untuk kepentingan politik UMNO dan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya buat lagi satu *pointer* Yang Berhormat ya ataupun peringatanlah. Kalau dalam butiran ini, memang banyak Yang Berhormat. Semua penting, semua kita minat tetapi pilihlah yang amat diminati dan amat penting kepada Yang Berhormat supaya kita tak keluar masa. Ya, sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

3.49 ptg.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk memberi pendapat tentang belanjawan. Yang pertama, bawah Jabatan Perdana Menteri, Butiran 020000 di muka surat 60 mengenai Pengauditan Khas, Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan, Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan dan Pengauditan Akaun Kerajaan Negeri.

■ 1550

Juruaudit ataupun Jabatan Audit Negara melakukan siasatan audit ini setiap tahun supaya mendapat tahu kelemahan dan juga bagaimana ia harus mencari penyelesaian. Saya ingin cadangkan kepada Jabatan Audit Negara sama ada mereka ada perancangan untuk menghantar pegawai-pegawai mereka ke semua badan-badan yang berkenaan. Mungkin tiga bulan sekali untuk memastikan sekiranya ada masalah-masalah yang besar wujud dan penyelesaian segera dapat dilakukan ataupun sekiranya ada cadangan untuk menghantar ataupun menempatkan seorang pegawai Jabatan Audit Negara yang melaporkan diri kepada Ketua Audit Negara tetapi ditempatkan di jabatan-jabatan yang berkenaan.

Segala laporan terperinci boleh disalurkan kepada Jabatan Audit Negara supaya kita dapat dengan izin, *alert* badan-badan berkenaan supaya tidak berlaku banyak masalah-masalah yang harus kita tunggu sampai setahun untuk mencari penyelesaian. Seterusnya, mengenai...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat? Kota Belud.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Ini tentang Laporan Audit Negara, Yang Berhormat. Kita pun di sebelah Barisan Nasional amat kecewa dengan beberapa prestasi jabatan, ada pembelian-pembelian yang berharga mahal. Seperti biasalah, setiap tahun isu ini dimanipulasikan atau digembarkan oleh pembangkang tetapi tidak apa.

Cuma saya ingin bertanya pada pendapat Yang Berhormat, audit ini pada dasarnya ialah untuk memfokuskan kepada kelemahan-kelemahan. Kerajaan besar, kakitangan kerajaan jutaan tetapi di Singapura? Saya beri contohlah Yang Berhormat di Singapura mereka juga mempunyai masalah *overcharging* ini. Tahun 2010, polis Singapura dicela oleh Jabatan Audit Negara Singapura dengan pembelian RM900,000 lebih, untuk lebih harga untuk *sea barriers* di Singapura.

Isu saya ialah audit ini betul-betul. Ia menunjukkan kelemahan organisasi dan sebagainya. Akan tetapi ianya kena dilihat sebagai satu perkara yang bukannya satu perkara yang seolah-olah kerajaan itu secara keseluruhannya sebuah kerajaan yang lemah dan sebagainya sebab di negara-negara lain juga berlaku tetapi bukan maknanya saya memaafkan mereka. Kita mesti harus mencari jalan untuk memastikan tidak ada ketirisan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Kota Belud dan saya cadangkan agar ucapan itu dimasukkan dalam ucapan saya juga. Saya setuju benar, saya rasa memang betul jabatan yang bertanggungjawab ialah Jabatan Audit Negara untuk mengenal pasti kelemahan.

Kita juga harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya kelemahan ini tidak dapat diulangi kembali. Ini merupakan salah satu aspek utama mengapa Jabatan Audit Negara ini melakukan tanggungjawab mereka.

Saya akan teruskan dalam aspek Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Butiran 010300 – Teknologi maklumat, muka surat 67. Anggaran bagi tahun 2012 dikurangkan daripada RM5.6 juta kepada RM4.8 juta. Teknologi maklumat bagi saya merupakan satu teknologi atau pun sangat-sangat penting untuk SPR. Apakah perancangan SPR kerana dalam Jawatankuasa, *Select Committee Electoral Reform*. Di antara aspek-aspek yang kita membuat kajian sekarang ialah untuk ada satu saluran *direct* Jabatan Pendaftaran Negara dan juga SPR.

Saya pasti Jabatan Pendaftaran Negara harus bekerjasama dengan SPR untuk memastikan satu saluran diwujudkan apabila ada automatik *registration* atau mereka yang meninggalkan dunia, dengan automatik maklumat-maklumat daripada SPR pun dapat di *update*, dengan izin. So, saya rasa kita harus teliti sama ada perkara ini dalam perancangan. Sekiranya dalam perancangan, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan sekiranya dipersetujui kelak.

Seterusnya Butiran 010400 – Pejabat Pilihan Raya Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya juga, muka surat 67. Adakah perancangan SPR untuk menubuhkan pejabat-pejabat di luar daripada Malaysia, di negara-negara lain untuk memudahkan sekali lagi sekiranya Jawatankuasa Pemilihan Khas *Electoral Reform* ini, sekiranya di antara cadangan-cadangan contohnya untuk mengizinkan pengundi dan rakyat Malaysia yang tinggal di luar, bagaimana mereka hendak buat pendaftaran dan sebagainya.

So, oleh yang demikian adakah cadangan dari SPR untuk mewujudkan pejabat-pejabat mereka di luar negara. Pada masa yang sama, berapa ramai rakyat Malaysia yang berada di luar negara yang telah berdaftar dengan SPR dan telah mengundi semasa Pilihan Raya Umum Ke-12.

Seterusnya, Butiran 050400 – *Razak School of Government* (RSOG). Tahniah kerana telah mengagihkan sebanyak RM7 juta untuk ROSG. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ROSG ini telah berjaya menjalinkan hubungan dua hala dengan pelbagai institut-institut pentadbiran *school of governance*. Contohnya seperti *Kets de Vries Institute*, *ICLIF Leadership and Governance Center*, *the Said Business School* yang merupakan di antara pusat-pusat pengajian pentadbiran yang cemerlang. Apakah perancangan-perancangan masa depan untuk lebih memperkasakan ROSG ini supaya ianya menjadi salah satu *school of governance* yang terunggul di rantau ini.

Seterusnya, muka surat 123 Butiran 80300 – Pusat Rukun Tetangga. Saya difahamkan setakat ini lebih kurang 2,500 KRT yang aktif dan saya pasti lebih banyak lagi KRT akan ditubuhkan kerana saya nampak penglibatan-penglibatan sukarelawan dan sukarelawati dalam KRT ini sangat memberangsangkan. Mereka memberi kerjasama yang sepenuh-penuhnya untuk memastikan kawasan penginapan kita dijaga baik. Saya ingin tahu sama ada dalam peruntukan yang telah disediakan ini adakah cadangan untuk membantu sukarelawan dan sukarelawati KRT ini dalam elaun-elaun untuk mereka berkhidmat dan sebagainya, skim SRS tersebut untuk membantu mereka. Ini kerana, ramai daripada mereka terpaksa mengambil cuti untuk memastikan kawasan perumahan mereka dijaga baik.

Terakhir Butiran 210400 - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi. Muka surat 117. Saya tidak menafikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Negara telah melaksanakan tanggungjawab mereka seberapa baik yang boleh. Tahniah saya ucapkan. Apakah perancangan-perancangan yang dilakukan oleh jabatan ini untuk memperkasakan lagi integrasi rakyat Malaysia kerana sejak kebelakangan ini ada satu, dua elemen dalam negara juga yang cuba menghasut rakyat Malaysia dengan pelbagai pemikiran songsang dan sebagainya. Bagaimana Jabatan Perpaduan Negara Integrasi ini dapat mengintegrasikan dan mengukuhkan lagi perpaduan negara supaya kita dapat terus hidup aman dan damai dalam negara yang kita cintai ini. Sekian terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

3.58 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan sedikit mengenai isu Jabatan Peguam Negara. Butiran 050000 – Gubalan dan Butiran 060000 - Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang.

Tuan Pengerusi, ini adalah berkaitan dengan undang-undang yang sedia ada iaitu di mana perlu ada satu pembaharuan. Satu di antara undang-undang yang perlu penelitian yang serius adalah berkaitan dengan *Civil Law Act*. Perubahan terakhir yang dibawa ialah pada tahun 1984. Satu di antara perkara adalah mengenai pampasan *bereavement*, di mana hanya sebanyak RM10,000 diberi. Saya ingat lagi pada tahun 1997 Tuan Pengerusi, saya telah membangkitkan perkara itu di Dewan ini. Semasa itu Menteri di Jabatan Menteri, semasa itu dia Timbalan Menteri Undang-undang yang telah memberi satu pengakuan kepada saya yang mengatakan bahawa ada pemindahan akan dibuat kerana kuantum yang diberi RM10,000 itu adalah sangat kurang dan juga setiap situasi inflasi dan sebagainya. Itu adalah satu janji yang dibuat lebih 15 tahun, lebih 12 tahun dahulu di Parlimen ini.

Saya hairan tidak ada perubahan langsung dibuat dan kuantum itu satu 'cap' yang tidak boleh diterima. Kalau kita bincang dengan hakim-hakim dan peguam mengatakan bahawa kuantum RM10,000 *bereavement* itu terlalu rendah.

■ 1600

Seksyen 28 juga berkaitan di mana seksyen 8, seksyen 9, seksyen 10, seksyen 28 dan seksyen 26 di mana *quantum* untuk kes-kes kemalangan telah ada satu *multiplier* di mana *quantum*nya adalah terhad sejak tahun 1984. Oleh kerana tarikh, masa untuk *retire* ini telah dinaikkan daripada 55 tahun ke 58 tahun dan ke 60 tahun, cadangan untuk akta yang sedia ada meningkat ia hingga 55 tahun sahaja. Ini adalah satu yang tidak rasional, tidak baik dan saya harap tindakan diambil supaya pemindahan dibuat seberapa cepat yang boleh supaya pihak-pihak yang terlibat dalam kes kemalangan ada *justice*. Jangan kita ada satu undang-undang yang luput yang tidak relevan yang tidak *current* dalam situasi itu.

Satu minggu dahulu Tuan Pengerusi kami telah menerima di setiap meja iaitu pemindahan kepada kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan, kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi dan mahkamah rendah. Satu di antara perkara yang saya perhatikan yang telah dibawa kepada saya adalah di mana pemindahan yang dicadangkan, gazet yang baru kepada kaedah-kaedah mahkamah adalah di mana faedah dikurangkan. Faedah yang di atas *judgment* saham dikurangkan dari 8 peratus ke 4 peratus. Apakah rasional dia? Saya telah menelefon Pengerusi Majlis Peguam dan beliau mengatakan dalam persidangan dan perjumpaan dengan pegawai-pegawai Peguam Negara mengatakan bahawa kekurangan itu adalah kerana faedah yang diberi oleh bank-bank adalah sangat kurang sekarang maka ia dikurangkan. Adakah ini rasional?

Jikalau kita tengok di negara-negara yang lain, dengan izin, *you cannot compensate, you cannot put a person in the same position as he was at the time of the incident* dengan *whatever compensation*. Itu adalah asas dia dan jika kita memberi faedah yang sangat kurang dan faedah yang kita dapat di mahkamah yang berpuluh-puluh tahun sekali-sekali ada, tiga tahun, lima tahun, sepuluh tahun selepas itu kita mendapat faedah yang sangat kurang. Ini tidak ada rasional langsung, nombor satu.

Kedua, *the quantum* yang diberi saya difahamkan di mahkamah-mahkamah rendah sekarang ada *mathematical quantum*. Saya difahamkan dari peguam-peguam mengatakan bahawa ada *directive* yang tertentu di mana *quantum* dia telah dikurangkan dan kalau kita tengok *quantum* untuk *paralysis case* RM200,000 – RM300,000 dahulu sekarang dikurangkan ke RM150,000 ke RM100,000 tidak ada rasional langsung. Saya difahamkan asasnya adalah kerana untuk mempercepatkan kes-kes diselesaikan di mahkamah. Apakah rasionalnya? Ini saya rasa adalah satu yang tidak boleh diangkat, diterima.

Selain dari itu saya juga ingin tahu dan saya difahamkan bahawa *judicial and legal service*, kenaikan pangkat. Ramai di antara kawan-kawan saya juga telah berbincang dengan saya memberitahu bahawa semasa mereka berkhidmat dengan *judicial service* atau *legal service*, kenaikan pangkat sangat kurang. Nombor dua kalau dinaikkan pangkat kalau dari *judicial service* ke Mahkamah Sesyen sangat kurang dan sangat jarang dan jika dinaikkan pangkat juga walaupun ada kelayakan-kelayakan.

Ada di antara kita semua tahu *blue eye boy of the AG* diberi keutamaan tetapi pegawai-pegawai yang lain yang berkhidmat cemerlang dan juga ada pegawai-pegawai yang boleh dikatakan yang terbaik di antara yang ada di *judicial legal service* tetapi tidak dinaikkan pangkat. Juga apakah kriteria yang diguna pakai?

Saya difahamkan masyarakat India sangat kurang representasi mereka di Mahkamah Sesyen, di Mahkamah Majistret dan juga dengan..., saya harap kita pun ada satu rasional, jangan kita guna pakai pilih kasih dalam melantik menjadi majistret atau Hakim Mahkamah Sesyen kita memberi kepada *academic performances* atau klasifikasi mereka supaya kita ada *the best of brains* dalam sistem yang sedia ada.

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya ingin juga membangkitkan perkara di mana Butiran 100000 iaitu Biro Pengaduan Awam. Saya telah kata lebih kurang tiga-empat bulan dahulu Tuan Pengerusi, apa ini Biro Pengaduan Awam, apa mereka buat? *They are chief office boys*. Mereka menerima surat aduan dan mereka hantarkan kepada pihak yang katakan tidak membuat kerja atau tidak membuat usaha untuk menyelesaikan perkara itu mereka mendapat jawapan tersebut terus bagi kepada pengadu. Adakah ini yang dikatakan yang perlu dibuat oleh Biro Pengaduan Awam? Apakah fungsi mereka?

Saya boleh beritahu satu kes yang tertentu Tuan Pengerusi. Baru-baru ini ada satu kes tembakan mati di Shah Alam dan bila mereka datang kepada saya, saya menulis satu surat kepada pegawai penasihat tidak ada laporan polis dikemukakan walaupun permintaan telah buat lebih dari tiga tahun. Bila saya tulis satu surat kepada Biro Pengaduan Awam mereka tulis surat kepada ASP tersebut katakan dalam tempoh lima hari patut memberi jawapan. Ini sudah lebih kurang lima bulan tidak ada jawapan. Tidak kisah langsung. Jadi *what is the function* oleh Biro Pengaduan Awam? Lebih baik peruntukan yang dicadangkan ini tidak patut diberi kepada mereka. Jikalau boleh mereka perlu diswastakan baru mereka tahu apakah betul-betul fungsi mereka.

Kita tengok yang betul-betul yang kita tahu yang patut mereka turun padang pergi menyiasat apakah aduan-aduan tertentu dan ambil tindakan susulan kalau perlu terhadap pegawai-pegawai yang terlibat tetapi tidak ada. Ini bukan kali pertama, banyak kali perkara-perkara ini berulang di negara ini. Saya harap satu tindakan susulan menyeluruh dibuat di mana panduan yang baru diberi kepada Biro Pengaduan Awam supaya mereka tahu apakah fungsi dan kegiatan mereka.

Selain dari itu Tuan Pengerusi adalah mengenai Butiran 09000 iaitu Bangunan-bangunan Mahkamah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, satu minit Yang Berhormat.

Tuan M. KulaSegaran [Ipoh Barat]: Butiran 090000 - Bangunan-bangunan Mahkamah. Boleh saya dapat tahu adakah kerajaan niat untuk membina satu bangunan Mahkamah Sesyen di Seri Manjung di mana satu di antara tempat di mana kenaikan kes-kes adalah banyak dengan penduduk-penduduk. Akhir sekali adalah mengenai Jabatan Agama Islam, saya ingin tahu saya telah membangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan telah memberitahu bahawa bila kes-kes penukaran agama, kerajaan telah merujuk kepada Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon satu *committee* telah disediakan untuk menyiasat macam mana mengatasi kes-kes penukaran agama di mana bukan orang Islam selepas itu menjadi Islam, anak-anak mereka kes-kes di mahkamah dan sebagainya.

Kabinet ada satu *special committee*, apa terjadi kepada *special committee* tersebut? Apakah kali terakhir Yang Berhormat Menteri mengatakan di Dewan ini bahawa ia boleh rujuk kepada Majlis Raja-Raja Melayu tetapi sehingga ini tidak ada apa-apa keputusan mengenai perkara tersebut. Adakah ini sudah menjadi satu tidak ada *no action*, *no political will* dalam kes ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

4.08 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun satu butiran sahaja Tuan Pengerusi.

Saya hendak ambil bahagian dalam Jabatan Perdana Menteri ini, Butiran 120000 – Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) yang berkaitan penggubalan undang-undang. Dalam perlembagaan kita jelas bahawa Islam itu Agama Persekutuan dan agama-agama lain bagi penganut-penganut yang lain bolehlah mengamalkan agama mereka tanpa diganggu-gugatlah oleh mana-mana pihak.

Dalam Perlembagaan juga menyatakan bahawa seseorang yang bukan Islam tidak boleh mendakychkan agamanya kepada penganut-penganut Agama Islam. Maknanya orang Islam tidak boleh dipujuk, dirayu untuk mengikut agama mereka, itu jelas. Akan tetapi masalah yang mutakhir ini Tuan Pengerusi ada cubaan-cubaan yang dibuat secara langsung atau tidak langsung oleh pihak-pihak yang tertentu yang berusaha dengan berbagai-bagai-bagai cara baik kasar, baik halus, baik lembut, baik yang mempunyai telunjuk lurus kelingking berkait.

■ 1610

Betul itu, ya. Betul ayat saya itu? Yang tidak menghormati semangat dan isi perlembagaan ini. Kalau dibiarkan, ia akan mendatychkan kemudaratan kepada negara. Pada sesetengah pendapat orang Islam, kalau kata dia minum arak, dia belum terlalu marah lagi Tuan Pengerusi. Dia ini kaki judi, dia tidak marah lagi Tuan Pengerusi. Akan tetapi kalau kita kata, "*Engkau ini kafir*", ia boleh mencetuskan pergaduhan. Maknanya dia hendak mempertahankan keimanannya. Iktikadnya. Jadi, saya bimbang kalau gejala-gejala yang mutakhir yang sama-sama kita ketahui dibiarkan berlarutan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang cuba mendiyahkan agama mereka kepada orang-orang Islam, yang memang jelas bertentangan dengan kehendak dan semangat perlembagaan kita. Akhirnya nanti timbul suatu keadaan ketegangan yang boleh mencetuskan pergaduhan dan akan menjejaskan keharmonian dan keamanan.

Oleh sebab rasa bimbang, rasa ketakutan orang Islam dengan tipu muslihat dan cara-cara yang halus yang dijalankan oleh sesetengah pihak, pihak-pihak yang ada autoriti dalam agama Islam ini merasa bimbang dan mereka mencadychkan supaya satu akta murtad diperkenalkan. Hari ini memang kita ada undang-undang tetapi hendak dikuatkuasakan nampaknya begitu longgar, begitu payah. Jadi, seperti Sahibul Samahah, Mufti Perak, salah seorang ulama' yang terkenal dan disegani, telah pun mencadychkan supaya akta murtad ini dibuat untuk mencegah dan tindakan penguatkuasaan dapat diambil melalui akta yang boleh menguatkan perlembagaan punya semangat.

Jadi, itulah saya mencadychkan supaya Jabatan Perdana Menteri di bawah Hal Ehwal Undang-undang boleh agaknya mengadakan undang-undang murtad yang termasuk terangkum di dalamnya tindakan-tindakan yang boleh diambil, penguatkuasaan yang boleh diambil kepada mereka yang menjalankan diayah-diayah yang bertentangan dengan semangat perlembagaan kita itu.

Jadi itulah Tuan Pengerusi kalau boleh, bijak pandai di Bahagian Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri boleh agaknya menggubal undang-undang murtad ini supaya dapat memenuhi kehendak orang-orang yang begitu bimbang, orang-orang Islam akan terpengaruh dan menjadi murtad lebih ramai daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh sesetengah pihak. Itu cadangan saya.

Saya harap dalam jawapan Menteri yang berkenaan dapat agaknya menjelaskan supaya kebimbangan para alim ulama' dan ibu bapa orang-orang Islam ini dapat dibendung, dapat diselesaikan. Macam-macam sudah cerita. Saya tidak hendak cerita panjang Tuan Pengerusi. Fahamlah apa maksud saya. Pujuk rayu dan pelbagai helah yang dijalankan oleh sesetengah pihak untuk menyebarkan agama mereka yang bertentangan dengan semangat perlembagaan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Beruas.

4.15 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan perkara B.6, item 050000 - JAKIM, 080000 - Jabatan Kebajikan Syariah Malaysia dan 120000 - Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Saya hendak bahaskan secara bersama.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita tahu bahawa pada masa sekarang ini ada keadaan yang mana orang-orang bukan Islam tidak ada dengan izin, *access to justice* kalau ada perceraian di antara satu pihak yang sudah menjadi orang Islam dan satu pihak yang enggan menjadi orang Islam. Tuan Pengerusi, keadaan ini tidak boleh diterima kerana tidak boleh ada keadaan yang mana ada sesuatu pihak yang tidak ada tempat untuk mengadu untuk mendapatkan keadilan. Apabila kita meminda Perkara 121(1A), Perlembagaan Persekutuan, niat kita adalah untuk menghormati undang-undang Islam dan membuat keputusan supaya mahkamah-mahkamah sivil tidak boleh campur tangan dalam isu-isu di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Akan tetapi, niatnya ialah untuk memberikan keadilan kepada orang-orang Islam supaya mereka boleh mengikut secara terus undang-undang di bawah Mahkamah Syariah.

Malangnya keadaan yang mana tidak disangka ialah niat untuk meminda Perkara 121(1A) ini tidak berniat untuk menyebabkan ketidakadilan kepada mereka yang bukan Islam. Kabinet pun pada tahun 2009 telah pun membuat keputusan untuk meminda beberapa undang-undang untuk membolehkan orang-orang bukan Islam boleh mendapatkan keadilan daripada Mahkamah Sivil apabila berlakunya satu perceraian dalam sesebuah keluarga. Akan tetapi malangnya sehingga ke hari ini, belum ada pindaan yang dibuat. Alasan yang diberikan pada masa yang lampau ialah bahawa Majlis Raja-Raja hendak meneliti pindaan-pindaan yang akan dibuat.

Bagi saya, perkara ini melibatkan orang-orang bukan Islam dan kita kata keputusan daripada Majlis Raja-Raja adalah tidak perlu. Untuk tidak terus menyebabkan ketidakadilan kepada mereka yang hendak mendapatkan keadilan daripada Mahkamah Sivil, saya merayu kepada kerajaan supaya pindaan berkenaan dibuat dengan secepat mungkin. Kita tidak mahu kes-kes yang seperti S. Shamala kerana tidak ada tempat untuk mengadu untuk mendapatkan keadilan. Beliau terpaksa melarikan diri dengan anak-anak ke Australia untuk mengelak daripada ketidakadilan yang berlaku. Amat sedih kerana untuk beliau berbuat sedemikian, beliau mengalami pelbagai jenis tekanan dan adalah tidak baik untuk anak-anak mereka.

Lebih baik kalau ada satu tempat yang mana kehakiman boleh dibuat seperti biasa di mana-mana pihak pun menjadi penjaga kepada anak-anak tersebut. *Visiting right* boleh diberikan kepada pihak yang lain supaya anak-anak ini dapat membesar dengan adanya kasih sayang daripada kedua-dua pihak ibu dan bapa sungguhpun perceraian berlaku. Jadi, inilah harapan saya bahawa keputusan isu ini dapat dibuat dengan secepat mungkin.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah kebebasan beragama. Kita tahu Perkara 11, dalam Perlembagaan Negara kita memberikan kebebasan kepada semua rakyat termasuk orang Islam dan bukan Islam. Hanya yang disekat ialah ajaran bukan Islam tidak boleh disebarkan antara orang-orang Islam dan undang-undang sedemikian boleh dibuat oleh mana-mana kerajaan negeri di Malaysia ini, Tuan Pengerusi. Akan tetapi keadaan yang mana ada orang-orang yang secara teknikalnya kerana atas nama Islam tetapi sebenarnya mereka bukan Islam telah menyebabkan banyak kesengsaraan kepada orang-orang yang sedemikian. Orang-orang sedemikian ini kebanyakannya orang-orang bukan Melayu.

■ 1620

Kita tahu ada keadaan pendeta di mana dulu di Sabah, di *Peninsular* Malaysia ada orang di mana mereka menjadi Islam, nama ditukar kepada nama Islam semata-mata kerana diberikan sumbangan kepada mereka kerana mereka miskin. Ada juga keadaan di mana orang Cina yang namanya Islam dan membesar sebagai orang Cina, makan daging babi, tidak pernah masuk masjid, tidak pernah lafaz ataupun baca al-Quran, dia seratus peratus orang Cina dan bukan Islam. Akan tetapi terpaksa tidak dapat berkahwin kerana tidak ada, kalau beliau hendak berkahwin dengan seorang Cina yang bukan Islam tidak dapat kahwin, mereka menderita. Saya tahu sekurang-kurangnya dua kes di mana kerana tidak kahwin mereka perlu bersekedudukan di luar nikah. Anak yang dilahirkan sungguhpun nama dia Islam, dia meminta pertolongan dari saya dan untuk mendapatkan nama Cina diberikan kepada anak. Ini kerana memang sebenarnya beliau bukan agama Islam.

Begitu juga seorang lelaki di mana beliau hendak kahwin dengan seorang Cina, beliau apabila anak dilahirkan, mereka tidak dapat berkahwin, apabila anak dilahirkan si ibu mesti berbohong kepada Jabatan Pendaftaran Negara mengatakan lelaki sudah menghilangkan diri. Kezaliman ini yang masyarakat kita sengsara, yang orang sedemikian adalah sangat menyedihkan.

Sungguhpun kita hendak menjaga ataupun hendak mempertahankan hak mana-mana agama. Akan tetapi seperti kita tidak suka orang memaksa kita menukar agama. Sama ada daripada Kristian kepada agama Buddha ataupun Islam, ataupun daripada Islam kepada mana-mana agama lain. Kita tidak mahu orang lain memaksa kita, menukar agama kita. Begitulah kita mesti berlaku adil kepada golongan ini yang bukan Islam, tidak boleh dipaksa menjadi Islam.

Tuan Pengerusi, bagi saya ini kebebasan agama ini memang kurniaan Tuhan. Sesiapa yang melanggar kurniaan Tuhan untuk memilih kepercayaan beliau adalah anti Allah, anti Tuhan. Tuhan tidak perlu kita mempertahankan Tuhan. Ini kerana Tuhan itu Maha Kuasa. Sebenarnya mereka yang cuba menggunakan agama ini untuk mengongkang orang lain atas sebab-sebab politik atau sebab yang lain mereka menderhaka pada Tuhan sendiri.

Oleh yang demikian, saya memohon kepada kerajaan supaya orang-orang sedemikian yang bukan Islam ini diberikan kebebasan supaya mereka dapat hidup secara orang biasa. Menirikan keluarga yang bebas daripada semua tekanan dan anak-anak mereka dapat membesar dalam keadaan keluarga biasa. Oleh yang demikian, itulah sahaja dua perkara yang saya ingin bangkitkan agar kita berlaku adil kepada semua rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Limbang.

4.23 ptg.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak menyentuh iaitu Butiran 220000, muka surat 117 iaitu LPKP. Iaitu berkaitan dengan Emolumen. Pada masa ini dengan negeri Sarawak yang begitu besar seakan besar Semenanjung, penguatkuasaan amatlah ada mempunyai masalah sebab kekurangan pegawai. Pada masa ini kita ada tiga cawangan iaitu di Kuching, di Sibu dan di...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Lembaga Perlesenan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Lembaga Perlesenan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat masih pengerusi tidak?

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Masih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bagi tahulah Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Lembaga Perlesenan dan Perdagangan. Jadi pada masa ini kita sepatutnya di Kuching, kita ada tiga cawangan di Kuching, Sibu dan Miri. Jadi sepatutnya ketiga-tiga cawangan ini mempunyai empat orang penguat kuasa setiap cawangan iaitu zon Selatan, Utara dan Tengah. Jadi pada masa ini di Kuching sahaja kita hanya mempunyai seorang penguat kuasa. Itu pun *attachment* daripada Jabatan Pengangkutan Jalan.

Di Sibu langsung tidak ada dan di Miri juga hanya seorang iaitu daripada – yang diisi seorang N22 iaitu pembantu penguat kuasa. Jadi kita mintalah kepada kerajaan supaya demi untuk supaya penguat kuasa ini efisien lagi dan supaya kita mempunyai banyak pegawai, supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk meliputi ketiga-tiga kawasan ini. Jadi kita mohonlah agar jawatan di Kuching iaitu N32 satu, dan satu N27 iaitu penolong pegawai penguat kuasa dan satu N17 pembantu penguat kuasa ini diisi. Begitu juga untuk di zon tengah, supaya agar satu N27 ini dapat diisi, satu N22 dan dua N17 ini.

Di Miri pula, yang diisi hanyalah iaitu N22. Selainnya satu N27 dan dua N17 ini kosong. Jadi perkara ini yang sebenarnya telah pun disuarakan *as far as two years back* akan kekurangan tenaga penguatkuasaan ini. Jadi kita minta kepada kerajaan supaya melihat perkara ini demi untuk memastikan penguatkuasaan daripada LPKP itu sendiri dapat dibuat dengan baik selain penguatkuasaan daripada JPJ dan PDRM. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat daripada Wangsa Maju.

4.26 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.8, T.3 – Ketua Hakim Negara. Saya difahamkan bahawa baru-baru ini satu arahan yang dikeluarkan atau *directing* yang dikeluarkan di mahkamah di mana semua pihak *litigant* dalam sesuatu kes di mahkamah perlu membuat *e-filing*. Ini memang bagus untuk satu *paperless society*. Akan tetapi ada yang keadaan yang tidak berapa sesuai di mana dari segi *pledging*, *pledging-pledging* seperti *statement of claim*, tuntutan, kenyataan tuntutan dan *defend* dan sebagainya.

Pledging ya, kita boleh failkan oleh kerana ini tidak berapa banyak naskhah. Akan tetapi dari segi *exhibit-exhibit* dalam sesuatu kes, *exhibit-exhibit* ini bukannya semua kes ini *exhibitnya* sepuluh naskhah, sepuluh *copy*, dua puluh *copy*, seratus *copy*. Ini semua ada yang tiga ribu, empat ribu dan tertingginya mungkin tiga empat kaki itu *copy exhibit*. Mereka ini perlu memfailkan dokumen ini melalui *e-filing*.

Maknanya mereka perlu, peguam-peguamnya perlu memberikan suatu bayaran yuran kepada sesuatu syarikat. Sejumlah seribu lebih untuk dapatkan satu sijil ataupun kod *number* untuk buat *e-filing* ini. Kemudian kena masuk *scan* pula tiap-tiap naskhah. Okey, tiap-tiap *copy*. Berapa banyak masa yang itu bazirkan. Begitu juga kalau ada sikit *exhibit* yang seperti barangan, bagaimana hendak fail benda-benda ini.

*Can food*lah, barang-barang jadi tidak praktikal. Pada masa yang sama juga kita perlu failkan *hard copy* pula. Kalau ada tiga ribu keping kena failkan tiga ribu keping. Tidak apa. Bila kita jalankan kes dalam mahkamah, saya sendiri ada satu pengalaman di mana hakim-hakim ini tidak gunakan *soft copy* itu dalam komputer. Oleh kerana Tuan Hakim perlu *referkan* semua dalam *hard copy* ini. Muka surat berapa, jilid yang mana, *volume* yang mana. Akan tetapi sekarang mereka perlu buat demikian. Saya rasa ini satu *practice* yang tidak praktikal langsung.

Saya harap ini Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri ambil tindakan untuk berhentikan *practice* ini, kerana yang saya nampaknya untuk *practice* ini untuk menguntungkan sesuatu syarikat sahaja. Oleh kerana ini tidak praktikal langsung. Ramai peguam pun pula menentang perkara ini, bantah perkara ini. Akan tetapi masih *for all that years*. So, saya harap Jabatan Perdana Menteri boleh kaji semula perkara ini, meneliti perkara ini dan tolonglah berhentikan *practice* ini, oleh kerana ia menimbulkan banyak masalah kepada itu peguam-peguam dan *litigant*.

■1630

Ini akan meningkatkan banyak lagi kos kepada *litigan*. Ini tidak sesuai dan kita hendak arahkan kepada rakyat didahulukan pencapaian diutamakan, saya rasa ini memang tidak sesuaiilah dibawa kedua-dua dasar ini.

Kedua saya ingin mengalih kepada Maksud B.9 - 1086 di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di mana saya telah bangkitkan banyak kali di sini mengenai dengan penukaran saham AirAsia dan MAS. Keputusan yang diumumkan oleh Tan Sri Azman Mokhtar sebagai Ketua Pengurusan Khazanah Nasional pada 9 Ogos 2011 mengenai penukaran saham ini, di mana Khazanah memberikan 2.5 peratus saham kepada Tune Air dan juga Tune Air memberi 10 peratus.

Harga untuk menentukan formula ini atau bagaimana formula ini ditetapkan, atas alasan apa di dalam Dewan ini pun telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di mana beliau mengatakan *based on share price* pada 8 Ogos 2011. Ini memang tidak tepat, ini memang tidak adil untuk MAS. Seperti satu syarikat ikan bilis, ikan bilis kecil itu yang banyak-banyak masalah yang dapat semua bantuan daripada kerajaan sekarang hendak makan MAS...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh tanya sedikitkah?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dengan cepat, tidak ada masa.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, sedikit sahaja Yang Berhormat. Terima kasih saya hendak tanya sebab saya menerima maklumat baru tiga hari Tony Fernandes daripada AirAsia duduk dalam komuniti MAS selepas pertukaran saham dan dia berjaya meyakinkan MAS supaya *sponsor team* bolanya QPR sebanyak RM18 juta. Jadi perkara betul atau tidak cuma saya hendak dapat pengesahan daripada Yang Berhormat betul atau tidak?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, memang betul. Itu dibuat pada 16 Ogos 2011 di mana ini budak Khazanah daripada, 'bina tidak fikir sdn. bhd.' ini kena terbang ke London untuk menandatangani satu perjanjian *sponsorship* RM18 juta, gunakan wang MAS. Sedangkan MAS tidak ada wang sekarang ini, ada masalah kewangan tetapi masih terbang ke sana sokong QPR oleh kerana Tony Fernandes telah beli QPR dan juga *sponsorship* itu untuk jersi sahaja, main di QPR Shepherds Bush punya stadium sahaja, sedangkan AirAsia bayar RM3 juta sahaja tetapi semua boleh pergi merata-rata.

Satu contoh lagi Genting bayar RM17 juta, boleh gunakan jersi seluruh dunia dengan harga yang sama berapa? RM17 juta sahaja. So inilah satu masalah dan kes ini telah diarah oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan buat satu SC untuk buat satu siasatan dan Bursa Saham Kuala Lumpur juga buat satu siasatan. SC ini untuk *insider trading* sebab saham pada masa itu selepas atau sebelum 9 Ogos 2011 dari bulan Julai naik terus AirAsia ini dan harga saham MAS turun sampai masa buka itu, wah, AirAsia punya saham itu keluar di pasaran lebih kurang satu juta lot dalam masa satu hari dan harganya turun 40 sen satu hari, kemudiannya RM1 dan sebagainya. So banyak *insider trading* yang disiasat oleh SC...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi saya tidak ada keyakinan, saya telah meminta SPRM buat satu... Okey cepat ini terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih. Ramai orang menyebut ini MAS-AirAisa, MAS-AirAsia, banyak. Bagaimana geliganya Tony Fernandes ini boleh membodohkan semua orang, macam manakah? Apa dia punya ilmu semua orang dia bodohkan, semua orang terpukau. Macam mana ikan bilis boleh telan ikan yu? Macam mana dia punya pandai itu saya pun tidak tahu. Macam mana Tony Fernandes ini boleh membodohkan semua orang dan saya bimbang masa depan MAS akan ditelannya dan MAS ini esok sudah tidak ada MASlah, tembaga pun bukan, besi pun bukan, kalau besi pun besi berkaratlah... [Ketawa] Macam mana sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia bukannya gunakan ilmu, dia gunakan wang kertas. Itu kertas yang ada gambar Yang di-Pertuan Agong itu. Berjuta-juta ringgit digunakan wang itu untuk membelikan puak-puak di Khazanah saya rasa dan kalau saya tidak salah. Oleh kerana puak-puak Khazanah, Azman Mokhtar ini ada sijil *Cambridge University, London School Economy*, bodoh sampai begitukah hendak tukar saham ini gunakan pasaran harga saham, *share*. Mesti dia gunakan *net tangible asset*, gunakan otaklah. Saya telah tulis surat kepada PAC, tidak tahulah PAC hendak buat siasatan atau tidak ataupun PAC pun terlampau sibuk sangat dan sebagainya... [Ketawa]

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya harap PAC memberikan atau ada kepentingan tertentu saya tidak tahulah.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih. Oleh kerana saya ada di sini, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita telah terima surat dan disenaraikan untuk dipanggil untuk siasatan, disenaraikan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya harap PAC menyiasat dengan mendalam perkara ini kerana amat jelas satu *insider trading* dan juga kedua di mana satu syarikat *public listed company* ada apa-apa urus niaga ataupun *agreement* hendak menguruskan MOU dan sebagainya perlu buat satu *announcement* kepada Bursa Saham Kuala Lumpur. Dalam kes ini yang terlibat berbilion-bilion ringgit, yang terlibat *national courier* kita, aset negara kita di mana tidak dimaklumkan oleh BSKL.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sedikit Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya juga melihat ekoran daripada *merge* itu *collaboration* macam-macam dia panggil, *stock market* AirAsia melambung tinggi, MAS merudum. Adakah Yang Berhormat ingin memaklumkan bahawa penyiasatan ini perlu disegerakan oleh PAC dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah sebab saya bimbang memang ada mainan dalaman yang dilakukan. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang ini *Security Commission* perlu buat siasatan dan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah mengarahkan SC dan Bursa Saham Kuala Lumpur untuk membuat satu penyiasatan. Akan tetapi sampai ke hari ini, sampai hari ini masih senyap dan PAC sedang buat penjelasan bahawa siasatan akan diambil...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey, silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Saya minta izin daripada Yang Berhormat. Kalau boleh masukkan ini dalam ucapan Yang Berhormat, bukan soalan. Sebab PAC semalam melawat KLIA dan juga dengan kereta kita pusing keseluruhan kawasan LCCT juga. Kita lihat banyak kapal terbang AirAsia tidak terbang dan kita tanya sama ada ini ada kaitan dengan Australia, apa yang berlaku di Australia. Jawabnya tidak ada kaitan. Akan tetapi kita hendak tahu apa sebenarnya kapal terbang-kapal terbang mereka tidak terbang. Adakah ini sebab rasionalisasi untuk kepentingan perniagaan, yang mereka tidak boleh terbang langsung. Sedangkan kita tahu bahawa dalam perniagaan kapal terbang ini kalau kapal terbang tersadai sahaja tidak terbang dia akan membawa kerugian. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang saya tahu mereka ini ada banyak masalah oleh kerana mereka sekarang ini perlu hendak nilai *on* MAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya hendak Tuan Pengerusi, ini adalah satu kesalahan yang amat besar di mana tidak buat satu laporan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai transaksi penukaran saham ini kerana kalau kita boleh ambil satu contoh baru-baru ini di mana Syarikat Tansmile Berhad, di mana mereka telah buat laporan atau *announcement* kepada Bursa Saham Kuala Lumpur yang tidak tepat ataupun palsu, kerana mahkamah menjatuhkan hukuman satu tahun penjara dan RM300,000 denda.

■ 1640

Dalam kes MAS-AirAsia ini di mana kedua-dua pihak tidak buat laporan langsung kepada Bursa KL. Ini adalah lebih teruk lagi. Ini adalah satu keadaan yang telah jelas boleh buktikan di dalam *website* Bursa KL di mana tiada apa-apa laporan dibuat kepada Bursa KL. Sedangkan mereka dalam *rule* Bursa KL seperti Disclosure Guide Bursa Malaysia, *rule* 9.03(2) telah menentukan:

Any information is considered material if it is reasonably expected to have a material effect on the:-

- (a) *price value or market activity of any of its securities; or*
- (b) *investor's decision in determining its choice of action.*

So, dalam transaksi yang besar begini memang dikawal di bawah 9.03(2) dan mereka tidak buat apa-apa laporan. Kenapakah bursa KL dan SC yang ada kuasa yang amat besar boleh *cancel* transaksi ini? Boleh buat denda, boleh gantung syarikat mereka tetapi sampai hari ini masih senyap, sudah beberapa bulan sudah. Sebab itulah saya meminta SPRM dimasukkan kepada dua-dua badan ini untuk menyiasat bersama-sama dengan mereka supaya mereka tidak ada *cover-up*. Oleh kerana dalam kes ini terlibat ketua-ketua Khazanah iaitu Azman Mokhtar, Rashdan dan puak-puak ini dan mereka juga ada saham Khazanah. Khazanah ini kawal juga bursa Kuala Lumpur. Kalau saya tidak salah, mereka ada saham juga. Dalam segi itu ada *conflict of interest*.

Mereka tidak akan boleh menyiasat dengan telus, dengan baik untuk kita hendak *restore public confidence* kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...itu *securities*, pasaran *securities* negara kita. Saya harap JPM, SPRM, saya telah beberapa kali minta perkara ini supaya SPRM membantu siasatan. Memang SC sudah susah sebab Azizan Abu Bakar itu terlibat dalam E&O, kita sudah berapa kali. Pasir Mas pun ada sebut di sini, di luar dan juga Khalid Mula Hasan pun terlibat dengan bekas Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II, itu Gelugor, semua terlibat. Jadinya, untuk menentukan satu ketelusan dan juga *accountability*, saya rasa lebih baik kita jemput atau arah SPRM masuk bersama-sama buat siasatan. Oleh kerana kes ini yang amat jelas sekali, memang dahsyat dan terlibat aset negara kita, MAS. Kita jangan biarkan. Kita bersama-sama tegur kerajaan. Ambil juga tindakan. Ini tanggungjawab Dewan yang mulia ini. Kita tidak boleh abaikan tanggungjawab kita. Kita mesti pertahankan semua aset negara kita seperti MAS supaya kita tidak akan beri peluang kepada pengkhianat dan perompak negara sebegini. Tony Fernandez, Azman Mokhtar dan Rashdan. Rompakan, Khalid Mula Hasan masuk hendak merampas aset negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan.

4.44 ptg.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja. Saya ingin menyentuh Unit Pelaksanaan Penyelarasan (ICU) iaitu selaku badan yang diberi amanah oleh kerajaan untuk memantau dan juga memastikan pembangunan wilayah yang seimbang di antara wilayah. Saya merujuk kepada Butiran 030000 iaitu saya ingin bertanya kepada unit ICU ini. Bagaimana dengan permohonan tiga batang jalan raya, jalan kampung bukan jalan yang besar. Satu jalan raya Kampung Keramoh lebih kurang enam kilometer untuk dinaiktarafkan. Satu lagi jalan Kampung Sualambak, tiga kilometer. Satu lagi Jalan Sinarjaya, 12 kilometer. Jalan ini hari ini tidak boleh dilalui. Jalan Keramoh sudah menelan dua nyawa. Satu sakit dan satu hendak bersalin hendak dibawa keluar ke Sandakan tidak sampai sebab jalan ini sukar dihubungi. Jadi, ini pada saya merupakan satu halangan untuk kita mendapatkan kemajuan.

Kita bercerita soal global, soal-soal macam-macam yang diberi, NKRA lah, macam-macam lah tetapi Pemandulah, apa yang dipandu kalau rakyat di luar bandar pun mati. Saya minta kalau boleh tiga batang jalan ini diberi perhatian yang sewajarnya dan dinaiktarafkan. Dia tidak menelan belanja berjuta, berbilion-bilion ringgit. Tiga kilometer, hantarlah jurutera, nilailah berapa harganya dan masukkan dalam *second rolling plan* dan sebagainya sebab ini untuk kepentingan rakyat. Jadi, saya mahu mintalah kementerian supaya menilai juga permohonan-permohonan sebegini kalau ada pegawai-pegawai daripada ICUkah, EPUKah, tolonglah ambil perhatian terhadap tiga batang jalan raya ini sebab menjadi beban kepada rakyat di kawasan saya.

Saya juga ingin merujuk kepada pengurusan hartanah. Saya sehaluan dengan rakan saya Yang Berhormat Wangsa Maju. Aset negara ini harus dijaga oleh semua pihak. Saya baru-baru ini, hari ini, Tony Fernandez ini yang merupakan pemain *paintball* ini, yang tiba-tiba jadi korporat. Kadang-kadang orang panggil dia keparat. Dua-dua pun boleh.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Dia boleh memanipulasikan keadaan dan dia boleh meyakinkan CEO Khazanah Nasional, Azman Mokhtar. Hairan juga sama nama dengan saya. Saya tidak mahu sama nama dengan orang seperti ini sebab dia pembelot. Boleh di manipulasi, Tony Fernandez boleh yakinkan dia dan dia yakinkan kerajaan bahawa MAS daripada kerugian akan dapat keuntungan.

Tadi saya dengar dia panggil Kesatuan MAS dan dia akan memastikan sebab dia ini *against*, anti kesatuan. Dia tidak mahu ada *union*, sebab itu di AirAsia, mana-mana orang, mana-mana pekerja dia, apa label sekalipun, untuk mewujudkan *union* ini, dia akan pecat. Buang kerja serta-merta. Sedangkan dalam akta kita ada, mana-mana juga pekerja, dia ada hak mewujudkan *union*.

Jadi, saya meminta kerajaan mengkaji apa motif Tony Fernandez ini. Apa motif dia? Dia punya hutang sekarang saya tahu. Dia sudah mahu lingkup. Hutang dia berbilion-bilion. Dia buat servis kereta dia *Singapore* dia tidak bayar. Dia pergi Hong Kong tidak bayar, kapal terbang dia. Sekarang saya nampak, dia tahu MAS merupakan sebuah syarikat penerbangan yang ada *facilities* untuk servis kapal terbang dia, maka dia akan masuk kapal terbang dia untuk buat servis. Dia tidak bayar lagi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Mintak sedikit, sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak minta Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat mencadangkan sebagai pemimpin *backbenchers* supaya berhubung bertemu dengan pihak kerajaan, meminta kerajaan mengkaji semula dan membatalkan pertukaran saham, *merger* antara MAS dan AirAsia ini kerana ini merugikan rakyat, mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya tidak boleh mengajar rakan-rakan pembangkang tetapi bagi BNBBC, kita akan meminta Azman Mokhtar beri taklimat kepada kita apa sebenarnya. Sebab banyak lagi unsur-unsur penyelewengan. Dia pun belum bayar Malaysia Airports Berhad. Wang yang dia kutip bagi pihak Malaysia Airports Berhad, dia simpan dalam akaun dia, dia sudah ambil *interest*, tidak bayar lagi. Kebimbangan saya, satu hari nanti apabila dia terlampau banyak hutang, berbilion-bilion, dia akan *award* kerajaan, hendak bankrap saya, semua landasan tutup, penerbangan pun tidak ada dan minta lagi *bail out*.

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ini berlaku lagi, kalau ini tidak boleh kita rasa, tidak boleh kita buat bayangan betapa dahsyatnya Tony Fernandez ini. Dia potong, hisap darah orang melalui AirAsia. Penerbangan dia tidak untung. Yang dia untungnya caj *over luggage*. Satu kilo RM30. MAS baru RM7. Luar negara RM90 dia caj. Ini memang untunglah. Sekarang dia perkenalkan lagi sistem *smart ticketing*. Lambat satu minit, kena RM10. Hebat Tony Fernandes ini memperbodohkan kita...

■ 1650

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sedikit Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sila, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perompak-perompak berlesen ini, ada dua tiga nama yang disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, oleh Yang Berhormat Kinabatangan ini, apakah kita terus biarkan mereka merompak khazanah negara, harta negara? Apakah tidak ada tangan yang berani? Hebat sangatkah dua tiga nama ini? Apakah undang-undang dalam negara ini tidak boleh telus kepada mereka? Mereka kebal. Hendak buat apa buatlah, rompaklah, curilah. Apakah tidak ada satu, SPRM saya tidak tahulah berani tidak berani. Siapa lagi? Ini Yang Berhormat Padang Besar berani tidak berani?

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, tidak, saya cuma tanya. Kalau berani, tahniahlah. Saya bertanya. Takkanlah hendak bertanya pun tidak boleh. Macam Yang Berhormat Padang Besar kata kapal terbang dia tidak terbang pasal dia hendak servis. Tahu tidak dia hutang dekat Hong Kong, dia hutang dekat *Singapore*. Ini AirAsia berapa banyak hutang? Ini nanti semua memikul biawak...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Biawak hidup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biawak hidupkah biawak...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan biawak lagi, buayalah. Buaya, naga diserahkan kepada MAS.

Kita ramai-ramai di Parlimen ini tidak boleh buat apa-apakah? Apakah Parlimen punya suara pun tidak ada orang hendak dengar, tidak ada siapa hendak peduli? Tutup sahajalah Parlimen ini kalau Parlimen punya suara tidak ada orang hendak ambil peduli. Orang langgar, orang rompak, orang curi harta negara, kita hendak pertahankan negara kita, bagi saya kita patut perang *fisabilillah*. Perang apa itu?

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Tuan Pengerusi, saya minta sambung. Selain dari MAS, sebelum itu Khazanah menjual Pos Malaysia. Yang anehnya, saya minta maaf, saya bercakap di sini bukan sebagai Ahli PAC tetapi saya bercakap sebagai Ahli Parlimen ya. Sebelum Khazanah memiliki pos, pos adalah dimiliki oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan menyerahkan ini kepada Khazanah sebagai pemegang saham. Akan tetapi dalam tempoh setahun, wang tunai yang ada dalam Pos yang disimpan selama berpuluh tahun sebanyak RM800 juta...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah lesap!

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Dibayar balik kepada pemegang saham sebagai dividen. Maka, wang tunai yang ada dalam Pos dikeluarkan. Itu satu. Kedua, Pos mempunyai saham Transmile. Semasa Transmile meningkat sahamnya, nilai Transmile pada masa itu RM500 juta lebih yang hendak dijual oleh Pos. Mengikut maklumat yang didedahkan oleh bekas Pengerusi Pos, Pos memang hendak menjual dan mereka akan mendapat tunai RM500 juta lebih, tetapi tidak diizinkan oleh Khazanah. Oleh kerana tidak diizinkan dan selepas itu harga pasaran Transmile merudum kerana didapati berlaku penyelewengan dalaman, maka nilai RM500 juta itu merudum hingga hanya RM22 juta.

Maka dalam tempoh setahun Khazanah menjadi pemegang saham kepada Pos, Pos kehilangan nilai wang RM1.3 bilion. Ini belum dijawab. Hari itu Menteri yang berkaitan menjawab dia tidak jawab itu. Jadi saya minta ini kalau boleh Yang Berhormat, sama ada hendak masuk dalam ucapan atau hendak persoal, saya tidak tahu. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Saya mahu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Menteri yang mana itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Padang Besar. Saya mahu mengangkat ucapan tadi sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan saya mahu kementerian menjawab. Ini kerana saya menilai Khazanah Nasional pada hari ini, saya rasa, dan daripada rakyat yang banyak saya terima maklumat, mereka di Khazanah inilah memang perompak di siang hari.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mereka inilah penjenayah dan saya mahu Kementerian Kewangan, pegawainya, buat nota maklumkan kepada SPRM.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak, kami ramai-ramai wakil rakyat akan membuat aduan polis berhubung dengan Khazanah.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta satu minit. Hendak menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Setengah minit boleh.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Menteri membenarkan *engineering* MAS. AirAsia ini dia punya biadab dia, dia hantar kapal dia pergi *Singapore*, siapa yang kaya? *Singapore*. Dia pergi hantar ke Bangkok, siapa yang kaya? Thailand kaya. Apa salahnya AirAsia ini bawa *engineering* MAS untuk dibaik pulih kapalnya supaya duit itu dapat diagihkan kepada rakyat dalam negara ini. Kemudian dia ugut lagi. Dia kata dia akan pergi buat operasi dia di Indonesia. Begitu punya biadabnya! Dan Khazanah ini peranannya kena konsisten. Jangan dok ikut sahaja orang!

Saya sedih kerana lewat seminit, kita tidak boleh pergi *flight*. Kalau dia lewat tiga empat jam, tidak buat apa-apa. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan supaya AirAsia ini perlu diberikan amaran sekeras-kerasnya. Bila hendak tubuhkan kesatuan, dia kata tidak perlu. Amboi, tidak perlu. Bila hendak buat kesatuan, dia pecat. Ini apa ini? Manusia perhambaan secara moden? Jadi Yang Berhormat Kinabatangan, saya anggap bahawa AirAsia perlu diberi amaran keras supaya jangan berlagak sombong. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Saya memang setuju. Sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan. Untuk maklumat Yang Berhormat, dia buat servis di *Singapore*, dia tidak bayar, dia tipu *Singapore*. Dia pindah pergi Thailand, dia tipu juga, tidak bayar. Akhirnya, MAS akan menanggung beban hutang dia. Dia pintar. Dia putar-belit, putar-belit. Saya tidak tahu macam mana ini manusia boleh hidup dalam dunia yang sebegini baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tahulah macam mana bentuk cara dia mati. Saya tidak tahu. Akan tetapi saya mahu minta kerajaan ambil perhatian yang sewajarnya sebab orang ini memang penipu. Penipu dalam negara kita. Dan Khazanah Nasional juga, pegawai-pegawainya, Azman Mokhtar, Rashdan dan lain-lain, mereka inilah perompak menghancurkan negara kita. Ambil tindakan segera. Terima kasih Tuan Pengerusi... [*Tepuk*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perompaklah, lanun!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

4.57 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak fokus hanya dua isu sahaja. Satu ialah Butiran 020200 – Perancangan Ekonomi di bawah kod 20000 yang ada lebih kurang RM500,000.

Saya harap sebahagian daripada peruntukan ini dipakai untuk mengadakan seminar, untuk adakan perbincangan untuk EPU dan juga pegawai daripada Kementerian Kewangan. Ini kerana nampaknya daripada corak bajet yang disediakan, nampaknya mereka tidak begitu faham betapa serius krisis ekonomi yang sedang melanda dunia.

Sekarang kita sudah sampai ke satu tahap yang boleh kita katakan era *Keynesian System* telah tamat. Kaedah Keynes ini ialah bila ada kegawatan. Kaedahnya ialah kerajaan kena bayar, kena *pump priming* untuk memacukan ekonomi. Akan tetapi kita sudah sampai satu tahap sekarang di mana ada banyak kerajaan di dunia, di Eropah, di Amerika, Jepun dan sebagainya, di mana *sovereign debt*, hutang daripada kerajaan adalah begitu besar. So, kaedah Keynes ini tidak boleh dipakai macam dahulu.

Jika satu kegawatan berlaku dalam tahun depan atau dua tahun lagi ini, ia akan jadi satu kegawatan yang lebih serius dan berlarutan. Nampaknya daripada *statement* yang kita sudah dengar daripada Menteri Kewangan, mereka ini tidak begitu sedar bahawa suasana ekonomi dunia telah tukar. *The playing field is changing*. Nampaknya *economist* kita di kerajaan, di EPU, di Kementerian Kewangan tidak begitu jelas dalam perkara ini. Jadi saya cadang isu-isu *over accumulation* dengan izin, isu permintaan kasar yang menurun, ini semua adalah isu-isu yang telah dikendalikan oleh analisa Marxist macam '*monthly review*'.

■ 1700

Jadi, apa salahnya kita jemput mereka untuk mengadakan seminar untuk EPU, Kementerian Kewangan. Dengarlah, tidak perlu kita ikut. Dengar dahulu, tengok apa dia punya tafsiran, tengok apa dia punya analisa. Ini mungkin akan membantu kerana saya tengok daripada hujah-hujah daripada bajet belanjawan dan jawapan-jawapan Menteri dalam Parlimen nampaknya mereka tidak jelas. Tidak tahu apa sedang berlaku. Proses ekonomi sudah tukar tetapi mereka tidak sedar lagi. So, saya harap lah daripada dalam kod ini, sebahagian dipakai untuk mengadakan sesi kursus, seminar untuk dapat satu gambaran, satu idea yang baru, *you know*. Mungkin ia akan bantu kita dalam *planning*.

Isu kedua, yang akhir yang saya hendak bawa ialah satu isu yang saya juga usulkan pagi ini tetapi tidak dibenarkan, di mana saya minta potong RM400 juta atau RM400 *million* daripada ICU daripada Butiran 030100, ini untuk peruntukan khas kawasan. Ini bukan kerana saya cemburu Ahli Parlimen Barisan Nasional dapat peruntukan ini dan kita di pembangkang tidak dapat.

Pada saya, katakan kita menang juga pada *election* yang akan datang, saya rasa peruntukan ini kita kena timbang balik kerana apa yang berlaku ialah bila setiap orang Ahli Parlimen dapat satu juta untuk beri sebagai hadiah pada projek semua, ini melemahkan sistem demokrasi. Dia jadikan Ahli Parlimen sebagai seorang Raja kecil, satu aristokrat di mana rakyat dia, pengundi dia takut untuk soal dia, takut ada pandangan yang berbeza dengan dia. Takut tegur dia kerana dia pegang *fund*, jika *you* marah dengan dia, *argue* dengan dia, mungkin dia tidak akan luluskan *fund* untuk projek *you* atau aktiviti *you*.

So, ini adalah satu masalah. Saya rasa wujudkan *fund* macam ini, di mana Ahli Parlimen diberi kuasa terhadap *fund* sebegitu besar itu, mengekalkan satu sistem *feudal* di antara Ahli Parlimen dengan pengundi. Jika kita mahu memantapkan demokrasi di Malaysia, saya ingat masalah ini di mana Ahli Parlimen begitu kaya pegang begitu banyak kuasa dalam *fund*, ini kira kita kena ubah suai.

Saya difahamkan bahawa sekarang cara tabung ini diuruskan ialah seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional, dia bagi satu senarai semua projek dan aktiviti dia akan bantu. *Fund* itu dimasukkan ke dalam akaun dia dan dia keluarkan pada aktiviti dan projek melalui cek dia sendiri. Ini saya difahamkan lah, saya tidak dapatlah kan. Saya bukan Ahli Parlimen Barisan Nasional. Akan tetapi ini juga membuka ruang untuk salah guna. Ini tidak baik untuk kawan-kawan kita di sebelah itu dan juga dia punya PA, dia punya pegawai, *you know*. *So*, ini pun adalah satu masalah, di mana *fund* begitu besar. Saya difahamkan tahun ini lebih daripada RM2 juta setiap kawasan.

Satu peruntukan pertama, lagi peruntukan kedua RM2.5 juta. Jika ini tidak dikawal dengan betul, ya dan ada beri ruang macam ini dia boleh tiris keluar, dia boleh bocor, dia boleh masuk poket orang. Ini tidak baik untuk kita. Untuk nama, imej Ahli Parlimen pun sebelah itu dicemarkan oleh kewujudan sistem ini. *So, it is for your own good, you know. To have a system* yang lebih ketat, yang lebih telus di mana ada..., macam di pihak sini, bila kita minta. Okey, *you* tidak bagi *fund* kepada saya tetapi di mana *you* pakai di kawasan Sungai Siput, di mana *you* pakai di kawasan Batu Gajah, projek apa, dapat berapa banyak? Tidak beritahu. Tidak mahu beritahu.

Jadi, ini timbulkan satu persepsi, duit itu tidak sampai ke sasaran tetapi di tengah-tengah jalan dia masuk poket orang. *No?* Akan tetapi inilah persepsi. Jika tidak masuk poket orang, beritahulah setiap kawasan Sungai Siput, dia pun masuk beri pada projek-projek. Beritahu apa projek-projek dia, apa aktiviti-aktiviti dia. Kita boleh tahu, semua orang boleh tahu *fund* ini sudah sampai.

Jadi pada masa ini, duit sebegitu besar RM400 juta ringgit *you know, what good is it doing?* Itu kita kena tengok lah. Dalam satu masa bila kita bajet dalam satu definisi yang begitu besar, mungkin sudah sampai masa kita kena kaji balik adakah perlu *fund* macam ini? Kerana tugas seorang Ahli Parlimen ialah untuk bawa masalah rakyat untuk bincang di sini, bentang di Parlimen untuk cari penyelesaian.

Kita kena bincang isu-isu macam GST yang akan susahkan rakyat kita. Kita kena bincangkan isu-isu macam *labor 'contractualization'* ya. Akan tetapi oleh kerana kita ada *fund*, kita boleh kerja macam *Santa Claus* di kawasan, mungkin kita tidak tengok isu-isu secara dalam. Sebab-sebab utama tidak dikendalikan. Kita hanya pakai duit ini untuk bertindak sebagai *Santa Claus*...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun].

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh Yang Berhormat?

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi...

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Jangan marah saya ya... [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Dan Yang Berhormat Sungai Siput. Saya bersimpati bahawa Yang Berhormat kekurangan sumber. Akan tetapi itulah nasib pembangkang, satu daripadanya. Bagi pihak kerajaan, saya rasa percaya – lihatlah pada Selangor dan Penang begitu juga. Adakah kerajaan memerintah di Negeri Selangor dan Pulau Pinang itu, bila apa semua hendak buat, hendak tunjuk dengan Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional. Tidak ada juga. Buat ikut dia punya sistem, cara dia sebagai satu kerajaan negeri. Saya tidak tengok, tidak ada dengar. Banyak kontraktor-kontraktor di Pulau Pinang, Selangor daripada Barisan Nasional *complaint* mereka dinafikan, tidak diberi layanan yang sepatutnya. Rakyat pun begitu.

Jadi, Yang Berhormat jangan timbulkan satu cerita yang seolah-olah kerajaan Barisan Nasional ini buat sesuka hati. Peruntukan yang diberikan, *I want to tell you* dengan izin, ya, ini semua untuk kepentingan rakyat dan pengagihannya ataupun mereka-mereka yang mendapat faedah-faedah daripada peruntukan kerajaan ini, ia tidak kira parti politik apa. Tidak kira bangsa, tidak kira kaum. Umpamanya di kawasan saya, di Pasir Salak. Kita beri penyokong DAP, penyokong PKR, penyokong PAS pun kita beri. Untuk apa? Yang Berhormat tidak setuju kalau kita tolong bantu ibu tunggal, kita bantu orang-orang miskin? Tidak sesuai bantuan yang sedemikian ini? Jadi kalau Yang Berhormat kata *the money has been misused* la, *this and that*. Ini satu tuduhan yang agak tidak berasas dan *you have to be specific*. Kalau ada kes-kes penyalahgunaan.

Akan tetapi bagi tujuan kerajaan mengadakan ini untuk rakyat termasuk kawasan Yang Berhormat Sungai Siput pun ada peruntukan tetapi tidak adalah hendak pergi mesti mereka yang menjalankan kerja itu *will have to report to you*. *They do not have to report to you*. *They do their job*, dengan izin. Beri bantuan guna rakyat Sungai Siput. *Nothing political what?* Jadi, saya harap jangan terlalu *presumptuous and* buat andaian-andaian yang tidak berasas dan memberi gambaran, persepsi yang buruk terhadap mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Okey, jika ini peruntukan itu dipakai secara telus, *then* saya syorkan tahun ini bolehkah kita mengeluarkan senarai beritahu, tiap kawasan beritahu sahaja. Kita tidak pertikai. Katakan dipakai betul, bagus.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Jadi. *Sorry...*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada senarai.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tidak ada masa lagi. *So*, keluarkan semua senarai...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Senarai semua perbelanjaan kita kena *submit* kepada kerajaan.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Ya lah, tetapi bagi tahu..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *But we do not have to give it* to Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Bukan. Bukan sahaja pada..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita bagi senarai kepada Kerajaan.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tolong, tolong saya. Ini *floor* saya. Saya rasa bukan sahaja..., okey, jika dikatakan senarai, diberitahu kepada orang awam, di pejabat tanah keluarkan satu *list*. Tahun ini RM1 juta untuk Yang Berhormat Pasir Salak di pakai macam ini. Beritahu sahaja. Jika tidak ada apa-apa ketirisan, tidak ada kesalahan dalam penggunaannya, *then no problem*. Beritahu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih.

■ 1710

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya dalam dilema ini. DAP ramai yang dah berucap, sekarang saya melihat PKR. Walaupun saya hendak bagi wanita seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Serdang, saya terpaksa bagi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dulu.

5.11 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 391800 berkenaan dengan Talent Corporation Malaysia Berhad di mana peruntukan sebanyak RM20 juta, peruntukan pada tahun 2012. Tujuan Talent Corporation Malaysia Berhad ditubuhkan adalah untuk membantu menarik balik tenaga kerja Malaysia di luar negara terutama mereka yang berpendidikan tinggi dan mendapat biasiswa JPA dari Kerajaan Malaysia dan untuk kembali ke Malaysia berkhidmat dan menyumbang tenaga di pihak swasta dan juga Kerajaan Malaysia.

Saya hendak tahu setakat ini berapa banyak peratusan pelajar atau rakyat Malaysia yang telah kembali ke Malaysia dalam program ini? Berapakah di kalangan mereka telah berkhidmat di sektor kerajaan atau swasta? Apakah rasional atau sebab-sebabnya kerajaan masih membayar kepada syarikat ini sebanyak RM20 juta sedangkan pada tahun lalu, 2011 Kerajaan Persekutuan membelanjakan kalau tidak silap iaitu lebih kurang RM30 juta untuk syarikat ini. Saya difahamkan pencapaian yang tidak begitu memuaskan - saya tidak tahu mengapa kerajaan masih hendak teruskan program ini.

Perkara kedua yang saya ingin bangkit di sini berkenaan Butiran 98000 berkenaan *Malaysia Nuclear Energy*. Anggaran peruntukan sebanyak RM36 juta untuk projek nuklear. Saya hendak tahu secara spesifik tentang peruntukan ini. Adakah kerajaan telah memutuskan untuk pembinaan loji nuklear di negara ini? Kalau tidak mengapa kerajaan perlu memperuntukkan wang sebanyak RM122.5 juta untuk projek loji nuklear. Kalau pada akhirnya ramai rakyat bantah dengan ketidaksesuaian dan akhirnya projek itu dibatalkan. Adakah ini satu pembaziran, RM122.5 juta. Saya sudah tekankan pada sesi perbahasan lalu, kerajaan perlu dapat pandangan rakyat berkenaan dengan loji nuklear ini di mana saya cadangkan supaya kerajaan adakan satu referendum atau satu pungutan suara bagi hak kepada rakyat untuk menentukan sama ada mereka setuju projek loji nuklear ini.

Saya juga difahamkan kerajaan menghabiskan banyak wang untuk mengadakan forum-forum dan juga lawatan-lawatan untuk mengkaji projek ini. Forum-forum yang dijalankan, banyak forum yang dijalankan mereka hanya mengundang pakar-pakar di mana pakar-pakarnya pro kepada kerajaan. Mereka tidak mengundang pakar-pakar di sebelah untuk datang memberi taklimat atau pandangan. Jadi, saya rasa kerajaan perlu memanggil kedua-dua pihak ini, satu pihak yang pro kerajaan dan satu pihak yang mempunyai pandangan berbeza tentang loji nuklear ini. Jadi, saya memang hendak tahu perkembangan tentang peruntukan ini. Itu sahaja. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya akan memanggil Yang Berhormat Bukit Mertajam, selepas itu Yang Berhormat Kuantan dan selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada SUHAKAM. Saya meminta supaya kerajaan memperluaskan peranan SUHAKAM supaya ia berbekalkan lebih banyak kakitangan supaya SUHAKAM dapat mengadakan pejabat di semua negeri dan boleh dapat menyasiat aduan-aduan mengenai hak asasi manusia kerana sekiranya pada masa sekarang, kalau orang Sarawak dan Sabah, dia ada aduan, dia dikehendaki datang ke Kuala Lumpur, saya rasa ini kurang *friendly*, kurang mesra. Jadi saya harap ia diperluaskan peranannya dengan memberikan peruntukan yang lebih banyak supaya ia dapat menggaji lebih ramai kakitangan.

Di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Saya ingin meminta supaya Perdana Menteri juga adil kepada orang bukan Islam kerana pada waktu sekarang di mahkamah syariah, ia ada bahagian sokongan keluarga untuk bantu menguruskan isu nafkah. Akan tetapi kepada kami yang bukan Islam, tidak ada mekanisme seperti ini.

Jadi saya minta supaya satu *parallel mechanism* diadakan supaya ibu tunggal yang menghadapi masalah nafkah juga dapat meminta tolong. Saya harap satu bahagian yang *parallel* ini diadakan ataupun kerajaan mengadakan satu undang-undang yang baru iaitu *enforcement of maintenance law* supaya ia boleh diuruskan secara lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di bawah Butiran 30000 – Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak atau *Early Childhood Care and Education (ECCE)*. Saya hendak jelaskan bahawa saya memang sokong tentang program ini tetapi saya tanya mengapa program ini bukan di bawah Kementerian Pendidikan, mengapa ia di bawah Pejabat Perdana Menteri? Adakah kerana isteri Perdana Menteri yang mengetahui program ini ataupun apakah sebabnya kerana saya rasa kita sudah sampai satu masa, negara kita sudah cukup maju untuk mengadakan satu polisi mengenai *early childhood care and education* supaya semua kanak-kanak sama ada mereka di Sabah, di Kudat, Sarawak, Sibiu ataupun di pedalaman, anak-anak orang Asli juga dapat manfaat di bawah polisi ini. Semua anak-anak, semua kanak-kanak diberikan peluang yang sama dan bukan mereka yang bertuah sahaja, yang terpilih.

Jadi saya minta satu penjelasan bagaimana, mengapa butiran ini di bawah pejabat Perdana Menteri dan apakah dasarnya? Bolehkah kita adakan satu dasar supaya semua anak-anak ini dapat manfaat dari program ini. Saya juga hendak tanya sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau adalah pengerusi *Gender Equality Committee, Cabinet Committee on Gender Equality* tetapi di dalam bajet ini saya tidak nampak ada butiran ini. Jadi saya hendak tanya adakah butiran ini sebenarnya tidak wujud dan beliau tidak pernah adakan mesyuarat sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terlalu sibuk untuk menjawat jawatan ini. Jadi, saya pun mencadangkan supaya beliau melantik orang lain untuk menjadi Pengerusi Kabinet *Committee General Equality* supaya jangan kerana beliau, sedunia tidak maju.

■ 1720

Untuk penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan - Butiran 71000. Saya hendak tanya, sekiranya kita betul-betul hendak membasmi kemiskinan, kita harus mengadakan minimum *wages* kerana ini merupakan satu cara yang terbaik untuk membasmi kemiskinan. Jadi, saya hendak bertanya, bilakah kerajaan Barisan Nasional akan melaksanakan gaji minimum?

Juga Butiran 80400 - Pembinaan Pembaikan Tabika Perpaduan dan IKLIN. Sekali lagi saya meminta supaya kita *streamline* semua tadika atau tabika atau *early childhood care and education*. Saya berharap semua tadika atau tabika ini dapat digantikan dengan *early childhood care and education centre* kerana ini merupakan satu *investment* yang sangat bermakna sekiranya kita hendak modal insan yang setanding dengan dunia. Saya rasa ini merupakan satu *investment*. Jadi, saya hendak memohon supaya ia diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, saya hendak memuji Jabatan Audit Negara kerana setiap tahun Jabatan Audit Negara ini mengeluarkan laporan yang menggambarkan keadaan pengurusan Kerajaan Barisan Nasional. Setiap kali kita lihat banyak pembaziran, umpamanya *maritime binoculars* yang *market pricenya* ialah RM1,940 tetapi *maritime* dia beli dengan harga RM56,350. LCD TV atau DVD *player, market pricenya* RM2,182 tetapi dia beli RM16,100. *Laptop* dan *printer, market pricenya* RM3,428 tetapi dia beli RM11,845 dan *oven* – yang ini GIATMARA, MARA sepatutnya wujud untuk membantu bumiputera tetapi caranya membeli barang-barang ini. Sebuah *oven* yang *market pricenya* RM419 tetapi beli RM1,200. *Folding beds* harganya RM101 tetapi beli RM500. *Gas cooker* – RM59.90 tetapi dibelinya RM201. *Hair clippers, market pricenya* RM79 tetapi dia beli RM250 dan *blender, market price* RM60 tetapi dia beli RM140. Kalau kita lebih..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Untuk makluman Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mengetahui dalam satu laporan terbaru, MACC membuat satu kenyataan yang dilaporkan dalam *The Star*, menyatakan pembelian *binocular* tersebut adalah tidak ada elemen korupsi. Dia kata kerana pembelian itu tidak mengikuti *Treasury* punya arahan dan kerana ia dikenakan harga yang lebih tinggi oleh syarikat yang diberi tender. Itu sahaja. Tidak ada elemen korupsi.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat berkenaan laporan terkini MACC kata tidak ada korupsi pembelian *binocular* ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak ada korupsi, dia mesti ada masalah. Duit ini kepada siapa? Mengapa satu ketuhar yang kita boleh beli hanya RM419 tetapi kerajaan beli RM1,200. Apa sebabnya?

Seorang Ahli: Malaysia boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukan Malaysia boleh. Ini Barisan Nasional boleh. Juga di dalam *Auditor General's Report* menyatakan bahawa pada tahun 2006, kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan ada projek untuk membina 300 *computer labs* di Sabah tetapi sehingga April 2008, hanya dua yang siap dibuat. Ada yang siap dibuat pun, ada yang sudah ada komputer tetapi tidak ada elektrik dan komputer itu semuanya di dalam kotak. Ada yang sudah dimakan oleh anai-anai. Ini menunjukkan bahawa kalau kerajaan menggunakan duit dengan lebih *prudent*, saya rasa negara ini sangat kaya dan semua orang boleh diberi RM1,000. Setiap warga emas boleh diberi RM1,000 seperti yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak puji Jabatan Audit Negara tetapi apa yang...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya minta laluan? Boleh saya tanya sedikit?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti ya. Apa yang hendak dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana tiap-tiap tahun Jabatan Audit Negara membuat laporan yang baik tetapi semua penyelewengan ini tidak dapat dibetulkan atau tidak boleh dihentikan. Jadi, macam mana Tuan Pengerusi? Kita juga mengecewakan Jabatan Audit Negara. Mereka sudah bekerja dengan efisien tetapi kerja mereka tidak disambut dengan baik. Jadi, saya hendak minta supaya mereka yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, boleh minta sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang laporan audit mengenai dengan MARA dan memusatkan kepada pandangan mengenai dengan pusat GIATMARA. Saya pun bila baca laporan audit, saya pun agak terkilán. Maka, saya menghubungi pusat GIATMARA sebelum saya bercakap di Parlimen untuk mendapatkan perkara yang benar selain daripada laporan audit dan laporannya ada di sini. Saya boleh bagi Yang Berhormat dan penjelasan-penjelasan boleh diterima akal.

Jadi, saya tidak tahulah kenapa Yang Berhormat daripada banyak laporan audit, Yang Berhormat *pick* MARA. Kenapa MARA? Saya tahu apa yang tersurat tetapi saya ada jawapan. Saya hendak beri kepada Yang Berhormat sebab tidak ada masa. Kalau tidak, saya boleh baca. Memang tepat apa jawapan oleh pihak GIATMARA, perkara-perkara kecil, teknikal yang perlu diberi penjelasan. Akan tetapi audit membuat gambaran seolah-olah sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi. Jadi, selepas ini saya akan beri kepada Yang Berhormat laporan ini supaya Pusat GIATMARA dapat dibersihkan namanya akibat daripada laporan audit. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. GIATMARA haruslah berterima kasih kepada Yang Berhormat ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi ada orang yang berkata bahawa negeri Pulau Pinang, Selangor juga di dalam peruntukan untuk Yang Berhormat atau pun kawasan juga tidak diberi kepada pembangkang. Saya hendak cadangkan kita adakan satu perjanjian ataupun satu kefahaman.

Kita boleh selaraskan sekiranya di Persekutuan ataupun di dalam semua negeri, kita adakan untuk satu sistem di mana tidak kira pembangkang ataupun kerajaan. Merekalah wakil rakyat. Sekiranya wakil rakyat diberikan sesuatu peruntukan, semua wakil rakyat diberikan yang sama dan bukan seperti sekarang kerana ini adalah budaya Barisan Nasional.

■ 1730

Barisan Nasional yang mewujudkan budaya yang tidak baik ini yang tidak demokratik. Saya dengan Yang Berhormat Sungai Siput. Ini tidak baik untuk demokrasi. Ini ialah akan memanjangkan *patriotism* yang mana digunakan oleh Barisan Nasional. Saya harap kita akan mengadakan satu transformasi dan transformasi ini juga mesti termasuk dengan transformasi demokrasi supaya kita adakan satu sistem demokrasi yang lebih baik, yang lebih adil. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan.

5.31 ptg.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya membahaskan rang undang-undang ini di peringkat jawatankuasa di bawah bekalan B.4 dan juga di bawah bekalan B.6. Di bawah bekalan B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya saya ingin membahaskan di bawah butiran 010200 serta juga 010300 iaitu berkenaan dengan Operasi dan Teknologi Maklumat. Di dalam perincian urusan pilihan raya ini di bawah operasi dinyatakan bahawa antara objektifnya ialah untuk melaksanakan perjalanan pilihan raya umum dan pilihan raya kecil serta mendaftar, menyemak, menyedia dan mengeluarkan senarai daftar yang kemas kini dan bersih dan mengkaji semula cadangan pindaan undang-undang, akta-akta dan peraturan pilihan raya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan daftar pemilih yang bersih, saya ingin membawa kepada isu bagaimana undang-undang pilihan raya mengatakan bahawa isteri-isteri atau pasangan kepada pengundi pos secara automatik tidak seharusnya termasuk di dalam senarai undi pos. Seharusnya undang-undang mengizinkan pasangan kepada pengundi-pengundi pos membuat pilihan sama ada mereka hendak mengundi sebagai pengundi awam ataupun sebagai pengundi pos. Apabila saya bertanya dengan Suruhanjaya Pilihan Raya mereka mengatakan bahawa secara automatik mereka diletakkan sebagai pengundi awam dan apabila mereka memohon barulah mereka dimasukkan ke dalam undi pos. Itu huraian kepada undang-undang yang mengatakan mereka berhak memilih sama ada hendak masuk undi pos atau tidak.

Akan tetapi ianya tidak berlaku secara automatik. Apa yang berlaku ialah sebaliknya Tuan Pengerusi. Sepatutnya mereka diletakkan dalam pengundi awam dan apabila mereka memohon baru dimasukkan ke dalam pengundi pos. Akan tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya di mana mereka dimasukkan di dalam pengundi pos tetapi apabila mereka memohon baru dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam senarai pengundi awam. Ini adalah bercanggah dengan maksud undang-undang yang mengatakan hak mereka untuk memilih untuk menjadi pengundi pos. Jadi didapati perkara ini berlaku Tuan Pengerusi dan saya kawatir bahawa sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya tidak peka ataupun tidak benar-benar membersihkan daftar pemilih ini, kekhuatiran pihak Pakatan Rakyat yang mengatakan undi pos ini digunakan untuk memenangkan calon-calon...

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Yang Berhormat Kuantan, minta mencelah sedikit.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Boleh sekejap, sedikit sahaja lagi. Saya habiskan dulu. Untuk memenangkan calon-calon Barisan Nasional, boleh menjadi kenyataan Tuan Pengerusi sebab contohnya di Parlimen Kuantan. Saya sendiri menyatakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya saya sedang mengawas secara dekat. Kalau ada isteri-isteri atau pasangan yang dimasukkan ke dalam senarai pengundi pos, saya akan jadikan isu itu isu besar. Akhirnya tidak dimasukkan. Akan tetapi di dalam kawasan lain contohnya di Ketereh. Nanti saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Ketereh. Contohnya di Ketereh, 500 pengundi isteri pasangan dimasukkan ke dalam pengundi pos. Apabila dibuat bantahan dikeluarkan. Kemudian selepas dibuat bantahan dimasukkan semula dalam suku yang selepas itu. Jadi ini, ini berlaku dan bantahan berterusan ya, Tuan Pengerusi.

Jadi kalau satu kes di Ketereh kita kenal pasti 500 pengundi yang seharusnya dalam pengundi awam tetapi dimasukkan ke dalam pengundi pos, mana lagi tempat-tempat yang mungkin perkara ini berlaku. Sila Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Saya cuba hendak menarik perhatian semasa soal bantahan dibuat. Apabila pembantah memohon untuk melihat Borang 'A' tetapi pihak SPR tidak membenarkan, sedangkan borang inilah yang menjadi bantahan kita, menjadi rujukan. Kalau yang ini tidak dapat dikemukakan bagaimana perbicaraan dapat dibuat dengan telus dan adil. Satu lagi SPR membawa pegawai SPR daripada Putrajaya untuk membantu Pengarah SPR Kelantan dan pegawai ini bertindak seolah-olah peguam bela kepada yang dibantah. Apakah peranan ini dibolehkan? Minta komen daripada Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Jadi bukan sahaja nama-mereka dimasukkan bercanggah dengan undang-undang. Akan tetapi berlaku juga keadaan di mana pegawai-pegawai yang tidak sewajarnya ditugaskan mengambil kuasa untuk berleluasa memberi tekanan kepada mereka yang membuat bantahan. Ini seharusnya sesuatu yang dilihat sebagai secara dekat dan rapi. Oleh sebab itu kita minta Suruhanjaya Pilihan Raya ini diletakkan di bawah Parlimen bukannya di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti apa yang berlaku sekarang ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya juga amat risau dan amat melihat kepada aduan-aduan berkenaan dengan pendatang asing yang ada kelayakan ataupun diberi kerakyatan dan kemudian diberikan kerakyatan untuk mengundi. Sama ada benar atau tidak kita belum dapat membuktikan, akan tetapi di dalam kita memperuntukkan lebih RM1 juta pada tahun 2012 ini untuk operasi. Amat-amat saya berharap agar SPR dapat tumbuh taringlah Tuan Pengerusi. Selama ini SPR tidak ada taring. Kalau boleh tumbuh taringlah. Betul-betul menilai sama ada mereka ini layak benar-benar layak untuk menjadi pengundi. Ini kerana nanti habis hak rakyat Malaysia diambil oleh warga asing.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 040000...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Yang Berhormat Kuantan. Sebelum beralih kepada butiran saya hendak mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kuantan. Berkenaan dengan isu bersih daftar pemilih ini di kawasan Parlimen Tanah Merah semasa Pameran Daftar di peringkat *run* suku pertama telah dilakukan bantahan oleh pihak PAS dan juga Pakatan Rakyatlah. Akan tetapi apa yang menyedihkan pada *run* yang kedua, suku kedua timbul balik nama itu. Manakala pada *run* yang ketiga itu kita bincang hampir 95 peratus nama-nama yang di bantah itu timbul balik, daripada dua, tiga hari lepas pihak pegawai SPR minta kita senaraikan nama. Sudahlah masa bantah itu kita dikenakan bayaran, bila orang yang kita bantah itu datang, kita dikenakan denda lagi.

Rasionalnya sedangkan dalam proses ini kita bersifat sebagai membantu SPR untuk membersihkan daftar pemilih tersebut. Jadi saya rasa tidak rasionalnya apabila dikenakan bayaran, didenda. Apabila kita berjaya membantah kita tidak dapat apa-apa pun. Akan tetapi apabila kita gagal orang yang dibantah itu datang kita didenda. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Kuantan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Jadi dengan itu saya harap benar-benar bahawa SPR seperti yang saya katakan tadi boleh tumbuh taring. Kita tidak mahu SPR ini menjadi alat Barisan Nasional untuk memenangkan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Menyampuk]

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Seterusnya Tuan Pengerusi butiran 040000 berkenaan dengan *One-Off* Perolehan Harta Modal dan Inventori. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di bawah Butiran 040100 sama ada inventori ataupun perolehan ini melibatkan pembelian dakwat kekal yang akan digunakan dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas nanti supaya ini memang merupakan tuntutan yang sentiasa diminta dan daripada PRU-12 dibeli tetapi tidak digunakan. Saya ingin bertanya sama ada peruntukan ini termasuk pembelian dakwat kekal.

Tuan Pengerusi seterusnya butiran B.6. Bekalan B.6 butiran 200100 dan butiran 200200 di bawah Jabatan Perangkaan - Khidmat Pengurusan dan Sokongan serta di bawah Sosial dan Demografi di mana di sini meletakkan objektif untuk mengeluarkan perangkaan harga pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Mengeluarkan perangkaan penduduk dan perumahan negara yang berkualiti, menyampaikan maklumat kepada indikator kependudukan yang terkini dan terperinci, menyediakan perangkaan pertanian yang bertepatan masa, perangkaan alam sekitar dan mengikut piawaian antarabangsa dan mengeluarkan data dan indikator tenaga buruh.

■ 1740

Ini menunjukkan satu peningkatan Tuan Pengerusi kerana Jabatan Perangkaan sedang membuat sesuatu untuk menambah baik statistik ataupun perangkaan. Akan tetapi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *gender responsive budget*. Banyak kali saya suarakan berkenaan dengan *gender responsive budget* dan di dalam satu *focus group* dengan kementerian, kita mengenal pasti bahawa di antara punca kenapa GRB ataupun *gender responsive budget* ini tidak dapat dilaksanakan Tuan Pengerusi ialah kerana ketiadaan *sex-disaggregated data* ataupun data yang memisahkan antara gender.

Ini kerana di sini di bawah sosial demografi Butiran 200200 tidak disebut berkenaan dengan gender. Jadi apabila tidak disebut dengan gender, maksudnya tidak ada *sex-disaggregated data*. Apabila tidak ada *sex-disaggregated data*, tidak ada dipisahkan mengikut umur, mengikut jantina, maka kita tidak boleh kenal pasti di mana permasalahannya. Ini sebab dalam melaksanakan *gender responsive budget* ini Tuan Pengerusi, antara perkara yang paling penting ialah mengenal pasti di mana ada gap dan bagaimana kita hendak memberikan peruntukan bajet supaya kita membawa keadilan ataupun kesaksamaan di antara jantina, lelaki dan wanita. Saya bagi contoh Tuan Pengerusi.

Contohnya apabila wanita ini, ramai yang menjadi graduan, lebih ramai yang menjadi graduan. Dalam 60 peratus *graduate* atau graduan adakah daripada di kalangan wanita dan kalau tidak ditangani isu ini, ia boleh menyebabkan ketidakstabilan dalam masyarakat. Keluarga pasangan yang berkahwin yang tidak sama kufu pun Tuan Pengerusi boleh timbul masalah. Jadi punca kepada ketidakseimbangan ini perlu dikenal pasti. Ini yang antara contoh *sex-disaggregated data*. Apabila kita tahu 60 peratus ialah wanita dan 40 peratus lelaki, kita kena tahu kenapa, apakah puncanya? Kenapa pelajar lelaki *drop-out early*, awal di peringkat sekolah menengah contohnya.

Perlu ada satu data yang dalam semua aspek. Bukan sahaja aspek graduan itu tadi tetapi di dalam semua aspek. Contohnya, rogol, penderaan dan sebagainya. Isu-isu masalah yang lain-lain, perlu ada *sex-disaggregated data*. Jadi saya pohon penjelasan kenapa tidak dimasukkan? Kerana selagi tidak dimasukkan ini, kita tidak dapat *sex-disaggregated data* dalam statistik kita, selagi itu GRB tidak dapat dilaksanakan. Sepuluh tahun kita gagal Tuan Pengerusi, sepuluh tahun. Saya harap kita dapat *progress forward*, saya harap kita dapat maju ke hadapan dan kita boleh melaksanakannya. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Saya memaklumkan bahawa empat orang Yang Berhormat Menteri akan menjawab bagi isu-isu yang dibangkitkan untuk Jabatan Perdana Menteri. Ya, sila Yang Berhormat.

5.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ramai mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2012 peringkat Jawatankuasa yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Saya akan menjawab jawapan yang telah diberikan mengikut jabatan-jabatan dan tidak mengikut giliran Ahli-ahli Yang Berhormat berucap. Pertamanya berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, isu persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya. Urusan persempadanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri adalah tanggungjawab SPR yang diperuntukkan di bawah Fasal 2, Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam menjalankan urusan tersebut, SPR perlu mematuhi prinsip-prinsip persempadanan yang digariskan mengikut Bahagian 1, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan. Di antara prinsip-prinsip tersebut termasuklah kemudahan kepada pemilih untuk mengundi semasa pilihan raya dan bahagiannya tidak melanggar sempadan negeri. Kemudahan pentadbiran bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian, keseimbangan jumlah pemilih bagi setiap bahagian pilihan raya yang perlu berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu dan mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan. Setelah lima kali urusan persempadanan dan semenjak ia dilaksanakan, tidak pernah SPR melanggar prinsip-prinsip ini seperti yang didakwa.

Apa yang berlaku adalah proses-proses urusan ini yang mengambil masa kerana ia menuntut kepada urusan-urusan pentadbiran di semua bahagian pilihan raya di seluruh Malaysia sebelumnya urusan persempadanan sebenar dapat dilaksanakan. Ahli Yang Berhormat Pasir Mas, membangkitkan berkenaan isu promosi pendaftaran pemilih dan pendaftaran pemilih pelajar IPT yang layak. SPR sentiasa mengambil inisiatif meningkatkan dan mempelbagaikan promosi dalam usaha menambah baik dan menambah jumlah pemilih.

Dari semasa ke semasa, publisiti dan media massa berhubung urusan pendaftaran pemilih turut diadakan oleh SPR. Ini termasuklah program pendidikan pengundi seperti ceramah dan taklimat telah diadakan termasuk di IPT khususnya kepada para pelajar mahasiswa dan juga mahasiswi. Bagi urusan pendaftaran pula, SPR telah melaksanakan kerjasama sinergi dengan pihak-pihak IPT, wakil universiti dan juga kolej universiti serta kolej yang mana sehingga September 2011 SPR telah melantik sejumlah 248 orang wakil IPT menjadi penolong pendaftar pemilih yang bertanggungjawab menjalankan pendaftaran pemilih untuk warga IPT termasuk para pelajar yang layak.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh juga bertanya berkenaan dengan isu pembersihan daftar..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Program pendaftaran pemilih.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Isu pembersihan daftar pemilih dan pendaftaran pemilih baru. Dalam urusan pendaftaran pemilih, proses pembersihannya dilakukan setiap hari terhadap pemilih yang meninggal dunia. Pemilih yang bertukar alamat, pemilih awam yang menyertai tentera atau polis, pemilih pos tentera atau polis yang bertukar menjadi pengundi awam dan pemilih yang hilang kelayakan sebagai pemilih berdaftar. Bagi kes pembersihan disebabkan kematian, SPR tidak boleh memotong nama seseorang pemilih berdaftar itu tanpa mendapat maklumat yang sahih daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Oleh yang demikian adalah tidak benar dakwaan bahawa SPR tidak melaksanakan tanggungjawab seperti yang diperuntukkan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun SPR berpendapat dengan adanya Jawatankuasa Pilihan Khas, maka ruang dan peluang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan dan pandangan untuk melakukan transformasi proses pilihan raya lebih telus dan kolektif kerana Jawatankuasa ini terdiri daripada anggota-anggota yang mewakili pelbagai parti dan suara rakyat.

Justeru, langkah baiknya platform ini dimanfaatkan semaksimumnya. Berhubung dengan pemilih baru terutamanya kepada pengundi muda, SPR tidak pernah menafikan hak mana-mana warganegara Malaysia yang layak mengundi.

Apa yang berlaku yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah terdapat pemilih yang tidak dapat mengundi pada tarikh pilihan raya yang diwartakan, kerana pendaftaran nama sebagai pemilih tidak sempat diwartakan pada tarikh pewartaan daftar pemilih yang dilakukan selepas pengesahan daftar pemilih tambahan suku tahun.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Saya hendak balik kepada pendaftaran pemilih oleh PPS. Selama yang kita buat seperti peluang diberikan oleh SPR, PPS telah pun menolong SPR mendaftar ramai pemilih dengan kita mengisi borang, kemudiannya pemilih tandatangan dan juga kita serahkan kepada pejabat di negeri. Akan tetapi mulai semalam 1 November 2011, SPR telah membuat satu pengaraharan baru iaitu pendaftaran tidak akan diterima melainkan dengan fotostat kad pengenalan.

Jadi saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah ini arahan yang dikeluarkan oleh SPR ataupun hanya dikeluarkan oleh pegawai-pegawai di peringkat negeri. Maknanya sekarang ini kena daftar menggunakan fotostat kad pengenalan sebab selama ini kita daftar, kita tidak mempunyai fotostat kad pengenalan. Kita hanya menulis apa yang ada di dalam kad pengenalan. Kemudian jika sekiranya tersilap, SPR akan memberitahu kitalah. Kadang-kadang kita nampak fotostat itu agak sukarlah untuk pengundi-pengundi yang baru ini hendak pergi kepada kita. Mereka bertanya macam-macam. Dia kata hendak buat itu, buat ini, hendak melakukan penyelewengan. Jadi saya rasa ini mungkin arahan baru yang perlu penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri dan juga pihak SPR. Terima kasih.

■ 1750

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Di sini saya hendak tanya soalan tentang Suruhanjaya Pilihan Raya. Pertama sekali, saya hendak tanya mengenai peta yang dibekalkan oleh SPR. Sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya memang menggunakan GPS untuk lukisan peta kawasan Parlimen dan DUN mengapa peta tersebut tidak mengikut peta nisbah dan tanda pandu yang langsung tidak wujud dari dunia sebenar. Kedua, sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai piawaian dan kaedah untuk mengenal pasti lokasi pengundi untuk memilih, senaraikan kaedah dan piawaian yang digunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih. Ringkas sahaja kerana saya mendapati bahawa kebelakangan ini senarai pengundi yang dibekalkan kepada orang ramai tidak ada alamat lengkap bagi pengundi-pengundi. Saya hendak tanya kenapa ini kerana saya rasa dulu kalau kita diberi senarai pengundi, kita boleh lihat alamat yang lengkap. Supaya kita boleh *check* sama ada orang itu memang duduk di sana atau tidak. Akan tetapi sekarang saya rasa alamat itu tidak lengkap punya. Ada yang tidak ada nama jalan, ada yang tidak ada nombor pintu, ada yang nombor pintu yang kosong punya, *zero*. Nombor pintunya adalah *zero*. Jadi, saya rasa kenapalah kerana dahulunya kita boleh dapat alamat lengkap dari senarai pengundi tetapi sekarang kita tidak dapat lagi. Jadi, saya mintalah satu penjelasan daripada Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Eh! Yang Berhormat Batu Gajah, maaf Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah tulis Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bangkitkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pendang tadi. Suruhanjaya Pilihan Raya sebenarnya hendak mendaftar pengundi baru menjalankan tanggungjawabnya atau hendak menyulitkan pendaftaran pemilih baru ini. Sebab apabila kita bangkitkan pendaftaran yang lebih mudah, sebagai contohnya *online* pendaftaran, automatik pendaftaran. Ini semua ditolak dan sekarang boleh Yang Berhormat Menteri tadi kata, ada apa-apa cadangan kita sampaikan kepada *Parliamentary Select Committee*. Akan tetapi pada masa yang sama untuk menyulitkan, menyekat pendaftaran baru boleh dilaksanakan seperti mewajibkan melampirkan kad pengenalan, salinan tersebut kepada pendaftaran baru borang tersebut.

Jadi, apa rasionalnya hendak melampirkan salinan kad pengenalan tersebut? Sebab borang-borang yang telah kita isi kita serah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pilihan Raya akan membuat bandingan maklumat dengan Jabatan Pendaftaran Negara sebelum memasukkan maklumat itu dalam Suruhanjaya Pilihan Raya daftar pemilih tersebut. Jadi, apa rasionalnya? Ini lebih menyulitkan dan mengapa tidak boleh adakan. Saya pernah bangkitkan pendaftaran pemilih automatik, Yang Berhormat telah tolak. Bagaimana pula dengan *online* pendaftaran? Kalau mereka telah buat pendaftaran *online*, masih sama, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh bandingkan maklumat dengan maklumat dalam JPN sebelum meluluskan pendaftaran itu.

Apakah ini tidak boleh dilakukan. Saya harap Yang Berhormat Menteri jangan jawab minta saya pergi *Parliamentary Select Committee* untuk bangkitkan hal ini. Saya harap jangan jawab macam itu. Sebab saya rasa fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memperbaiki sistem ini masih berjalan sebab ia boleh menyekat, menyulitkan dengan menghendaki IC dilampirkan. Mengapa cadangan untuk memudahkan ini nanti Menteri minta saya pergi *Parliamentary Select Committee*. Kita tidak tahu bila pilihan raya akan diadakan. Kalau laporan *Parliamentary Select Committee* tidak sempat dikemukakan, pilihan raya dipanggil, ini semua cadangan tidak dapat dilaksanakan. Saya pohon penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua soalan mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya. Satu, mengenai pecah belah sempadan. Bilakah ia akan *ditable* di dalam Parlimen, adakah satu *study* telah dibuat? Berapa kerusi yang akan diadakan pada sesi yang akan datang? Itu satu soalan. Kedua adalah mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya sendiri iaitu Yang Berhormat telah mengatakan bahawa ada kriteria-kriteria tertentu yang menjadi *guidelines* kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Satu di antaranya *basic tenet* yang patut digunakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya adalah *one man, one vote*. Akan tetapi di negara ini macam ini tidak sebenarnya, kita ada *rule of weightage*. Bukankah ia tidak sesuai pada masa sekarang? Adakah kerajaan sedar bahawa kita patut ada satu sistem di mana *one man, one vote should be the order of the day*.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri boleh tanya lagi soalan yang sama yang berlaku di Bakri, Johor.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Cukuplah, cukup. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ipoh Barat ini, pertama berkenaan *one man, one vote*. Kita punya sistem pilihan raya kita *Westminster*, jadi belum lagi ada apa-apa cadangan untuk menukarkan caranya kepada *proportionate representation* seperti yang berlaku di setengah-setengah negara. Jadi, sebab itu apa pun pilihan raya akan terus diadakan mengikut secara *Westminster* lah, jadi belum ada lagi. Keduanya, berkenaan dengan perbadanan ini...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebenarnya, pada tahun 1954 ada sesuatu undang-undang yang tertentu mengenai *from constituency to the other*. Ia telah diubahsuai di mana pada masa itu setiap *constituency* dengan satu dengan *constituency* yang lain hanya boleh berbeza 10 peratus tetapi itu pada masa itu tahun 1960-an. Sekarang, *one man, one vote should be the order*. Kenapa kerajaan tidak mengiktirafnya? Setakat kalau kerajaan mengiktiraf dan memberitahu kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, semestinya mereka akan mengguna pakai kriteria tersebut. Kenapa keengganan itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dalam satu masa, Yang Berhormat hendak Suruhanjaya Pilihan Raya bebas. Dalam masa yang lain pula suruh kerajaan arah pula Suruhanjaya Pilihan Raya suruh buat macam itu. Mana boleh macam itu? Tidak boleh macam itu. Jadi, macam ini, kita ada sistem di mana kalau ia..., sebab cara kita menjadi wakil rakyat bukan hanya sekadar untuk membahas dalam Dewan. Sebab kita juga memberikan khidmat peribadi kita kepada pengundi-pengundi kita di dalam kawasan yang kita wakili. Jadi, ia mengambil kira perkara itu juga. Sebab itu kalau satu kawasan terlalu luas, ini akan menyukarkan wakil rakyat itu untuk berkhidmat kepada pengundi dia kerana kawasan terlalu luas.

Sebab itu sistem kita sekarang ialah kita ada tiga. Iaitu bagi kawasan *urban* - 60,000 ke atas. Bagi kawasan *sub urban* - 60,000 kepada 30,000. *Rural* - 30,000 ke bawah. Jadi, ini dilakukan kerana kita punya cara, kita punya berkhidmat sebagai wakil rakyat. Wakil rakyat di negara lain dia hanya cakap dalam Dewan sahaja.

Dia tidak memberikan khidmat peribadi sebagai wakil rakyat kepada dia punya pengundi-pengundi di kawasan dia. Sebab itulah kita masih lagi mengambil kira iaitu kawasan luar bandar, dalam bandar diseimbangkan supaya wakil rakyat dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengundi-pengundinya.

Sebab kita juga ada kawasan negeri seperti Sabah, Sarawak. Kalau hendak dikirakan *one man, one vote*. Semuanya 90,000, saya ingat setengah negeri Sarawak itu hanya satu sahaja wakil dia. Jadi, sebab itu Yang Berhormat, kita masih lagi mengambil kira kawasan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Cukuplah, apa benda. Saya tidak akan mungkin mempunyai pendapat yang sama dengan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bukan. Kalau di Australia ada satu *constituency as big as Malaya*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, jadi cukuplah, saya bagi penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, satu *constituency as big as Malaya*, kriteria yang diguna pakai...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu sebenarnya yang diberikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kepada saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Ahli Parlimen diberi lebih kemudahan yang terkini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, tidak apalah, Yang Berhormat tidak puas hati jawapan saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *They are given helicopters, given cars, given best facilities*, itu cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Keduanya, hendak bagi kenaikan elaun, Ketua Pembangkang dia bangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Cakap tentang elaunlah, inilah, apalah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri boleh...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi keduanya, persempadanan ini...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap ya, sekejap. Persempadanan ini sebenarnya Yang Berhormat pun tahulah, kita tidak ada dua pertiga, hendak lepas macam mana. Sekarang ini kita bincang- bukan tidak berani, tidak percaya sebelah sana. Sebab tidak boleh pakai sebelah sana. Memang tidak boleh pakai, tidak boleh janji.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau *fair* kita setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh pakai.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, no, if it's fair* kita setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak usah, tidak usah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini jenis orang kata apa ini, dia akan tikam belakang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita berani, *we are willing to offer*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita tidak boleh percaya.

■ 1800

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jadi tidak percaya pembangkang langsungkah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang tak percaya, betul memang tak percaya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mana boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang tak percaya. Hari yang kita nak dapat sokongan dua pertiga nak pinda perlembagaan, pada hari itu kalau dia tarik sokongan, orang kampung bukan tahu. Laporan dalam surat khabar kata kerajaan gagal untuk melepaskan usul...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ah, jangan cakap macam itu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita *responsible opposition*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi orang ingat kita tak hadir kah, kita kalah kah, walhal sebenarnya kita tak ada dua pertiga, itu sahaja. Sebab itu Yang Berhormat, kita tak percayalah. *No, no*, saya tak percaya. Tak apa, tak apa, saya tak percaya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, macam kita ada jawatankuasa nak tengok elaun. Hari itu kita duduk, kita dah bincang. Semua dah setuju dan saya pun dalam Jemaah Menteri bagi tahu kepada Perdana Menteri bahawa boleh naik. Perdana Menteri kata semua setuju? Semua setuju *sir, don't worry*. Lepas itu pada hari yang berkenaan, ha, tiga empat orang kata tak bersetuju. Macam mana nak percaya orang macam ini? Yang itu untuk diri sendiri pun kita tak boleh percaya, apatah lagi benda-benda berkenaan dengan persempadanan. Saya tetap tidak percaya kepada pihak pembangkang, itu sahaja... [Tepuk]

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertariklah dengan jawapan Yang Berhormat mengenai dengan naik gaji itu. Jikalau mereka ini tak setuju walaupun mereka dalam jawatankuasa itu telah setuju untuk naik gaji elaun MP ini, Ahli-ahli Parlimen di sini, kalau mereka tak setuju, mereka tak payah ambil, kasilah kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain. Takkanlah kerana satu orang, dua orang, tiga orang tak mahu, mungkin mereka telah cukup, telah kaya sudah, kasilah kepada Ahli Parlimen yang lain. Kita akan setuju di sini. Saya pun ada masukkan usul tetapi usulnya ditolak oleh Tuan Speaker. *So*, kasilah kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Saya rasa kalau kita ambil undi di sini, memang kita boleh kata dapat dekat *unanimous*lah, boleh kata *unanimous*. Sekurang-kurangnya dua pertiga mesti dapat, majoriti. *So* Yang Berhormat Menteri janganlah cari alasan daripada dua tiga orang yang bercakap bagi pihak semua Ahli Parlimen dan menjejaskan kedudukan Ahli-ahli Parlimen yang lain. Sedangkan, Yang Berhormat Menteri sendiri menyatakan dalam Dewan ini, kata Ahli-ahli Parlimen kena kerja kuat, susah payah dalam kawasan dan sebagainya, itu tugas kita dan kita perlu jadikan itu Parlimen yang bertaraf *first class Parliament*. Kalau gaji kita tak boleh banding dengan di Indonesia yang RM40,000, di Kenya RM40,000, di Singapura SGD18,000, tak masuk elaun lagi. *So* saya haraplah Yang Berhormat Menteri kaji semula perkara ini. Janganlah disebabkan dengan marah dua tiga orang, atas kemarahan itu masukkan akaun kita semua. Tak adillah. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau cadangan Yang Berhormat itu iaitu bagi mereka yang hendak boleh ambil, bagi mereka yang tak setuju jangan ambil, kalau itu boleh dilaksanakan, saya boleh setuju. Akan tetapi benda ini tak boleh dilaksanakan sebab dia merupakan..., kalau sudah dinaikkan elaun, itu hak kepada Ahli Parlimen itu. Kita tak boleh kata, *you* jangan ambil sebab *you* tak setuju. Tidak ada kaedah sedemikian. Sebab itu saya tidak akan meneruskan dengan cadangan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Boleh Yang Berhormat, boleh. Yang Berhormat Menteri, boleh. Kita buat satu pengundian di sini, kalau mereka yang tak setuju, *then* nama dia dikeluarkan daripada senarai itu, senang sahaja. Parlimen boleh buat semua peraturan di sini, bukan? Kita boleh kecualikan. Ha, inilah senarai yang tidak setuju, inilah senarai yang setuju. Betul tak? Jangan gunakan alasan yang begitu Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, apabila kita nak bentang usul itu lepas itu kita nak bahas, tarikh itu kita dah tentu dah, kita tahu bila. Bila tarikh kita nak buat keputusan, di sebelah sini semua kosong, dia tak hadir, macam mana? Dia tak kata dia tak setuju, dia tak hadir sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Siapa yang tak datang dikecualikan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eh, tak boleh, tak boleh macam itu. Semua kena hadir undi. Ini kerana sistem kita, kalau dia tak hadir, bukan bermakna bahawa dia tak setuju ataupun dia setuju, tapi dah tentu hari kita nak mengundi, saya yakin dan percaya sebelah sini semua kosong. Betul tak? Tak payahlah Yang Berhormat. Lagi pun, benda ini politik. Tadi pun saya dengar Yang Berhormat dari Permatang Pauh cakap tentang konsensuslah, lepas itu bercakap tentang bukan masanya untuk kita menaikkan elaun Ahli Parlimen, tapi saya dengar Selangor naik ya? Ini politiklah Yang Berhormat. Selangor itu bukan Barisan Nasional.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Buku jingga mereka pun ada permintaan juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, itulah. Jadi kalau Yang Berhormat dah tahu ini main politik, saya pun kena buat tindakan politik. Saya tarik balik, senang. Tahun depan kita bincang balik ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau lulus esok dia orang yang nak ambil dulu... [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, ini mengenai dengan ada *intervention* ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pendang berkenaan dengan IC. Arahan ini Yang Berhormat, ialah untuk mengelak daripada manipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan bagi tujuan mengesahkan butiran permohonan, itu sahaja. Bukan tak percaya apa. Ini kerana kadangkala ada masalah. Kita pernah dengar cerita IC orang curi, kita daftar, dia pun tak tahu. IC itu diambil dan kemudian didaftarkan di kawasan yang dia tak mahu mengundi di situ. Jadi sebab itu kita nak kena mengesahkan. Oleh kerana dia sendiri tak hadir, jadi kita bawalah IC dia. Kalau ICnya itu difotostat, bermakna ada persetujuan daripada mereka yang nak mendaftar sebagai pengundi, ada persetujuanlah bahawa dia membenarkan orang yang mendaftar itu untuk mendaftar bagi pihak dia kerana dia beri IC dia. Kalau tidak nanti orang boleh fotostat IC itu tanpa pengetahuan dia dan mendaftar di kawasan yang mungkin dia tidak mahu mengundi di situ. Jadi ini bukan ada apa-apa Yang Berhormat, ini cuma untuk nak mengelak daripada manipulasi yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Itu sahaja ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak betul Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul tak betul tak apalah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu jawapan dimanipulasikan oleh pihak tertentu untuk menyelewengkan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan nak menyeleweng. Tak payahlah. Tuan Pengerusi, kemudian perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, duduklah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya akan bawakan *Hansard* hari Isnin, saya serahkan kepada SPR untuk mendapat jawapan yang tepat, sebab oleh kerana pertanyaan ini dibuat sekarang, tak mungkin saya akan dapat memberikan jawapan yang tepat kerana ia perlu diberi jawapan yang sebenarnya daripada pihak SPR. Saya tidak boleh bercakap bagi pihak SPR melainkan ada jawapan yang diberikan oleh SPR. Kalau tidak, nanti akan dikatakan pula saya menguasai SPR pula. Itu tidak benar.

Tuan Pengerusi, kita pergi kepada Peguam Negara pula. Ini isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Apakah langkah yang diambil oleh Peguam Negara untuk membersihkan imej beliau susulan daripada laporan yang dibuat oleh pelbagai pihak terutamanya seperti Dato' Mat Zain, CID KL dan panel penasihat SPRM yang melibatkan salah laku beliau yang telah memberikan imej yang tidak baik kepada Jabatan Peguam Negara dan Peguam Negara sendiri. Sekiranya laporan tersebut tidak betul, JPN dan Peguam Negara wajar mengambil tindakan mahkamah. Jadi ini yang disebut oleh beliau. Kerajaan juga disarankan menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat kes berkenaan salah laku yang ditimbulkan oleh laporan tersebut. Peguam Negara sendiri patut mengambil tindakan bagi membersihkan nama beliau.

Jawapannya ialah untuk makluman Yang Berhormat, perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pokok Sena ini telah pun selesai. Ini saya masih ingat ya iaitu penerangan mengenai perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan Dato' Mat Zain CID Kuala Lumpur. Penerangan telah pun diberikan oleh saya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Padang Rengas pada 14 Disember 2010 di Dewan yang mulia ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i). Panel bebas yang ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan salah laku oleh Peguam Negara telah mendapati tiada apa-apa keterangan terhadap Peguam Negara berhubung dengan dakwaan salah laku itu.

Oleh itu, tidak timbul isu untuk kerajaan menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat kes berkenaan salah laku yang dibangkitkan mahupun untuk Peguam Negara sendiri mengambil tindakan bagi membersihkan nama beliau. Saya masih ingat lagi usul di bawa oleh Yang Berhormat Ipoh Timur pada ketika itu.

■ 1810

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun Yang Berhormat telah memberikan penerangan tetapi Datuk Mat Zin dalam beberapa surat beliau itu masih lagi membangkitkan persoalan tersebut. Surat-surat terbuka beliau kepada Ketua Polis Negara dan sebagainya dalam isu yang berkaitan.

Saya hendak minta penjelasan bahawa walaupun Yang Berhormat telah memberikan penjelasan iaitu melalui satu jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan, apakah Datuk Mat Zin itu telah dipanggil untuk memberikan keterangan? Saya katakan bahawa kalau Datuk Mat Zin tidak dipanggil untuk memberikan penerangan, bagaimana mereka boleh membuat satu rumusan, kesimpulan mengatakan bahawa dakwaan itu tidak betul? Oleh sebab itu Datuk Mat Zin masih lagi membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan dakwaan beliau terhadap peguam negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya telah menjawab dengan begitu mendalam pada 14 Disember tahun lepas. Jadi, apa juga Yang Berhormat tanya itu saya akan *check* balik lah kerana ada soalan yang tertentu sama ada beliau dipanggil ataupun tidak. Jadi, saya tidak dapat hendak berikan jawapan sekarang. Saya akan beritahu kepada Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini. Yang Berhormat Pasir Mas bertanya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Satu lagi. Ada satu lagi itu pasal Peguam Negara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang mana?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berkaitan dengan akta yang bertentangan dengan Perlembagaan seperti mana yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan baru ini dalam kes AUKU. Jadi, saya tanya tadi kenapa peguam negara tidak pernah menyemak akta-akta yang jelas bertentangan dengan perlembagaan.

Ini menggunakan kes-kes Mahkamah Persekutuan terhadap empat orang mahasiswa telah pun diputuskan bahawa peruntukan itu bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

Jadi, saya bertanya kenapa peguam negara tidak mengambil tindakan terlebih awal sebelum daripada mahkamah memutuskan perkara itu bertentangan dengan perlembagaan. Itu satu. Kedua, saya minta tadi, saya rayu bahawa tidak wajarlah pihak kerajaan merayu kepada Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut kerana ini untuk kepentingan masa depan negara kita, untuk melihat bahawa kita memberikan kebebasan kepada mahasiswa dan sebagainya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, satu perkara yang kita kena ingat di sini ialah iaitu bahawa badan yang membuat undang-undang itu ialah Parlimen kita. Jadi, setiap kali apabila sesuatu undang-undang itu, sesuatu undang-undang itu hendak dilaksanakan, sudah tentu perkara pertama yang diambil kira oleh pejabat Peguam Negara ialah sama ada undang-undang itu bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Itu pertama.

Dia punya SOP, mana juga rang undang-undang yang hendak dijadikan sebagai undang-undang, yang pertama sekali ialah ianya jangan bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Maka, oleh kerana itu ia menjadi satu Rang Undang-undang AUKU dan dibahaskan di dalam Dewan dan ia menjadi undang-undang pada hari ini. Jadi, persoalannya di sini ialah Mahkamah Rayuan, ia sebenarnya apa yang disebut iaitu bahawa undang-undang ini, *ultra vires* bertentangan dengan Perlembagaan dari segi kebebasan, itu *arbiter*. *Arbiter* maksudnya itu pandangan dia tetapi undang-undang itu wujud. Undang-undang itu sudah ada. Jadi, sama ada dia *good law* atau *bad law* kah tetapi ia undang-undang. Saya tidak mahu mempertikaikan keputusan yang dibuat oleh mereka. Cuma, saya percaya bahawa perkara yang kita harus lihat ialah *conduct* empat orang pelajar itu, adakah dia melanggar undang-undang yang sedia ada atau pun tidak...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Soal akta itu mengatasi, dianggap sebagai melebihi daripada *ultra vires* kepada Perlembagaan itu pandangan mahkamah. Saya percaya pihak Peguam Negara akan merayu kes ini. Akan tetapi, kita *take note*. Kita ambil maklum. Ada pandangan mahkamah – Mahkamah Rayuan ini mengatakan bahawa ia *ultra vires* tetapi akta ini masih lagi akta. Ia tidak terbatal semata-mata kerana ada keputusan atau pandangan mahkamah yang mengatakan bahawa AUKU itu *ultra vires*. Tidak, ia tidak membatalkan.

Seperti juga macam kes Eusof Chin dahulu dalam kes pemilikan harta tanah. Dia ada membuat keputusan yang bertentangan daripada prinsip, akhirnya kita pinda untuk memperbetulkan. Akan tetapi, di peringkat sekarang ini apa yang disebutkan oleh hakim itu, itu pandangan beliau bahawa undang-undang ini *ultra vires* tetapi ia tidak membatalkan undang-undang AUKU yang sedia ada itu.

Jadi, saya percaya oleh kerana perkara ini masih saya kira Yang Berhormat tanya tadi sama ada kita hendak rayu ataupun tidak, saya pun tidak tahu. Ini terpulang kepada pihak Peguam Negara untuk mengambil keputusan dan kita tunggulah sehingga ada keputusan muktamad, yang mungkin peguam negara tidak merayu ataupun ada kemungkinan akan merayu kerana berdasarkan kepada akta yang ada sekarang, ia masih akta lagi. Mungkin *conduct* empat orang pelajar itu sebenarnya melanggar kehendak AUKU. Sama ada undang-undang *good law* atau *bad law* itu soal yang kedua. *Law maker* sudah membuat undang-undang ini. Jadi, dia tetap pada peringkat ini kekal sebagai undang-undang. Jadi, itu setakat ini yang saya beri pandangan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Akan tetapi sama ada keputusan AG hendak merayu ataupun tidak kita akan tunggu sedikit masa lagi.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan. Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, jadi saya...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat, tidak ada gunanya kita bercakap di sini sebab...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ini ada...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak ada, tidak ada sebab *law makers* kita sudah buat undang-undang. Dia kena ada *separation of powers* di sini. *We are the law makers.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya ingin beri pandangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya sudah sebut sebentar tadi iaitu bahawa setiap undang-undang yang kita buat, pertama sekali yang kita kaji ialah sama ada ia bertentangan dengan Perlembagaan atau pun tidak. Jadi, sekarang ada satu Mahkamah Rayuan yang memberi pandangan bahawa ia *ultra vires* tetapi sehingga kita menunggu keputusan muktamad sama ada peguam negara akan merayu ataupun tidak. Jadi, di peringkat ini kita tidak boleh kata apa-apa kerana ada lagi satu ruang untuk dirayu oleh pihak yang tidak berpuas hati. Kita biarlah kepada ...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tentang *arbiter* tadi, tentang *arbiter*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita serahkanlah kepada AG kerana belum ada kemuktamadannya lagi. Kalau kita bahas dalam Dewan ini pun tidak guna

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tentang *arbiter* tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebab kita tidak tahu mungkin rayuan berlaku dan mungkin bila rayuan berlaku keputusannya mungkin akan berbeza di *Federal Court*. Jadi, saya tidak berhajat untuk berbahas panjang. Cuma untuk memberi pandangan di sini iaitu bahawa saya tidak boleh memberi penentuan di sini sama ada akan dirayu ataupun tidak.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Rayu atau tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak boleh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, baik. Jadi Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, saya hendak pergi kepada perkara lain pula.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak saya hendak tanya pendirian kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Undang-undang walaupun ia masih undang-undang apakah ia tidak boleh dipinda untuk disesuaikan dengan keputusan mahkamah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apalah, kita tunggu dahulu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebabnya begini Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita tunggu dahulu, kita tunggu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebab kerajaan sendiri, Perdana Menteri umum hendak hapuskan ISA, hapuskan Undang-undang Kediaman Terhad dan sebagainya boleh kita hapuskan. Kenapa undang-undang yang sudah jelas ada pertikaian...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apalah, itu kita ...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maknanya boleh kita pinda.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebab orang kata...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh kita pinda. Saya bukan minta dihapuskan AUKU secara keseluruhan tetapi pinda pada *clauses* tertentu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dia mungkin ada perkara-perkara yang tertentu yang difikirkan oleh kerajaan pada peringkat ini tetapi apa yang akan berlaku di masa akan datang saya tidak tahu. Akan tetapi pada hari ini kita tunggulah, apakah keputusan yang dibuat oleh pihak Peguam Negara. Kalau sekiranya Peguam Negara tidak merayu, maka di situ kita boleh nampak signal sudah, kemungkinan bahawa kita mengambil kira pandangan Mahkamah Rayuan itu dan kita tidak merayu dan mungkin selepas ini kita boleh pinda. Akan tetapi kita tunggulah dahulu, sabarlah. Tidak ada masalah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, *arbiter* itu tadi Yang Berhormat Menteri katakan tidak betul, tidak betul Yang Berhormat Menteri!

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi Yang Berhormat, bagi saya sebagai seorang peguam. Saya hendak beritahu kita ada perkara ini yang kita hendak lakukan apabila sampai ke satu tahap ianya akan dilakukan, ia akan lakukan tetapi pada hari ini perkara itu baru berlaku semalam. Jadi, saya belum ada apa-apa jawapan lagi bagi pihak kerajaan tentang pendirian kita pada hari ini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Boleh saya beri pandangan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi Tuan Pengerusi, saya terus pergi kepada perkara yang seterusnya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Iaitu berkenaan dengan Jabatan Peguam Negara juga, yang mana Yang Berhormat Pasir Mas bertanya beribu-ribu laporan dibuat oleh rakyat.

■ 1820

Hanya satu, dua tindakan diambil... *[Ketawa]* Apabila siasatan selesai, perlu memaklumkan kepada orang yang membuat laporan tentang status tindakan. Di sini siasatan adalah di luar bidang kuasa Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara. Ini kita semua tahu. Jadi, perkara berkenaan siasatan yang dibuat adalah di bawah agensi penyiasatan dan penguatkuasaan yang berkenaan. Ini Yang Berhormat perlu bertanya kepada pihak polis. Dia yang membuat penyiasatan kerana Peguam Negara kita hanya mendakwa orang sahaja.

Yang Berhormat Permatang Pauh, ini kita pergi ke...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh Yang Berhormat Menteri, sedikit? Sedikit sahaja. Ini ada percanggahan. Saya dimaklumkan bahawa selepas siasatan diambil, fail itu pergi Pejabat Peguam Negara. Jadi, Peguam Negara yang akan menentukan sama ada hendak membawa ke mahkamah atau tidak, ada kes atau tidak ada kes. Jadi, siapakah yang perlu menjawab sebab bagi *stakeholders* yang membuat laporan polis ini, dia hendak mengetahui kedudukan sama ada laporan kepada SPRM kah kepada polis kah. Kalau tidak dia tertanya-tanya apakah yang sudah jadi dengan laporan-laporan yang dibuat. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bagi pihak pendakwaan Yang Berhormat, kalau sekiranya pendakwaan tidak dilaksanakan, tidak diwajibkan untuk pihak Peguam Negara memberikan sebab mengapa tidak didakwa. Itu *procedure* nya. Jadi, tidak ada ruang yang mana kalau penyiasatan yang telah pun dibuat oleh pihak polis, hantar kepada Peguam Negara dan kalau Peguam Negara mengambil keputusan sama ada mendakwa ataupun tidak. Kalau tidak, tidak ada keperluan untuk Peguam Negara memaklumkan kepada orang yang telah membuat laporan kepada pihak polis peringkat awal itu. Tidak ada.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Lembaga Penasihat ini, Yang Berhormat Permatang Pauh bertanya sama ada Lembaga Penasihat tidak mengikuti pengumuman Perdana Menteri berkaitan pemansuhan ISA dan sebaliknya. Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pengumuman pada 16 September tetapi laporan ini telah siap sebelum itu. Jadi, sebab itu Yang Berhormat laporan itu ia tidak mengambil maklum ataupun kira apa yang telah disebutkan oleh Perdana Menteri. Oleh sebab ia punya unjuran itu, ia membuat pengunjuran itu kepada..., dia kata 500 kesnya itu berdasarkan apa yang dia kira sebelumnya pengumuman ini dibuat.

Jadi, sebab itulah ia punya pengunjuran itu tinggi. Walhal sepatutnya selepas ini tidak adalah, kosong lah bukan ataupun tidak banyak.

Kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh kata kemusykilan, keraguan berkaitan angka kes ISA sebanyak 82 kes pada tahun 2010 dan angka anggaran kes ISA sebanyak... Hah! Inilah yang 500 pada tahun 2012, saya sudah jawablah. Ia unjuran Yang Berhormat. Jadi, dia tidak tahu lagi yang kita hendak mengumumkan bahawa kita hendak batalkan ISA ini.

Kemudian, Audit. Yang Berhormat Permatang Pauh ingin mengetahui mengapa Laporan Ketua Audit Negara belum dibentangkan di Parlimen walaupun Bajet 2012 telah dibentangkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada peraturan yang menetapkan Laporan Ketua Audit Negara perlu dibentangkan pada hari yang sama dengan pembentangan bajet. Sejak tahun 2009 dan 2010, Laporan Ketua Audit Negara tidak dibentangkan pada hari yang sama dengan pembentangan bajet bagi membolehkan tumpuan pada pembentangan bajet dan kedua-dua perkara mendapat liputan yang saksama untuk semua pihak. Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 24 Oktober 2011 bersekali dengan laporan maklum balas yang disiarkan oleh Perbendaharaan Malaysia...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, kita kalau boleh kita tidak mahulah sebab orang minat dengan Audit punya *report* ini pasal banyak ketirisan semua. Jadi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...Boleh bertanya sedikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau buat sekali..., tidak mengapalah Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat bertanding lagi di... [Ketawa] Ketua Pembangkang ini saya tahu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Soalan sedikit, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, soalan ini dibangkitkan... Hormatlah sedikit ini Ketua Pembangkang punya soalan saya jawab. Jadi, oleh kerana itu Yang Berhormat, kita tidak mahu maknanya pada hari kita buat bajet, hari itu kita keluar, orang *concentrate* tentang Audit sahaja sebab Audit ini syok. Binokular beli sampai sepuluh kali gandalah. Macam itu seronoklah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri sebab ini ada keterangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Dalam ini Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, sebab itulah kita asingkan di antara...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pembentangan bajet dengan *audit report* tetapi tetap *Audit Report* itu mesti dibentangkan untuk memberikan kesempatan kepada ahli Yang Berhormat untuk berbahas dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Audit juga ditempatkan pegawai Jabatan Audit Negara di jabatan tertentu. Jabatan Audit Negara...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh. Boleh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Ketawa].

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih atas penjelasan itu. Cuma seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Laporan Ketua Audit Negara itu sering ikut lazimnya dibentangkan sebelum belanjawan ataupun pada ketika itu ataupun hari yang berikutnya. Kalau hendak beri fokus hari Jumaat, hari Isnin berikutnya untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas bersama dengan belanjawan kerana ini tentang prestasi di peringkat dasar. Yang saya ingat, ini memang kelazimannya. Memang peraturan tidak menyebutkan bila tetapi peraturan menyebut dibentangkan ke Parlimen bukan untuk diteliti kemudian tetapi untuk dibahaskan tentunya.

Jadi, saya kira adalah lebih tepat atau wajar kalau dibentangkan kalau pun tidak sekali untuk memberikan fokus pada belanjawan, boleh dua hari berikutnya supaya beri ruang. Ini tidak. Kita hilang peluang masa peringkat dasar. Kita hanya boleh bahas peringkat Jawatankuasa yang terbatas kerana waktu yang diberikan sepuluh minit. Mungkin itu tujuannya. Saya tidak tahu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekali, boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya sudah betullah kata. *You*, Ketua Pembangkang hendak bertanya sebab saya tahu dia akan bangun bertanya lebih. Jadi, beri peluang kepada dia.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Selepas itu...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, Yang Berhormat kalau itu merupakan satu cadangan, saya ingat tidak ada masalah. *Insya-Allah*, saya akan sampaikan apa Yang Berhormat cadangkan ini kepada Kabinet di masa yang akan datang kalau boleh Yang Berhormat pun boleh berkompromilah. Maknanya tidak perlu hari yang sama atau tiga hari kemudian supaya dia diberikan peluang untuk berucap dalam peringkat dasar. Betul juga itu. Maknanya masa yang diberikan itu lama jika dibandingkan kalau perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa. *Insya-Allah* Yang Berhormat. Saya akan sampaikan. Hah! Sekarang, bolehlah beri sama Yang Berhormat Indera Mahkota. Hormat sedikitlah kepada Ketua Pembangkang itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya ada nampak penjelasan yang diberikan dalam buku ini mengatakan bahawa laporan audit itu telah disiapkan sebenarnya jauh lebih awal. Sebagai contoh, katakan pengauditan untuk akaun-akaun kerajaan negeri telah diselesaikan dan diserahkan empat bulan berikutnya selepas habis tempoh 31 Disember tahun itu. Akaun untuk berkanun persekutuan telah disiapkan pada 30 Ogos setiap tahun dan ini ada dalam buku laporan ini. Jadi, tempoh itu agak panjang daripada tempoh yang telah diselesaikan, telah dimuktamadkan sehingga dibentangkan. Itu yang menjadi persoalan mengapa jadi lambat sangat. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Walaupun ia punya persiapan habis tiga bulan lebih awal tetapi pada ketika itu tidak ada persidangan Parlimen. Jadi, kita hendak membentangkan masa bila kalau ia tidak bersidang. Ia tidak bersidang, ya. Jadi, kita tidak boleh hendak bentang sebab ia perlu dibentangkan dalam persidangan. Tidak akan hendak bentang waktu kita tidak bersidang, letak atas meja, siapakah yang hendak lihat... [*Ketawa*]. Ahli Parlimen tidak bersidang sebab itu kita perlu menunggu... [*Dewan riuh*] Apabila tunggu sesi ketiga, kita pun tidak mahulah ia kena dengan bajet tadi itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tenom. Ini kita pergi ke bahagian Kabinet. Ditingkatkan penghormatan kepada Ahli Parlimen dengan meningkatkan taraf saraan lebih baik daripada penjawat awam kerana mereka adalah ahli badan perundangan.

■ 1830

Kerajaan menyedari tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen adalah semakin mencabar selaras dengan kedudukan mereka sebagai Anggota Badan Perundangan. Sehubungan ini kerajaan bersedia menimbang untuk mengkaji semula elauun bulanan dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen. Pada masa yang sesuai kelaklah nanti saya berunding dengan Ketua Pembangkang, tengok cari satu tarikh yang baik kita naikkanlah. Ini kerana Ketua Pembangkang di negeri dia memerintah dia naik di Selangor. Dia naik elauun Selangor, dalam 'buku jingga' pun ada, cuma saya ingat saya kena beri penghormatan sedikitlah. Saya kena jumpa dengan dialah beritahu pada dia bahawa kita akan naik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Jawatankuasa]

Saya takkan hanya berurusan dengan Yang Berhormat Kuala Langat sahajalah. Saya mengaku saya silap di sinilah. Ketua Pembangkang pun dia merupakan jawatan yang diiktiraf di dalam kita punya ini. Jadi *insya-Allah* tahun depan saya akan mengunjungi Yang Berhormat Permatang Pauh untuk menaikkan elaun ini.

Tuan Pengerusi saya sudah jawab sejam ini, saya juga menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri agama kita ini. Dia sudah ada di Mekah. Jadi saya sudah jawab sejam, saya ada tiga rakan lagi saya minta mohon untuk jawab secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: SPRM belum jawab lagi. Yang Berhormat Menteri, SPRM belum jawab lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tan Sri Senator.

6.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan terima kasih kerana mengambil berat terhadap beberapa perkara yang penting ini. Pertamanya saya memang tidak setuju dengan Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat yang mengatakan bahawa Biro Pengaduan Awam cuma berfungsi sebagai *office boy*. Sebenarnya Biro Pengaduan Awam ini mempunyai satu peranan yang penting dalam pentadbiran kerajaan dengan mengendalikan kes-kes aduan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kementerian atau agensi yang berkenaan. Di mana pengadu tidak berpuas hati dengan apa yang telah dilayani di peringkat itu, maka mereka akan mengemukakan aduan kepada BPA.

BPA sering mengambil tindakan untuk meneliti kes dan merujuk kes kembali kepada kementerian yang berkenaan supaya tindakan susulan dapat diambil. Sekiranya tidak, maka ia akan dilaporkan kepada Ketua Setiausaha Negara dalam mesyuarat yang berjadual di mana kes-kes aduan yang tidak diselesaikan dan mempunyai implikasi atau impak yang besar memang akan dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara. Itu yang pertamanya.

Keduanya, BPA juga sering mengendalikan kes-kes yang melibatkan lebih daripada sebuah agensi atau kementerian yang mempunyai kaitan dengan beberapa kementerian maka ia juga berfungsi sebagai *mediator* di antara kementerian-kementerian berdasarkan kepada aduan yang dikemukakan oleh orang awam.

Ketiganya, setiap tiga bulan iaitu setiap suku tahun satu laporan memang dikemukakan kepada Jemaah Menteri yang membuat analisa terhadap kes-kes setiap kementerian dan juga membuat perbandingan antara kementerian dari segi kes dan bilangan kes yang diterima. Dengan analisa seumpama ini maka pihak Jemaah Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memang dimaklumkan dan diberi maklumat terhadap prestasi kementerian yang berkenaan dalam mengendalikan aduan-aduan dari orang awam.

Walau bagaimanapun, kerajaan memang peka bahawa usaha yang berterusan hendaklah diambil untuk menambahbaikkan dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem pengaduan awam. Oleh itu sememangnya satu makmal di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diadakan yang khusus untuk meneliti sistem penyampaian perkhidmatan awam (*public service delivery*) di mana sistem pengaduan dan sistem pengurusan aduan telah juga dibincangkan bersama dengan beberapa jabatan yang berkenaan. Oleh itu saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan lagi sistem pengurusan aduan awam. Dipersilakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya faham mekanisme yang sedia ada yang digunakan oleh jabatan. Namun *we all know* itu macam kita pergi *round the mulberry bush*lah. Itu tidak ada guna. Apa yang mustahak adalah *what is the outcome?* Apa yang telah dikendalikan, yang telah diselesaikan? Apa yang saya katakan saya ada banyak kes Yang Berhormat. Saya sendiri menghadapi masalah ini macam Biro Pengaduan Awam sebenarnya patut ditutup. *Have to be closed, irrelevant* kerana membazir wang ini *actually is not functioning at all* dia macam..., minta maaf saya guna salah perkataan *not office boy*, sebenarnya posmen. Dia ambil surat dia bagi sahaja. Terima surat dia bagi. Dia panjangkan, *it just the process in the air. Nothing happen* Yang Berhormat, yang itu benar.

Dia hantar surat kepada sesuatu jabatan dia kata oh, ada kompelin dari Kula ini tolong ambil tindakan kalau tidak nanti lima hari kita akan ambil tindakan susulan. *Nothing happens*, tidur. Kita hantar surat kepada Biro Pengaduan Awam tidak ada apa-apa tindakan. Ini bukan kali pertama, banyak kes-kes diberikan. *So* tunjuk dengan *clear* tidak berfungsi Yang Berhormat. Lebih baik kalau kita sahaja menghormati situasi yang sedia ada bahawa ini sudah tidak guna, *irrelevant*. *The public bureau systems* sebenarnya walaupun ada niat yang baik untuk menaik taraf dan sebagainya tetapi tidak ada hasil. Jikalau tidak ada hasil jangan bazir wang, cakap terus-terang tutup jabatan itu *remove on* katakan tidak boleh buat kerja itu *let's move on...*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Boleh saya tambah sedikit?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi saya ingat saya cuma menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat. Ini kerana mengikut amalan kita tidak payahlah dalam jawapan di peringkat Jawatankuasa ini kita melayani soalan tambahan lagi yang lain. Akan tetapi mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, saya memang tidak setuju. Walaupun saya tidak menafikan bahawa memang ada sebilangan kes yang tidak dapat diselesaikan dan ia berpunca daripada beberapa sebab.

Saya tidak mahu bercerita panjang lebar tetapi saya ingin mengatakan di sini bahawa mengikut statistik kita dan juga mengikut tinjauan, pandangan orang awam yang datang ke BPA, kebanyakan kes iaitu lebih daripada 80 peratus memang dapat diselesaikan. Akan tetapi memang ada kes-kes yang belum dapat diselesaikan atau merupakan sesuatu yang tidak dapat diselesaikan kerana ada yang kesilapannya bukan kerana kementerian tetapi kerana pengadu tidak memahami prosedur ataupun enggan menerima keputusan pihak jabatan yang memang sah dan berasas.

Oleh itu kalau ada kes yang spesifik yang amat serius yang tidak dapat diselesaikan saya meminta supaya Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat mengemukakan kepada pihak kami.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Memang saya bersetuju untuk kemukakan tetapi jabatan tersebut *is a lame duck* Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya ingat itu memang tidak adil.

■ 1840

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mengatakan peratusan 8 peratus tidak orang, tidak boleh percaya, saya cakap terus terang. Ini kerana bukan saya faham, banyak orang mengatakan Jabatan Pengaduan Awam patut ada satu jabatan lagi kompelin ini jabatan... *[Ketawa] Really*, Tuan Pengerusi. *This became a punching bag. Actually it is a joke.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *It became punching* macam kata ohh.. ada masalah you tulis kepada Jabatan Pengaduan Awam. Dia macam..., *just a forwarding agency. Nothing, nothing! We respect nothing. It's a sleeping lame duck irrelevant.*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ya.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya ingat memanglah kita tidak boleh jangka...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya meminta...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat peraturan Dewan kena ikutlah juga, marah-marahlah sikit.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Yang Berhormat Ipoh Barat mengemukakan kes kepada kami, biar secara spesifik dan berapa kes itu. Apakah jenis kes itu. Kita akan siasat dan kita akan mengambil tindakan, okey. Saya ingat itulah...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak tanya sedikit.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya tidak jangka...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Not, total lost tiger*, tidak ada *effectiveness* langsung.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sikit, sikit, sikit.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Soalan yang sama.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sama, sama. Isu yang sama akan tetapi saya hendak tanya, sama ada BPA ada kuasa sekiranya mendapati bahawa seseorang kakitangan kerajaan yang telah salah guna kuasa atau sudah buat apa-apa kesalahan. Sama ada BPA ada kuasa untuk mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai tersebut. Saya hendak *check* ini. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, memang kes disiplin ini ada prosedurnya. Ia akan dirujuk kepada KSN untuk mengambil tindakan. Oleh itu saya menegaskan di sini bahawa laporan daripada BPA dibentangkan, sering dibentangkan kepada KSN dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Sekiranya terdapat kes-kes disiplin yang memerlukan disiplin memang disiplin akan diambil. Oleh itu saya ingat kita tidak payahlah secara terperinci. Bolehkah Ahli Yang Berhormat Serdang untuk mengemukakan kalau ada terdapat kes di mana Ahli Yang Berhormat sendiri...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Memerlukan, menganggap bahawa memerlukan tindakan disiplin. Okey, kita akan siasat mengikut prosedur yang sedia ada. Kita tidak boleh keluar daripada prosedur yang sedia ada. Okey, Tuan Pengerusi...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya rasa satu contohlah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Saya ingin beralih ke...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Kalau hendak minta pada saya sekarang saya beri sedikit penjelasan tentang kes yang saya rasa mana tindakan disiplin memang diperlukan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Seperti...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Kalau kes itu, kes-kes dilaporkan kepada KSN, maka kalau dianggap bahawa disiplin diperlukan memang diperlukan, memang disiplin akan diambil. Apalagi ini di peringkat yang tertinggi sekali, KSN sendiri. Oleh itu saya ingat saya lebih suka kalau Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan kes-kes secara spesifik. Secara konkrit kepada kami.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Memang, memang sekarang saya hendak bagi.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sekarang saya hendak bagi. Saya sekarang...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan sekaranglah sebab kita memang kita boleh bahas satu kes sampai dua jam. Akan tetapi kita ada prosedurnya untuk menyasat. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Serdang mengemukakan kes itu secara bertulis.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya sekarang hendak menyatakan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dengan semua dokumen kepada saya, okey. Bukan di sini, sebab di sini kita ada...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya rasa tak perlu panjang punya.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Lagi banyak isu. Bukan satu kes.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya rasa Laporan Audit sudah menyatakan bahawa iaitu di Taman Laut sudah banyak kes yang salah guna kuasa. Jadi saya hanya hendak tahu kerana sekarang SPRM capak tidak ada unsur rasuah di sana. Jadi saya hendak tanya sama ada jawapan BPA atau KSN akan ambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang sudah membeli itu *binokular* dengan TV LED, DVD *player* dengan harga yang jauh lagi mahal dengan harga pasaran. Itu saya hendak tanya sahaja.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, *you* kemukakan kes itu, kita ambil tindakanlah, okey... [*Dewan riuh*] *You* tunggualah, tunggualah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dalam *audit report*, dalam *audit report* Yang Berhormat. Dalam *audit report*. *What else you want?*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Itu semua dalam *Audit Report* lah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, mereka sengaja mengelirukan peranan-peranan seumpama ini. Pengaduan awam ialah untuk kes-kes orang awam. Akan tetapi kes-kes seumpama yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara hendaklah diuruskan pertamanya oleh PAC dan juga MACC, SPRM telah mengumumkan mereka sudah buka fail 36 kes.

Saya ingat itulah sudah memadai. Jangan, jangan campur aduk dan cuba hendak kelirukan peranan BPA. BPA adalah untuk orang awam. Kes orang yang di..., misalnya layanan yang diberi oleh jabatan tertentu. Kes yang seumpama ini. Kes mengenai perolehan atau *procurement*, itu kes bukan di dalam bidang kuasa BPA. Oleh sebab itu - saya ingat janganlah cuba kelirukan, okey. Saya percaya Ahli Yang Berhormat serdang bukanlah keliru sendiri, akan tetapi cuba hendak kelirukan. Mungkin baru nikah, keliru sedikit.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada satu isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor mengenai rukun tetangga. Sememangnya rukun tetangga berfungsi atas asas semangat kejiranan dan kesukarelawanan ataupun *volunteerism*. Oleh itu sejak rukun tetangga ditubuhkan 36 tahun yang lalu, maka kesemuanya Ahli Jawatankuasa kawasan KRT atau dikenali sebagai KRT, sememangnya memainkan peranan secara sukarela.

Oleh itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) belum bercadang untuk memberi elaun mesyuarat kepada mereka. Akan tetapi mereka diberi insentif seperti perlindungan insurans khasnya untuk anggota-anggota skim rondaan sukarela (SRS) supaya mereka memang kalau tercedera ataupun meninggal kerana kemalangan, ini mereka diberi perlindungan insurans.

Di samping itu memang JPNIN memberi kepada setiap KRT peruntukan pentadbiran untuk menampung kos-kos pentadbiran dan peruntukan aktiviti untuk menganjurkan berbagai jenis aktiviti oleh KRT. Keduanya yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor dan juga disentuh oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Beruas iaitu bersangkutan paut dengan isu keharmonian dan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan berbilang agama.

Sebenarnya setiap masyarakat yang berbilang kaum, berbilang agama menghadapi cabaran seperti mana terdapat di dalam negara-negara maju pun, maka isu-isu seumpama ini hendaklah diurus dengan baik dengan adanya semangat muhibah.

Oleh itu pihak kerajaan bukan sahaja melalui Jabatan Perpaduan akan tetapi juga melalui beberapa kementerian misalnya Kementerian Belia dan Sukan dengan program belia dan sukan, memupuk semangat patriotik, menggalakkan interaksi dan pergaulan, semangat perjuangan bersama di kalangan para atlet kita. Program Latihan Khidmat Negara oleh Kementerian Pertahanan bertujuan untuk memupuk perpaduan. Banyak lagi isu-isu yang sama yang dihadapi oleh semua rakyat.

Sememangnya jadi isu tumpuan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Misalnya isu-isu alam sekitar memang harus dipikul bersama. Maka melalui aktiviti-aktiviti dan program-program seumpama ini, kerajaan memang menggalakkan kerjasama dan penyertaan dari semua rakyat Malaysia di kawasan yang berkenaan atau berdasarkan pertubuhan yang berkenaan, maka kita juga menggalakkan pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO untuk bersama-sama memajukan Gagasan 1Malaysia.

■ 1850

Oleh itu, saya ingin minta kerjasama semua anggota Dewan Rakyat ini untuk bersama-sama menyokong usaha kerajaan ini. Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Ipoh Barat ialah bersangkut-paut dengan isu pertukaran agama. Khasnya, dalam kes Puan Indira Gandhi di Ipoh di mana kerajaan telah meneliti isu ini dan telah mengemukakan beberapa cadangan untuk meminda undang-undang yang berkaitan. Oleh kerana sebahagian daripada undang-undang ini melibatkan kuasa Raja-Raja Melayu, maka hal ini telah dikemukakan oleh rakan saya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama Islam untuk dirunding dan dipertimbangkan oleh Duli-duli Yang Maha Mulia dan juga oleh majlis-majlis agama di peringkat negeri. Maka, ianya sedang diuruskan, maka saya meminta semua pihak sabar untuk menunggu keputusan yang akan dibuat nanti.

Bersangkut-paut dengan isu kebebasan beragama, ianya memang termaktub dan terlindung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi interpretasi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedia ada hendaklah dibuat dengan cara yang lebih meluas dan berdasarkan kepada semangat keterangkuman (*inclusiveness*) di bawah Gagasan 1Malaysia. Di samping itu jawatankuasa mempromosi kesefahaman dan keharmonian di antara penganut agama yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dari semua agama terutamanya dari ACCIN dan MCCBCHST yang mewakili hampir semua agama utama telah bermesyuarat baru-baru ini pada 18 Oktober dan kerja-kerja yang ditujukan kepada jawatankuasa kerja, empat buah jawatankuasa kerja akan terus berlangsung.

Di samping itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut mengambil inisiatif dan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin dari Persekutuan Kristian Malaysia pada bulan Mei yang lalu di mana para pemimpin Kristian telah juga dapat menyuarakan beberapa isu dan dapat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Memang persefahaman dari pihak kerajaan supaya kita akan cuba mengatasinya, misalnya tapak-tapak untuk pembinaan gereja dan juga aktiviti mereka dan kelab-kelab agama di peringkat sekolah dan sebagainya. Di samping itu beberapa isu telah juga dapat diperjelaskan walaupun ada yang masih belum dapat diselesaikan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, para pemimpin Kristian telah juga menyatakan bahawa mereka memang memahami dan menghormati semangat dalam peruntukan-peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang yang terdapat di peringkat Persekutuan atau pun negeri. Maka, pihak kerajaan memang mengharapkan bahawa dengan memupuk semangat dan suasana muhibah di kalangan pemimpin-pemimpin agama, maka isu-isu yang telah timbul akan dapat dibincangkan dengan secara jujur dan hati yang terbuka di kalangan mereka ini supaya mereka dapat mengemukakan cadangan yang bernas kepada kerajaan untuk menyelesaikan isu-isu ini. Dengan ini, saya ucapkan terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta Tuan Pengerusi. Peraturan Mesyuarat 22(1), saya hendak tanya Yang Berhormat, saya bangkit dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa, hal PEMANDU langsung tidak dijawab.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya tadi mengenai PEMANDU, saya ingat isu itu adalah bersangkut-paut dengan ekonomi, maka ianya sepatutnya dijawab oleh rakan saya yang bertanggungjawab atas ekonomi. Walau bagaimana pun saya ingin menerangkan di sini bahawa PEMANDU hanya merupakan satu badan untuk memudahcarakan, *facilitate* dan untuk juga memberikan pandangan dan cadangan melalui kaedah pengurusan prestasi yang didapati berkesan di negara-negara lain untuk membantu semua kementerian dan agensi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Untuk menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, nanti ya. Ianya bukan mengambil alih kuasa setiap kementerian. Sebenarnya, di bawah NKRA, setiap NKRA diterajui oleh Menteri berkenaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak jawab apa yang saya bangkit, jadi serah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang akan jawab nanti. Itu bukan yang saya bangkitkan. Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, baik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri terima kasih dan Tuan Pengerusi. Saya berbalik kepada soal agama tadi. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sebenarnya apa masalah besar berhubung hal antara agama ini? Agama Islam itu agama rasmi Persekutuan dan semua orang tahu, ramai orang Islam. Orang tidak Islam pun tahu, cuma yang *political opportunist* yang menimbulkan masalah. Islam itu ia tidak memusuhi agama sesiapa pun. Dalam Al-Quran disebut dengan jelas dan nyata bahawa kita orang Islam tidak boleh melakukan sesuatu yang tidak baik kepada penganut agama yang lain, ditegah, dilarang. *They are the true Muslims* dan itu jaminan daripada Allah SWT dan jaminan daripada orang Islam yang sebenarnya.

Allah Taala juga memerintahkan kepada orang Islam supaya menghormati penganut agama lain. *So, there is no issue*. Kenapa isu ada timbul sekarang ini, kerananya ada pihak-pihak yang menjadikan isu agama isu politik. Mengapi-apikan orang tertentu, mengatakan seolah-olahnya walaupun agama Islam itu agama Persekutuan tetapi agama lain walaupun bebas tetapi tidak mendapat tempat yang sepatutnya. *I don't think this is what is our policy and our practice, we are true Muslims*. Jadi, isu ini tidak timbul kalau tidak ada politikus-politikus, *corrupt politicians*, ahli politik yang *corrupt* yang tidak ada modal, gunakan isu agama untuk melaga-lagakan di antara berbagai kaum dan agama ini dan menanggung di air yang keruh. Itu matlamat mereka.

Jadi, saya ingin mendapat penegasan daripada Yang Berhormat Menteri, iaitu supaya betul-betul tegas, jelas dalam perkara ini. Jangan kita diperkotak-katikkan. Seolah-olah kerajaan ini lemah, kerajaan ini mendiskriminasikan, kerajaan ini..., isu yang dibangkitkan tadi, Yang Berhormat sebut soal tanah. Apa benda, *this is small issue man?* Bercakap soal apa lagi tadi, isu kelab, kelab apa? Kelab di sekolah-sekolah. *This is a non issue*, dengan izin. Isu kalau sekiranya agama-agama lain itu ditindas atau didiskriminasi dan perkara itu tidak berlaku, cuma diada-adakan. Itu yang menyebabkan kita ada pihak-pihak yang antara berlainan agama yang timbul perasaan hendak bergaduh, hendak berkelahi dan sebagainya. Jadi, saya merasa hairan dan ingin penjelasan, *why there must be an issue with regards to* hubungan di antara kaum yang berlainan agama ini, *it shouldn't*. Terima kasih.

■ 1900

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak supaya isu-isu agama tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak pun. Sebenarnya kalau kita mengikut ajaran yang jitu bagi tiap-tiap agama, memang tidak akan timbul masalah. Akan tetapi, kita tidak dapat menafikan bahawa kita ini manusia. Kita manusia ini memang ada kekurangan. Maka kadangkala berlakunya sesuatu yang tidak dikendalikan dengan baik.

Misalnya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Salak, kelab-kelab agama di sekolah sepatutnya tidak jadi masalah tetapi oleh kerana tindakan seorang dua pegawai yang mengeluarkan kenyataan melarang penubuhan kelab ataupun prosedurnya dan peraturannya untuk penubuhan tidak begitu jelas ataupun mungkin ada salah faham, maka timbullah isu. Isu seumpama ini haruslah diperjelaskan dan diselesaikan. Itu yang pertama.

Keduanya, apabila berlaku dari segi keluarga yang berpecah, misalnya kes yang berlaku di Ipoh pada bulan April tahun 2009 iaitu seorang suami yang memeluk agama Islam, itu memang haknya ya. Akan tetapi oleh kerana tindakan susulan untuk membawa anak tanpa persetujuan atau pengetahuan pihak isteri, maka timbullah masalah. Maka, kita hendaklah menghalusi aspek-aspek prosedur dan sebagainya supaya tidak timbul salah faham seumpama ini ya. Maka, itulah memerlukan persefahaman. Apabila kes seumpama ini muncul, maka macam-macam komen khususnya melalui internet yang sebenarnya memburukkan suasana dan perasaan.

Oleh itu, kerajaan bercadang untuk cuba menyelesaikan masalah ini secara *low profile* dan bukan secara mengatakan sesuatu sebelum dapat mencapai persefahaman. Memang pihak kerajaan amat bersetuju supaya isu-isu seumpama ini tidak dipolitikkan. Oleh itu, kami menggalakkan supaya pemimpin-pemimpin agama sendiri digalakkan dan didorong untuk sentiasa berdialog ya. Ini telah berlaku bukan sahaja secara rasmi melalui jawatankuasa yang saya sebutkan tadi tetapi atas inisiatif mereka juga, dan ini adalah satu petanda yang baik yang harus kita galakkan. Okey. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.03 mlm.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012.

Soalan ataupun perbahasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai penswastaaan projek-projek tanpa tender dan memberikan contoh peningkatan kos dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2. Isu yang pertama iaitu projek-projek tanpa tender. Sebenarnya kebanyakan projek-projek yang diswastakan adalah melalui proses tender terbuka. Namun begitu, ada juga projek-projek tertentu yang memerlukan pelaksanaan segera dan berkaitan dengan kepakaran tertentu dan juga keselamatan telah diberi pemerhatian atau telah diberi keutamaan secara runding terus untuk pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek secara runding terus perlu melalui pengurusan nilai yang diwujudkan khas oleh EPU sekarang untuk mengkaji kos dan juga penelitian aspek-aspek yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 sekarang di bawah naungan Kementerian Kerja Raya. Saya memohon supaya soalan diajukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk isu ini...

Dato' Haji Tajuddin Badul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Badul Rahman [Pasir Salak]: Tender, tender ini. Saya hendak cakap. Tajuk lain itu nanti sudah lari. Tender terbuka, tender tertutup. Buka, tutup, buka, tutup. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kaedah tender terbuka ini boleh menjamin satu keuntungan besar kepada kerajaan dan rakyat? *Can you guarantee that*, dengan izin? Sebaliknya, adakah tender tertutup atau runding terus itu ia merugikan rakyat dan merugikan kerajaan?... [Disampuk] Audit dia tidak ada kena mengena dengan itu, dia kata memanglah terbuka. Tutup, buka, tutup.

Akan tetapi saya hendak menilai dari segi keberkesanannya. Saya hendak beri contoh berapa banyak tender terbuka diberi atas dasar terbuka kononnya, yang terbaik ialah yang harga yang paling rendah. Itulah yang terbaiknya. Dapatlah tawarannya. *Because that is considered the best offer*. Akan tetapi akhirnya, banyak pula projek yang terbengkalai disebabkan itu dan kerajaan terpaksa menender semula dan menambah peruntukan berlipat kali ganda.

So in this case, maknanya tender terbuka bukanlah satu kaedah yang terbaik bagi kita untuk laksanakan. Ia merugikan kerajaan dan merugikan rakyat apabila peruntukan terpaksa ditambah. *There are many cases like this*, dengan izin Tuan Pengerusi. *Many, many. I can name it to you*. Jadi bermakna kaedah ini yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, bukanlah satu cadangan ataupun perkara yang betul-betul memberi manfaat kepada kita. Kita kena ada fleksibiliti. Ada kes perlu mungkin tender terbuka, ada kes perlu tender tertutup. Akan tetapi yang pentingnya, *the most important thing* dengan izin, ialah ianya mestilah cara itu cara yang menyelamatkan duit kerajaan dan memberikan impak yang terbaik kepada rakyat. Itu sahaja. *It doesn't mean this model or that model, can be any model for that matter*. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak mengenai konsep yang disebutkan tadi. Percayalah, kerajaan sedang mencari mekanisme yang terbaik untuk memastikan bahawa dana kerajaan digunakan dengan sebaik-baiknya.

Yang kedua ini, Yang Berhormat Permatang Pauh telah menanyakan mengenai RM3.4...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Peruntukan NKRA sebanyak...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan dahulu kerana banyak lagi ini. Banyak lagi. Saya ingat isunya akan dibangkitkan semula. Saya teruskan Tuan Pengerusi. Kelulusan EPU RM3.49 bilion untuk *development expenditure* dalam NKEA 2012, Butiran 94000. Baik.

Untuk maklumat Yang Berhormat, peruntukan itu diagihkan kepada kementerian-kementerian di peringkat EPU dengan fokusnya ataupun jumlahnya hanya RM216,772,000. Ini akan diagihkan RM190,000 untuk Unit Perancangan Ekonomi bagi tujuan *oil and gas* dan *offshore hub*. Satu lagi adalah di Jabatan Perdana Menteri, MAMPU sebanyak RM26.5 juta. Yang lain itu akan diagihkan dan diperuntukkan kepada kementerian-kementerian seperti MOA, MOSTI dan Kementerian Penerangan. Butirannya ada satu persatu sehingga Kementerian Perusahaan Perladangan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang saya bangkitkan itu bukan soal pengagihan. Memang diumumkan pengagihan kemudian. Apa yang saya bangkitkan ialah jumlah NKRA itu terlalu tinggi dan yang disebut mulanya dalam Anggaran Mengurus pada tahun lalu iaitu RM4.9 bilion, kemudian diagihkan ke kementerian-kementerian menjadikan peruntukan di JPM itu jauh lebih rendah. Jadi, isunya ialah cuba mengalihkan jumlah itu supaya nampak jauh lebih kurang. Itu sahaja. Pada pendapat kami, itu semua boleh dibatalkan kerana jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian boleh berjalan dengan lancar dan cekap tanpa peruntukan tambahan berbilion-bilion ini. Itu isi kandungannya. Bukan soal jumlah pengagihan.

■ 1910

Keduanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut soal setuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak. Ini setuju apa? Bila orang bercakap setuju semua. Apa dia setuju ini? Setuju, kita kata proses tender itu supaya membantu kita mengukur, membuat unjuran kos yang munasabah. Itu sahaja tendernya.

Saya tidak pernah mengatakan bahawa tender ini mewajibkan kita berikan yang paling rendah. Tidak semestinya. Ia ada beberapa peraturan yang memang diguna pakai di Kementerian Kewangan tetapi tanpa proses ini saya berikan contoh seperti Lebuhraya Pantai Timur. Ia berlipat ganda ini ratusan juta, berbilion. Jadi, ini yang menjadi masalah kerana beban tanggungan kerajaan yang lari daripada unjuran awal. Kalau lari sedikit *valuation order* memang munasabah. Yang Berhormat Pasir Salak pun tauke juga, dia tahu. Akan tetapi yang masalah ini ialah dia lari keterlaluan dan siapa yang bertanggungjawab kita bayar dan memang ada, kalau ditanya masa saya dahulu pun memang ada, kalau diarah begitu. Lapangan Terbang Langkawi diarah kita buat. Paling murah RM70 juta. Tiga bulan kemudian tambah RM40 juta. Enam bulan kemudian naik lagi RM200 juta. Akhirnya tiga kali ganda kalau diadakan *negotiated* tender. Itu yang kita sebut. Janganlah setuju cepat sangat dengan Yang Berhormat Pasir Salak itu... [Ketawa]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat daripada Permatang Pauh, Tuan Pengerusi. Pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Permatang Pauh lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Pasir Salak cuma bahasa yang digunakan berbeza. Itu sahaja. Akan tetapi sebelum itu izinkan saya menjawab soalan yang dikatakan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Permatang Pauh, butiran-butiran yang saya beri NKEA ini, kita ada spesifik dalam 12 sektor yang dikatakan dalam NKEA ini, ada spesifik projek yang terpaksa dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang menjadi kementerian penjana ataupun peneraju utama. Oleh kerana itu, projek-projek spesifik mempunyai peruntukan-peruntukan yang khusus. Maka untuk itulah duit-duit itu diagihkan mengikut projek yang telah dikenal pasti. Maka pengagihan yang diberi oleh EPU kepada kementerian ini, khusus kepada projek yang telah dipersetujui di bawah NKEA. Saya balik kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai teguran Laporan Ketua Audit Negara mengenai 68 projek peningkatan ekonomi...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: NKEA.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan ini, saya habiskan ini. Yang dikategorikan gagal. Maka untuk makluman Yang Berhormat, tindakan siasatan sedang diambil secara menyeluruh kepada semua projek yang terbabit iaitu 36 yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih. Saya cuma hendak tarik selangkah ke belakang, masih berkenaan tender projek ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kebetulan saya semak jumlah projek di seluruh negeri Sarawak yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam tempoh berkempen pilihan raya negeri tempoh hari.

Saya perhatikan patennya, projek yang di tender, ada Yang Berhormat Pasir Salak. Cat surau RM40,000, buat pagar RM100,000, buat kolah masjid RM30,000. Itu tender. Yang tidak tender apa? Buat jalan RM180 juta, itu bagi sahaja. *Direct negotiation*. Statusnya, pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Agensi pemilik MKN, agensi pelaksana MINDEF. Itu cara jiwa murni. Status, dalam pelaksanaan ataupun belum mula ataupun separuh siap. Kemudian presatasi. *Detail* di sini. Patennya jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nilai projek RM2 bilion lebih. Kombinasi kedua-dua pemimpin ketika berkempen di sana dan bila saya ikuti setiap butiran projek ada atau tidak tender terbuka. Ada. Projek apa? RM40,000, RM50,000 itu tender terbuka. Daripada pilihan raya negeri baru-baru ini pertengahan tahun sampai sekarang ada ini. Dokumen tender sedang disiapkan. Akan di tender 1510, nilai projek RM45,000. Yang tidak di tender yang ratusan juta itu *direct negotiation*...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya sudah dapat konsep yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Bagi sahaja. Jadi, di sini yang kita maksudkan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh saya jawab Yang Berhormat?

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ada satu yang saya rasa tidak berapa kena di situ. Saya boleh senaraikan syarikat-syarikat yang dapat, orang yang sama. Kalau Menteri kementerian berkenaan pergi ke Sarawak dialah yang tunggu naik helikopter.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik Tuan Pengerusi, saya rasa itu bukan termasuk dalam kita punya bidang.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tunggu dan sebagainya. Statusnya apa? Jalan tidak siap. Sepatutnya progresnya berapa? Sebanyak 45 peratus. Status sekarang 5 peratus. Yang siap apa? Yang open tender siap. Cat surau, buat pagar, buat parit itu semua siap. Jadi, apa penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Machang. Tolong, kalau sekiranya didapati ada penyelewengan, tolong bagi tahu dan laporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Cepat, kita pun sama-sama...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, bagilah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Mahu jaga ketelusan dan juga konsep yang dibawakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, boleh?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Persoalan tentang tender terbuka dan tender tertutup ini satu hal tetapi ada juga masalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kementerian tidak dapat membuat keputusan sama ada membuat tender terbuka atau tender tertutup. Ini pun masalah juga. Saya bagi contoh dua perkara yang dimaklumkan di dalam laporan audit, yang mana apabila kita membuat penyiasatan ternyata ianya berlaku kerana kelewatan Kementerian Kewangan untuk membuat keputusan sama ada tender terbuka atau tender tertutup. Satu mengenai dengan sistem bagasi di KLIA. *Cost escalation because*, dengan izin, tidak mendapat keputusan daripada Kementerian Kewangan sama ada tender tertutup atau tender terbuka.

Satu lagi ialah tentang Program Satelit RazakSAT. Itu juga adalah satu masalah, di mana barang sudah sampai, *huge size* nya yang perlu dibeli dahulu barulah dibuat bangunan mengikut spesifikasi enjin-enjin dan juga jentera ini tetapi kerajaan tidak dapat membuat keputusan untuk membina bangunan itu secara tertutup atau terbuka. Ini harus diberi perhatian yang berat oleh kementerian.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Kota Belud dan sekiranya ada isu berkaitan dengan tender di bawah MOF dengan izin, *Ministry of Finance* atau Kementerian Kewangan tolong ajukan kepada Kementerian Kewangan.

Soalan daripada Yang Berhormat Pasir Mas supaya kerajaan memastikan penyertaan bumiputera dalam EPP. Projek EPP di bawah agenda bumiputera dalam PEMANDU. Untuk makluman Yang Berhormat, 43 peratus daripada pejabat MRT di bawah Greater Kuala Lumpur telah diperuntukkan untuk bumiputera. Selain itu, program-program khas di bawah TERAJU seperti TERAS dan dana mudah cara turut memastikan bumiputera di dalam projek EPP. Sebagai contoh untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kakitangan bumiputera dalam PEMANDU jumlahnya kakitangan adalah seramai 135 orang. Daripada jumlah ini 85 orang atau 63.4 peratus adalah pekerja bumiputera Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak.

Adakah benar bonus kakitangan PEMANDU diberi sebanyak tiga bulan? Pekerja ataupun staf PEMANDU diambil dengan cara GLC. Konsep penggunaan GLC dan berkontrak selama dua tahun, tiga tahun atau empat tahun. Maka *benefit* yang mereka dapati adalah mengikut kontrak-kontrak yang sama dengan GLC. Maka kadang-kadang pemberian bonus itu memang diadakan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, saya dengar tadi jawapan kononnya majoriti bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak tetapi itu jawatan apa. Saya bimbang, takut jawatan nanti jawatan yang bawah-bawah. Jawatan yang penting-penting, *key position* itu siapa yang pegang? Itu nombor satu. Kalau ada angka bumiputera, *alhamdulillah*.

Lepas itu bila saya tanya peranan PEMANDU dari segi memperkasakan ekonomi kaum bumiputera, saya boleh jawab MRT iaitu 43 peratus yang belum lagi, baru hendak buat. Lepas itu yang lain ditolak kepada TERAJU.

■ 1920

TERAJU, TERAJULah. Itu satu hal. Itu tanggungjawab TERAJU di bawah Majlis tindakan Ekonomi Bumiputera tetapi PEMANDU pun ada peranan. Saya bawa perkara ini sebab saya hendak membersihkan nama Kerajaan.

Ini dalam perbahasan saya bawa tetapi tidak dijawab. Kenyataan oleh Dewan Perniagaan Melayu di *post* kan dalam *website*, keluar dalam internet. Dahsyat kenyataan Dewan Perniagaan Melayu ini. Jadi kalau benda ini tidak benar, maka pihak PEMANDU patut jawab. Masukkan dalam *website*, orang boleh baca. Jangan diam begitu. Kalau tidak di bawah bermacam-macam pentafsiran.

Kerajaan tidak bantu Melayu, kerajaan pinggir Melayu *because*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut di sini. Panjang ini. Dia bagi statistik dengan diagram dengan *color* semua ini, cukup. Ini dengan *research*. Bukan kenyataan yang main-main. Cuba Yang Berhormat tengok ini. Bawah sekali ayat dalam bahasa Inggeris, saya baca, dengan izin Tuan Pengerusi, *"The disparity is very clear. At the current track and phase Malay business stand no chance against the non Malays and foreign firms. The widening of economy gap would not be good for the stability of the nation in the middle and the long term."*

Banyak disalahkan kepada PEMANDU. Setiap EVP program di umumkan berapa yang bumiputera dapat di bawah PEMANDU? Jangan cakap soal TERAJU. Soal TERAJU ini baru hendak membantu seribu seratus syarikat. Seratus yang apa dikatakan SMP. Seribu ini hendak cari, hendak tolong, hendak cari baru ini, hendak kumpul ini. Keadaannya bergerak pantas. Jadi nanti esok-esok, kalau berjaya seribu usahawan bumiputera, tetapi kalau diikut dari segi pembahagian kek ekonomi negara, dengar saya cakap ini. Saya harap dapat diberi perhatian. Kek ekonomi negara campur-campur yang seribu tidak sampai dua kali kalau kita banding dengan yang dapat yang dipunyai oleh korporat-korporat besar contohnya oleh kaum-kaum tertentu.

Ini yang saya bangkit supaya diperjelaskan sebab ini datang daripada Dewan Perniagaan Melayu. Jadi kalau datang dari Dewan Perniagaan Melayu, tentulah bila orang baca orang boleh percaya. Saya hendak baca ini panjang. Kalau saya baca ini lagi, dia sebut, *"Therefore we call on the Prime Minister to review the role of PEMANDU and to make the necessary changes in leadership and mechanism to ensure that the ETP is being implemented effectively."* Jadi ambil bawa balik bincang dalam mesyuarat. Saya tahu Yang Berhormat hendak jawab ini, *"Pandangan Yang Berhormat telah diambil kira, pandangan yang baik, pandangan yang boleh diterima."* Banyak kali saya cakap itu lah yang saya dengar jawapannya.

Jadi saya harap perkara-perkara ini di bawa dan saya hendak cadangkan Yang Berhormat kalau boleh perkara-perkara, kenyataan seumpama yang dikeluarkan dalam *website* internet, kakitangan kerajaan ada, tolong jawab. Beri penjelasan. Saya pun boleh bantu dari segi penjelasan di peringkat akar umbi supaya rakyat, orang ramai di bawah tidak keliru. Okey, terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik, terima kasih Yang Berhormat daripada Pasir Mas.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Dato' Timbalan Menteri. Timbalan Menteri. Timbalan Menteri boleh satu ayat?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik...

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Satu ayat. Satu ayat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Saya habiskan.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Masih lagi semangat yang sama. Satu ayat sahaja. Tuan Yang di-Pertua,..

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Satu ayat sahaja.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ya. Ayat dan koma sebagainya. Baik. Tajuknya ialah penglibatan bumiputera, Melayu ya. PEMANDU, TERAJU itu satu bab ya. Saya hendak bagi contoh. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri meyakinkan kita semua-semua dalam Dewan, berkenaan kesungguhan Kerajaan.

Ini jawapan rasmi Kerajaan bila saya tanya tentang penyertaan kontraktor Melayu, bumiputera, di Jambatan kedua Pulau Pinang. Ini RM4 bilion nilai projek sudah siap sudah 62 *percent*, sudah siap. Nilai projek, RM4 bilion. Penglibatan subkontraktor bumiputera Kelas 'F' - enam. Nilai projek RM1.5 juta. Ini celah kuku sahaja ini. Bagaimana Timbalan Menteri boleh meyakinkan kita PEMANDU kah, TERAJU kah, satu bab ya rancangan dan sebagainya. Ini depan mata, enam.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh saya jawab ya? Satu ayat sudah.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Ya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Yang pertama itu, kalau sekiranya ada kekangan dan masalah saya akui bahawa maklumat yang harus diberi itu perlu jitu kalau tidak mungkin ada salah faham di peringkat akar umbi. Sekiranya *website* dan juga artikel yang dikeluarkan oleh Dewan Perniagaan Melayu mengatakan butiran-butiran yang tidak secocok dengan apa yang ada di peringkat pelaksanaan. Mungkin ini akan menimbulkan kekeliruan. Maka saya, sebagai Timbalan Perdana Menteri di peringkat sana akan memastikan bahawa perkara ini dapat diperbetulkan dahulu, yang pertama.

Yang kedua, maka satu majlis penglibatan bumiputera telah diwujudkan oleh Perdana Menteri mengenai soal NKEA dan ETP kerana isunya telah banyak dibangkitkan dalam dialog di antara Yang Berhormat Perdana Menteri dengan badan-badan yang mewakili peniaga-peniaga bumiputera. Saya setuju lah bahawa. Saya tidak mahu cagak setuju nanti kata saya setuju pula.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak. Yang Berhormat kata...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: aya habiskan. Boleh tidak saya habiskan? Sekejap lagi. Maka, saya akan cari butiran-butiran yang diperlukan saya sudah beri. Cuma TERAJU itu, konsep TERAJU itu perlu difahami. Dia spesifik kepada SME ya, *small and medium enterprises*, di mana seribu seratus SME akan dinaikkan taraf mereka ke peringkat IPU. Teruskan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu saya faham. Yang saya sebut tadi PEMANDU. Ini kenyataan kedua yang dikeluarkan oleh Dewan Perniagaan Melayu dengan izin: *"There has been six announcements of ETP by PEMANDU task force and we are not impressed in fact we alarm by the scale in which bumiputera companies have been completely marginalize by the ETP."* Ini *official* daripada Dewan Perniagaan Melayu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Baik saya rasa mungkin, kenyataan itu adakah kita terima secara bulat-bulat ataupun kita lihat balik betul-betul apa yang berlaku di peringkat bawah, di dalam semua ETP, 12 subkontraktor yang diwujudkan itu. Subkontraktor Kuala Lumpur dan sebelas lagi yang penting. Itu sebabnya kita runding balik, kita bawalah Yang Berhormat boleh bawa cadangan-cadangan ini, kita bincang balik. Mana yang perlu diperkasakan. Baik saya teruskan ya. Yang Berhormat Tenom membawa isu pula mengenai pembangunan koridor di Sabah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bonus tadi macam mana, betul atau tidak? Bonus dan gaji.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Bonus dan gaji untuk apa?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bonus, betulkah tidak saya dengar..

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sudah saya menjawab tadi. Saya sudah jawab tadi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Macam mana?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sudah saya menjawab tadi bahawa dia menggunakan kaedah GLC kerana dia adalah pekerja-pekerja kontrak. Jadi, apa yang itu diberi tadi mengikut proses GLC..

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tadi pada cara jawabnya itu kita guna GLC. Cara jawablah. Maknanya betul-tallah itu maknanya. Yang Berhormat pusing-pusing. Jawab, jawablah senang-senang saja la.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya tidak ada. Mungkin dia berbeza-beza mengikut peringkat perjawatannya. Peringkat bawah sampai peringkat ke atas dia berbeza-beza. Jumlah bonus yang diberi mengikut perkhidmatan.

Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dari. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat .

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun].

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Katakan setahun ataupun tiga tahun atau dua tahun. Jadi, dia berbeda-beda, saya tidak ada pusing-pusing dan mungkin saya boleh beri secara bertulis.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya bangkit Yang Berhormat. Saya bangkit Yang Berhormat. Soal bonus ini, walaupun dijawab ini mengikut GLC..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat. Saya hendak bercakap dahulu Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham, saya duduk di belakang tadi, saya cuba *check mike* itu tidak jelas di belakang. Jadi, itulah sebabnya kalau hendak bercakap hala kepada saya baru dengar cakap saya, sudah la *mike* tidak baik, tetapi menghala kepada kawan-kawan kiri kanan itu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sudah biasa Tuan Yang di-Pertua. Sudah biasa macam itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau di New Zealand Yang Berhormat, boleh di bawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Okey, Yang Berhormat sikit lagi. Sikit lagi. Sikit. Ya, sikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebab menghala ke tempat lain.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak beritahu kepada Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Perkataan tuju kepada saya dia balik ke sana.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat. Saya hendak tanya Menteri dulu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak, tidak. Saya tanya Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya menghadap Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini saya punya. Kalau saya bercakap yang lain duduk. Itu mengikut peraturan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya menghadap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya bagi Yang Berhormat Pasir Mas untuk siapkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak, tidak. Dengar dulu. Dengar saya cakap dulu sebab..

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Saya, saya, saya..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Mas, duduk dahulu. Saya belum cakap. Itu elok. Bercakap tuju kepada saya tuju kepada Tuan Yang di-Pertua dan walaupun menjawab kawan-kawan di belakang. Jadi supaya apabila menerima arahan ataupun menerima teguran, dapat dilihat. Walaupun *mike* kita kurang jelas. Jadi saya hendak tanya satu sahaja. Panjang lagi jawapan Menteri?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak panjang. Cuma bila ada..

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sikit.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Gangguan tengah-tengah itu. Bukan gangguan la.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, sila. Bukan. Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Minta pandangan tentang..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu. Yang Berhormat Pasir Salak tunggu dulu. Nanti dulu. Yang Berhormat akan diberi peluang.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat Pasir Mas habiskan dia punya permintaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak ada. Saya bangkitkan perkara ini, yang bonus ini begini kerana saya dapat maklumat kakitangan kerajaan yang lain-lain datang mengadu pada saya kata ini PEMANDU dapat layanan istimewa. Dia sebut tadi kerana dia ikut kaedah GLC dan sebagainya.

■ 1930

Jadi ini *demoralize* kakitangan perkhidmatan awam termasuk kakitangan di EPU. Jadi kemungkinan pimpinan tidak tahu, saya hendak beri *feedback* supaya perkara ini boleh ditangani dengan baik supaya kakitangan kerajaan yang lain tidak rasa iri hati dengan kakitangan yang ada di PEMANDU. Sekian, terima kasih, itu sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak cakap pun tuju di sini, bukan Menteri sahaja yang tuju ke saya. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya menghadap Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Betul tu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin juga menyampaikan hasrat kepada Menteri dan kerajaan, harapan besar kita. Sudah tubuh PEMANDU, TERAJU dan sebagainya...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Senaj]: Pandu elok-elok.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Ketawa*] Pandulah, ada lesen atau tidak, pandu elok-elok. Maksud saya, jurang perbezaan pegangan ekonomi ini begitu luas sekali. Bumiputera tidak sampai pun 3 peratus secara individu, cuma kalau dikumpulkan agensi, institusi dan sebagainya mungkin boleh disebut ada pemilikan 20 peratus lebih, pun tidak mencapai sasaran kita lagi. Apatah lagi kalau 5 peratus atau 3 peratus, ini bermakna ada satu tuntutan besar ke atas PEMANDU ataupun TERAJU untuk benar-benar melaksanakan gagasannya itu, usaha itu dengan berlipat kali ganda lagi. Kalaulah Dewan Perniagaan Melayu membangkitkan masalah ini begitu rupa, bermaknanya apalah harapan kita.

Betullah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara dasarnya hendak membantu, hendak meningkatkan dan sebagainya tetapi kita tahu Yang Amat Berhormat pun dia banyak kerja, banyak tugas yang lain, dia beri mandat, beri tanggungjawab kepada agensi-agensinya ini. Janganlah diabaikan.

Saya lihatlah banyak perkara-perkara berhubung dengan projek ekonomi ini yang kita lihat pihak-pihak kerajaan atau pegawai kerajaan di tempat-tempat tertentu termasuk *Economic Planning Unit*, termasuk di MOF, termasuk di banyak tempat lagi tidak begitu memberikan penumpuan yang kuat untuk melaksanakan matlamat ini. Kalau begitu, 20 tahun lagi pun masih ketinggalan dari segi pegangan ekonomi untuk bumiputera.

Keduanya ringkas sahaja berhubung dengan skim gaji PEMANDU. Alasan Yang Berhormat, mereka ini diambil secara kontrak. Itu alasan tidak boleh dipakai. Ada orang kata ini diambil secara kontrak sebab itu bagi skim GLC. Jadi apa logiknya? Tidak ada logik. Lagi satu kalau itu hendak memberi justifikasi untuk memberikan *remuneration* atau bonus dan sebagainya seperti profesional dalam syarikat swasta, apa sumbangan mereka dari segi keuntungan. Dari segi pegawai-pegawai PEMANDU mereka tidak ada *profit and loss statement*, tidak ada *bottom line* menunjukkan mereka itu berprestasi tinggi, menghasilkan keuntungan sekian-sekian banyak. Jadi macam mana KPI atau *performance evaluation* dibuat terhadap mereka? Ini satu persoalan, mungkinlah dinilai dari segi idea tetapi kalau dari segi idea pun, dari segi strategi, dari segi kepintaran dan kepakaran kita tengok pencapaiannya Dewan Perniagaan Melayu masih lagi mengharapakan. Mana KPInya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Menteri boleh jawablah. Memang saya dengar dari dua-dua ini, daripada sini pun ada, saya sendiri pun ada orang jumpa berhubung dengan Kelas 'F' kontraktor khususnya, mestilah cari mekanisme supaya mereka ini boleh dibantu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya saya bawa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom mengenai Sabah. Peluang-peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan kepada rakyat Sabah melalui UKAS ataupun *Sabah Development Corporation*. Saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Tenom supaya bersama saya pada minggu depan untuk bincang dengan *Sabah Development Corporation* untuk kalau sekiranya beliau ada cadangan-cadangan kerana sekarang SDC telah pun menerokai pelbagai bidang khususnya tiga bidang utama untuk mencari peluang-peluang perniagaan secara besar-besaran di Sabah. Sekiranya beliau ada cadangan-cadangan lain, kita boleh sama-sama lihat peluang itu dapat diperkembangkan.

Yang Berhormat daripada Batu Gajah telah menanyakan mengenai peruntukan khas di Batu Gajah sebanyak RM2.4 juta sedangkan yang disediakan adalah RM5.7 juta. Untuk makluman Yang Berhormat dari Batu Gajah, ingin dikatakan bahawa sekiranya RM2.4 juta dibelanjakan, maka itulah projek-projek yang telah dilaksanakan di peringkat sana. Sekiranya ada projek-projek yang tidak dilaksanakan, maka tidak adalah peruntukan yang diturunkan di situ. Projek-projek yang dilaksanakan melalui agensi-agensi yang telah diamanahkan di peringkat daerah dan negeri...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sambung tentang peruntukan?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sudah, sudah, saya masuk Yang Berhormat Kinabatangan. Minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak sebab...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik, berkenaan permohonan tiga batang jalan itu mengenai Jalan Woh, Jalan Sua Lambak dan Jalan Sinar Jaya. Sekiranya ada permohonan untuk dipertimbangkan saya minta supaya Yang Berhormat itu mengajukan cadangan itu.

Seterusnya kita ada Yang Berhormat dari Sungai Siput dan Bukit Mertajam yang menimbulkan isu peruntukan khas Parlimen, memberi kuasa kepada Ahli Parlimen atau menguruskan peruntukan tersebut. Tadi Yang Berhormat Pasir Salak telah banyak berbincang dan berbahas mengenainya sebelum ini. Maka saya rasa, saya ucapkan terima kasih cuma beliau membawa konsep sistem feodal dan ini akan memberi kuasa yang keterlaluan untuk ahli-ahli yang diberi bidang kuasa sebegitu. Sebenarnya tidak begitu kerana kita ada konsep pilihan raya di mana rakyat akan memilih, menilai. Kedua, persepsi itu adalah satu yang diwujudkan. Maka saya minta supaya Yang Berhormat menilai semula. Kalau sekiranya ada penyalahgunaan, maklumkanlah dan ada agensi-agensi, beliau sendiri pun tahu bagaimana hendak membuat laporan mengenai keadaan begitu.

Akan tetapi pegawai kemajuan negeri secara keseluruhannya akan memantau pelaksanaan projek-projek ini, tidak boleh dibuat secara sewenang-wenang, ada mekanismenya. Maka Yang Berhormat pun tahu mengenai hal itu.

Baik, Yang Berhormat Sungai Siput ingin juga mengetahui mengenai peruntukan belanja mengurus di bawah Butiran 020200 – Perancangan Ekonomi. Peruntukan untuk menjalankan seminar, kursus berkaitan dalam bidang ekonomi bagi pegawai-pegawai EPU, JPM dan Kementerian Kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, NEAC adalah satu badan perunding yang memberi pandangan kepada EPU yang mempunyai konsultannya sendiri kalau sekiranya hendak menerokai sesuatu bidang tertentu yang khusus dan spesifik ke arah membawa Malaysia ke peringkat yang berbeza, ke negara maju. Maka segala panel penasihat, baru-baru ini contohnya kita mengadakan *International Advisory Panel* dengan izin, mengenai *digital transformation*. Transformasi terbaru yang dibawa oleh Perdana Menteri kita iaitu *digital transformation*. Maka ramai pakar dari *Silicon Valley* seluruh dunia telah selama dua hari bersidang untuk melihat semula bagaimana kekuatan dan kelemahan Malaysia dan bagaimana hendak memperkasakan. Maka untuk semua bidang ini memang ada untuk makluman Yang Berhormat daripada Sungai Siput. Maka kerajaan tidak membuat sesuatu begitu sahaja, itu sebab kita ada peruntukan-peruntukan khas untuk konsultasi dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Mertajam telah menanyakan mengenai penetapan gaji minimum untuk penyelarasan program pembasmian kemiskinan. Untuk butiran ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ianya merangkumi banyak perkara-perkara lain, bila kita kata kemiskinan, kita ada aspek kebajikan, infrastruktur asas, awam, peningkatan ekonomi dan modal insan. Maka keseluruhan itu diambil kira sebagai kesejahteraan rakyat dan meningkatkan taraf hidup. Maka khususnya pendapatan gaji minimum adalah satu proses yang tengah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia dan saya rasa kemajuannya begitu menggalakkan.

■ 1940

Bagi Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan iaitu mengenai Butiran 98000 mengenai *Malaysia Nuclear Energy*. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya cikgu Tuan Pengerusi, kadang-kadang terus kepada anak murid tiba-tiba hendak pandang balik. Minta maaf Tuan Pengerusi.

Adakah kerajaan akan meneruskan projek loji nuklear. Keduanya, tidakkah akan membazirkan peruntukan RM122.5 juta jika projek loji nuklear tidak diteruskan. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kerajaan belum membuat keputusan melaksanakan projek loji kuasa nuklear tetapi masih menjalankan kajian terperinci dan kajian terperinci ini Tuan Pengerusi begitu *costly*, dengan izin. Maka hasil kajian terperinci berkenaan masih belum digunakan untuk projek pembangunan lain. Jika projek loji nuklear tidak dilaksanakan kerana kajian berkenaan adalah mengenai kesediaan struktur sedia ada maka ini perlu diketahui. Maka untuk itulah kajian ini. Kajian ini meluas sekali kerana melibatkan pakar-pakar antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin beritahu bahawa di Perancis hampir 40 peratus daripada jana tenaganya datang daripada *renewable energy*, dari *nuclear source*. Ini kerana masa depan dunia dari segi tenaga akan begitu tercabar kerana kekurangan *fossil energy* dan sebagainya. Maka saya rasa cadangan mengadakan referendum akan diambil kira seperti mana yang ditanyakan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan Yang Berhormat Batu. Sabar – yang diambil kira dalam pelan komunikasi dan penglibatan umum bagi tenaga nuklear yang akan dilaksanakan oleh juru perunding antarabangsa berpengalaman yang akan dilantik kelak nanti. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu nuklear ini bukan isu *renewal energy*. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata itu *clean energy* mungkin saya boleh setuju tetapi ia bukan sejenis *renewal energy*. Isu sekarang ialah kita telah sepatutnya mempunyai satu *energy strategic paper* yang sebelum kita dapat ini, apa gunanya kita membelanjakan berbilion-bilion atau berjuta-juta untuk mengkaji supaya nuklear ini sebagai salah satu pilihan? Kalau kita ingin *consult* kita perlu ada strategi sendiri. Kalau tidak *you consult* pakar dari nuklear mestilah dia kata nuklear itu baik.

Kalau *you* tanya hidro, dia akan kata hidro baik. Kalau kita membelanjakan ini dia tidak akan dapat apa-apa. Apa yang kita perlu sekarang ialah satu *strategic paper* tentang *the future of our energy* bukan *study*...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasihlah. Kita ada dasar tenaga negara dan bila ada butiran mengenai kementerian berkenaan tolong bawakan tetapi saya hendak khusus kepada perbelanjaan yang dibuat. EPU akan membuat kajian. Pelaksanaan itu kementerian tertentu.

Tuan Pengerusi, isu ini isu yang cukup serius. Perlu pemerhatian, perlu perancangan dan pandangan jauh. Seterusnya Yang Berhormat daripada Kuantan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya setuju.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Satu helai sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, nanti bila kementerian itu sampai...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Satu ayat sahaja. Kenapa tidak kita terus *transferkan* keseluruhan peruntukan ini kepada Menteri berkenaan? Kenapa pejabat Perdana Menteri harus campur tangan dalam isu ini?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Batu bahawa tenaga ini adalah merangkumi, merentasi semua kementerian. Ia bukan satu kementerian. *So please come over and discuss with me*, dengan izin.

Baik, kita teruskan kerana *dislocation* akan membawa kekeliruan dan kekaburan. Baik, kita teruskan. Yang Berhormat daripada Kuantan menanyakan mengenai *disaggregated gender budget*. Ini canggih dia punya bahasa, tidak dapat dilaksanakan kerana data sosial demografi tidak diberikan mengikut gender oleh Jabatan Perangkaan. Semua data yang berkaitan penduduk yang diproses oleh Jabatan Perangkaan termasuk tenaga kerja telah sedia mengikut pecahan jantina atau gender sejak data tersebut mula disediakan oleh jabatan berkenaan. Malah data sosial yang dikumpulkan daripada kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan iaitu *enrolment* di sekolah dan IPT serta guru diberi mengikut gender.

Data penduduk guna tenaga dan penganggur telah dimuat naik dalam web Jabatan Perangkaan malah *gender index* yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah sedia dengan data mengikut gender yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan. Jadi saya minta Yang Berhormat untuk merujuk kepada web yang berkenaan dan akhir sekali saya membawa kepada soalan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Apakah RM20 juta bajet untuk Talent Corporation? Untuk makluman Yang Berhormat, untuk *operational cost* bagi Talent Corporation stafnya - 67 peratus; *support system services* - 9 peratus; dan *office rental expenses* - 12.5 peratus; *consultancy services* dan program - 11.5 peratus. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan perbelanjaan kali ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,524,538,900 untuk Kepala B.1 hingga B.9 dan B.40 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2012 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM7,771,554,800 untuk Maksud P.6 dan RM56,280,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2012 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,771,554,800 untuk Maksud P.6 dan RM56,280,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2012.

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2012] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kepala Pembangunan B.10, B.11 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan, terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Machang.

7.47 mlm.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Peluang ini saya gunakan dengan memetik Butiran 95000 - *1Malaysia Development*.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada wawancara antara Ketua Pegawai Eksekutif *1Malaysia Development*, Encik Shahrol Halmi yang tertera dalam akhbar *The Malay Mail*. Ketika ditanya tentang berapa banyakkah dana kerajaan yang telah disuntik kepada *1Malaysia Development*. Jawapan Ketua Pegawai Eksekutif ialah *1Malaysia Development has never received any cash injection from the government beyond its initial RM1 million paid-up capital*. Dia tidak pernah terima sebarang suntikan dana daripada kerajaan melebihi RM1 juta.

Pada muka surat 188 Butiran 95000 ini peruntukan perbendaharaan untuk *1Malaysia Development* ialah RM400 juta daripada jumlah anggaran keseluruhannya RM1.1 bilion. Ini saya memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang ada di dalam Dewan masa ini ya. Itu satu.

■ 1950

Kedua ialah semakan terhadap Laporan Audit *1Malaysia Development* memaparkan sejumlah keuntungan RM439.83 juta. Akan tetapi dalam laporan audit itu tidak dimaklumkan sumber keuntungan tersebut. Cuma bila saya baca dalam wawancara Ketua Eksekutif *1Malaysia Development Bank*, disebut keuntungan itu dicapai dalam tempoh yang sangat singkat, ditanya, "*How did 1Malaysia Development achieve this?*". RM439.83 juta tadi ya. Jawapannya ialah, datangnya daripada *disposal of investment* di dalam *joint-venture company* dengan PetroSaudi, baik. Kita inginkan penjelasan lanjut berkenaan dengan pelaburan dalam bidang apa, yang membawa keuntungan dalam tempoh yang sangat singkat. PetroSaudi sebenarnya tidak banyak diketahui tentang kewibawaan syarikat ini. Itu perkara kedua berkenaan dengan *1Malaysia Development Board*.

Pada masa yang sama, saya juga ingin melontarkan beberapa pertanyaan. Apakah kerajaan ada memberikan status pengecualian cukai kepada *1Malaysia Development*? Apakah kerajaan memberi pengecualian sepenuhnya kepada *1Malaysia Development* dan apakah rasional kerajaan dalam hal ini? Ini perlu kerana apabila kita menyemak dalam Laporan Audit *1Malaysia Development Berhad* ini kita dapati bahawa pelaburannya di dalam beberapa sektor itu tidak banyak diketahui dari sudut aktiviti.

Pada ketika Perbendaharaan memperuntukkan dana yang cukup besar, sudah tentulah laporan audit yang dibuat terhadap akaun *1Malaysia Development Berhad* itu tidak menceritakan sepenuhnya. Jadi, saya percaya sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Bachok boleh membantu Dewan dalam memberikan penjelasan ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh minta penjelasan, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya tertarik dengan fakta tadi, cuma saya tanya Yang Berhormat Machang. Dalam laporan ini juga, dalam anggaran belanjawan ini juga ada dinyatakan dengan jelas ada peruntukan yang bakal diberi pada tahun hadapan iaitu 2013, juga angka yang sama iaitu RM400 juta. Peruntukan RM800 juta yang terbaru itu dipecahkan secara jelas untuk satu tahun 2012 dan juga 2013 dalam angka yang sama, menjadikan peruntukan RM800 ribu dan makanya angka RM1.11 bilion itu adalah yang telah pun diperuntukkan dengan khusus untuk jangka masa sekurang-kurangnya tiga tahun.

Lanjutan daripada itu saya hendak tanya Yang Berhormat Machang. Pandangan Yang Berhormat Machang ya. Keuntungan yang dikatakan dilaporkan dalam laporan audit dan juga disebut oleh pihak berkuasa 1Malaysia Development Berhad yang mengatakan bahawa keuntungan RM439 juta menyatakan bahawa keuntungan ini dalam bentuk *capital gain* yang jelas tidak ada bidang pengenaan cukai yang akan dikenakan kepada 1Malaysia Development Berhad. Persoalannya, saya hendak bertanya Yang Berhormat Machang, adakah perlu kerajaan memberi layanan sebegitu tinggi, sebegitu besar kepada 1Malaysia Development Berhad sedangkan mereka ini sudah tentu keuntungan ini, tidak subjek dalam pengenaan bidang cukai kerana *capital gain*, apatah lagi tentang keuntungan yang disebut *asset disposable* tadi di luar negara. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Machang. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya daripada Indera Mahkota. Makanya tadi, saya membangkitkan persoalan di awal membicarakan dan menyentuh di bawah butiran 1Malaysia Development Berhad ini kerana Ketua Pegawai Eksekutifnya kata tidak ada *capital injection* melebihi RM1 juta. Itu dalam *Malay Mail*, 11 Oktober 2010. Akan tetapi dalam peruntukan Perbendaharaan ini angka itu besar. Yang kedua tadi seperti disinggung oleh sahabat saya dari Indera Mahkota, apakah ada satu keistimewaan yang diberikan kepada syarikat ini yang munculnya agak mendadak dan tiba-tiba serta mendapat keuntungan yang cukup besar.

Tidak salah kalau dia melakukan *disposal of investment*, cuma kita ingin tahu, barangkali syarikat-syarikat GLC yang lain boleh belajar daripadanya. Dia mengeluarkan bon RM5 bilion dalam tempoh 30 tahun, *Islamic Medium Term Notes* ini dan keyakinan pembeli bon itu tinggi sebab itu ia dapat membiayainya. Lalu kalau kita tengok, mereka juga mempunyai perkongsian yang cukup baik, a *solid partnership* dengan PetroSaudi ini.

Dia tentulah hendak memanfaatkan jaringan (*networking*) antarabangsa PetroSaudi terutamanya dalam industri tenaga di rantau-rantau lain. Jadi, ini antara perkara yang Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya percaya bersedia untuk berkongsi maklumat kepada kita di dalam Dewan ini apalagi kerana dia memberikan komitmen yang besar, Tuan Pengerusi, kepada program CSR, itu RM100 juta, besar. Kalau dia mampu memberikan dana bantuan CSR yang begitu besar, maknanya keupayaan kewangannya itu kukuh. Pada masa yang sama, peruntukan Perbendaharaan kepada syarikat ini juga agak besar. Kalau tahun ini RM400 juta, CSR dia RM100 juta. CSRnya itu mewakili 25 peratus, tinggi itu. Lain-lain syarikat 5 peratus pun sudah cukup besar.

Butiran kedua Tuan Pengerusi ialah Butiran 030200 di bawah subtopik Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan, Penswastaan. Saya merujuk terus kepada projek *second Penang Bridge* yang menggunakan *special purpose vehicle* iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang (*Second Bridge*). Itu adalah syarikat Menteri Kewangan diperbadankan.

Ada beberapa perkara yang saya hendak penjelasan. Yang pertama yang saya faham ialah Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ini bertanggungjawab membentuk, membina, mengendali, menyelenggara dan akhirnya mengutip tol menerusi kaedah B.O.T (bina, kendali, pindah). Tempoh konsesinya adalah 45 tahun. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia berkongsi pada tahap ini, formula kadar tol yang akan dikenakan kerana jambatan ini sudah pun mencapai tahap siap 62 peratus, melampaui tahap yang sebenarnya 61 peratus. Maknanya, ia mengikut jadual dan tanggungjawab untuk mengutip tol konsesi selama 45 tahun adalah kepada Jambatan Kedua Sdn. Bhd. Kita ingin tahu apakah formula yang akan memberikan nilai kadar *charge* yang akan dikenakan terhadap jambatan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga di bawah butiran ini, tadinya menyentuh berkenaan dengan pembabitan subkontraktor bumiputera Kelas 'F' yang sangat kecil. Ini adalah jawapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya terhadap soalan saya minggu lepas. Subkontraktor Kelas 'F' itu nilai kerjanya cuma RM1.5 juta. Di Pulau Pinang ada 1,800 kontraktor Kelas 'A' dan Kelas 'F' Tuan Pengerusi. Kalau Kelas 'F' ini cuma enam dan RM1.5 juta sahaja nilai projek daripada projek sebesar RM4 bilion lebih ini, saya fikir ada sesuatu yang tidak kena di sini yang memerlukan penjelasan yang lebih bertanggungjawab daripada pihak kerajaan.

Terakhir Tuan Pengerusi adalah Butiran 021000 iaitu IWK.

■ 2000

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Bengkel Pelan Strategik Industri Perkhidmatan Pembedungan Negara pada 29 Mac 2011. Saya telah membaca dapatan daripada bengkel pelan strategik tersebut yang antaranya mengandungi dua cadangan utama. Pertama, hendak dijenamakan semula IWK dengan menubuhkan sebuah syarikat baru yang diberi nama Nascom untuk mengambil alih IWK. Kedua ialah menggabungkan semua badan yang bertanggungjawab mengurus industri kumbahan termasuk Jabatan Perkhidmatan Pembedungan dalam syarikat baru tersebut. Ada dua isu di sini.

Pertama ialah Jabatan Pembedungan Negara ini adalah jabatan yang memainkan peranan penting untuk menyemak prestasi dan sebagai fungsi *check and balance*, timbang tara. Kalau sekiranya jabatan ini ditiadakan, sedangkan *workforcenya* cuma 167 orang berbanding dengan IWK yang hampir 10,000 orang, dan kerajaan telah pun menggunakan dana rakyat sejumlah RM1.2 bilion untuk menyelamatkan syarikat ini. Dalam peruntukan IWK tahun ini, Perbendaharaan memperuntukkan RM225 juta. Jauh lebih besar berbanding tahun lepas iaitu RM150 juta, tahun sebelumnya RM150 juta, tahun sebelumnya RM150 juta. Ia sudah menjadi semacam *the Black Hole of Calcutta*. Tidak ada jalan keluar terhadap kemelut ini.

Dalam suasana itu pun, saya percaya bahawa cadangan yang dibincangkan dalam Bengkel Pelan Strategik yang dokumen itu sampai kepada saya, soal menjenamakan semula itu semacam menunjukkan tidak ada kesungguhan di pihak kerajaan untuk benar-benar menyediakan jawapan terhadap isu IWK ini. Satu, dana rakyat sudah banyak diguna pakai. Kedua, prestasi IWK dalam Laporan Audit adalah termasuk GLC yang rugi. Ketiga, ia masih bergelut dengan masalah teknologi yang rendah, mutu perkhidmatan yang masih lagi bermasalah.

Dalam keadaan itu, kita terus memberi peruntukan dana yang besar dan ada satu sahaja jabatan yang bertindak sebagai timbang tara, itu pun hendak ditiadakan. Apakah benar idea ataupun dapatan daripada bengkel ini yang diura-urakan akan dilaksanakan? Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat, saya hendak bagi nasihatlah ya. Kalau tanya dalam soalan Jawatankuasa ini, kalau orang mengemuka, dia tidak boleh bagi minta penjelasan kerana Ahli Yang Berhormat itu hendak bertanya sebenarnya. Jadi tidak bolehlah dia pula yang diperjelaskan melainkan *statement* Yang Berhormat itu tidak jelas kepada dia. Jadi bagi saya *intervention* ini memang tidak sesuai dalam soalan Jawatankuasa. Oleh sebab itulah kena bagi 10 minit sahaja. Sila Yang Berhormat.

8.03 mlm.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.10 - Butiran 060300, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian mengenai dengan status agen penghantaran, *forwarding agent*. Jadi rasa saya kita semua tahu pada bulan Oktober 2007 iaitu permohonan atau kelulusan bagi agen-agen penghantaran yang baru ini telah dibekukan. Pembekuan itu sampai sekaranglah telah diadakan. Kesan daripada itu, ramai mereka yang berminat untuk menjadi agen ini telah tidak dapat menjadi agen. Mereka terpaksa menumpang kepada agen-agen yang lain yang masih ada lesen ini. Jadi, ini memberi kesan kepada mereka yang bercadang untuk menjadi agen.

Jadi saya mohonlah pihak kementerian agar membuka semula pembekuan ini agar lebih ramai pemain-pemain baru yang hendak menjadi agen-agen penghantaran ini dapat memohon semula. Ini kerana saya rasa ramai juga mereka yang bekerja dalam bidang ini terpaksa membuat kerja-kerja lain. Walaupun mereka berminat tetapi kerana mereka tidak dapat lesen dan kalau mereka hendak memohon kerja-kerja dengan kerajaan, kerja-kerja penghantaran melalui kerajaan, mereka tidak dapat hendak buat begitu kerana mereka tidak ada lesen. Jadi saya mohon penjelasan sekali lagi daripada pihak kementerian, apakah status pembekuan ini dan kita berharap dapat dibuka semula.

Keduanya Maksud B.11, Butiran 021700 – Pelaksanaan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam di Lembah Klang. Di bawah butiran ini, sebanyak RM316 juta diperuntukkan pada program di atas tadi.

Pada 1 November iaitu semalam, Hentian Bas Klang yang beroperasi sejak 41 tahun lalu telah diberhentikan operasinya bagi memberi laluan kepada pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Klang. Kadangkala demi pembangunan mahupun keselesaan pengguna, kita terpaksa berkorban pada sesuatu tempat untuk memberi laluan bagi kebaikan jangka panjang. Saya mengalu-alukan dasar kerajaan. Akan tetapi yang paling penting, kebajikan rakyat juga perlu dijaga.

Saya mendapat maklum ada rungutan berlaku di kalangan peniaga di sekitar Hentian Bas Klang. Mereka sudah lama berniaga di situ tetapi saya agak hairan mengapa tiada perbincangan awal di antara peniaga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan wakil-wakil MRT dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Apakah mereka tidak dimaklumkan bagi membincangkan mengenai kelangsungan aktiviti perniagaan mereka? Jadi saya pohon supaya kerajaan melihat perkara ini secara serius.

Di samping itu, saya juga hendak bertanya mengenai laluan MRT yang mana laluan tersebut juga berdekatan dengan Parlimen Malaysia. Saya mendapat maklum stesen MRT berada di Jalan Duta yang mana hanya lebih kurang 800 meter sahaja dari kawasan Parlimen ini. Saya cuma hendak tahu, apakah ada jalan penghubung seperti jejantas atau terowong (*tunnel*) antara stesen MRT itu dengan kawasan Parlimen? Sekiranya tidak ada, saya cadangkan supaya diadakan bagi memudahkan juga kepada staf dan juga Ahli-ahli Parlimen, mungkin selepas ini ada yang hendak naik MRT untuk datang ke Parlimen, dapat menggunakan sistem pengangkutan awam ini. Termasuk juga mungkin Pengerusi SPAD pun boleh naik MRT juga selepas ini untuk datang ke parlimen di samping orang-orang awam dan yang lain-lain. Jadi ini mungkin boleh mengurangkan kesesakan kereta di kawasan Parlimen.

Akhirnya ialah Maksud B.12, Butiran 110000 - Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin atau biasa dipanggil KWAPM. Di bawah butiran ini, lebih RM200 juta diperuntukkan. Saya melihat pelajar-pelajar miskin terus diberikan perhatian serius kerana mereka ini adalah kelompok modal insan kepada pembangunan negara. Cuma apa yang saya hendak bangkitkan ialah masih banyak sekolah yang gagal mengenal pasti pelajar miskin yang tidak didaftarkan dalam e-Kasih tetapi mereka ini memenuhi syarat kelayakan untuk menerima bantuan KWAPM. Jadi saya hendak tahu apakah sistem yang diguna pakai pada setiap sekolah di negara kita?

Kalau kita lihat pada tahun lalu, seramai 631,080 pelajar menerima bantuan KWAPM ini membabitkan lebih kurang RM160,156,500 rasa saya dengan menggunakan data e-Kasih. Pada masa yang sama, sekolah diberi mandat untuk melalui sebuah jawatankuasanya untuk menapis permohonan. Jadi soalan tapisan juga menjadi masalah besar kerana saya mendapat maklum ada yang tapisan itu tidak telus. Saya mendapat maklum ada juga anak cikgu pun menerima KWAPM. Jadi saya mahu memastikan sistem tapisan benar-benar telus dan berintegriti.

Saya hendak tanya bagaimana pula kaedah penggunaan Sistem Maklumat Murid (SMM) yang diguna serentak dengan e-Kasih secara serentak bagi melancarkan proses pemilihan penerima bantuan KWAPM selain Program Rancangan Makanan Tambahan Sekolah (RMTS).

■ 2010

Sekiranya belum dilaksanakan, saya mencadangkan supaya ia dilaksanakan secepat mungkin demi kepentingan kumpulan sasar. Soal yang penting sekarang ialah kita tidak mahu pelajar daripada keluarga miskin tercicir lagi. Malahan saya juga mahu kementerian mengambil kira semua aspek dan akan memastikan golongan sasaran yang layak menerima kemudahan ini tidak tercicir daripada senarai, tidak kiralah latar belakang pelajar tersebut. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Kewangan juga bekerja penuh dengan Kementerian Pelajaran untuk memastikan program ini betul-betul memberi kesan dan impak yang besar kepada masyarakat. Dengan itu saya pohon menyokong.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

8.11 mlm.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.10 Butiran 030000 dan Butiran 030300 – Kawalan dan Pemantauan. Butiran 030200 – Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan dan Penswastaan sekali gus.

Tuan Pengerusi, pertamanya dalam soal kawalan dan pemantauan pihak Kementerian Kewangan terhadap syarikat-syarikat GLC ataupun syarikat-syarikat yang kerajaan mempunyai kepentingan. Saya hendak tanya macam mana? Saya tanya ini, saya hendak mulakan dengan memberi sedikit latar belakang iaitu saya baca daripada majalah, *magazine* terbaru *Malaysian Business*, Ogos 16, 2011 – *Dishing Out the Goodies*.

Daripada 630 *listed company*, dengan izin, hanya 127 *company* yang mempunyai CEO kaum bumiputera Melayu. Kerajaan ada 35 GLC ataupun apakah angka ini betul? Daripada 35 hanya 25 mempunyai CEO daripada orang Melayu. Jadi, 127 *listed company* Tuan Pengerusi dan 25 yang saya sebutkan tadi daripada GLC hanya 102. Soalnya Tuan Pengerusi, saya tanya tadi soal kawalan. Pertama dari segi kawalan. Saya hendak tanya dari segi betul..., mereka ini syarikat swasta tetapi dari segi imbuhan, elaun yang dibayar kepada CEO ini. Bila saya baca Tuan Pengerusi, wah! Hebat betul. Ahli Parlimen gaji RM6,000 sebulan, setahun RM36,000 sahaja. Cuba baca, kalau saya hendak baca senarai ini panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli Parlimen itu sama dengan SUSK Timbalan Menteri Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Betul. Itu sahaja. Orang meninggal di kawasan sepuluh orang sehari, kita sedekah RM50 sudah RM500 dan kalau sebulan RM15,000, itu baru orang mati.

Seorang Ahli: Yang kahwin?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang kahwin tidak masuk lagi, yang sakit tidak masuk lagi. Senarai ini ada dengan saya, ada sampai RM6 juta, RM4 juta, RM3 juta elaun CEO. Senarai penuh ini ada. Saya hendak minta boleh tidak jelas Yang Berhormat, kalau tidak ada jawapan masa menggulung nanti bagi bertulis ataupun berilah sebahagian, jumlah GLC ini dan gaji dia. Sebab Tuan Pengerusi bukan sahaja dibandingkan dengan Ahli Parlimen, saya rasa dengan Yang di-Pertuan Agong pun mahal gaji CEO sesetengah syarikat.

Dengan Raja-Raja Melayu, cuba kita bayangkan Tuan Pengerusi kita ada KSN, Gabenor Bank Negara, Ketua Turus Angkatan Tentera, Ketua Polis kita ambil yang penting-pegawai ini. Berapa gaji dia orang? Akan tetapi tengok gaji di kalangan CEO dan pegawai-pegawai di bawahnya berapa orang pun lebih hebat daripada yang lain-lain. Apa ini? Apakah kerajaan tidak ada *guideline*? Sehingga kalau kita tengok dividen yang dia orang bayar ini tidak sampai pun jumlah *lump sum* yang dibayar kepada *directors* di Malaysia dan sesetengah ini. Saya malas hendak buang masa sebab ada didedah, dikeluarkan dalam *Malaysian Business* Ogos 2011, baru dua bulan.

Saya hendak sebut Tuan Pengerusi, di hadapan majalah ini bertajuk, "*Dishing Out the Goodies*." Dia sebut dengan izin, "*Director remunerations continued to rise last year on the back of a more favorable outlook as economies emerged from the global slow down of 2008/2009. Collectively, the 630 companies on the list paid out a total of RM1.97 billion to their directors in 2010. Up RM1.8 billion a year earlier (note that the earlier list contained 628 names) but the top 20 companies the total paid out in 2010 was RM455.6 million, up 22 peratus from 2009.*" Kalau kita ambil 630 *company* campurilah *second man*, *third man* dalam *company* ini mungkin 1,000 sahaja RM1.97 bilion.

Saya hendak menyetepikan soal *listed company* yang kepunyaan swasta tetapi itu pun pihak Kementerian Kewangan kena ada kawalan. Ini kerana ada *listed company* yang bukan GLC. PNB ada saham, Tabung Haji ada saham, EPF ada saham. Jadi kalau kita tengok ini Tuan Pengerusi, memang dunia ini memang tidak adillah. Betul-betul tidak adil. Jadi patutnya Kementerian Kewangan dalam soal kawalan imbuhan kepada *director* syarikat-syarikat GLC ini kena ada garis panduan. Garis panduan maksudnya kalau syarikat itu besar sedikit mungkin ini dia punya *level*. Kalau yang kategori 'B' *level* ini, kategori 'C' *level* ini, dia ada tiga kategori.

Kalau mereka buat untung bagilah bonus, bagi insentif. Bonus itu pula bukan kepada CEO sahaja, bukan kepada Pengerusi Eksekutif sahaja terlibat seluruh warga syarikat GLC demikian. Sebab itu kakitangan GLC yang rendah-rendah ini yang jadi ramai anti kerajaan. Dia tahu yang atas dapat imbuhan tinggi, mereka tidak dapat apa-apa pun, gaji pun serupa dengan kakitangan kerajaan. Saya rasa sudah *the right time, government have to address this issue*. Ini kerana betullah kita tidak hendak campur tangan, ini hak dia orang. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bila mereka hendak menentukan elaun syarikat GLC ini dan sebagainya, dia rujuk kepada Kementerian Kewangan. Di mana kawalan Kementerian Kewangan?

Kalau yang kerajaan punya bukan main lagi sistemnya, kena pergi ke Kementerian Kewangan. Kalau RM50 juta ke atas Kementerian Kewangan, macam-macam syarat. Akan tetapi bagaimana kawalan mengenai dengan apa yang saya sebutkan tadi? Ada syarikat-syarikat tertentu Tuan Pengerusi, memanglah GLC ada untung besar. Maka elaun CEO pun memanglah besar tetapi kena ingat. Perniagaan GLC setengah-setengah ini, projek-projek yang mereka terlibat ada setengah-setengah itu pemberian kerajaan. Ada *handout*, ada monopoli. Kalau bagi saya jadi CEO pun untung Tuan Pengerusi. Kalau Tuan Pengerusi sendiri lagilah untung. Kalau kita kira. Sehingga apabila ada syarikat-syarikat tidak ada dividen tetapi elaun di Malaysia tahunan kepada *director* wah! Tengoklah, bacalah. Jadi, itu saya hendak tanya dari segi kawalan dan pemantauan macam mana?

Begitu juga perkara yang kedua. Petang tadi pun waktu Jabatan Perdana Menteri timbul isu MAS dengan AirAsia. Lepas itu sebelum ini Sime Darby beli E&O. Saya hendak tanya, di mana peranan Kementerian Kewangan dalam hal ini? Dahulu ada *golden share* bermakna *anything* keputusan hendak buat mesti dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Apakah mereka bebas sebeb-bebasnya? Hendak jual tanah mereka bebas. Dahulu mereka kata kalau Kementerian Kewangan kawal ini susah hendak berniaga mengambil masa, ini alasan. Sehingga mereka bebas buat apa sahaja keputusan.

Saya hendak tanya, apakah pertukaran saham antara MAS dengan AirAsia, 20 peratus kepada Tony Fernandes dan 10 peratus diberi kepada Khazanah Nasional. Apakah Kementerian Kewangan tahu? Adakah dibuat *due diligent*, apakah adil 20 dengan 10? Setahu kita MAS lagi besar asetnya. Saya hendak tahu itu sahaja. Adakah Kementerian Kewangan pantau? Di mana kawalan Kementerian Kewangan? Sama juga dengan isu Sime Darby beli E&O RM700 juta lebih yang jadi isu. Manakala kita tahu Sime Darby GLC juga. Adakah mereka mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan, beli dengan harga yang begitu tinggi? Sime Darby pun sudah banyak tanah, kenapa beli tanah lagi? Maka akhirnya menjurus kepada tuduhan penyelewengan kerana pengerusi Syarikat E&O adalah suami kepada Pengerusi SC.

■ 2020

Jadi sudah berlaku *conflict of interest* dan sebelum itu ada tuduhan kata ada *insider trading*. Adakah Kementerian Kewangan tahu? Apa kawalan Kementerian Kewangan dalam hal ini? Kalau kawalan itu berkesan, ada peraturannya saya percaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku. Jadi satu-satu meletup, lepas satu-satu yang timbul. Jadi sebab itu Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Baik. Kementerian Kewangan perlu beri perhatian. Jadi *last* sekali, ada sikit lagi Tuan Pengerusi. Satu lagi, saya hendak tanya 1BestariNet iaitu satu projek di bawah Kementerian Pendidikan tetapi saya diberitahu keputusannya dibuat oleh Kementerian Kewangan sebab tendernya projek ini *worth* RM5.4 bilion. Apakah sudah diberi kepada YTL? Betul atau tidak macam laporan *The Star*. Kenapa diberi kepada YTL? Kenapa tidak dipecahkan kepada tiga? Contohnya Tuan Pengerusi, kalau nak bagi antara kaumlah, kita boleh sebut YTL kaum Cina, Maxis kaum India, Ananda Krishnan dan Hitech Padu kaum Melayu.

Sebuah syarikat bumiputera yang memang terbukti hebat. Kenapa tidak dipecah-pecahkan? Projek ini RM365 juta setahun, 15 tahun. Apa yang susah sangat? Ini bukanlah susah sangat, kenapa diberi kepada YTL? YTL inilah yang mencetus idea dulu brutal *policy* Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak tanya, kalau belum lagi, saya harap ditimbang betul-betul supaya projek-projek besar ini dikongsi bersama supaya semua pihak dapat faedah dan bukan dibolot oleh satu pihak.

Last Tuan Pengerusi, ini saya hendak tanya satu sahajalah. Butiran 202300 – Sumbangan Kepada NGO. Tahun lepas RM50 juta, tahun ini RM50 juta. Boleh tak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi maklumat jawab sepuluh NGO yang teratas yang menerima sumbangan daripada peruntukan ini tahun lepas, yang terbesar yang menerima peruntukan ini. Yang lain-lain itu boleh beri secara bertulis. Saya hendak tahu senarai-senarai sumbangan yang diberi kepada NGO ini supaya ada NGO-NGO ini betul-betul terima, buat kerja betul-betul atau tidak dan digunakan wang ini betul-betul supaya berkesan dalam konteks pemberian sumbangan oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masa Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi 05000 – Tabung Bencana Negara, *last*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tabung Bencana Negara. Ini penting Tuan Pengerusi, dijangka bulan 11 dan bulan 12 ini banjir besar di Pantai Timur. Ini ramalan kaji cuaca. Jadi saya harap bantuan bencana ini jangan banjir dulu, rumah dah tenggelam, seminggu lepas itu baru kita hendak beri bantuan. Waktu sehari dua hujan dan ribut, nampak dah keadaan dah tidak terkawal, masa itu kita bagi. Begitu juga kalau ada rumah tercabut dia punya atap, dinding tercabut.

Jangan tunggu sampai dua tiga bulan, keesokan hari itu Majlis Keselamatan Negara yang bertanggungjawab kepada Tabung Bencanalah, saya percaya mereka boleh buat. Mereka pun berjiwa besar kerana apa yang saya pentingkan *delivery* ini supaya cepat termasuk Sabah dan Sarawak. Semualah, jangan tunggu mengambil masa. Sekian Tuan Pengerusi, saya tengok Tuan Pengerusi dah banyak kali tegur. Terima kasih di atas masa yang diberi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Teluk Intan.

8.23 mlm.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada B.10 iaitu Butiran 030300 – Kawalan dan Pemantauan juga. Yang Berhormat Pasir Mas telah sentuh tentang GLC tadi. Saya ingin sentuh tentang bank-bank yang kini ramai rakyat Malaysia menghadapi masalah. Apakah kawalan dan pemantauan telah dibuat terhadap bank-bank khususnya saya ingin tanya, ada satu kes di Telok Intan di mana sebuah syarikat yang dikenali sebagai Ganda Oils, sebuah bank yang terutama di Malaysia iaitu Maybank Berhad telah memberi bantuan kewangan daripada segi peminjaman wang kepada pekerja-pekerja Syarikat Ganda Oils di mana sejurus selepas pekerja-pekerja itu beli saham melalui mengambil pinjaman bank dari Maybank, selepas sahaja transaksi membeli saham itu selesai, syarikat itu telah dijual kepada pihak yang lain di mana nilai saham-saham yang pekerja-pekerja itu beli jatuh teruk sekali sehingga mereka menghadapi kehilangan keuntungan daripada pembelian saham-saham itu.

Selepas itu mereka tidak dapat membayar ansuran bulanan terhadap pinjaman mereka kepada bank tersebut dan selepas beberapa tahun kemudian, bank tersebut telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pekerja-pekerja ini yang hampir kesemuanya adalah daripada golongan pendapatan rendah. Untuk saya, saya kaji kes ini, saya rasa ada satu konspirasi oleh bank dan juga penjual ataupun pemilik iaitu majikan sebelum majikan itu menjual syarikat tersebut. Saham-saham itu dijual ataupun diberi kepada pekerja-pekerja sebagai satu galakan untuk mereka, satu penghargaan untuk mereka dan fasiliti untuk pinjaman itu diaturkan oleh syarikat itu sendiri. Apa yang sedih lagi adalah mereka ini di saman di mahkamah.

Dari Teluk Intan mereka di saman di mahkamah di Kuala Lumpur. Suruh datang ke mahkamah untuk menghadapi mahkamah dan untuk perbicaraan. Mereka ini bukan berpendapatan tinggi untuk melantik peguam. Mereka tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku. Jadi bagaimana kes ini boleh berlanjutan sehingga hari ini lebih kurang 10 tahun.

Apakah pemantauan kerajaan atau kementerian terhadap institusi-institusi kewangan seperti ini di mana pekerja-pekerja yang tidak begitu fasih atau tahu tentang saham-saham digalakkan untuk membeli saham dan selepas itu diberi pinjaman walaupun pendapatan mereka tiap-tiap bulan adalah kurang daripada RM300 sehingga RM600 tetapi mereka dapat pinjaman lebih atau hampir RM100,000. Apakah kriteria yang digunakan oleh Maybank ini untuk memberi pinjaman dahulu? Tahu mereka tidak boleh bayar, selepas itu saman sama mereka.

Jadi bank ini harus dikawal, bukan sahaja Maybank. Saya tengok banyak bank-bank lagi macam awal tahun ini CIMB beri pinjaman perumahan, orang tidak dapat bayar sebab ada masalah, lepas itu pergi ke mahkamah dapat perintah pelelongan. Pembeli rumah itu susah-susah dapatkan pinjaman wang di sana sini hendak bayar tetapi bank kata tidak boleh bayar sebab mahkamah telah menetapkan tarikh lelongan dan mesti dilelong walaupun peminjam itu sanggup pinjam wang daripada saudara-maranya, sanggup hendak bayar tetapi bank tidak mahu terima juga. Hari lelong pun tidak mahu terima juga. Jadi apakah kaedah yang digunakan oleh bank-bank ini seperti memberi alasan bahawa mahkamah telah menetapkan tarikh lelongan, mesti dilelong.

Padahal peminjam itu sedia membayar sebelum tarikh lelong. Ini serupa hendak aniaya sama orang. Kalau tidak dapat bayar atau tidak bayar langsung, itu cerita lain tetapi dalam kes ini peminjam rela bayar, pinjam daripada saudara-mara tetapi bank hendak meneruskan dengan pelelongan di Mahkamah Tinggi Ipoh. Apakah pemantauan oleh kementerian terhadap bank-bank seperti ini? Ada satu lagi kes saya ingin bawa dan hendak minta penjelasan. Saya kurang puas hati dengan Public Bank Berhad. Ada keluar berita baru-baru ini bahawa salah seorang pekerja Public Bank Berhad telah disuruh berhenti kerja sebab ketidakupayaan secara kekal. Pihak SOCSO pun telah mengkaji kes ini dan mendapati pekerja ini yang bernama N. Rajasegaran tidak dapat meneruskan pekerjaannya dengan bank.

Lepas itu SOCSO telah *medically 'Board out'* atas sebab ketidakupayaan kekal, *permanent disability* dan pekerja ini juga ada satu polisi insurans dengan Public Bank ini dan selepas panel SOCSO mendapati beliau adalah tidak boleh meneruskan pekerjaannya sebab *permanent disability*, dengan izin Tuan Pengerusi, panel bank juga mendapati beliau tidak sesuai untuk meneruskan dan beliau telah berhenti kerja.

■ 2030

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Point of order* Tuan Pengerusi. Ini butiran mana?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Pemantauan, pemantauan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, butiran yang ini sudah pusing satu dunia. Kalau tidak semua kita tidak boleh bercakap.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Butiran 030300. Selepas itu, pembayaran insurans yang dibeli oleh beliau iaitu pekerja itu tidak dapat ditunaikan oleh pihak insurans kerana mengatakan beliau tidak layak untuk *claim* insurans. Akan tetapi kita dapati syarikat insurans yang memberi perlindungan insurans itu adalah *subsidiaries* kepada Public Bank Berhad. Jadi, apakah ini konspirasi oleh Public Bank dengan syarikat insurans yang memberi perlindungan untuk mengelakkan membayar polisi insurans kepada pekerja ini. Jadi, saya minta penjelasan apa sebab ini boleh berlaku dan saya rasa ini adalah salah laku oleh syarikat bank-bank tersebut.

Saya juga ingin menyentuh tentang 060300 – Penguatkuasaan Perkhidmatan Kastam. Adakah bajet yang diperuntukkan ini cukup untuk memberi satu perkhidmatan yang sempurna dan keseluruhan sebab kita tengok di KLIA dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang banyak penyeludupan berlaku dan kadang-kadang kita tengok pihak kastam atau pihak polis berjaya memberkas penyeludup-penyeludup seperti *wildlife trafficking*, dengan izin. Ini yang mereka dapat kesan apakah kes yang tidak dapat dikesan atau ditangkap. Saya khuatir ada ramai dan di tempat-tempat lain juga di pintu-pintu masuk di negara kita terdapat banyak penyeludupan yang berlaku.

Baru-baru ini kita tengok di surat khabar bagaimana beratus-ratus gading-gading gajah di seludup masuk ke negara kita ini. Macam mana ini boleh berlaku?

Adakah pihak kastam dan penguatkuasaan tidak mencukupi sumber untuk mengadakan lebih pengawasan atau pemantauan atau pemeriksaan atas orang-orang yang masuk ke semua pintu masuk di negara kita ini. Saya pohon penjelasan dari kementerian. Sekian, terima kasih.

8.32 mlm.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya singkat sahaja Tuan Pengerusi, *straight to the point*. Satunya tentang 95000 RM400,000 juta. Telah melihat dan membaca dalam laman web dan kenyataan-kenyataan yang dibuat 1MDB ini nampaknya lebih tertumpu kepada kawasan Lembah Klang. Jadi, saya cuma hendak tanya sama ada, ada tidak perancangan yang akan dibuat di kawasan-kawasan yang lain terutamanya di kawasan Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak. Itu satu.

Keduanya ialah tentang 023000 – Sumbangan kepada NGO sebanyak RM50 juta. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas tadi tentang senarai NGO yang akan diberi bantuan sumbangan dalam dana RM50 juta ini. Cumanya saya ingin menarik perhatian kementerian supaya memberi sedikit pertimbangan kepada NGO-NGO yang memperjuangkan hak-hak pengguna. Banyak kali kita berdepan dengan isu-isu kepenggunaan, harga naik, peniaga-peniaga menzalimi pengguna dan sebagainya. Akhirnya rakyat menyalahkan kerajaan walaupun kadang-kadang kerajaan telah membuat banyak usaha untuk mengekang masalah ini.

Ini kerana sebenarnya antara lain kerana rakyat tidak begitu arif tentang hak-hak mereka sebagai pengguna. Untuk memberi pendidikan kepenggunaan ini, kerajaan bukannya satu entiti yang berkesan untuk memberi pengajaran. Tanggungjawab ini mesti diberi kepada NGO-NGO yang mempunyai masa, tenaga dan komitmen untuk turun ke bawah dan menggembeleng kekuatan pengguna untuk berdepan dengan peniaga-peniaga yang menaikkan harga sesuka hati dan sebagainya. Sebab itu, saya minta tolong bagi pertimbangan yang sewajar-wajarnya kepada NGO-NGO yang berasaskan gerakan kepenggunaan ini daripada RM50 juta ini.

Seterusnya tentang 050000 – Tabung Bantuan Bencana Negara. Sekali lagi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas. Majlis Keselamatan Negara sekarang ini apabila berlaku bencana alam barulah mereka masuk dan membantu. Akan tetapi kalau boleh untuk tahun-tahun yang akan datang sebab ini pun sudah ada peningkatan sebanyak RM40 juta. Apa salahnya Majlis Keselamatan Negara terutamanya yang ada kaitan dengan membaiki rumah supaya membeli dahulu bahan-bahan yang tersedia ini seperti zink, kayu dan sebagainya. Jadi, kalau ada ribut taufan dan sebagainya, bantuan ini dapat diberikan dengan secepat yang boleh. Kadang-kadang memakan masa enam bulan.

Tuan Pengerusi, di kawasan kita di Kota Belud juga sampai sekarang ada lagi sudah dekat setahun lebih setelah ada ribut taufan di Kota Belud, masih lagi belum mendapat pampasan yang sepatutnya yang telah dijanjikan. Jadi, ini masalah besar sebab kalau dia soal tentang masalah ternakan dia mati dan sebagainya, itu satu hal lah. Akan tetapi kalau rumah, atap zink berlubang dan mereka ini kena menunggu sampai enam bulan, setahun barulah Majlis Keselamatan Negara dapat memberi bantuan. Saya rasa ini tidak begitu berkesan. Benda-benda yang boleh dibeli dahulu *stock it up* dalam satu gudang dan selepas itu kalau ada darurat dan sebagainya bolehlah...

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bencana. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sudah pukul 8 Tuan Pengerusi. Ya, bencana bukannya darurat. Bencana dapat, Yang lainnya sudah di *cover* oleh kawan-kawan yang lain dan saya rasa selepas ini Yang Berhormat Pokok Sena juga akan ada banyak lagi persoalan yang akan dipusingkan, dipertahankan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kuala Selangor. Selepas Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Rembau. Selepas Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Wangsa Maju. Selepas itu Hulu Selangor, selepas itu Pokok Sena.

8.37 mlm.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga dalam peringkat Jawatankuasa ini memulakan dengan mengingatkan kita bahawa Kementerian Kewangan punya objektif memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembahagian pendapatan yang lebih seimbang selari dengan dasar-dasar kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya mahu berbicara tentang peruntukan di bawah B.10 - Perbendaharaan dan B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Saya mulakan dengan menyebut betapa sekali lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sekali lagi menyebutkan tentang berkemungkinan kita menghadapi kedudukan *bankruptcy*, muflis kalaulah pinjaman kita pada kadar hari ini pertumbuhan pinjaman kita paras 12.5 peratus antara lainnya digunakan untuk hal pengurusan, *operating budget* nya, dengan izin.

Lalu ramalan beliau dan unjuran beliau dan juga beberapa pihak yang lain mengatakan andainya kita terus terusan begini maka dengan pertumbuhan yang tidak dapat dipacu, paling tidaknya 6 peratus untuk tahun seterusnya kerana dalam keadaan baik pun 2010 kita memacu 7.2 peratus dan 2011 dianggarkan 4.4 peratus. Maka sebenarnya kita dalam satu *trajectory*, dengan izin, menuju kepada kebangkrapan.

Lalu dengan itu saya mahu menyebutkan betapa dalam hal ini saya menyinggung dahulu dalam B.10 tentang panel kajian semula cukai GST yang telah diberi peruntukan RM11 juta ini. Saya mahu tanya ke peringkat apakah kajian ini telah dibuat dan dalam RM11 juta itu apakah kita benar-benar bersedia untuk menerangkan betapa kos andainya berlaku ataupun andainya mahu dilaksanakan *consumption tax* ini, segala-galanya seluruhnya dari sudut *back room management* nya, dari sudut IT nya, dari sudut segala lah *infrastructure* nya.

■ 2040

Apakah kos kepada kerajaan dan juga pihak-pihak perniagaan (*business entities*) seperti syarikat-syarikat andainya ini mahu dilaksanakan dikatakan sebaik sahaja selepas Pilihan Raya Ketiga Belas akan datang.

Saya beralih sedikit kepada apa yang disebutkan dalam P.10 ini - Pembangunan Perbendaharaan. Pelbagai suntikan ekuiti yang tahun lalu pinjaman dan juga secara langsung dan jumlahnya agak besar di situ, saya ingin mendapat penjelasan apakah jenis-jenis ataupun siapakah yang mengendalikan suntikan ini.

Pertamanya dengan izin GLIC nya, dan apakah syarikat-syarikat dan apakah kedudukan syarikat-syarikat tersebut yang dikatakan suntikan ekuiti ini sejauh mana ia mampu menghasilkan sekali lagi penagihan semula ekuiti antara etnik dan juga dalam etnik dan juga benar-benar boleh membawa kepada apa yang dikatakan sebagai menjana pendapatan tinggi atau *higher income*, dengan izin.

Selain itu juga saya ingin bertanya Tuan Pengerusi tentang kedudukan 1MDB itu pada P.10, bawah Butiran 95000 itu diberikan suntikan RM400 juta. Pernah dikatakan bahawa 1MDB ini yang hari ini agak merupakan satu yang dengan izin, menjadi satu nama yang *glamorous* yang *sexy*, dengan izin. Akan tetapi dikatakan dalam *websitenya* tidak pernah menerima apa-apa suntikan kecuali pertama kali dahulu pada paras RM1 perpuhan berapa bilion? Kali ini saya nampak ada suntikan secara langsung diberikan oleh kementerian sebanyak RM400 juta di situ.

Saya membaca tentang sekali gus saya membawa perbincangan ini kepada B.11 di mana dikatakan pada Oktober yang lalu kerajaan menyebutkan tentang berkemungkinan 1MDB bersama dengan Puncak Niaga akan mengepalai satu konsortium untuk diberikan pengurusan IWK ini dengan izin. Nampaknya di situ peruntukan sekali lagi menambah daripada tahun lalu kepada RM225 juta tahun ini. Saya ingin tahu apakah sebenarnya kesudahan perkara ini yang telah pun disebut-sebut akan diswastakan kembali setelah dihakmilikkan oleh kerajaan dalam tahun 2000 dengan segala hutang pada paras RM2 bilion. Asetnya RM1.2 bilion kesemua ini kita mahu lihat dikatakan bahawa konsortium ini akan membeli *will acquire*, dengan izin, RM1 dan mengambil keseluruhan hutang-hutangnya. Semua perkara ini sangat dipertikaikan dalam pasaran di kalangan *analyst* juga. Kita mahu tahu apa sebenarnya pada kesudahannya perkara ini.

Tuan Pengerusi saya sambung sedikit lagi bayaran untuk sektor strategik pada tahun ini diberikan anggaran suntikan ataupun peruntukan *almost* RM660 bilion kurang sedikit daripada tahun lalu. Saya ingin bertanya apakah sektor-sektor strategik ini? Siapa yang mengendalikannya dan bayaran ini? Bagaimana ia membantu dari segi mengangkat urusan kewangan dan ekonomi negara?

Seterusnya juga saya ingin bertanya di bawah B.11, 022300 – Penebusan Semula Bon-Bon Danaharta Urus Sdn. Bhd. yang nampaknya di situ hampir RM1 bilion, RM966 juta. Saya ingin tahu bon-bon ini apakah ia merupakan satu *rescheduling* dengan izin dan berapa jumlah bon-bon yang masih lagi ditanggung oleh Danaharta? Apakah ia merupakan satu liabiliti ataupun yang tidak dibayar dan memerlukan ia di *reschedule* kembali. Jadi kesemua ini memerlukan penjelasan daripada kementerian.

Sedikit tentang hapus kira pinjaman. Hapus kira pinjaman ini hampir setengah bilion ini Tuan Pengerusi, RM561 juta. Kita ingin tahu apakah jenis-jenis pinjaman yang di hapus kira (*write off*) dari sudut bagaimana yang dikatakan *agingnya* ataupun NPL itu. Apakah syarikat-syarikat yang bentuk-bentuknya, dan apakah *breaking pointnya*? Kesemua ini memerlukan Dewan ini diperjelaskan oleh kementerian sebab banyak itu Tuan Pengerusi lebih daripada setengah bilion RM561 juta seluruhnya. Saya rasa begitu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Rembau.

8.47 mlm.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi saya peluang untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa. Pertama kali saya membangkitkan maksud B.10, 060000 – Perkhidmatan Kastam. Di sini saya ingin soalkan ataupun ingin memajukan soalan kepada Kementerian Kewangan mengenai keberkesanan dari segi pungutan ataupun pemantau dan juga pelaksanaan ataupun penguatkuasaan Perkhidmatan Kastam Negara.

Di sini saya merujuk kepada satu masalah yang mana kita melihat pada hari ini ada kesan bukan hanya kepada pendapatan kerajaan tetapi juga kepada perkara-perkara yang lain termasuk kesihatan, keselamatan dan lain-lain. Ini melibatkan perdagangan rokok-rokok yang haram. Kajian yang ada pada hari ini kajian terkini menunjukkan bahawa hampir empat daripada sepuluh batang rokok yang di hisap di Malaysia adalah rokok yang haram ataupun tidak sah (*illegal*).

Ada satu kajian yang menunjukkan bahawa hampir sembilan bilion batang rokok yang haram ini di *consume* tiap-tiap tahun di Malaysia. Ini menyebabkan satu ketirisan dari segi percukaian hampir sebanyak RM2 bilion cukai dalam pendapatan kerajaan. Bukan setakat itu kalau kita lihat rokok-rokok yang haram ini dia dalam harga RM2 hingga RM3 sekotak berbanding dengan RM7 hingga RM10 bagi rokok yang sah. Ada satu juga laporan yang mengatakan bahawa penjualan rokok-rokok yang tidak sah yang haram ini menyumbang kepada kegiatan-kegiatan dan juga sindiket jenayah yang terlibat dalam penyeludupan dadah, manusia dan juga keganasan.

■ 2050

Saya buat kajian ini dan melihat bahawa peningkatan daripada segi *illicit cigarette* ini, dengan izin, telah bermula dengan mendadak pada tahun 2008-2009 sebenarnya, apabila kita menaikkan eksais duti untuk rokok. Kalau kita lihat Tuan Pengerusi, daripada segi perbezaan harga rokok di rantau Asia Tenggara, Malaysia adalah yang kedua paling mahal. Singapura RM27.60 sekotak, Malaysia RM10 sekotak tetapi kalau kita lihat Indonesia RM3.60, Thailand RM4.60, Vietnam RM2.70, *Cambodia* RM1 dan Filipina RM2.30. Jadi, arbitraj ini ataupun perbezaan harga ini menyebabkan satu perdagangan, satu *trade*, dengan izin, yang begitu besar sekali.

Aspek kesihatan pun jangan kita memandang ringan sebab rokok-rokok yang dijual secara haram ini tidak ada kualiti dan mungkin dicampurkan dengan ramuan-ramuan yang boleh menyebabkan kesan yang lebih buruk lagi daripada rokok yang biasa. Rokok biasa pun sudah ada kesan yang buruk kepada kesihatan, ini lagi pula.

Jadi, kalau kita lihat jenama-jenama ini memang popular di Malaysia termasuk jenama *Loafman*, *June Slim*, *Gudang Garam* yang haram, *Half Time 5*, *Leepark Way*, *Era* dan *Premium*. Jadi, soalan saya di sini bangkit dalam peruntukan maksud bekalan perkhidmatan kastam.

La dua perkara. Pertamanya adalah perdagangan. Bukan saya cadangkan supaya kita mengurangkan duti eksais kita sebab sememangnya kita hendak memastikan bahawa kita dapat mencegah melalui eksais duti yang tinggi. Akan tetapi malangnya, apa yang saya bangkitkan di sini di peringkat Jawatankuasa adalah berdasarkan pada kajian yang telah dibuat yang menunjukkan bahawa hampir empat daripada sepuluh batang rokok yang dihisap di Malaysia adalah rokok yang haram, yang *illegal*. Maka, ini menunjukkan bahawa dasar kita telah gagal sebab tidak dapat mencegah dan tidak dapat mengadakan penguatkuasaan yang luas, yang berkesan daripada pihak kastam untuk memastikan bahawa apabila kita meningkatkan eksais duti kita, maka kita akan dapat mengurangkan *consumption* ataupun penggunaan rokok dan juga gejala rokok yang ada di Malaysia.

Jadi, saya harap kita dapat diberikan penerangan sedikit pada maksud bekalan perkhidmatan kastam mengenai perkara ini sebab ini adalah satu contoh bagaimana dasar itu tidak berjaya. Tidak berjaya bukan kerana dasar itu tidak bagus tetapi kerana tidak ada penguatkuasaan berdasarkan pada dasar tersebut. Akhirnya, kalau kita melihat daripada segi *empirical evidence* ataupun bukti yang nyata yang saya sebutkan tadi bahawa apa yang jadi adalah satu perdagangan rokok haram yang amat berleluasa yang menyebabkan masalah kesihatan, keselamatan dan juga menyebabkan masalah daripada segi ketirisan pendapatan negara.

Kedua Tuan Pengerusi, adalah berkenaan maksud Bekalan 10, Butiran 020100 di bawah tajuk Akta Analisa Cukai yang berkaitan dengan Maksud Bekalan 10, Butiran 950000 iaitu 1MDB. Ini mengenai satu pakej insentif percukaian bagi membangunkan Pusat Kewangan Antarabangsa (KLIFD) yang mana kita diberitahu akan dikendalikan oleh 1Malaysia Development Berhad dan sebab saya bangkitkan di bawah butiran analisa cukai juga adalah kerana saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak Perbendaharaan mengenai salah satu lagi contoh bagaimana mungkin boleh mendapat ketirisan cukai yang mana Pusat Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) diwujudkan dengan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus bagi tempoh sepuluh tahun.

Saya menyambut baik sebenarnya strategi jangka panjang untuk menarik pelaburan dan penyertaan syarikat kewangan secara berpusat di KLIFD sebab kita hendak memastikan bahawa infrastruktur dan prasarana kita adalah cukup menarik untuk syarikat-syarikat kewangan antarabangsa untuk berpangkalan di KLIFD lantas mempromosikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat kewangan. Namun, kalau kita lihat daripada segi impaknya, ini soalan teknikal yang dibangkitkan di peringkat Jawatankuasa, sungguhpun mungkin tidak disengajakan, kalau kita *offer*, kalau kita menawarkan pengecualian cukai pendapatan, sekali lagi kita mewujudkan satu perbezaan, satu *tax arbitraj* yang boleh menyebabkan kehilangan pendapatan cukai.

Ini kerana mana-mana syarikat kewangan yang sudah sedia ada beroperasi di Malaysia, yang berpangkalan di Malaysia, hanya perlu berpindah secara fizikal, secara lokasinya kepada KLIFD dan akhirnya, mereka mendapat pengecualian cukai. Maksudnya, kalau kita ambil contoh bank-bank yang ada pelbagai cawangan, banyak cawangan, mungkin susah kecuali mereka ada *Treasury* yang berpusat. Akan tetapi kalau kita ambil contoh bank pelaburan, *investment bank*, dengan izin, yang hanya ada sebuah pejabat di Malaysia, contohnya kita ambil Goldman Sachs ataupun J.P. Morgan yang diberikan lesen bank pelaburan di Malaysia yang keuntungan mereka bukannya kecil. Satu transaksi mereka akan mendapat keuntungan berjuta-juta. Mereka hanya perlu berpindah dari KLCC atau di mana-mana sahaja pejabat mereka, ke KLIFD dan mendapat pengecualian cukai selama 10 tahun.

Ini tidak menarik pelaburan baru. Ini tidak menarik syarikat kewangan baru datang dari luar negara untuk berpangkalan dan beroperasi di Malaysia tetapi ini memberikan satu peluang, arbitraj perbezaan, dengan izin, yang mana mereka hanya perlu berpindah pejabat, mungkin dengan kos yang rendah pada satu kawasan. Ini disebabkan kita perlu ingat KLIFD adalah satu kawasan pembangunan dan akhirnya dapat perbezaan daripada segi cukai mereka. Tidak perlu bayar cukai pendapatan selama sepuluh tahun.

Jadi, saya harap mungkin telah dibuat *cost benefit*, analisisnya dan sebagainya tetapi apabila saya membangkitkan perkara ini, masih tidak lagi mendapat jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan mengenai *thinking process* ataupun proses pemikiran bagaimana insentif ini telah ditawarkan kepada KLIFD yang mana mungkin..., ini andaian saya, mungkin boleh menyebabkan ketirisan daripada segi pendapatan cukai yang kita boleh dapat daripada syarikat-syarikat kewangan yang sudah pun berpangkalan di Kuala Lumpur ataupun di Malaysia yang hanya perlu berpindah pejabat ke dalam KLIFD.

Ketiga Tuan Pengerusi, adalah mengenai perkara kawalan dan pemantauan. Apa yang saya hendak bangkitkan adalah mengenai kawalan dan pemantauan. Kalau kita lihat aktiviti kawalan dan pemantauan, antara objektifnya adalah mengawal, menyelaras, memantau dan mengambil tindakan susulan ke atas dasar belanjawan negara dan juga Laporan Ketua Audit Negara. Jadi, saya hendak bangkitkan satu soalan yang spesifik dengan contoh yang spesifik kepada pihak Perbendaharaan. Selama dua hari atau tiga hari ini saya percaya berita kita didominasi dengan berita ataupun laporan mengenai Laporan Ketua Audit Negara yang seolah-olah menunjukkan kepincangan daripada segi perbelanjaan dan sebagainya.

Mungkin banyak kesahihannya tetapi saya hendak bangkitkan dalam satu contoh. Satu contoh yang kalau tidak silap saya tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas dalam perbahasan awal dalam penggulungan oleh Menteri awal tadi iaitu dalam contoh GIATMARA sebab maklumat ini datang kepada saya. Antara tuduhan ataupun antara perkara yang telah ditulis dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah mengenai..., kita ambil contoh yang terperinci di peringkat Jawatankuasa, adalah mengenai kursus latihan yang dibuat oleh GIATMARA. Di situ ditulis bahawa setelah dibuat pemantauan, setelah dibuat penilaian tentang kursus tersebut, Laporan Ketua Audit Negara mengatakan bahawa antara kelemahan dan kepincangan yang ada pada kursus GIATMARA adalah sebab peserta yang dipilih untuk kursus tersebut, kursus tersebut adalah kursus biasa yang hendak membasmi kemiskinan, beri kemahiran kepada orang kampung yang tergolong dalam senarai e-Kasih, dibawa kursus dan sebagainya.

Akan tetapi Ketua Audit Negara kata ada kepincangan dan menyalahkan GIATMARA seolah-olah GIATMARA tidak pilih peserta daripada golongan ataupun senarai e-Kasih ataupun mereka yang layak menerima. Jadi, benda ini memberikan imej yang buruk kepada GIATMARA. Ada atau tiga lagi contoh tetapi saya hendak memberikan contoh ini sebab saya masih lagi ingat contoh ini. Saya terlupa hendak bawa laporan tadi.

■ 2100

Jawapan yang diberi oleh GIATMARA amat munasabah. GIATMARA menyatakan bahawa kita buat kursus, contohnya kita buat kursus jahitan dan sebagainya untuk peserta daripada pendalaman. Bila hendak buat kursus, mereka kena buat tempahan hotel secara pakej. Mungkin dia buat untuk 50 peserta. Akhirnya bila dibuat tempahan untuk 50 peserta dengan hotel dan sebagainya hendak buat kursus, hanya 40 yang datang, sepuluh tidak datang sebab tidak dapat datang daripada pedalaman, macam-macam masalah.

Daripada mereka hanya kendalikan kursus dengan ada sepuluh tempat kosong sebab sepuluh orang tidak dapat datang daripada senarai yang disahkan oleh e-Kasih, senarai yang disahkan oleh Jabatan Kebajikan dan sebagainya, mereka buat keputusan untuk mengisi tempat kursus yang kosong itu dengan penduduk-penduduk tempatan. Mungkin tidak sempat hendak ambil daripada golongan yang disahkan oleh JKM tetapi ditawarkan dan mereka dapat peserta daripada kawasan tempatan ataupun kawasan setempat yang mana kursus itu dikendalikan.

Jadi bagi saya itu adalah contoh ataupun satu penjelasan yang boleh diterima. Akan tetapi soalan saya di sini, apa proses Laporan Ketua Audit Negara, di mana kalau kita ambil contoh audit di sektor swasta, audit itu perlu disahkan bukan hanya oleh *auditors* tetapi juga oleh *board of directors* syarikat yang terlibat. Akan tetapi dalam kes ini, dan banyak lagi kes sebenarnya yang dibangkitkan oleh GIATMARA sebab disampaikan kepada saya dan juga kalau saya tidak silap dengan Yang Berhormat Pasir Mas, jawapan yang diberi, penjelasan yang diberi agak munasabah. Akan tetapi kenapa perkara ini tidak di refleksi dalam Laporan Ketua Audit Negara? Seolah-olah memberi gambaran dan tanggapan yang negatif kepada agensi kerajaan.

Saya amat menyokong tindakan dan usaha Ketua Audit Negara. Kita percaya kepada ketelusan, kita hendak akauntabiliti. Kita hendak perbelanjaan yang hemah, yang berkesan dan sebagainya. Akan tetapi kalau sekiranya seperti contoh yang saya beri, di mana ada tempat yang kosong di isi dengan penduduk tempatan yang bukan menjadi kumpulan sasaran asal, kenapa pula dikatakan bahawa telah gagal sebab tidak tersenarai ataupun tidak menepati kumpulan sasaran yang sebenar? Padahalnya, dia ada penjelasan dan penjelasan itu boleh diguna pakai iaitu sebab yang dapat bantuan itu juga adalah mereka yang miskin, adalah mereka yang perlu kepada latihan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rembau, seminit lagi Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu [Rembau]: Ya, Tuan Pengerusi ya.

Tuan Pengerusi: Seminit lagi.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Jadi saya harap dapat jawapan daripada Kementerian Kewangan mengenai proses auditan Ketua Audit Negara ini supaya ia dapat mencerminkan satu proses penjelasan supaya audit ini seperti mana sektor swasta, dapat *balance*, dapat *sign off* daripada *auditor* dan juga *board of directors*. Sekarang ini seolah-olah adalah sehalu sahaja, tidak ada proses dua hala. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju.

9.03 mlm.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk merujuk kepada Bekalan B.10, Butiran 030000 – Perkhidmatan Sistem dan Kawalan, Butiran 030100 – Pengurusan Kewangan Strategik, Butiran 030200 – Pelaburan, MKD dan Penswastaan, Butiran 030300 – Kawalan dan Pemantauan dan Butiran 050000 – Perkhidmatan Penilaian. Saya ingin bahas dengan sekali gus Tuan Pengerusi.

Pada 18 Oktober saya telah bangkitkan banyak perkara dalam peringkat perbahasan dasar mengenai dengan Kementerian Kewangan *terhadap share swap* antara AirAsia dan MAS, tetapi tidak dijawab oleh kementerian langsung semasa penggulungan oleh Timbalan Menteri. Ini adalah satu sikap yang tidak berapa baik kerana kami Ahli Parlimen di sini perlu tunggu untuk berucap, *prepare* dan sebagainya, jawablah. Kenapa tidak boleh jawab? Sama ada hendak tutup, hendak *cover-up* kepada orang tertentu seperti Dato' Sri Tony Fernandez? Jangan, tidak baik.

Masalah ini bukan kerana hendak pulihkan MAS menggunakan penukaran saham. Kita kena tengok masalah MAS ini apa. Masalah kewangan ini masalah apa. Masalah dengan MAS ini adalah masalah pengurusan yang teruk, *management problem*. Kenapa saya cakap demikian? Kita boleh nampak sudah dalam sejarah MAS, semasa Tan Sri Aziz masa itu beliau menjadi pengurusan MD kepada MAS, berapa tahun dari MAS kecil jadi satu syarikat gergasi, jadi syarikat yang besar. Tidak ada masalah. Bila beliau bersara 15 tahun yang dahulu, MAS masih ada *sinking fund* RM2 bilion. MAS ada *sinking fund*, jangan kata kerugian. Tidak ada masalah. Kenapa? Kerana ada pengurusan yang amat baik.

Selepas itu Khazanah bawakan beberapa orang MD sudah. Saya rasa dari *list* saya sudah ada enam orang MD, iaitu Dato' Kamaruddin, selepas itu Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Mohamad Noor, Ahmad Fuad, Senator Idris Jala, Tengku Azmil. Berpuluh-puluh orang mereka masuk, mereka keluar, bawa orang baru masuk, letakkan mereka ini di jawatan tertinggi di dalam MAS dan masih ada masalah.

So, kerajaan perlu tengok kenapa Tuan Pengerusi, kenapa? Kita perlu mengkaji kenapa masa Tan Sri Aziz ada *sinking fund* RM2 juta, sekarang RM2 juta sudah hangus. Hangus di mana? Kebocoranlah. Sekarang kita ada defisit satu tahun demi satu tahun, defisit. Kerana apa? Kerana banyak *deadwood* dengan izin, di dalam MAS sekarang ini. Oleh kerana yang dibawa masuk Dr. Wafi, sekarang ini Rashdan, banyak diletakan itu di dalam MAS itu *management* tertinggi. Orang yang ada pengalaman, yang berpuluh-puluh tahun dalam MAS tidak dipedulikan.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, kita sangat nampak penukaran saham. Saya ingin membangkitkan keputusan yang diumumkan oleh Tan Sri Azman Mokhtar sebagai Ketua Pengurusan Khazanah Nasional pada 9 Ogos 2011 mengenai dengan pertukaran saham MAS dan AirAsia di mana Khazanah akan memberikan 20.5 peratus saham MAS kepada Dato' Sri Tony Fernandez dan rakannya Dato' Kamarudin Meranun. Mereka kasi berapa? 10 peratus sahaja kepada Khazanah. Khazanah diberi 10 peratus pula opsyen membelikan AirAsia X Sdn. Bhd.. Di mana pada 16 Ogos 2011, Tan Sri Azman Mokhtar sendiri mengatakan dalam satu mesyuarat antara Khazanah dan *Bloggers*, beliau mengakui bahawa opsyen untuk membeli AirAsia X ini adalah satu *dodgy deal, the exact word* dengan izin, *dodgy deal*. Walaupun itu *dodgy deal*, Khazanah masih melantik *investment bankers* Stanley Morgan untuk buat *valuation*.

Apa pengurusan ini? Kalaulah *dodgy*, kita tidak payah hendak lantik *investment bankers* ini. *Investment bankers* ini, Stanley Morgan ini bukan RM2 atau RM3 atau RM2,000 atau RM3,000, mungkin RM10 juta, RM20 juta juga hendak bayar. Kemungkinan pihak tertentu dapat komisenlah atas pelantikan ini sebab Khazanah ini memang amat berminat sebab Azman Mokhtar ini oleh kerana beliau ini adalah latar belakang konsultan.

Bina Fikir Sdn Bhd yang mengendalikan WAU pada tahun 2003 untuk menyelamatkan MAS. Banyak wang yang digunakan untuk *consultancy fees*. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri penjelasan berapakah *consultancy fees* semasa Tan Sri Azman Mokhtar jadi MD kepada Khazanah, berapakah jumlah *consultancy* yang dibayar kepada semua konsultan? Bukannya penukaran saham syer AirAsia dan MAS ini.

■ 2110

Yang Berhormat Menteri menyatakan formula untuk pemegang saham AirAsia dan MAS ini menggunakan harga pasaran pada 5 Ogos 2011. Ini tidak boleh diterima oleh sesiapa yang waras, yang ada *business equipment*, dengan izin. Cuma Kementerian Kewangan sahaja yang boleh terima, kita perlu gunakan *net tangible asset* kerana AirAsia ada aset apa? AirAsia asetnya lobi-melobi sahaja dan putar-belit dalam surat khabar, di mana surat khabar, pemberita bersekongkol dengan beliau. Sentiasa mengatakan MAS, AirAsia ini adalah keuntungan yang besar. Padahalnya kita tengok dalam akaun mereka, adalah bukannya keuntungan semua ini termasuk *unrealized forex gain*. *Unrealized* itu belum dapat lagi tetapi kemungkinan dimasukkan. Kemungkinan *airport tax* yang tidak dibayar kepada MAHB pun masukkan juga di sana. Baru-baru ini RM68 juta yang *airport tax* bayar kepada MAHB. Di mana orang yang tidak terbang, *non travel passenger, non showed passengers*.

Apa yang kita nampak, Yang Berhormat Menteri sendiri bercakap di sini kata ini adalah satu *comprehensive collaboration framework* (CCF), apa 'F' pun saya tidak tahulah. Satu perkataan yang besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan gunakan *collaborative framework* yang diberi oleh Azman Mokhtar. Apa *collaborative framework*? Kerjasama! Apa yang kita tahu kerjasama itu untuk tutup Firefly, hendak bungkuskan Firefly. *Route* yang Firefly terbang itu daripada Johor Bahru ke Kota Kinabalu juga Kuching di *cancel*...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju banyak isu yang hendak dibangkitkan ini.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, saya bangkitkan ini sebab kita melibatkan pemantauan.

Tuan Pengerusi: Maksud saya, banyak isu dibangkitkan sekarang ini yang saya dengar cuma MAS sahaja sama AirAsia. Sebab masa 10 minit Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya. Saya tahu Tuan Pengerusi sebab ini adalah satu isu yang penting, yang melibatkan *national asset* kita. Negara kita tidak boleh memberikan peluang kepada perompak sebegini untuk hendak rompak aset negara kita. Ini menunjukkan satu pentadbiran yang amat tidak baik, pentadbiran bumiputera yang teruk, yang boleh kata memalukan negara kita. Kita memberikan peluang kepada mereka untuk menjaga kepentingan, bukannya terhadap bumiputera sahaja, kepada negara kita tetapi tidak menjaga. Cumanya kerana apa, 'harapkan pagar, pagar makan padi.' Oleh sebab itulah boleh jadi sedemikian.

Saya bangkitkan juga mengenai *insider trading* terhadap saham ini. Pada hari yang tutup saham atau *suspension of the counter* kedua-dua, AirAsia dan MAS, AirAsia sampai harga RM4.20, tidak pernah mencecah RM2 sebelum ini tetapi sampai RM4. MAS ditekan turun baru dapat formula yang demikian. Pada hari buka urus niaga untuk dua-dua kaunter, berapa juta saham dijual? Sejuta lot AirAsia tukar tangan. MAS pun beratus ribu, luar biasa. Ini adalah satu *insider trading*. Walaupun Perdana Menteri sendiri selaku Menteri Kewangan bos kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan satu jawapan dalam Dewan yang mulia ini, 13 Oktober menyatakan SC dan Bursa Saham Kuala Lumpur diarahkan supaya membuat satu siasatan terhadap *insider trading* dan tidak membuat pengumuman kepada KLSC. Akan tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa. Kita tidak dengar pun apa-apa tindakan yang diambil, tidak tengok ataupun bayang SC buat siasatan.

Sekarang kes ini amat jelas kerana AirAsia dan MAS, pengarah mereka tidak membuat satu laporan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur, di mana mereka mesti buat satu pengumuman atau *public announcement* sebelum mereka menandatangani. Satu peraturan yang amat jelas dan bukti yang amat jelas di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, saya hendak beri prinsip-prinsipnya. *Disclosure Guide* Bursa Kuala Lumpur 9.03(2) yang tadi saya sebutkan juga.

“An information is considered material if it is reasonably expected to have a material effect on the -

- (a) *price, value or market activity of any of its securities; or*
- (b) *investors decision in determining his choice of action. In making the assessment of whether an event or information.”*

In making the assessment of whether an event or information is material for the purpose of announcement, it is important for the listed issuer to take into account relevant factors such as the following:

- (a) *the anticipated impact of the information on the listed issuer's entire scope of activities; or*
- (b) *the anticipated impact of the information of the listed issuer's financial position or performance; or*
- (c) *the relevance of the information on the factors that determine the price of the listed securities.*

Ini telah jelas dan juga ada kes Transmile baru ini yang dihukum oleh Hakim Jarjit Bak Singh di *Session Court* Kuala Lumpur, itu yang buat laporan palsu kena satu tahun penjara dan RM300,000 denda. Dalam kes ini tidak ada apa-apa laporan, lagi teruk! Keadaan yang lebih teruk ini *mislead the public*, dengan izin. Apa tindakan, SC masih tidur. Bursa Saham Kuala Lumpur memang tidak berani hendak ambil tindakan sebab dalam Khazanah bos, saham dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Azman Mokhtar adalah bos dia. Kemungkinan semua ini geng-geng yang sama. BinaFikir semua ini.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan di sini, kenapa tidak gunakan *Net Tangible Asset* (NTA) untuk penukaran saham antara dua syarikat ini? Apakah tindakan yang akan diambil dari segi SC dan Bursa Saham Kuala Lumpur terhadap *insider trading*, itu satu. Yang kedua, tidak buat satu pengumuman di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur untuk mempertahankan hak-hak *investing public*, dengan izin, di mana mereka ada peluang sama ada mereka hendak pegang saham AirAsia atau MAS ataupun mereka hendak jual saham yang mereka sedia pegang ataupun mereka hendak beli lebih banyak saham itu. Ini adalah amat penting kerana kita hendak FDI, kita hendak *foreign investor...*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat gulung Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita perlu ada satu *security market* yang amat...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak gulung sekarang. Kita mesti memastikan kita ada satu pasaran *security* yang amat telus, yang amat baik, yang mana pengarah-pengarah dalam syarikat *listed company* ini tidak boleh buat apa-apa kesalahan dari segi *disclosure* ini, untuk mempertahankan hak-hak pelabur walaupun dalam negeri atau di luar negeri. Negara kita sekarang ini hendak menarik pelaburan dari luar negeri. Oleh sebab itulah saya harap Yang Berhormat Menteri janganlah tidak jawab pula, kalau tidak..., ataupun memberikan penjelasan itu melalui jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Selangor. Selepas itu Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Bakri. Sila.

9.09 mlm.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat *keep to the time*. Tidak payah diingatkan supaya teman-teman lain boleh juga berhujah kerana pada malam ini juga kita akan siapkan Kementerian Kewangan ini. Sila.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Okey, mengambil perhatian Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya terus ke fakta-faktanya. Pertama iaitu Butiran 080000 – Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

■ 2120

Saya melihat anggaran perbelanjaan persekutuan dan baca bahawa lebih kurang tiga juta rakyat Malaysia yang mana ditaksirkan dengan cukai tahunan yang bernilai RM97.44 bilion tahun lalu. Saya tidak tahu sama ada, ada atau tidak di antara rakyat Malaysia di cukai tetapi terlepas. Berapakah sebenarnya jumlah rakyat Malaysia yang membayar cukai tahunan mereka dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan pembayar cukai ini tidak terlepas daripada menjalankan tanggungjawab mereka? Ini kerana tidaklah menjadi satu perkara yang munasabah sekiranya hanya tiga juta rakyat Malaysia yang membayar cukai untuk semua lagi rakyat Malaysia yang menggunakan kemudahan yang sedia ada. Oleh yang demikian, saya berharap kementerian dapat memberi makluman kepada saya angka sebenar rakyat Malaysia yang membayar cukai dan jumlah kutipan yang telah kita lakukan daripada mereka.

Seterusnya Butiran 023000 - Sumbangan Kepada NGO yang mana telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain. Ini merupakan satu langkah bijak oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu NGO-NGO untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Saya harap bahawa kementerian harus berhati-hati agar NGO yang menerima bantuan ini menjalankan tanggungjawab mereka memenuhi syarat-syarat yang telah pun diperuntukkan untuk membantu hasrat kerajaan untuk membantu rakyat dan juga ahli-ahli mereka. Siapakah sebenarnya penerima-penerima sumbangan ini dan adakah satu mekanisme untuk mengenal pasti penerima-penerima? Kita juga harus memastikan penerima-penerima ini tidak menyalahgunakan sumbangan-sumbangan yang diberi khasnya sekiranya mereka menggunakan sumbangan lepas itu mengkritik kerajaan sewenang-wenangnya tanpa bukti yang kukuh ataupun menggunakan fitnah-fitnah.

Seterusnya Butiran 023100 – Subsidi Bil Elektrik. Tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memperuntukkan subsidi sebanyak RM150 juta. Soalannya berapa ramai rakyat Malaysia yang dapat merasai subsidi ini?

Seterusnya Butiran 022700 – Pemberian Bantuan Bil Lampu PBT. Sekali lagi saya ingin ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan keprihatinan kerana untuk membantu PBT untuk menyelesaikan tunggakan bil lampu PBT di kawasan-kawasan yang tertentu. Menurut sumber yang saya terima di kawasan Hulu Selangor pihak berkuasa tempatan mempunyai tunggakan lebih kurang RM100,000. Saya harap bantuan ini akan dapat memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di Hulu Selangor.

Saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian sama ada bantuan ini disalurkan kepada kerajaan negeri ataupun disalurkan terus kepada pihak berkuasa tempatan kerana Kementerian Kerja Raya ada menyalurkan bantuan MARIS kepada Kerajaan Negeri Selangor tetapi malangnya bantuan ini tidak sampai kepada pihak berkuasa tempatan. Mungkin disalahgunakan untuk aspek-aspek yang lain. Oleh yang demikian, bagaimanakah Kementerian bercadang untuk mengagihkan bantuan ini kepada PBT-PBT yang berkenaan.

Butiran seterusnya ialah Butiran 020500 – Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol dan Bantuan Tunai. Syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana memberi subsidi daripada RM10.2 bilion tahun lalu kepada RM17 bilion. Saya bagi pihak rakan-rakan saya di Hulu Selangor dan rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan bantuan ini dapat dipakai guna oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang mereka dan juga pegangan politik mereka.

Akhirnya, Butiran 021000 – Bantuan kewangan kepada IWK Sdn. Bhd.. Pada tahun 2011, RM150 juta telah pun diagihkan dan pada tahun 2012 pula RM225 juta diagihkan. Adakah perancangan untuk IWK untuk menjadikan IWK *self-financing* entiti supaya mereka tidak perlu subsidi atau geran daripada kerajaan dan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang memperoleh ataupun menikmati bantuan yang disalurkan kepada IWK ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

9.25 mlm.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.10 Kementerian Kewangan 020400, bersekali dengan 030300 iaitu Pengurusan Belanjawan dan juga Kawalan pemantauan terhadap belanjawan itu sendiri.

Saya seperti yang telah disebut oleh kawan-kawan tadi ingin juga mempersoalkan di manakah peranan, apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian Kewangan kerana kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan terhadap kementerian-kementerian yang lain untuk memastikan bahawa perbelanjaan itu dibuat secara mengikut kaedah yang betul dan tidak mengalami apa-apa ketirisan dan kebocoran ataupun paling tidak mengambil pengajaran daripada apa yang telah pun ditemui oleh Laporan Ketua Audit untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang disebut oleh Laporan Ketua Audit sebelum itu dapat dipastikan supaya benda itu tidak berulang. Namun saya lihat bahawa macam ada pengulangan kepada perkara tersebut walaupun berlaku di kementerian-kementerian yang lain.

Contoh saya katakan bahawa umpamanya kalau dahulu pernah saya lihat saya tidak ingat laporan ketua audit tahun berapa tetapi Kementerian Dalam Negeri membeli beberapa buah kapal terbang untuk kegunaan polis tetapi akhirnya tidak boleh digunakan kerana tidak memenuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Jadi akhirnya mengalami kerugian pada waktu itu dan saya tidak tahu apa jadi dengan kapal terbang tersebut.

Akan tetapi sekarang ini pula dalam Laporan Audit baru-baru ini ditemui bagaimana Kementerian Belia dan Sukan di bawah Majlis Sukan Negara didapati bahawa 23 ekor kuda yang berjumlah RM5.66 juta dibeli dan akhirnya 18 ekor daripada 23 ekor itu yang berjumlah RM3.94 juta tidak layak bertanding. Bermakna tidak boleh hendak digunakan. Bermakna bahawa dia pergi beli itu tidak tengok betul-betul. Hendak sembelih pun tidak boleh. Boleh korbankah? Tidak boleh ya.

Jadi saya menyebut perkara ini menunjukkan bahawa benda ini berulang. Maknanya ketelitian dalam persoalan hendak membeli dan sebagainya tidak ikut syarat-syarat dan piawaian yang ditentukan oleh jabatan standard dan sebagainya. Jadi sebab itu saya hendak tanya juga adakah Kementerian Kewangan perlu tanya ini kuda ini duduk di mana. Mereka buat apa sekarang ini? Itu perlu disebut.

Begitu juga dengan dahulu telah pun disebut di bawah Kementerian Belia dan Sukan bahawa harga yang melebihi daripada harga pasaran umpamanya untuk Institut Latihan Belia dan sebagainya. Sekarang berulang pula dalam kes MARA umpamanya.

Walaupun disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Rembau tadi bahawa ada jawapan daripada MARA berkaitan dengan peserta. Okey, tidak apalah saya mungkin boleh terima peserta bila sudah tidak datang berapa orang dia boleh ambillah tangkap muat sesiapa. Akan tetapi harga barangan yang dibeli untuk latihan ataupun kursus kepada peserta-peserta itu mengikut laporan audit yang mengatakan bahawa harga pasaran lebih rendah daripada harga peralatan yang diperolehi oleh MARA antara 71.9 peratus hingga 400 peratus.

Saya katakan bahawa yang ini bukan dia beli secara mengejut tetapi dia sudah beli daripada awal. Jadi adakah kita hendak mengatakan bahawa ini merupakan jawapan yang boleh diberi oleh MARA mengatakan bahawa ada masalah tertentu maka kita terpaksa beli dengan harga yang mahal daripada harga pasaran sedangkan dia ada masa untuk pergi *check*. Kita dok ajar orang masyarakat dan rakyat dalam berbelanja dalam suasana inflasi yang agak membebankan kita pada hari ini supaya kita pilih mana yang murah tetapi hari ini agensi kerajaan, kementerian sendiri pilih benda yang lebih mahal daripada harga pasaran.

Jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya daripada pihak Kementerian Kewangan apa kaedah yang telah dilakukan oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa teguran-teguran yang dibuat oleh audit ini dapat dipatuhi oleh kementerian-kementerian lain yang mana belanjawan mereka disediakan oleh Kementerian Kewangan sendiri.

Kemudian saya hendak sentuh berkaitan dengan B.10 iaitu Butiran 060000 – Perkhidmatan Kastam.

■ 2130

Baru ini timbul isu Tuan Pengerusi, cukai perkhidmatan untuk kad telefon *prepaid*, kecoh. Bila belanjawan sebelum ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan menaikkan cukai 1 peratus daripada 5 peratus kepada 6 peratus. Tiba-tiba baru-baru ini syarikat-syarikat telco ini telah pun mengenakan cukai perkhidmatan itu ke atas pengguna. Kalau sebelum ini mereka kata mereka serap dalam kos operasi mereka, mereka tidak ambillah, mereka kata sikit sangat tetapi atas alasan kerana mungkin beban kos pengurusan yang agak tinggi, mereka katakan bahawa mereka kena pindahkan perkara itu kepada pengguna. Jadi kerajaan macam terkejut, Perdana Menteri sendiri terkejut padahal Perdana Menteri sendiri yang mengumumkan kenaikan tersebut.

Saya hendak sebut di sini bahawa dalam hal ini isunya bukan salah syarikat telco, syarikat telco sebenarnya ejen pengutip cukai perkhidmatan walaupun ada perkara lain yang saya tidak bersetuju dengan syarikat telco dari segi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah semalam. Akan tetapi dalam konteks cukai perkhidmatan ini syarikat telco ini hanya menjadi ejen kepada pihak kerajaan untuk mengutip cukai daripada pengguna. Jadi yang mengenakan cukai ini adalah kerajaan. Apa yang saya hendak bangkitkan pertama sekali ialah penangguhan yang dikatakan diumumkan oleh Menteri Penerangan bahawa penangguhan terhadap cukai tersebut ke atas pengguna itu sampai bila. Syarikat terus membayar, saya percaya mungkin syarikat terus membayar pada kerajaan tetapi sampai bila syarikat ini boleh tahan untuk mereka tidak pindahkan kepada pengguna, itu satu.

Keduanya ialah cukai perkhidmatan ini, saya faham Tuan Pengerusi sebab itu saya hendak kepada pihak kementerian. Cukai perkhidmatan, kita masuk kedai KFC, McDonalds ataupun restoran besar-besar, cukai perkhidmatan 6 peratus. Kita makan, RM30, 6 peratus, jadi kita pun bayarlah cukai sebab kita telah pun menggunakan perkhidmatan, perkhidmatan itu dah masuk dalam perut kita. Makanan yang kita makan, yang disediakan dah masuk dalam perut kita, okeylah kita bayar cukai. Macam itu juga dalam konteks telefon mudah alih kita, *postpaid*. Maknanya cukup bulan bil sampai, kita dah guna. Yang ini, kad *prepaid* ini, kita belum guna dia dah sebat cukai.

Jadi bagi saya bahawa sangat bertentanganlah prinsip cukai perkhidmatan iaitu saya faham bahawa cukai perkhidmatan ialah bayar cukai kepada perkhidmatan yang kita guna. Sedangkan *prepaid* ini, cukai dikenakan ke atas kita yang mana perkhidmatan itu belum kita guna, kita sudah melabur kepada mereka.

Jadi saya katakan bahawa ini sesuatu yang tidak wajar untuk dikenakan ke atas masyarakat khususnya para pengguna dan saya minta bahawa khususnya untuk telefon *prepaid* ini supaya tidak dikenakan apa-apa cukai kerana pertama sekali kebanyakan mereka adalah pelajar-pelajar ataupun mahasiswa, golongan muda yang tidak punya pendapatan yang mencukupi. Jadi sebab itu saya minta supaya tidak dikenakan cukai.

Manakala yang kedua akhir Tuan Pengerusi, berapakah kehilangan duti import daripada barang-barang mewah yang telah disebut dalam belanjawan dulu iaitu penghapusan duti import ini kerana saya agak keliru dan rakan-rakan juga keliru bila sebelum ini menteri MITI mengatakan bahawa hampir RM1 bilion, kelmarin Menteri Kewangan II mengatakan dalam lingkungan RM300 juta. Jadi mana satu kehilangan duti import ini. Saya kira ini menunjukkan bahawa kita telah kehilangan satu sumber pendapatan sebab ini bukan barangan yang diguna pakai oleh orang-orang kebanyakan tetapi orang-orang yang sudah tentu hidup mewah dan sebagainya yang mampu untuk menggunakan barang-barang seperti ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi iaitu berkaitan dengan, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan isu cincin RM24 juta ini sebab pihak Kastam telah pun memperakui bahawa cincin itu memang masuk dan Menteri daripada Padang Rengas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri jawab bahawa cincin itu masuk dan keluar balik. Saya pun tidak tahu macam mana masuk, adakah macam pakai tikar terbang, gambar P. Ramlee, "*Zam-zam ala kazam*", tetapi ia masuk, kastam dapat tahu. Isunya ialah dia masuk untuk mendapat pengecualian cukai, dia memohon untuk dikecualikan cukai ke atas dia. Saya tidak melihat bahawa, disebut bahawa dibawa masuk itu untuk tujuan pameran. Daripada dokumen kastam itu, yang kita lihat tidak pun menyebut bahawa asas alasan untuk dikecualikan cukai kerana dibawa masuk untuk tujuan pameran, tidak ada. Dibawa masuk itu ada nama pembawa masuk itu, maknanya nama empunya untuk siapa.

Jadi saya lihat bahawa seolah-olah di sini bahawa isu itu keluar balik, cincin itu keluar balik apabila timbul kekecohan yang berlaku. Jadi saya melihat bahawa di sini seolah-olah kerajaan telah kehilangan cukai. Apa kriteria pengecualian cukai itu yang boleh kita berikan kepada barang permata yang sebegini rupa. Apakah kriterianya? Adakah kerana hendak membuat pameran, okey adakah dimaklumkan kepada pihak kerajaan, pihak Kastam bahawa pameran di mana sebelum mereka, masa mereka hendak memohon itu. Sepatutnya bagi saya begitulah, dia hendak mohon kerana tujuan pameran, bila, di mana, siapa yang hendak tengok, adakah guru Kemas daripada kawasan Pokok Sena hendak tengok cincin RM24 juta ini kot-kot ada, isi borang e-Kasih untuk hendak beli cincin RM24 juta, kot-kot macam itu. Kita hendak tahu, siapa, di mana majlis itu diadakan.

Sebab hari ini timbul pelbagai andaian yang saya kira bahawa perlu kepada satu penjelasan daripada pihak kerajaan untuk memastikan supaya perkara-perkara yang menyebabkan kehilangan kepada hasil pendapatan negara kita ini untuk kepentingan-kepentingan golongan yang mempunyai kehidupan yang mewah ini. Saya kira bahawa adalah tidak adil kepada golongan miskin melarat yang ada di kampung-kampung. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong, selepas Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Silam bersedia.

9.37 min.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, muka surat 182 – 010000 dan 010500 - Kerajaan Elektronik dan 010700 – Pengurusan Teknologi Maklumat serta 020000 – Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber dan 020300 - Analisa Ekonomi dan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, pada akhir-akhir ini saya ada nampak Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan. Walaupun di dalam Dewan yang mulia ini kita ada jawapan daripada Menteri dan juga Timbalan Menteri untuk isu-isu ekonomi tetapi untuk keseluruhannya di negara ini saya nampak ada kurang sikit daripada Perbendaharaan terutamanya mengenai analisis ekonomi dan sumber sama ada di dalam negeri ataupun antarabangsa. Sebelum saya mendalami hal ini, cukuplah saya bertanya di sini, untuk kerajaan elektronik diperuntukkan RM5 juta dan juga untuk pengurusan teknologi maklumat, RM5.5 juta.

Saya hendak tahu macam mana dan bagaimana sistem ini dapat dipertingkatkan, yang pentingnya apakah syarikat yang dilantik untuk memperbaiki keadaan sistem perolehan elektronik yang dianggap dan diharapkan menjadi sistem bertaraf dunia. Kalau kita hendak mencapai taraf dunia, ini bermakna kita mesti ada lantik syarikat-syarikat yang bertaraf dunia untuk mengurus membantu kita meningkatkan sistem elektronik kita dan juga sistem taklimat teknologi maklumat kita.

■ 2140

Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kita apakah syarikat yang kita gunakan dan apakah hasilnya. Kita perlu meningkatkan kerajaan elektronik untuk mengautomasikan dan juga untuk menyumbang kepada sistem perolehan elektronik yang dikatakan hendak kita tingkatkan ketelusan dari segi perolehan.

Tuan Pengerusi, saya sebutkan hal perbendaharaan ini lemah sedikit untuk memberi analisis dan maklumat terhadap ekonomi di dalam negara dan antarabangsa. Misalnya mengenai krisis zon Euro. Krisis zon euro sekarang dia minta bantuan daripada China untuk menyelesaikan masalah seperti krisis di Yunan dan sebagainya. Apakah kesan kepada negara kita? Dari semasa ke semasa saya nampak Bank Negara misalnya ada membuat kenyataan mengenai sesuatu perkara tetapi Perbendaharaan itu kurang sedikit seolah-olah Bank Negara mengeluarkan kenyataan itu sudah cukup walhal Perbendaharaan mestilah lebih aktif. Mungkin Yang Berhormat dapat mengkaji semula bagaimana kita dapat mempertingkatkan kerana itu yang diminta sekarang. Misalnya untuk perkhidmatan analisis kita diminta kalau tidak silap saya hampir RM30 juta. Dengan ini dikatakan kita hendak menilai kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa bagi membantu pengubalan dasar fiskal dan kewangan supaya negara terus memperoleh pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seterusnya menentukan supaya Malaysia diberikan penilaian penarafan yang tinggi oleh agensi-agensi penilai seperti Standard & Poor's dan Moody's serta agensi-agensi antarabangsa yang lain seperti IMF, Bank Dunia, ADB dan sebagainya.

Di sini misalnya Tuan Pengerusi, MF Global yang mempunyai aset USD28.7 bilion sudah mengisytiharkan bankrap ataupun memohon kebangkrapan. Kalau dibandingkan Lehman Brothers tidak begitu besar tetapi besar juga kalau kita kira hampir RM100 bilion negara ini. Apakah kesan kebangkrapan MF Global ini? Saya percaya Perbendaharaan mestilah mengeluarkan kenyataan mengenainya. Apakah kesan terhadap kita selain daripada krisis zon Euro dan juga sekarang Jepun. Menteri Kewangan Jepun campur tangan di dalam Yen. Jualkan Yen untuk menyelamatkan kedudukan ekonomi Jepun. Apakah kesan ke atas Malaysia dengan tindakan Menteri Kewangan Jepun itu? Saya belum tahu lagi. Mungkin seterusnya ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab.

Seterusnya mengenai banjir besar di Thailand. Apakah kesan ke atas Malaysia dan kawasan Asia ini? Kita nampak pelaburan asing di Thailand misalnya tidak begitu baik. Kalau tahun lepas USD5.8 bilion berbanding dengan Indonesia USD13.3 bilion. Itu Indonesia lebih baik dari Malaysia itu. Walau bagaimanapun apakah kesan banjir besar ke atas pelaburan asing di Thailand dan adakah ini akan menguntungkan negara kita? Semua ini mestilah kita dapat laporan dari Perbendaharaan kita kerana maklumlah kita minta RM4.7 bilion untuk tahun hadapan. Dengan wang yang begitu banyak saya berharap hasil dan keberkesanan Kementerian Kewangan Perbendaharaan kita akan ditingkatkan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembahagian pendapatan yang lebih seimbang selari dengan dasar-dasar kerajaan yang sering disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan ini saya berharap jawapan dapat diberi supaya kita sama-sama boleh melihat atau menyaksikan Perbendaharaan mempertingkatkan aktiviti termasuk analisis ekonomi kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Silam. Selepas Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Indera Mahkota, selepas itu Yang Berhormat Bakri. Kalau tidak ada lagi saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Silam.

9.47 mlm.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan membahaskan butiran dalam Butiran 020000, 020300, 030000 dalam 030100, 030200 dan 030300.

Dari segi pertumbuhan ekonomi negara kita Tuan Pengerusi pada tahun hadapan dijangkakan akan tumbuh pada kadar 6.5 peratus berikutan daripada laporan kewangan antarabangsa. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan supaya dapat memberi perhatian tentang perancangan dari segi aktiviti analisa ekonomi yang akan dibuat oleh Kementerian Kewangan. Ini terutamanya dalam kita menilai bagaimana sektor pelaburan ekonomi yang perlu diambil perhatian yang boleh memberikan impak yang baik dan keuntungan kepada negara Malaysia terutamanya kepada kawasan-kawasan industri wilayah yang telah diwujudkan di beberapa negeri. Terutamanya seperti di Sabah kita ada *Sabah Development Corridor* dan kita tahu dari segi pertumbuhan itu kebetulan Kota Kinabalu sebagai *gateway* utama untuk ke negeri Sabah. Pada masa yang sama juga kita melihat terutamanya di kawasan Pantai Timur apabila pembangunan *Sabah Development Corridor* yang merangkumi daerah Lahad Datu, kita dapati di sana dari segi disesuaikan dalam Bajet 2012 yang menekankan pertumbuhan industri kelapa sawit.

■ 2150

Saya mahu mengetahui sejauh mana nanti perancangan pihak Kementerian Kewangan untuk menarik pelabur ke kawasan koridor tersebut, sebab kita melihat dari segi pertumbuhannya, walaupun kita mendapat maklumat ramai..., ramai yang berminat untuk melabur, dan ini penting sebab kita tahu, walaupun dari segi pertumbuhan ekonomi negara kita ini di serata dunia agak lembap dalam 2012 ini, namun kita lihat, negara-negara Asia Tenggara, terutamanya Asia Timur Laut ini dari segi pertumbuhan itu, masih dalam keadaan yang baik dan kadar pertumbuhannya masih rancak.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan dari segi saranan kepada pihak-pihak tertentu terutamanya untuk menarik pelabur ini, adakah khusus FDI ini akan semuanya bergantung harap kepada FDI daripada luar negara, ataupun dalam keadaan sifat domestik itu supaya dapat dikembangkan sebab ini penting untuk mengukuhkan dari segi aktiviti ekonomi, supaya *spill over* dan *stakeholder* yang berkaitan ini akan memanfaatkan pembangunan yang diberikan di situ, dan lagipun oleh sebab sektor zon pantai timur daripada Sandakan sampai ke kawasan Tawau ini, termasuk dalam BIMP-EAGA dan ini dari segi populasi pun lebih kurang RM2 juta lebih, jadi perlu supaya kita dapat satu panduan yang jelas peranan Kementerian Kewangan untuk memastikan dari segi penarikan pelaburan ini dapat dimanfaatkan dan jelas, kalau kerajaan menekankan kepada pembangunan holistik maka penting bagi kerajaan untuk memastikan peluang-peluang ini dapat dimanfaatkan.

Kita mahu industri hiliran di daerah Lahad Datu terutamanya dalam POIC dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan pelaburan itu kita kena pelbagaikan mungkin juga Kementerian Kewangan ini dapat berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah dari segi cuba memikirkan pemilikan untuk pelaburan ketika mereka masuk ke negeri Sabah dapat disesuaikan dengan tuntutan semasa, untuk mungkin memberi kelonggaran dan pelepasan cukai yang bersesuaian bagi boleh menjana pertumbuhan ekonomi dan aktiviti persekitaran. Ini kerana kita tahu di kawasan tersebut terutamanya di kawasan Parlimen Silam *insya-Allah* nanti, bila lapangan terbang baru yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, akan memberi daya tarikan kepada pelabur datang ke kawasan pantai timur Negeri Sabah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya menyentuh butiran pengurusan kewangan strategik ini sebab kita kalau dari segi jumlah pelaburan terutamanya di Koridor Pantai Timur Negeri Sabah ini, jumlahnya memang agak besar, berbilion disediakan, namun saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan, dari segi *monitoring* pengurusan kewangan strategik ini mengambil tahu, dan kita hendak mengetahui juga terutama sumbangannya - adakah pengurusan kewangan bila diperolehi untuk pelaburan itu, semata-mata berada kepada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Pada masa yang sama saya ingin mengetahui sumbangan pengurusan kewangan ini dari segi pembahagiannya, terutama kepada kawasan yang termasuk dalam pembangunan koridor di negeri Sabah, sebab kita melihat perkara ini kita hendak mengetahui secara jelasnya supaya kita dapat mungkin, dari segi *input*, bagaimana kaedah dan sistem pengurusan itu lebih banyak mendatangkan keuntungan kepada masyarakat setempat.

Tuan Pengerusi kita tahu kerajaan pun telah memutuskan bahawa kawasan pantai timur negeri Sabah terutamanya zon Parlimen Silam merupakan Pusat Akuakultur Negara.

Jadi dari segi sektor ini saya berharap adakah Kementerian Kewangan memikirkan untuk menarik pelaburan daripada luar negara dalam bidang akuakultur ini, sebab sudah pun diwartakan kawasan tersebut lebih daripada dua tahun. Namun, saya nampak dari segi pergerakan aktiviti pelaburan dalam bidang yang berkaitan belum lagi dan kelihatan seolah-olah kegagalan pihak kerajaan untuk melihat sesuatu bidang yang bersesuaian yang sedangkan di peringkat awal apabila kerajaan memutuskan industri akuakultur negara dipilih, diletakkan di kawasan Parlimen Silam yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan memberi ruang, peluang kepada aktiviti ekonomi masyarakat setempat di kawasan pantai timur negeri Sabah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Pemberian Kemudahan Projek Khas. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan iaitu Butiran 2021900 - Pemberian Kemudahan Projek Khas ini, saya ingin tahu spesifiknya, apa yang akan ditekankan oleh Kementerian Kewangan sebab kita kalau boleh dari segi prasarana, baik dalam mungkin kalau misalnya hendak menaik taraf kemudahan-kemudahan sektor pelaburan ataupun yang berkaitan dengan perekonomian sangat penting supaya saya mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk mewujudkan satu prasarana yang bersesuaian dalam penekanan dalam bajet baru-baru ini iaitu industri IKS yang kita tahu boleh menyumbang kepada memberi peluang-peluang pekerjaan terutamanya di sektor-sektor pertanian dan yang menekankan terutamanya kawasan-kawasan Parlimen, di kawasan luar bandar.

Oleh sebab ini penting Tuan Pengerusi untuk kita kenal pasti supaya pembaziran itu tidak berlaku, sebab pada saya teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara itu kita perlu mengambil sudut pemikiran yang terbuka dalam perspektif yang positif dan negatifnya mungkin. Kalau dari segi negatifnya kita nampak pengurusan terutamanya pihak-pihak sahabat kita daripada Pihak Pembangkang yang mungkin mengkritik kerajaan dari segi pengurusan dan di sini kita mahu melihat bila nanti pemberian kemudahan projek khas ini dapat dimanfaatkan, dapat *diutilisedkan* dengan baik, dengan izin, supaya ianya bertepatan dengan kehendak tempatan.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan Butiran 022700 - Pemberian Bantuan Bil Lampu Kepada PBT. Di negeri Sabah khususnya saya nampak ada beberapa daerah yang mungkin kurang kemampuan dari segi membayar bil-bil lampu ini, dan saya berharap supaya Kementerian Kewangan memberikan peruntukan yang lebih besar terutamanya kepada negeri Sabah dalam perkara ini supaya dapat menampung dan membantu pihak-pihak berkuasa tempatan bagi urusan tersebut, sebab kita mahu melihat supaya perasaan suka kepada negara dan suka kepada semua pihak itu dapat lahir dengan secara semula jadi. Kita tidak mahu melihat seolah-olah pihak ataupun rakyat yang cuba dianaktirikan.

Jadi kita faham bahawa setiap apa yang dirancang oleh kerajaan itu adalah untuk kebaikan rakyat dan sudah tentu kita mengharapkan supaya pihak kerajaan itu dapat menunaikan tanggungjawab ini dan pemberian ini dapat disalurkan dengan sebaiknya dan lebih-lebih lagi kemudahan ini oleh pihak berkuasa tempatan sendiri di negeri Sabah. Kita dapati dari segi mereka untuk mencari hasil ataupun pendapatan pun begitu terhad. Jadi sekurang-kurangnya kalau ada bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, bantuan seumpama ini akan setidak-tidaknya dapat meringankan belanja mengurus ataupun mentadbir dalam bidang tersebut.

■ 2200

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 023200 – Skim Amanah Rakyat 1Malaysia terutamanya di negeri Sabah. Kita mahu mengetahui daripada Kementerian Kewangan institusi perbankan ataupun institusi kewangan yang dinamakan untuk menjadi peneraju bagi memberi skim tersebut kepada rakyat.

Dari segi kelayakan, kita pun hendak mengetahui untuk individu yang bagaimana yang *qualified*, dengan izin, untuk memohon skim-skim tersebut. Saya berharap prioriti itu diberikan kepada yang tersenarai dalam e-Kasih supaya kita dapat betul-betul membantu masyarakat miskin yang boleh mereka dari segi masa hadapannya itu boleh melihat peluang dan ruang yang mereka ada pada diri mereka itu sendiri. Ini sudah tentu akan mendorong mereka untuk membuat sesuatu yang terbaik kepada diri mereka.

Saya menyarankan juga kepada pihak Kementerian Kewangan dalam skim ini supaya memberi penjelasan yang baik kepada masyarakat setempat dan tidak membiarkan hanya institusi yang berkaitan untuk memberi penjelasan. Ini kerana kita dapati mungkin ada di kalangan institusi tersebut hanya lebih mengkhususkan kepada pelanggan yang mereka sudah kenal pasti. Kita mahu juga dari segi prasyarat dan individu yang layak supaya kebiasaan untuk menabung dan mungkin kalau adapun yang disyaratkan oleh pihak kerajaan dalam memperoleh skim ini, kita perjelaskan kepada rakyat. Apa yang penting, *the end of the product* itu ada hasil kepada rakyat itu sendiri yang secara tidak langsungnya kita akan dapat memastikan sekurang-kurangnya mereka boleh keluar daripada miskin tegar untuk menjadi satu individu yang baik.

Kita berharap supaya Kementerian Kewangan ini betul-betul merangka satu kewangan yang terbaik dan memberi ruang dan peluang yang sebaiknya kepada negeri Sabah dari segi peruntukan ini supaya kita sama-sama sekurang-kurangnya berusaha untuk meningkatkan aktiviti ekonomi bagi suasana mengembangkan dari segi pembangunan secara menyeluruh di negeri Sabah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Indera Mahkota. Selepas itu Yang Berhormat Bakri dan selepas itu Yang Berhormat Menteri tolong jawab.

10.02 mlm.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertamanya hendak bertanya berkenaan dengan Butiran 020500 iaitu subsidi untuk LPG, diesel dan juga pemberian-pemberian.

Mengikut daripada Butiran 020500, kita meletakkan angka RM17 bilion sebagai bayaran ataupun caj untuk kenaikan-kenaikan yang disebutkan tadi. Akan tetapi saya minta supaya merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa keseluruhan –pertama, kedua dan ketiga berkenaan dengan liter petrol RON95, diesel, gas memasak dan beberapa item juga diletakkan keseluruhannya berjumlah RM33.2 bilion. Satu perbezaan yang besar, hampir 100 peratus. Saya hendak tanya, berapakah jumlah yang sebenar yang menyentuh berkenaan dengan subsidi seperti yang disebutkan?

Seterusnya saya hendak minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, bagaimanakah kedudukan Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana soalan yang sama pada tahun lepas dibangkitkan yang dijawab dan diberi pengesahan oleh pihak Yang Berhormat Menteri bahawa kedudukan atau jumlah Kumpulan wang Luar Jangka mestilah pada setiap masa mesti berjumlah RM1.5 bilion. Semakan saya pada ketika ini, jumlah atau peruntukan kepada Kumpulan Wang Luar Jangka hanya berada di kadar atau paras RM79 juta sahaja. Bermakna, perbezaan lebih daripada RM1.4 bilion. Kenapa perkara ini boleh berlaku dan apakah alasan yang menyebabkan peruntukan kepada Kumpulan Wang Luar Jangka ini begitu menurun dengan kadar yang sangat signifikan pada masa sekarang?

Saya juga hendak bertanya berkenaan dengan aspek *one-off* dalam Butiran 110000 iaitu peruntukan untuk Panel Kajian Semula Cukai (GST) yang kita berikan peruntukan sebanyak RM11.08 juta. Kajian ini sedang dilakukan oleh satu syarikat yang kita lantik, perunding dan sebagainya, tidak dilakukan oleh pihak Kastam Diraja Malaysia mahupun Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagaimana yang dikatakan ada perpindahan dari segi pelaksanaannya. Saya memahami bahawa sekarang ada perubahan dari segi agensi pelaksana. Oleh sebab itu, banyak kali dikatakan bahawa kedudukan ini telah berpindah kepada Lembaga hasil Dalam Negeri untuk pelaksanaan.

Jadi adakah perbelanjaan yang kita keluarkan untuk Panel Kajian Semula Cukai (GST) ini telah mengambil kira bahawa kedudukan terakhir ini dipindahkan kepada pelaksanaan di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri? Apa telah berlaku kepada perbelanjaan sebelum daripada ini iaitu pada tahun lepas, yang mana peruntukan yang sama juga telah dikeluarkan kepada pihak Kastam Diraja Malaysia kerana jumlah itu telah dikatakan sebagai persiapan untuk infrastruktur kepada pihak Kastam Diraja Malaysia terutamanya dalam membangunkan pangkalan-pangkalan data untuk menerima sistem ini. Saya hendak tahu apakah kedudukan terkini dalam hal ini.

Begitu juga Butiran 020100 iaitu berkenaan Analisa Cukai. Saya ada bertanyakan sama ada, ada sebagai alternatif kepada sistem percukaian yang ada sebagaimana disebut pada kali ini tidak ada satu insentif secara langsung telah diberi atau ditawarkan kepada golongan bawahan atau golongan pembayar cukai biasa, sebaliknya ada 21 galakan atau insentif telah ditawarkan kepada pihak industri, pihak pelabur berskala besar dan terutamanya pihak yang telah pun sepatutnya terikat (pembayar cukai tetap kepada negara) tetapi kita tawarkan 21 insentif kepada mereka menjadikan mereka sebagai golongan yang mendapat habuan tertinggi dalam pengecualian cukai.

Daripada situ saya melihat ada kehilangan hasil atau tolakan hasil berjumlah RM1.4 bilion yang diambil kira sebagai jumlah yang ditolak daripada jangkakan hasil keseluruhan iaitu RM137 bilion. Ia ditolak kerana menganggap itu adalah hasil ataupun jumlah keseluruhan kepada cukai-cukai yang dilepaskan ataupun dikecualikan lanjutan daripada 21 insentif yang kita tawarkan dalam Belanjawan baru-baru ini.

Saya juga hendak tanya adakah kemungkinan kerajaan untuk melaksanakan *alternative minimum tax* yang mana dirasakan bahawa adalah tidak adil sekiranya kita membuat persiapan untuk pelaksanaan GST, kita tidak mengikat golongan kaya, golongan yang selama ini menjadi penyumbang kepada hasil negara secara tradisi tetapi mereka ditawarkan banyak insentif menjadikan mereka sesetengah atau sebahagiannya terlepas ataupun langsung barang kali tidak ada cukai yang berupaya kita kutip daripada golongan ini disebabkan oleh kedudukan insentif yang kita tawarkan. Adakah kerajaan bersedia untuk melaksanakan *alternative minimum tax* ini supaya mereka terikat, tidak boleh menjadi golongan yang tidak perlu membayar cukai langsung di dalam negara kita di samping melihat aspek keadilan tadi. Akan tetapi adakah kita berminat ataupun merasakan perlu?

Ini juga berlawanan dengan aspek analisa cukai yang kita hendak bawa iaitu meletakkan satu *Buffett Tax* yang sekarang sedang dibicarakan, sedang dicadangkan supaya sebagai langkah di masa hadapan sekiranya betul apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam menyatakan bahawa GST tidak akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Akan tetapi, tidak bermakna tidak akan dilaksanakan. Walaupun jawapan itu dikatakan tidak meyakinkan, saya masih lagi percaya atas sifat ataupun persediaan dibuat termasuk peruntukan yang diberi untuk panel kajian dan sebagainya, saya masih yakin bahawa GST tetap akan dilaksanakan.

■ 2210

Buat sementara ini adakah kita akan meletakkan *barcode tax* sebagai cadangan awal, sebagai permulaan untuk melihat sama ada GST itu boleh diterima atau sistem yang ada itu boleh diterima pakai kemudian hari selepas segala infrastruktur yang telah kita persiapkan untuk sistem tersebut.

Butiran 022300 Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penebusan semula bon dana harta usul yang kita peruntukan sebanyak RM967 juta. Tahun lepas kita juga ada peruntukan jumlah yang hampir sama RM923 juta iaitu untuk menebus bon-bon yang telah kita keluarkan selama hari ini dan jumlahnya dua tahun RM bilion. Saya hendak pengesahan daripada pihak Menteri. Berapakah sebenarnya jumlah terkini tanggungan bon-bon yang tertunggak, yang ada di dalam pasaran kita? Ini agak mengelirukan juga kerana ada satu fakta yang dikeluarkan Bank Pembangunan Asia (ADB). Mengatakan kita berlaku kenaikan atau pertumbuhan pada kadar *accumulative* yang sangat tinggi iaitu 13.6 peratus setahun. Saya petik dalam keluaran ADB.

Jumlah ini dikatakan sebagai kerajaan Malaysia menjadi pengeluar bon dalam bentuk bon perbendaharaan ataupun *treasury* bon dengan izin. Juga penerbitan pelaburan kerajaan atau *government investment issues* dengan izin, yang tertunggak sehingga akhir tahun 2010 berjumlah RM445.6 bilion. Berdasarkan pada sifat penebusan semula bon, ini yang tercatat ini hanya yang dikeluarkan oleh khusus untuk bon yang dikeluarkan di dana harta usul berjumlah RM2 bilion dalam masa dua tahun.

Tuan Pengerusi: Seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya?

Tuan Pengerusi: Seminit lagi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya lihat dari aspek kematangan ini untuk tahun 2011 sahaja, sekuriti kerajaan dan pelaburan kerajaan tadi – terbitan kerajaan tadi akan matang mencecah RM44.5 bilion. Ini hampir dua kali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya, tahun 2010. Saya hendak tanya apakah persediaan kita untuk *cushion* kedudukan ini kerana yang kita peruntukan hanya kurang daripada RM1 bilion RM967 juta sahaja setahun. Bermakna *accumulative* nya akan lebih besar daripada 13.6 peratus sebagaimana yang dijangkakan oleh ADB.

Saya rasa yang terakhirnya, sekiranya kita ada cadangan, saya juga hendak melihat bahawa pelaksanaan dalam aspek pengecualian seperti yang saya bangkitkan semalam. Iaitu tentang pengecualian terhadap surat cara perjanjian pinjaman perumahan yang kita tawarkan pada rakyat Malaysia untuk memiliki rumah. Ada *discrepancies* tidak ketara semalam tetapi kita tidak dapat jawapan. Saya dengar pihak Menteri mengatakan akan ada satu pembetulan dibuat sekiranya kita terima di peringkat Jawatankuasa pada hari ini tanpa ada pindaan atau cadangan daripada pihak Menteri untuk mencadangkan pindaan tersebut. Maka saya tidak pasti bilakah cadangan itu hendak dibawa di dalam Dewan untuk meminda semula, menambah tempoh ataupun jumlah mata wang itu. Untuk membolehkan pengecualian kita tawar itu efektif atau berkesan ataupun menjadi legal untuk kita praktikkan dalam urusan kita. Terutama untuk melihat pertambahan atau galakan orang untuk memiliki rumah. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bakri. Nampak gaya malam ini hendaklah kita selesai. *Target* kita malam ini Menteri Kewangan mesti selesai. Jadi, tidak apalah, esok saya akan bersikap tidak adil lagi kepada mereka yang belum berucap. Saya nanti limit kepada tiga-tiga orang sahaja bercakap.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat bercakap tolong janganlah sampai diberi ingat masa. Kita pun ada kerja juga untuk mengawal masa. Sama-samalah kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan, yang lain itu tidak usahlah menyampuk... *[Ketawa]* Yang Berhormat Bakri.

10.15 mlm.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh di bawah P.10 Butiran 95000 – 1MDB. Saya minta penjelasan berapakah kos yang terlibat dalam kempen meningkatkan dana di Pulau Pinang pada 26 September 2011? Senaraikan kos untuk sebuah basikal yang diberi dan senaraikan nama syarikat yang bertanggungjawab atas pemberian basikal ini? Adakah basikal ini diberi sebagai hadiah kepada pelajar-pelajar yang menyertai kempen ini? Sekian terima kasih Tuan Pengerusi... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat saya serius. Saya akan berunding dengan timbalan-timbalan saya. Kami akan lihat balik statistik siapa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terlampau banyak menggunakan masa, saya akan selaraskan pada masa-masa akan datang untuk dipanggil dalam apa segi perbahasan pun. Ini kerana ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang hiperaktif. Sila Yang Berhormat Kapit.

10.16 mlm.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menumpu kepada Maksud B.12 Butiran 110000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) yang diberi anggaran RM200 juta untuk tahun hadapan.

Jadi soalan saya, saya minta penjelasan dari kementerian ini. Bagaimanakah wang ini akan disampaikan kepada murid-murid yang sepatutnya mendapat bantuan ini nanti? Saya bertanya oleh kerana terdahulunya kita tahu ialah di salur melalui Kementerian Pelajaran. Di mana cikgu-cikgu di sekolah-sekolah memang mengetahui sesiapa murid-murid yang sepatutnya layak mendapat bantuan ini. Akan tetapi dari tahun yang lepas sepertimana yang saya telah difahamkan oleh pihak sekolah tidak ada lagi KWAPM ini diberi hanya melalui e-Kasih.

Di situlah timbulnya masalah oleh kerana murid-murid sekolah ini yang sepatutnya layak mendapat bantuan ini tidak dapat tersenarai dalam e-Kasih. Ia amat mengelirukan dan yang lebih perit sekali oleh kerana bebanan kepada ibu bapa murid-murid yang miskin itu adalah begitu ketara sekali. Jadi ini banyak menimbulkan masalah. Cuma sekali lagi sebelum saya duduk Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada kementerian, bagaimanakah KWAPM ini akan disalurkan kepada sasaran iaitu murid yang miskin? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

10.19 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau boleh dalam 15 minit, saya akan dapat tidur nyenyak malam ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri ini menjawab setakat 10.30 ataupun menjawab seluruhnya? Saya ingin bertanya sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak apa saya nanti yang menentukan Yang Berhormat terima kasih... *[Ketawa]* Terima kasih sila Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyumbangkan pandangan dan juga cadangan kepada peruntukan di bawah Kementerian Kewangan. Cuma saya hendak sebut peringkat awalnya iaitu beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. perkara ini adalah merupakan keputusan yang telah pun dibuat oleh kerajaan. Jadi pandangan-pandangan Yang Berhormat sudah tentu akan diambil kira ataupun sekurang-kurangnya didengari oleh kerajaan. Akan tetapi saya memohon supaya tidak ada di kalangan kita yang begitu ingin melihat bahawa semua keputusan yang dibuat oleh kerajaan ini ditukar. Oleh kerana pandangan Yang Berhormat Yang Berhormat yang mungkin berbeza.

■ **2220**

Ada banyak pandangan yang merupakan persamaan tetapi ada juga pandangan yang berbeza. Pandangan-pandangan ini sudah tentu didengar tetapi kalau didengar daripada segi nada hujah-hujah yang dibuat seolah-olah begitu marah, seolah-olah begitu mengharap supaya perkara ini ditukar mengikut kehendak Yang Berhormat. Maka saya rasa ini tidaklah semestinya berlaku. Banyak perkara yang ditimbulkan ialah di atas tindakan kerajaan untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang merupakan pemain yang aktif selari dengan tuntutan dunia dan masa dalam ekonomi dunia. Apabila negara mengambil tindakan untuk bersaing untuk menjadi lebih efisien untuk memastikan bahawa negara kita mampu menjadi sebuah negara maju pada satu masa dan perlu menukar cara kita melaksanakan setengah-setengah perkara. Maka pertimbangannya adalah pertimbangan yang besar. Apabila ianya tidak semestinya dipersetujui oleh kita, maka di sinilah kita harus menerima perbezaan.

Jadi, itu sebagai mukadimah Tuan Pengerusi supaya walaupun kita ada perbezaan pandangan nanti, janganlah kita merasa terlalu kecewa kerana ini hakikat lumrah hidup. Kerajaan perlu membuat keputusan setiap hari, tidak boleh menanti perbahasan Parlimen pada satu-satu sesi sebelum kerajaan mengambil tindakannya. Jadi apabila kerajaan sudah mengambil tindakan, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju, tidak mengapa. Suarakan ketidaksetujuan tersebut dan kerajaan akan mengambil kira apabila perlu dan di mana perlu.

Itu penting kerana saya lihat ada beberapa perkara yang telah dihujahkan dalam pelbagai perbincangan kita di peringkat dasar, di peringkat jawatankuasa, kementerian MOT umpamanya. Pengangkutan mengenai AirAsia dan MAS yang telah pun dibuat keputusan oleh kerajaan. Jadi kalau tidak bersetuju tak apa suara tetapi taklah perlu marah-marah sangat, tak perlu marah-marah. Kita terima perbezaan ini. Kerajaan telah mendengar segala rintihan, kekecewaan, kerajaan dengar.

Ini tanggungjawab Yang Berhormat untuk menyuarakan. Tanggungjawab kerajaan ialah membuat keputusan mengikut kerajaan adalah yang terbaik. Kita tidak semestinya pada semua perkara yang diputuskan oleh kerajaan merupakan titik-titik persamaan. Ada bezanya dan apabila bezanya ini berlaku, maka kita terima.

Kita kena terima, kerajaan perlu meneruskan urusan pentadbirannya, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bersuara sekiranya tidak berpuas hati dan suara ini sudah didengar begitu lantang, begitu jelas. Tidak ada yang pekak di sini yang tidak mendengarnya tetapi setengah-setengah perkara perlu diteruskan. Ini saya nak cakap supaya kita mengetahui peranan kita masing-masing. Janganlah kita ingat apabila kita berhujah maka kerajaan perlu menukarnya kerana hujah kita yang berbeza. Jadi saya rasa kalau kita menerima hakikat yang sedemikian, maka kita akan bersama-sama sehaluan, *insya-Allah*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh saya menyampuk di sini?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Sri Gading menyampuk, saya kadang-kadang terpaksa memekakkan telinga. Sila, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tan Sri, takkanlah Tan Sri tak suka juga mendengar hujah saya Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Cuma respons kepada Yang Berhormat Menteri kata tadi. Dia kata tidak ada yang pekak di sini. Saya sering kali memekakkan telinga kerana kalau saya dengar semua, tidak ada boleh kita bermesyuarat. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tan Sri, sahabat saya Timbalan Menteri Kewangan ini seorang yang bijaksana. Saya kagum dengan beliau punya pertuturan, bahasa yang diatur begitu indah. Ahli-ahli Parlimen setuju kerajaan membuat keputusan, setuju malahan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional kecuali di pihak sana. Ahli-ahli Parlimen di sini ada tanggungjawab yang dipikul bagi pihak rakyat Tan Sri. Kita memang tidak sekali-kali mahu menentang, mengubah apa yang diputuskan oleh kerajaan dan kita amat faham keputusan kerajaan untuk kepentingan kerajaan, negara dan rakyat. Kita amat faham Tan Sri, tersangat faham Tan Sri. Kita menyokong bukan kata orang 10 peratus atau 20 peratus malahan kalau boleh diterima, 101 peratus.

Itu jelas Tan Sri cuma kadangkala pemikiran kami hasil daripada yang disampaikan oleh rakyat. Ada keputusan-keputusan kerajaan yang mungkin kalau tidak diberikan pandangan, akan menyebabkan kerugian kepada negara dan rakyat. Jadi apabila kata Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bantah bantahlah, nak tentang tentanglah tapi kerajaan tetap dengan keputusan. Okey. Akur. Cuma dalam hal ini, dalam negara yang demokrasi seperti ini Tan Sri, kita dinilai oleh rakyat Tan Sri. Jadi kalau...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini dah lebih masa perbincangan...
[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Saya masih menunggu apa soalan Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tan Sri buat-buat pekak kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia memulakan dengan mukadimah Tan Sri, apa salah saya juga dengan mukadimah? Jadi kalau... [Dewan riuh] biarlah saya. Apa masalah Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya ini Tan Sri, memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Sri Gading. Tidak sepatut Timbalan Menteri naik 'syeh' malam ini seolah-olah macam kita ini "*hangpa nak bantah, hangpa nak bangkang ikut hangpa tapi kami tetap*". Jadi, kita berikan pendapat dan pandangan yang kita minta ialah jawapan yang jujur daripada kerajaan. Setuju tak setuju Yang Berhormat Sri Gading? Kita minta jawapan yang jujur daripada kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pokok Sena ini Tan Sri...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat mana yang Yang Berhormat gunakan sekarang ini?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi isunya ialah apabila kerajaan tidak memberikan jawapan-jawapan yang jujur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Dia dah melanggar peraturan Tan Sri. *Floor* ini *floor* saya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan ada unsur-unsur penyelewengan dan sebagainya. Takkan kerajaan nak mempertahankan juga unsur penyelewengan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Floor* saya yang dibenarkan oleh Timbalan Menteri dan juga Tan Sri Speaker.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini yang kita bangkit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pokok Sena, sudah Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita bukan berucap berasaskan kepada emosi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Pokok Sena duduk, Menteri sudah berdiri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Boleh saya jawab? Saya rasa saya sudah dapat apa Yang Berhormat nak katakan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya Yang Berhormat Sri Gading. *Floor* dia Yang Berhormat.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasihlah. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya punya mukadimah ini belum dapat saya buat kesimpulan untuk difahami oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya dan Timbalan Menteri tidak akan sekali-kali bertentangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading, celahan ini adalah ehsan daripada yang sedang berhujah.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak sekali-kali bertentangan cuma kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kami tak pekak, bahasa ini bukan satu bahasa yang lunak kami dengar Tan Sri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kejap saya hendak terangkan. Kami penyokong kerajaan yang menegakkan kerajaan jadi pandangan-pandangan kami okeylah kalau tak nak terima, tidak apalah. Cuma kami berpuas hati menyampaikan apa yang disuarakan oleh rakyat di sini. Jadi saya harap jangan ada salah faham daripada pihak kerajaan kepada penyokong-penyokong kerajaan dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kenapa panas-panas sangat ini?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kami tidak sekali-kali nak merosakkan nama baik kerajaan, hendak menentang keputusan kerajaan. Tidak. Cuma apakah tidak boleh agaknya di sana sini kalau ada kebenaran hujah-hujah kami untuk diperbetulkan kalau agaknya terdapat kelemahan-kelemahan yang mungkin boleh diperbetulkan untuk kepentingan rakyat dan kerajaan. Terima kasih Tan Sri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta Menteri tarik baliklah apa yang dia kata tadi itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung hujah esok?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Okey, okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau sebelum itu minta Timbalan Menteri tarik baliklah apa yang dia kata itu. Tak sepatutnya. Saya sokong Yang Berhormat Sri Gading itu, luahan Yang Berhormat Sri Gading itu tadi.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tak ada tak adalah Yang Berhormat Pokok Sena. Duduk Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya sambung esok.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini di tangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 3 November 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.